

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 53

Khamis

19 November 2015

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN		(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG:			
Rang Undang-undang Perbekalan 2016			
Jawatankuasa:-			
Jadual:-			
Maksud B.21		(Halaman	27)
Maksud B.22		(Halaman	71)
Maksud B.23		(Halaman	129)
USUL-USUL:			
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat		(Halaman	26)
Anggaran Pembangunan 2016			
Jawatankuasa:-			
Maksud P.21		(Halaman	27)
Maksud P.22		(Halaman	71)
Maksud P.23		(Halaman	129)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Khamis, 19 November 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan adakah kementerian berhasrat menubuhkan unit khas memantau harga barang di kawasan luar bandar yang dilaporkan sering dimanipulasikan oleh peniaga.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat dari Tanah Merah yang telah mengajukan soalan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melantik Pegawai Pemantau Harga bermula pada bulan April 2008 untuk membuat pemantauan ke atas pasar raya besar, pasar raya, *hypermarket*, pasar besar, pasar basah, pasar mini dan kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara.

Seramai 1,175 Pegawai Pemantau Harga telah dilantik untuk membuat tinjauan ke atas premis-premis tersebut agar para peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang dengan sesuka hati. Pemantauan ini dibuat di kawasan bandar dan juga di kawasan luar bandar. Pemantauan harga di premis-premis perniagaan di seluruh negara dijalankan setiap hari di pasar raya besar, pasar raya, *hypermarket*, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam dan kedai runcit.

Manakala pemantauan ke atas premis makanan siap masak dijalankan setiap bulan yang merangkumi premis-premis seperti restoran Melayu, restoran Cina, restoran India Muslim, medan selera juga *food court* bagi memastikan peniaga tidak mengambil untung yang berlebihan. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai laporan trend harga barang dan tindakan penguatkuasaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 2,669 pegawai penguat kuasa yang kita ada dan 2,200 yang ada di lapangan juga akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan

orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar pagi dan pasar tani untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan. Ini adalah tindakan berterusan dalam usaha melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika.

Pemantauan turut mendapat kerjasama daripada skuad pengguna, daripada penghulu, penggawa, ketua masyarakat dan juga badan bukan kerajaan iaitu NGO untuk memantau dan menyebarkan maklumat mengenai aktiviti perniagaan serta trend harga bagi membantu pihak kementerian di dalam kita melaksanakan pemantauan di bandar dan juga luar bandar. Terima kasih.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih. Semoga usaha gigih oleh KPDKKK akan membawa hasil. Soalan tambahan saya ialah manipulasi ini dikatakan berlaku disebabkan oleh sikap peniaga yang mengambil kesempatan apabila bahan bakar naik di hujung bulan.

Setakat ini, apakah tindakan KPDKKK dalam memastikan peniaga tidak menaikkan harga secara melampau atas alasan hendak menampung kos pengangkutan? Dalam waktu yang sama, tidakkah KPDKKK berhasrat untuk mewujudkan kelab pengguna walaupun tadi ada mention 'Skuad Pengguna'? Akan tetapi tidakkah KPDKKK berhasrat untuk mewujudkan kelab pengguna di kawasan luar bandar yang mana mereka turut bertanggungjawab untuk melaporkan kepada penguat kuasa kementerian jika ada peniaga yang memanipulasikan harga barang. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Kementerian mengakui memang ada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan apabila kenaikan bahan api ini diumumkan oleh kerajaan, apabila ada sedikit kenaikan pada hujung bulan. Akan tetapi bila ada penurunan, tidak ada juga harga yang diturunkan. Kita akui memang kesempatan ini diambil. Oleh itu, kita sentiasa mengadakan penguatkuasaan daripada yang saya sebut tadi ada di lapangan untuk meninjau dan membuat pemeriksaan di bawah Ops Catut. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini kita telah ada pemeriksaan daripada penguat kuasa ini mulai dari awal Januari 2015 sehingga kini kita sudah ada 1,759,385 pemeriksaan di seluruh negara.

■1010

Jadi, kita sentiasa memantau. Oleh kerana memang ada peniaga yang baik, ada peniaga yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan apabila bahan bakar ini diumumkan sedikit kenaikan oleh kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi seluruh pemeriksaan dan juga pemantauan yang kita buat, kita telah membuat sejumlah rampasan yang begitu banyak. Sejumlah RM1,243,586 rampasan yang kita buat hasil daripada tindakan di bawah Ops Catut. Kompaun yang kita kenakan kepada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan ini di dalam pelbagai kesalahan sebanyak RM889,206 iaitu kompaun yang kita kenakan.

Mengenai dengan soalan kedua, mengenai dengan kelab. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri telah menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan.

Jadi, untuk sementara waktu ini kita ada 11 medium penyaluran aduan yang boleh digunakan oleh pengguna untuk menyalurkan dan juga membuat aduan kepada KPDNKK.

Pertamanya ialah portal e-Aduan KPDNKK. Ini mereka boleh ambil untuk membuat aduan. Keduanya, talian *hotline* 1-800-886-800. Ketiga ialah membuat surat kepada KPDNKK. Keempat, e-mel dialamatkan kepada e-aduan@kpdnkk.gov.my. Ini juga boleh digunakan oleh orang ramai, pengguna. Yang lainnya ialah aplikasi telefon pintar iaitu MyKIRA GST juga boleh digunakan untuk membuat aduan. Aplikasi telefon pintar Ez-ADU KPDNKK, peti aduan pengguna yang ditempatkan di pasar raya dan juga di pasar awam.

Pasar-pasar besar kita ada letak peti-peti aduan yang boleh digunakan oleh orang ramai apabila membuat pembelian dan merasakan ketidakpuasan hati di atas harga-harga ini, boleh mereka membuat aduan. Peti aduan yang telah kita sediakan. Yang lain ialah pejabat-pejabat penghulu. Kita ada juga aduan pusat aduan bergerak. Orang ramai juga boleh SMS ke 15888. Kesebelas ialah media sosial melalui *Twitter* dan juga *Facebook* KPDNKK. Ini adalah medium penyaluran aduan-aduan yang boleh digunakan oleh pengguna untuk membuat aduan kepada kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Kementerian mungkin hanyalah boleh pantau dari segi kenaikan ataupun penurunan barang itu kepada barang kawalan. Akan tetapi mengenai barang-barang lain ia agak subjektif. Inilah yang dimanipulate oleh peniaga-peniaga. Akan tetapi sebab itu juga berlaku juga kenaikan perbezaan antara wilayah dan daerah. Mungkin harga yang ada di Bukit Bintang berbeza dengan Bukit Gantang. Perbezaan itu. Jawapan yang diberikan juga oleh peniaga ialah masalah mereka dapat daripada pembekal itu yang sudah sedia mahal. Macam mana mereka hendak menjual harga yang lebih murah ataupun harga yang kita anggap sebagai tidak mahal.

Maka, dengan sebab itu apa pandangan daripada kementerian supaya soal pembekal ini mesti diatasi dahulu untuk memastikan berlakunya kestabilan harga kepada pengguna. Kalau tidak, sampai bila pun tidak akan selesai. Kita akan bicarakan setiap kali berkenaan kenaikan harga barang di dalam Dewan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih sahabat saya daripada Bukit Gantang di atas soalan tambahan. Memang kita akui seperti sebelum ini saya memberi jawapan kepada Dewan yang mulia ini juga mengenai dengan penglibatan, terutama sekali kementerian. Kita mengadakan pertemuan dan juga perbincangan dengan seluruh peniaga, terutama sekali ialah pengeluar. Kedua ialah pemborong. Ketiga ialah peruncit.

Jadi, kita memang mengetahui seperti apa Yang Berhormat sebut tadi, peruncit terpaksa menjualkan dengan harga untuk mendapat keuntungan. Jadi, sebab itu sekiranya ada aduan yang dibuat oleh pengguna mengenai dengan peruncit tersebut, mengenai dengan harga-harga yang telah dijual oleh peruncit, kita akan membuat lawatan dan memberi notis kepada peruncit ini untuk memberi maklumat kepada kita dalam tempoh tujuh hari. Kenapa harga yang telah

dijualkan seperti Yang Berhormat sebut tadi berbeza? Di tempat ini lain, di tempat ini lain, di kedai dia pun lain. Jadi, dia mesti beri jawapan.

Daripada jawapan tersebut mungkin kerana dia mendapat bekalan daripada pemberong dengan harga yang tertentu. Kita merasakan mungkin harga itu tidak munasabah, kita akan berjumpa dengan pemberong dan memberi notis kepada pemberong untuk memberi penjelasan kepada kita. Mungkin juga pemberong ini pula akan menyebut kerana dia mendapat daripada pengeluar dengan harga ini. Dia pun hendak untung.

Jadi, kita akan berjumpa dengan pengeluar untuk– dan memberi notis memberi penjelasan kepada kita. Jadi bermakna, katakan daripada pengeluar, pemberong dan juga peruncit. Ini kerana kita merasakan bahawa di tiap-tiap peringkat ini dia hendak mendapat keuntungan. Akan tetapi kita hendak memastikan supaya keuntungan itu adalah keuntungan yang munasabah dan boleh diterima oleh pengguna.

Jadi, mungkin kalau kata di Bukit Gantang, peruncit tersebut mesti menjelaskan kenapa harga dia begini-begini setelah diberi aduan, kerana pengangkutan, itu, ini dan sebagainya. Dia mesti menjelaskan kepada kita dalam tempoh tujuh hari. Kalau dia tidak jelas, bermakna kata selepas itu saman akan kita keluarkan kepada peruncit, pemberong dan juga pengeluar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang soalan tambahan kepada KPDKKK. Syabas dan tahniah saya hendak ucapkan. Memandangkan ini adalah musim tengkujuh, musim banjir, ini agak soalan tambahan yang berbeza sedikit. Apakah perancangan kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri agar memastikan harga barang-barang tidak naik dengan sewenang-wenangnya?

Memandangkan musim banjir, lazimnya bukan setakat perkara-perkara yang seperti ikan basah, seperti sayur, mahal. Kadang-kadang yang kering, yang tidak ada kena mengena pun ada pihak yang akan mengambil kesempatan. Ini memandangkan Biro Kebajikan UMNO yang sentiasa berada di luar untuk membantu masyarakat dalam banjir ini, bencana alam ini, jadi saya hendak tanya dengan kementerian, apakah perancangan kementerian untuk memastikan supaya tidak ada mana-mana pihak mengambil kesempatan. Apatah lagi mangsa banjir yang tengah susah dan mereka juga akan memberi mudarat kepada mereka. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih sahabat saya daripada Baling yang telah mengemukakan soalan tambahan. Memang kita akui dan untuk makluman Dewan ini, kementerian telah pun bersedia. Kita telah mengadakan perbincangan dan juga memastikan, terutama sekali pengusaha-pengusaha yang berada di kawasan-kawasan yang selalunya terlibat dengan banjir. Jadi, kita telah mengadakan pertemuan dan kita hendak pastikan bekalan-bekalan barang keperluan harian sama ada bekalan, terutama sekali bekalan barang kering mesti mencukupi.

Sekiranya berlaku banjir di kawasan tersebut dan mungkin bekalan dari kawasan tertentu ataupun peniaga di kawasan itu tidak dapat disalurkan, kita telah pun mengadakan pertemuan dengan pengusaha-pengusaha yang berada di luar daripada kawasan-kawasan yang selalunya berlaku banjir. Jadi, kita telah mengarahkan pengarah-pengarah ataupun pegawai-pegawai KPDNKK di seluruh negara di tiap-tiap negeri untuk memastikan dan melihat daripada sekarang barang-barang keperluan yang selalunya digunakan semasa musim banjir berlaku di seluruh negara.

Ini kerana kita mempunyai pengalaman, kerana seperti Yang Berhormat sebutkan tadi banjir ini berlaku pada tiap-tiap musim, bila musim tengkujuh dan sebagainya. Jadi, kita telah mempunyai pengalaman dan daripada pengalaman itulah yang harus diambil oleh pegawai-pegawai kementerian di seluruh negara untuk membuat persediaan bagi memastikan bekalan barang-barang kering dan mungkin barang basah, bergantung kepada keadaan dan suasana di tempat tersebut. Akan tetapi barang-barang kering ini yang kita pasti mencukupi dan ada bekalan dari kawasan-kawasan yang berdekatan untuk membantu. Terima kasih.

■1020

2. Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan dengan terperinci jumlah bilangan kelulusan pinjaman PTPTN kepada pelajar-pelajar IPT untuk tahun 2015. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memudahkan proses permohonan dan pengeluaran pembiayaan PTPTN kepada pelajar-pelajar.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:
Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur atas soalan yang berkaitan dengan PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tempoh Januari sehingga 30 September 2015, sebanyak 100,683 pinjaman telah diluluskan dan diterima oleh peminjam melibatkan jumlah pinjaman RM2.08 bilion sehingga tamat pengajian. Antara langkah-langkah yang diambil bagi mempermudahkan proses permohonan pinjaman adalah melaksanakan permohonan secara atas talian sepenuhnya bermula pada tahun 2008.

Melalui keadaan ini, permohonan boleh dilakukan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian pinjaman berdasarkan tarikh proses yang ditetapkan. PTPTN juga dapat menjimatkan kos kerana tidak lagi perlu hadir ke institusi pendidikan tinggi (IPT) untuk penjualan borang permohonan dan taklimat pengisian borang permohonan. Permohonan diluluskan dalam tempoh lima hari dari tarikh proses dan selanjutnya peminjam boleh menyerahkan dokumen tawaran pinjaman di mana-mana kaunter PTPTN di seluruh negara.

Perkhidmatan *email blast*, dengan izin juga dilakukan bagi memaklumkan mengenai status permohonan pembiayaan. Melalui tahun 2010 pengeluaran pembiayaan kepada peminjam telah dibuat melalui *direct debit* dengan izin. Melalui kaedah ini, pembayaran wang pinjaman disalurkan terus ke akaun pelajar berbanding sebelum ini di mana pembayaran dibuat ke akaun Bendahari IPT yang kemudiannya mengkreditkan ke akaun pelajar. PTPTN dari semasa ke semasa akan terus memperbaiki perkhidmatannya dan melaksanakan pendekatan-pendekatan

yang lebih baik bagi memastikan pelajar-pelajar memperoleh bantuan kewangan bagi meneruskan pengajian. Sekian, terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih ke atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah yang pertama, adakah PTPTN sudi mengkaji untuk memperhalus lagi proses permohonan tersebut. Seperti mana yang diketahui umum, peminjam-peminjam perlu mengemukakan dokumen sokongan. Kadang-kadang dua hingga tiga helaian salinan dan ada yang perlu empat helaian salinan. Dokumen-dokumen ini agak banyak bukan sedikit. Jadi adakah mereka perlu atau boleh menghantar dokumen ini secara *online* juga? Ini adalah satu proses yang lagi menyenangkan permohonan-permohonan tersebut.

Kedua, isu yang saya hendak bangkit adalah apakah keperluan PTPTN syaratnya untuk membuka akaun SSPN-i yang mana selepas permohonan diluluskan peminjam boleh menutup akaun tersebut. Jadi ini satu lagi langkah yang menyebabkan peminjam ini perlu pergi ke bank, walaupun ada beberapa buah bank yang dibenarkan membuka akaun ini tetapi mereka perlu buka akaun yang tidak perlu digunakan. Jadi apakah rasional untuk keperluan ini?

Penting sekarang ialah peminjam yang ada bayaran tertunggak yang ingin menukar perjanjian konvensyen mereka kepada sistem ujrah, mereka perlu menyelesaikan sekurang-kurangnya separuh jumlah yang tertunggak. Ini adalah satu beban kebanyakan mereka tidak ada kemampuan. *[Dewan riuh]* Ya, ini betul. Ini banyak yang hendak tukar kepada ujrah tidak dapat berbuat demikian kerana syarat tersebut.

Jadi adalah saya hendak tanya adakah kementerian ataupun PTPTN sudi melonggarkan syarat ini agar benarkan mereka untuk menukar kepada sistem ujrah ini yang mana faedah adalah satu peratus. Konvensional faedah kepada dua atau tiga peratus ini membebankan mereka. Mereka sedang baru keluar bekerja perlu menanggung PTPTN bayaran dan sekarang hendak tukar kepada ujrah pun ada syarat. Jadi ini adalah penting kerajaan bagilah membenarkan mereka tukar kepada sistem ujrah tanpa syarat ini. Ini adalah sangat penting. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: ...Tidak rasa itu penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: Akan tetapi ini sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu. Duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: Ya. Terakhir sekali ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah Yang Berhormat, duduk.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: Ada lagi satu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab suka saya ingatkan, sebenarnya soalan tambahan ini tidak boleh

lebih daripada satu soalan. Menyoal juga ialah kita menyoal kepada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri itu lebih *expert* kerana jawapan. Kalau kita menambah maklumat seolah-olah kita lebih tahu, janganlah kita soal.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: Saya perlu bagi latar belakang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk, Yang Berhormat Ipoh Timur duduk.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]: Untuk sistem itu...

Seorang Ahli: Tidak faham bahasa Melayu, bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang cakap bodoh? Jangan cakap bodoh. Kalau tidak saya keluarkan juga. Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Respons saya kepada Yang Berhormat Ipoh Timur adalah seperti yang saya sudah jawab tadi bahawa PTPTN sentiasa memperbaiki perkhidmatannya dan semua cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur akan diambil maklum dan di mana PTPTN ada ruang untuk peningkatan. Jadi Kementerian Pendidikan Tinggi akan mengambil usaha untuk melihat sejauh mana peningkatan dapat diperbaiki lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mahu dengar suara daripada wanita, lembutkan sedikit supaya keadaan panas ini turun suhu sedikit. Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan melalui kementerian mempunyai perancangan untuk membolehkan pembayaran PTPTN ini menggunakan akaun KWSP dan juga adakah kementerian ada bercadang untuk memansuhkan pinjaman PTPTN pada pelajar diploma dan juga sarjana yang tamatkan pengajian mereka dengan kelas pertama? Apa pun Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua *looks very handsome today*, dengan izin. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, suhu lima darjah turun secara automatik. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa kedua-dua perkara dalam perbincangan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua boleh satu? Satu soalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah saya panggil soalan ketiga. Kecuali Yang Berhormat juga mahu keluar sekejap mahu minum teh tarik. Sila duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

3. **Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan setakat manakah bekalan makanan seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan yang dikeluarkan dalam negara ini dapat memenuhi permintaan rakyat negara ini dan nyatakan jumlah import bekalan makanan bagi permintaan rakyat negara ini serta langkah kerajaan meningkatkan pengeluaran sektor agromakanan bagi mencapai dan memenuhi tahap sara diri.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab bersama dengan soalan Yang Berhormat Bukit Katil memandangkan kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan Yang Berhormat Sabak Bernam, terima kasih. Ingin saya maklumkan bahawa tahap sara diri atau *self-sufficiency level (SSL)* bagi beras, sayur-sayuran, buah-buahan dan daging lembu, kerbau dan ayam pada tahun 2014 adalah seperti berikut.

■1030

Bagi beras, tahap sara diri kita lebih kurang 71.6%, sayur-sayuran kira-kira 90%, buah-buahan hampir 100% iaitu 99.8%. Bagi daging, lembu kita agak sedikit iaitu bawah daripada 30% manakala ayam melebihi iaitu 104%. Ingin saya maklumkan juga bahawa pada tahun 2014, bil import makanan kita ataupun jumlah import makanan kita ialah sebanyak RM42.6 bilion. Pada tahun ini, kita belum dapat suatu data yang lengkap tetapi sehingga bulan Jun 2015 ialah sekitar RM21.44 bilion.

Mengenai soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bukit Katil, sehingga bulan Julai kerana kita belum lagi mendapat maklumat yang lengkap sehingga hujung tahun. Dari segi jumlah import makanan akibat daripada penurunan nilai mata wang kita berbanding dengan Amerika Syarikat, tidak banyak berubah. Ini kerana ada faktor-faktor lain. Ini kerana kita mengimport makanan itu bukan semestinya kita memerlukannya tetapi ada pilihan-pilihan lain dan sebagainya kecuali beras kita anggarkan bahawa terdapat sedikit impak kepada nilai wang yang terpaksa dibayar oleh pengimport beras. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Sabak Bernam.

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu marilah kita mengalu-alukan kehadiran 36 orang AJK PIBG dan guru-guru SMK Pekan Dungun Terengganu, terima kasih dan tahniah. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, unjur an permintaan komuniti makanan utama negara menunjukkan jumlah permintaan makanan melebihi pengeluaran iaitu 12,974 tan diperlukan. Sedangkan pengeluaran hanya pada kadar 9,096 tan pada tahun 2015.

Dijangkakan pada tahun 2020 daripada 14,900 tan berbanding pengeluaran hanya 11,175 tan. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang mewujudkan dasar sekuriti ataupun keselamatan makanan supaya negara tidak akan bergantung kepada import semata-mata dan apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan hasil pertanian seperti padi, buah-buahan dan juga sayur-sayuran yang turut meningkat mutu hasil pertanian yang dihasilkan. Juga

saya bertanya kepada kerajaan, bagaimanakah untuk membendung kenaikan harga barang makanan pertanian ini sedangkan dalam harga di ladang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Apakah kempen yang menghapuskan orang tengah itu berjaya? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan dari Yang Berhormat Sabak Bernam yang saya kira Yang Berhormat Sabak Bernam telah menunjukkan keprihatinan yang mendalam kepada isu makanan dan sebagainya. Sebenarnya sejak dahulu lagi memang kerajaan sentiasa peka dan prihatin tentang perlunya suatu kekuuhan kita dalam jaminan kecukupan makanan untuk negara kita. Kalau kita lihat pun, sekarang ini banyak perubahan. Kalau dahulu beras kita hanya sekadar 50% yang kita hasilkan itu mencukupi untuk rakyat negara kita. Sekarang ini sudah sampai ke tahap 70%.

Namun begitu, kita pun percaya bahawa 70% tidak mencukupi. Kita hendak sampai ke tahap yang lebih tinggi daripada itu. Sebab itu, beberapa program yang kerajaan telah buat termasuk membuka jelapang-jelapang padi baru termasuk kawasan Tuan Yang di-Pertua di Kota Belud, juga di Batang Lumar, di Rompin, di Pekan dan sebagainya adalah merupakan sebahagian daripada strategi yang dibuat oleh kerajaan untuk membuka lebih banyak kawasan-kawasan baru. Program-program lain seperti Taman Kekal Pengeluar Makanan di seluruh negara sekarang ini ada 70 Taman Kekal Pengeluar Makanan.

Kita telah mengenal pasti beberapa kawasan seperti untuk akuakultur, untuk ladang kontrak dan Program *Entry Point Program* untuk herba, untuk tanaman-tanaman tertentu, penternakan dan sebagainya. Ini adalah merupakan strategi untuk mengurangkan pergantungan kita kepada import. Jadi dalam soal ini, import tetap ada kerana ianya bertujuan untuk memberi pilihan kepada rakyat misalnya kalau tahap buah-buahan tempatan sudah mencukupi tetapi kita tidak boleh menghalang kalau orang hendak import atau pun hendak makan buah kiwi, hendak makan epal, hendak makan anggur yang kita tahu bahawa tidak ada kemampuan untuk negara kita mengeluarkannya sendiri kerana faktor cuaca, iklim dan sebagainya.

Kita tahu bahawa import masih datang lagi misalnya ayam daripada China, Brazil dan sebagainya. Walaupun ayam kita pada asasnya mencukupi kerana ada import itu dia memberi pilihan untuk rakyat kita makan dan ianya membantu untuk menurunkan harga pasaran pada keseluruhannya. Pemasaran ya, pada tahun ini kita hendak buat sambutan ulang tahun ke-50 FAMA kita ada besar-besaran di Dataran Merdeka pada 4-6 Disember ini. Ia adalah merupakan suatu cara yang tersusun yang kita buatkan untuk rakyat melihat bahawa program pemasaran kita sudah mencapai tahap yang lebih sistematik berdasarkan pada yang lepas.

Kita tahu bahawa harga ladang lebih murah daripada harga pasaran secara logiknya memang begitu. Kalau tidak, tidak ada orang yang hendak jual di luar kalau tidak dapat keuntungan tetapi kita tahu bahawa antara yang menjadikan terlalu mahal kerana ada orang tengah dan sebagainya. Ada program bagaimana untuk mengelakkan keterlaluan harga disebabkan orang tengah.

Jikalau kita lihat sekarang ini Program Karavan Tani. Anak-anak muda diberikan kemudahan untuk mendapatkan karavan dengan harga yang murah, kerajaan bagi lagi duit pada

dia. Sudah ada lebih kurang 200 karavan yang bergerak pada hari tersebut, 200 ini sebagai aset dalam sistem pertahanan *food security* ataupun jaminan makanan kita akan kita dapat lihat bersama bahawa ia akan berkembang bagaimana untuk meningkatkan keupayaan pemasaran kita Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebelum saya panggil seorang untuk bertanya, saya suka ingatkan kepada Peraturan Mesyuarat 24(3). Speaker boleh membenarkan soalan tambahan 3 kalau perlu. Tetapi soalan tambahan itu menurut Peraturan Mesyuarat 24(3) dia bersyarat iaitu, “*Apa-apa pertanyaan tambahan tidaklah boleh terdiri daripada beberapa pertanyaan atau gabungan beberapa pertanyaan*”. Sekarang ini telah menjadi budaya kita bahawa apabila kita keluarkan soalan tambahan berlingkar-lingkar itu soalan.

Jelas tidak dibenarkan peraturan mesyuarat begitu juga saya suka ingatkan kepada menteri yang menjawab. Kalau soalan itu memerlukan tidak, tidak salah kalau cakap tidak satu perkataan duduk kalau ia cakap begitu. Supaya kita tidak menghabiskan masa, oleh sebab sekarang baru soalan ketiga belum ada soalan tambahan. Banyak lagi soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh teman-teman yang lain perlu juga dijawab. Sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ingin membuat soalan tambahan yang *precise* ya Tuan Yang di-Pertua. Dengan pertambahan penduduk antara 3% hingga 4% *natural growth* kita dan juga kedatangan orang luar ke negara kita untuk bekerja dan sebagainya dalam jumlah yang besar yang datang daripada negara yang beras dan nasi juga makan ruji mereka. Adakah pertambahan kawasan jelapang padi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, setimpal dengan pertambahan penduduk di negara ini dan kalau sama ada ia boleh mencapai tahap yang dihajatkan iaitu negara kita mencukupi dengan hasil dalam negara sendiri. Terima kasih.

■1040

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Kalau jawapannya jawapan mudah, ya tetapi izinkan saya memberikan sedikit penjelasan di sini bahawa. ..

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Soalan tambahan cantik, jawapan itu beri lebih cantik lagi. Tidak payah panjang lebar. Sila.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, kalau diikutkan sebenarnya kalau dikatakan jelapang padi yang sudah sedia ada di MADA di KADA, IADA seperti di barat Selangor, Perak Tengah dan sebagainya, ada isu yang mengatakan ia sebenarnya sudah memadai. Apa yang menjadi masalah, kerana *post harvest lost* ataupun kehilangan selepas penuaian iaitu terdapat kadar *inefficiency* yang agak tinggi. Misalnya di Kelantan di kawasan Yang Berhormat Kuala Krai misalnya pengeluaran padi di sana hanya sekitar antara tiga hingga empat metrik tan per hektar sedangkan di Selangor seperti di Sekinchan boleh mencapai sehingga 12 metrik tan dan ia dianggap lebih efisien di situ. Jadi kalau kita dapat tingkatkan kadar *efficiency* ataupun kesempurnaan di Kelantan, di MADA dan sebagainya sebenarnya itu sudah mencukupi.

Cuma sekarang ini tambahan di Kota Belud, di kawasan Tan Sri Tuan Yang di-Pertua, di jelapang padi di Batang Luper, Pekan, Rompin dan sebagainya kita mesti lihat bahawa satunya, menambahkan *self-sufficiency level* (SSL) tadi tetapi kita mesti melihat dalam perspektif yang lebih luas supaya mereka juga memikirkan untuk menanam padi *variety* yang boleh kita eksport seperti beras Bario.

Harganya RM25 bukan 10 kilogram tapi satu kilogram misalnya. Ini antara orang cari. Beras-beras di Sabah ada beras *brown rice* misalnya yang digemari oleh atlet dan sebagainya. Ini yang perlu kita tingkatkan ertinya, jelapang padi yang sudah sedia ada kalau kita tingkatkan, *efficiency* nya mencukupi. Yang ini adalah tambahan dan kalau boleh kita fikirkan satu masa nanti Malaysia mengeluarkan beras basmathi, beras wangi, beras merah, beras Jepun misalnya dan ini adalah akan membantu untuk meningkatkan pendapatan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil dalam memastikan menjelang 2020 pendapatan pekerja dapat mencapai RM2,500 seperti mana yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuala Langat. Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat berserta dengan soalan daripada Yang Berhormat Jasin pada 24 November 2015 kerana soalan dan isunya adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyasarkan gaji penengah bulanan untuk mencapai tahap RM2,500 sebulan pada tahun 2020 berbanding RM1,575 pada tahun 2014 iaitu merupakan peningkatan tahunan sebanyak 8% setahun. Hasrat ini boleh dicapai melalui pelaksanaan pelbagai langkah termasuklah lima langkah yang bakal saya sebutkan.

Pertama sekali, kerajaan akan lebih selektif dalam menarik pelaburan asing dengan keutamaan diberikan kepada aktiviti berpengetahuan intensif dan berinovasi bagi menggalakkan industri untuk beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi. Langkah ini dapat meningkatkan profil teknologi yang memerlukan pekerja mahir. Ini secara langsung akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang menawarkan gaji yang lebih lumayan.

Kedua, apabila industri beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi, produktiviti buruh dan modal akan meningkat yang akhirnya akan menyumbang kepada kenaikan kadar upah. Di samping itu, peluasan pelaksanaan skim gaji berdasarkan prestasi iaitu Sistem Gaji Berasaskan Produktiviti akan memberikan manfaat kepada kira-kira 3.7 juta orang pekerja pada akhir Rancangan Malaysia Ke-11.

Ketiga, penguatkuasaan yang lebih menyeluruh akan dilaksanakan bagi meningkatkan lagi pematuhan terhadap pelaksanaan gaji minimum. Kadar gaji minimum juga akan disemak semula daripada semasa ke semasa bagi memastikan ia meningkatkan selaras dengan peningkatan kadar produktiviti. Keempat, kerajaan akan turut memperkenalkan Indeks Gaji

Nasional bagi menjadi panduan dan penanda aras kepada majikan dalam menetapkan aras gaji pekerja sesuai dengan kelayakan, kemahiran dan produktiviti.

Kelima, kerajaan juga akan meningkatkan kemahiran pekerja melalui pelbagai latihan, baik kepada lepasan sekolah atau institusi kemahiran atau politeknik ataupun universiti dan di samping itu, mereka yang sudah bekerja juga akan digalakkan untuk meningkatkan kemahiran menerusi pelbagai skim.

Izinkan saya menyenaraikan mungkin lima daripada skim yang kita adakan. Pertama sekali, Skim Bantuan Latihan yang merupakan skim utama di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad ataupun HRDF dan di bawah skim ini, bantuan kewangan berbentuk geran latihan akan diberikan kepada semua jenis program latihan yang bersesuaian dengan keperluan majikan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Melalui skim ini, geran latihan khusus diberi sebagai insentif untuk majikan-majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran bekerja yang bersesuaian dan menepati keperluan perniagaan mereka.

Skim kedua ialah Skim Peningkatan Suri Rumah dan Pengaktifan Semula Bakat ataupun *Housewife Enhancement and Reactivate Talent Scheme (HEART)* dengan izin. Program ini bertujuan untuk melatih suri rumah berpelajaran yang berada di luar pasaran buruh dengan kemahiran khusus bagi membolehkan mereka menyumbang secara aktif kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping mengekalkan status quo sebagai suri rumah.

Ketiga, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) peningkatan tahap. Sistem latihan dual merupakan sistem latihan yang melibatkan pengendalian latihan di dua buah tempat penyediaan latihan iaitu di institusi latihan dan di tempat kerja. Institusi latihan menyediakan pematuhan atas teori manakala latihan di tempat kerja memberi penekanan kepada latihan praktikal dan *hands on*,

Keempat, Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1Malaysia ataupun SKK1M. Ia merupakan salah satu pendekatan di bawah *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* dengan izin, yang diperkenalkan pada tahun 2012 bertujuan untuk menangani isu pengangguran di kalangan graduan institusi latihan kemahiran awam ataupun LKA. Program ini disediakan untuk pelatih institusi latihan kemahiran awam yang telah menamatkan latihan industri tetapi gagal mendapat pekerjaan.

Kelima, *1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat* ataupun *1Master Programme*, dengan izin. Program latihan ini merupakan satu lagi program di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan pada tahun 2014 dan program ini dirumuskan bagi mengoptimumkan penggunaan institusi latihan kemahiran awam dan memaksimumkan penglibatan industri dalam membangunkan tenaga mahir negara. Dan program 1Master Dual-National Dual Training System (NNTS) adalah program SLDN atau Skim Latihan Dual Nasional yang diadun semula bagi memberi peluang kepada pekerja sedia ada dan akan meningkatkan lagi kemahiran mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, melalui langkah-langkah yang dilaksanakan ini, kerajaan berharap agar sasaran gaji penengah bulanan sebanyak RM2500 sebulan akan dapat dicapai di

penghujung tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 dan ia juga diharap akan dapat membantu usaha kita meningkatkan lagi nisbah pampasan pekerja kepada KDNK daripada 34.3% pada tahun 2014 kepada 40% menjelang tahun 2020 setanding dengan negara-negara lain yang lebih maju. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Atas langkah-langkah untuk memastikan sasaran pada 2020 akan tercapai dengan pendapatan per kapita berjumlah RM2,500. Namun demikian, pada baru-baru ini dalam Bajet 2016 telah pun diumumkan gaji minimum penjawat awam RM1,200, gaji minimum swasta RM1,000 manakala Sabah Sarawak RM920.

Dalam lima tahun ini, dalam kerangka yang begitu singkat, saya ingin mendapat kepastian daripada Menteri, apakah boleh sekiranya kerajaan menumpukan perkara tiga yang Menteri jawab tadi, penguasaan tentang gaji minimum untuk ditingkatkan menjelang 2020 sekurang-kurangnya dalam RM2,000 itu mencukupi untuk meyakinkan rakyat pekerja ini bahawa sasaran 2020, RM2,500. Apa pandangan, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang antara langkah-langkah yang penting untuk kita memastikan peningkatan pendapatan untuk rakyat kita adalah dengan pengenalan gaji minimum dan kita akan kaji kadar ini dari semasa ke semasa. Yang terkini akan ditingkatkan untuk Semenanjung Malaysia daripada RM900 sebulan kepada RM1,000 sebulan menjelang 1 Julai 2016. Kita mempunyai satu mekanisme di mana kita mewujudkan *National Wage Consultative Council*, dengan izin yang terdiri daripada mereka di pihak majikan, di pihak *trade union* dengan izin dan di pihak kerajaan dan akan dirundingkan perkara-perkara begini mengikut maklum balas yang akan didapatkan daripada pihak-pihak penyelidik.

Ini memang kita harapkan untuk dinaikkan dari semasa ke semasa. Cuma saya ingin sebutkan di sini bukanlah mudah untuk mencapai satu persetujuan di mana setiap kali perjumpaan *National Wage Consultative Council* ini, mereka yang dipihak *trade union* akan meminta gaji yang sangat tinggi dan malah dan sebaliknya mereka di pihak majikan akan mengatakan mereka tidak mahu menaikkan gaji minimum ini. Di sitolah pentingnya pandangan kerajaan untuk memastikan agar pendapat-pendapat ini dapat dibincangkan dan supaya kita dapat capai satu tahap yang dapat diterima oleh semua pihak.

Jadi memang saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Kuala Langat agar kita perlu meningkatkannya kepada kadar yang lebih tinggi menjelang tahun 2020. Tapi pada tahap berapa itu, itu akan tertakluk kepada hasil rundingan yang bakal dilaksanakan melalui *National Wage Consultative Council* ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk mencapai sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kerajaan menyasarkan pampasan kepada pekerja sebanyak 40% daripada nilai GDP kita berbanding apa yang kita dapat pada ketika ini 34.9% pada tahun ini. Jadi matlamat kita untuk mencapai gaji median RM2,500 bertambah sukar kerana dengan kebanjiran pekerja-pekerja asing yang berjumlah lebih 30% kerana mereka pada ketika ini adalah menekan matlamat kita untuk meningkatkan gaji pekerja kita kerana majikan juga lebih berminat untuk menggaji mereka yang lebih murah.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah cara yang lebih drastik lagi yang patut kerajaan buat dan juga kepada pihak majikan dan swasta bagi menaikkan lagi gaji pekerja? Dan adakah majikan berkemampuan melakukannya kerana berbandingkan kepada produktiviti pekerja kita pada ketika ini adalah 2.6% sahaja berbanding dengan kenaikan gaji mereka 4.2%? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita perlu membuat kajian bagaimana kita boleh mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing. Perkara ini telah banyak kali dibincangkan dalam pelbagai forum PEMUDAH di Mesyuarat Majlis Ekonomi dan yang terkini kita juga banyak membincangkan isu ini di peringkat Jawatankuasa Khas Ekonomi yang saya sendiri pengerusikan dan *review of this foreign labour is actually very important*, dengan izin kerana kita perlu memastikan bahawa harga yang kita bayar kepada *labour* ini merupakan harga yang ekonomi. Jadi apabila kita pastikan bahawa kos untuk menampung kehadiran pekerja-pekerja asing ini di Malaysia ini dapat ditetapkan pada harga ataupun kos yang sesuai. Ini akan mendorong majikan-majikan untuk mengambil pekerja-pekerja tempatan.

Dari segi kemahiran, ini antara perkara yang penting yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas adalah untuk mempertingkatkan kemahiran rakyat kita. Ini sebab itu penekanan terhadap TVET, *Technical Vocational Education and Training* dengan izin adalah amat penting dan kita dapat sebagai contoh kalau kemahiran mereka di peringkat kimpalan pada *certificate* yang rendah, gaji mereka mungkin RM1,500. Tapi apabila mereka diberikan latihan dan *certification* yang lebih tinggi, gaji mereka akan melonjak kepada paras RM3 ribu dan sebagainya.

Jadi ini antara langkah-langkah yang akan kita laksanakan dan seperti yang saya sebutkan tadi telah banyak kali dibincangkan dan *insya-Allah* kita akan tekankan sekali lagi dan akan dilaksanakan. *Insya-Allah*. Terima kasih.

5. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan statistik tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang telah dibuat dari tahun 2012 sehingga terkini, dan berapakah kos sewaktu dalam tahanan dan kos penghantaran pulang PATI yang ditanggung oleh pihak kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari tahun 2012 sehingga 17 November 2015 seramai

174 ribu orang pendatang asing tanpa izin telah ditangkap. PATI tersebut akan ditempatkan di depot tahanan imigresen sementara menjalani proses undang-undang dan menunggu penghantaran pulang ke negara asal. Jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan bagi menampung kos mengurus PATI dalam tahanan dan kos penghantaran pulang PATI ke negara asal pada tahun 2014 sahaja iaitu mulai 1 Januari sehingga 30 Oktober 2015 adalah sebanyak RM29 juta.

Selain itu dasar terkini mengenai urusan penghantaran pulang PATI menetapkan tambang balik dibiayai oleh PATI sendiri atau majikan ataupun perwakilan negara-negara asing atau waris saudara mara PATI. Usaha ini secara langsung akan dapat mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan dan menjamin PATI dapat dihantar pulang ke negara masing-masing. Bagi mengatasi masalah rakyat warga asing yang gagal dihantar pulang ke negara asal disebabkan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah dan enggan diterima oleh negara mereka, kerajaan sentiasa mengadakan rundingan dan kerjasama di antara depot tahanan imigresen dan kedutaan negara masing-masing bagi mempercepatkan proses pengeluaran dokumen penghantaran pulang supaya mereka dapat dihantar segera pulang ke negara asal. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rompin.

Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, apakah status program pemutihan pendatang tanpa izin? Adakah ia masih diperkenalkan atau tidak ketika ini? Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih soalan Yang Berhormat Rompin. Memanglah kita masih mengadakan program pemutihan sama ada melalui 3+1P ataupun 6P tapi setakat ini kalau kita lihat ramai pendatang tanpa izin telah dihantar pulang kerana mereka melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan sama ada mereka, pas mereka sudah tamat tempoh ataupun tempoh mereka untuk menggaji ataupun bekerja di negara kita sudah tamat. Jadi sukar untuk kita meneliti perkara ini tapi walaupun demikian pejabat imigresen akan sentiasa mengadakan operasi untuk menangkap mereka yang telah melanggar syarat tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila disebutkan kerajaan telah berbelanja lebih daripada RM29 juta untuk kos pengurusan pendatang asing yang telah ditangkap 174 ribu. Ini adalah satu angka yang cukup besar. Jadi persoalan saya sejauh mana keberkesanan program 6P yang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini dan apakah perancangan kerajaan untuk memastikan tidak adanya lorong-lorong tikus dan sebagainya yang biasa digunakan oleh pendatang tanpa izin untuk mereka masuk negara kita yang menyebabkan bukan saja beban kepada negara malah kerugian pada negara untuk menanggung kos penghantaran balik? Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih untuk Yang Berhormat Rantau Panjang. Mengenai Program 6P itu memang kita sentiasa mengadakan operasi untuk menangkap mereka yang telah melanggar syarat seperti saya katakan sebentar tadi.

■1100

Jadi untuk soalan yang kedua, termasuk jalan tikus yang banyak terutama negeri saya sendiri Sarawak banyak jalan tikus, bukan tikus sahaja, jalan gajah pun ada. *[Ketawa]* Oleh kerana sempadan itu agak luas, jadi agak sukar untuk kita menempatkan semua anggota imigresen, kastam dan sebagainya. Kita juga bercadang untuk membina CIQ ataupun IQS dan sebagainya untuk membendung, mlarang PATI-PATI masuk ke negara kita. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan tambahan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya di sini. Kita sering melihat ramai pendatang asing di merata-rata tempat di dalam negara kita dengan jumlah yang ramai. Kita juga sering melihat pihak polis menahan mereka, atas apa sebab saya tidak tahu tetapi kita juga tahu bahawa pihak polis sebenarnya tidak ada apa-apa kuasa ke atas pendatang asing kecuali kalau ada pihak imigresen. Jadi apakah sebenarnya kuasa pihak polis sekiranya mereka bertemu dengan pendatang asing tanpa izin? Apakah tindakan yang boleh mereka lakukan? Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Yang Berhormat, saya akan mengambil maklum perkara ini tetapi bila kita mengadakan operasi, polis dan imigresen akan hadir sama, itu sudah pasti. Walaupun pihak polis mungkin tidak ada kuasa untuk menangkap PATI, tetapi oleh kerana imigresen ada, mereka boleh membuat tangkapan terus. Terima kasih.

6. **Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]** minta Menteri Kesihatan menyatakan secara terperinci kontrak di antara Layang Layang Aerospace Sdn. Bhd. dengan Hospital Umum Sarawak semenjak ia dimulakan sehingga sekarang. Senaraikan kos yang terlibat, jenis perkhidmatan serta perkhidmatan yang telah pun dilaksanakan. Jika terlibat dengan penerbangan, senaraikan dari segi jumlah “flight time”, jarak serta jumlah “payload” mahupun jumlah penumpang yang telah pun diterbangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Stampin. Soalan ini berkenaan dengan perkhidmatan helikopter di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan doktor udara di negeri Sarawak merangkumi perkhidmatan penjagaan kesihatan asas oleh pasukan kesihatan bergerak melalui udara, penerbangan kecemasan untuk merujuk pesakit dari satu buah lokasi ke fasiliti rujukan, contohnya dari klinik ke hospital ataupun hospital ke hospital dan bukannya terhad pada Hospital Umum Sarawak sahaja dan perkhidmatan sokongan bagi pengangkutan barang atau anggota untuk kawalan wabak dan urusan rasmi di lapangan.

Tuan Yang di-Pertua, perolehan perkhidmatan ini adalah melalui proses tatacara kewangan kerajaan dan bernilai RM63.6 juta untuk tempoh empat tahun. Jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan *Flying Doctor Service* (FDS) dan *Medical Emergency Evacuation* (MEDEVEC) daripada tahun 2009 hingga 2015 adalah seramai 273,850 orang dan untuk tempoh tersebut jumlah jam penerbangan adalah 11,402 jam.

Walaupun kos per kapita untuk menyediakan perkhidmatan ini adalah tinggi berbanding dengan perbelanjaan perkhidmatan kesihatan yang lain, ia tidak boleh disamakan secara biasa. Jarak lokasi kawasan pedalaman ini mengambil masa antara 5 jam hingga 12 jam perjalanan bagi orang kampung mendapatkan perkhidmatan kesihatan.

Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab kerajaan memberi perkhidmatan demi kesaksamaan bagi penduduk di kawasan pedalaman di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat, saya juga bersetuju kepentingan dengan adanya *air service hospital* ini. Soalan saya, setahu saya terdapat limitasi terhadap helikopter yang sekarang kita gunakan di mana helikopter yang kita gunakan sekarang adalah berklasifikasi *visual flight rules* (VFR).

Setahu saya, sekurang-kurangnya ada satu kes yang memerlukan MEDEVEC di Sarawak, saya pun percaya Yang Berhormat bersetuju. Akan tetapi dengan limitasi helikopter yang kita pakai sekarang, contohnya apabila gejala jerebu di Sarawak di mana helikopter itu tidak boleh terbang. Juga terdapat banyak kes, bukan sahaja jerebu tetapi cuaca tidak berapa baik sahaja ataupun pada waktu malam, helikopter ini tidak boleh dipakai.

Saya percaya terdapat banyak kes trauma terutamanya kemalangan di jalan raya terutamanya di Sarawak. Mangsa mati kerana tidak boleh sampai ke hospital dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Stampin, soalan tambahan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ya, jadi soalan saya Yang Berhormat, adakah kerajaan ada cadangan untuk menggunakan helikopter ambulans seperti yang digunakan di negara lain di mana mereka boleh terbang pada waktu malam dan walaupun pada *visibility* yang rendah, tidak seperti sekarang supaya banyak kes trauma kemalangan jalan raya di Sarawak boleh diselesaikan. Contohnya kalau ada kemalangan dari Kuching ke Sibu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Soalan lah.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ini penting ya. Bagi ambulans dari Sri Aman pergi ke tempat mangsa lebih kurang dua jam, hantar mereka ke Kuching lebih kurang dua jam, jadi empat jam dah buang. Jadi, adakah kerajaan bercadang supaya kita *upgrade* supaya menggunakan helikopter yang lebih canggih demi kepentingan rakyat Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kontrak yang ada sehingga sekarang dah luput sehingga bulan September. Antara sekarang sehingga bulan Disember kita masih menggunakan perkhidmatan yang sama. Sementara itu kita telah pun memanggil tender untuk dua tahun akan datang. Tender-tender ini yang telah dipanggil dan spesifikasi semua telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal helikopter perkhidmatan yang ada memang ada *limitation* nya, saya akui ada *limitation* daripada segi cuaca dan sebagainya, malam tidak boleh terbang. Kawasan penerbangan di Sabah dan Sarawak ini *especially* Sarawak memang kawasan hutan, memang tidak nampak, malam-malam memang tidak nampak.

Jadi di Malaysia belum ada lagi helikopter yang boleh terbang begitu mudah. Kalau dalam bandar okey, kita ada tempat, ada *landmark* tetapi di pedalaman Sabah dan Sarawak memang tidak ada tempat yang kita boleh tanda, mercu tanda yang boleh kita ikut untuk buat *landing*. Setakat ini memang ada *limitation*, saya akui.

Kita sentiasa cuba meningkatkan perkhidmatan kita. Sebenarnya di Sabah dan Sarawak Tuan Yang di-Pertua, jumlah helikopter servis ini, pasukan *flying doctor service* (FDS) yang kita ada makin lama makin kurang kerana terdapat peningkatan dari segi infrastruktur. Tempat yang dulu tidak boleh sampai dengan kereta, dah boleh sampai. Jadi kita dah dapat kurangkan.

Macam contohnya tahun 2013, ada 10 buah pasukan helikopter FDS di Sarawak dikurangkan kepada 9 buah, tahun lepas dan tahun ini Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Labuan. Yang Berhormat Labuan, soalan spesifik.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Ya, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ada kaitan dengan penerbangan dan pesakit-pesakit tetapi bukan di pedalaman, ia di Pulau Labuan yang sekarang ini sudah mempunyai penduduk seramai 100,000 orang.

Sebelum ini ada penerbangan oleh MAS menggunakan *aircraft* 737 dua kali sehari di antara Kota Kinabalu dan Labuan tetapi telah ditukarkan kepada semua ATR oleh *MAS Wing*. Jadi ini membuatkan pesakit-pesakit yang memang selalu terjadi perlu diterbangkan ke Kota Kinabalu kerana kes-kes *emergency* dan sebagainya mengalami kesukaran disebabkan kena naik tangga dan saiz seat yang begitu kecil.

Jadi soalan saya, adakah kementerian merasakan masanya sudah tiba untuk memperlengkapkan Hospital Labuan yang memang sudah lama ditunggu-tunggu supaya pesakit-pesakit di Labuan termasuk kes-kes *emergency* di dalam industri minyak dan gas tidak perlu lagi diterbangkan keluar dari Labuan tetapi boleh dirawat dan diberi perhatian di Hospital Labuan itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain sedikit tetapi tidak apalah, saya jawab jugalah. Memang untuk Sabah, Labuan ini hampir dengan Sabah, kita ada perkhidmatan FDS juga tetapi FDS ini juga *didouble up* sebagai untuk membawa pesakit-pesakit dalam kes *emergency* ke mana-mana hospital yang terdekatlah.

■1110

Dalam hal ini saya ambil perhatian daripada segi cadangan oleh Yang Berhormat Labuan tentang mengadakan satu *emergency service* ataupun meningkatkan *emergency service* daripada Labuan ke mana-mana hospital yang terdekat dan juga meningkatkan perkhidmatan di Labuan, ini saya ambil perhatian. Terima kasih.

7. **Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah status terkini bagi Projek Menaik Taraf Lebuhraya Pasir Gudang fasa 1 dan fasa 2.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Persekutuan 17 ataupun lebih dikenali sebagai FT17 di Pasir Gudang, Johor telah diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu pada tahun 2012.

Projek ini dilaksanakan secara berfasa, jadi fasa pertama melibatkan jajaran Kangkar, Tebrau ke Plentong yang sedang dalam peringkat pembinaan sehingga hari ini telah mencapai kemajuan pembinaan sebanyak 85% setelah dijadualkan semula. Penjadualan semula disebabkan oleh kelewatan berbanding jadual perancangan iaitu sepatutnya projek ini disiapkan pada 15 Januari 2015. Cuma kita, JKR terpaksa memberikan lanjutan masa ataupun EOT untuk kali kedua sehingga 31 Disember 2015. Ini berikutan masalah di luar kawalan kontraktor.

Pertamanya, berkaitan dengan isu pengambilan tanah juga melibatkan perpindahan setinggan dan juga pengurusan trafik sebab laluan ini melibatkan laluan trafik yang agak besar sehingga lebih 140,000 trafik sehari dan juga pengalihan utiliti. Manakala fasa kedua yang melibatkan jajaran Plentong, Sri Alam ataupun Rinting ke Masai. Ini telah pun diluluskan oleh agensi pusat dan anggaran kos projek untuk fasa kedua ini ialah sejumlah RM190 juta.

Berdasarkan perancangan, projek ini *insya-Allah* akan dilaksanakan pembinaannya mulai *first quarter next year*, dengan izin dan akan disiapkan dalam tempoh 30 bulan. *Insya-Allah* surat setuju terima telah ditawarkan kepada kontraktor, diharapkan kontraktor akan bersetuju dengan tawaran yang telah dibuatkan dan Disember ini ianya dapat dimuktamadkan *first quarter next year* untuk dilaksanakan fasa yang kedua. Terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri dan juga kementeriannya kerana sudah beberapa kali turun ke kawasan saya ekoran daripada laporan yang saya hantarkan keadaan *highway* ini.

Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kalau terpanjang sedikit juga Menteri, keadaan lebuh raya ini sangat kritikal dan kalau kita lihat sekarang ini dengan pencapaian 85% seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan yang ada daripada pihak kementerian. Ini kerana kami lihat dari sudut pemantauan utiliti kalau

hendak dikatakan selesai Disember nampak gaya macam tidak boleh selesai Disember ini Yang Berhormat Menteri.

Orang-orang di Pasir Gudang ini sudah marah pada wakil rakyat, jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk bagi kami waktu sebenar yang jalan ini akan disiapkan dan adakah kajian dibuat untuk mengkaji tahap *stress* orang Pasir Gudang kena lalu kerana keadaan jalan yang tidak siap-siap ini. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira rakyat kita khususnya penduduk di Pasir Gudang patut berterima kasih kepada Ahli Parlimen di kawasan ini khususnya di Pasir Gudang termasuk juga di Tebrau yang sentiasa memantau, mengikuti dan menyampaikan maklumat kepada kami di kementerian. Saya sedar bahawa untuk melaksanakan projek ini agak rumit disebabkan keadaan jalan dan saya sendiri akan mengambil tanggungjawab malahan saya memantau secara dekat projek ini dan kelemahan kontraktor dan juga kelemahan di peringkat pengawasan di peringkat JKR Johor yang menjadi pegawai penyelia projek akan kita cuba tangani dan kita mengharapkan agar dapat menyiapkan projek ini seawal mungkin.

Memang benar dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang kemungkinan untuk menyiapkan projek ini pada 31 Disember mungkin tidak tercapai sasarannya dan saya sendiri bila duduk melihat *detail* dengan pihak kontraktor dengan pengawal projek memang saya rasa projek ini paling awal dapat disiapkan mengikut kiraan apa yang ada di lapangan hanya dapat disiapkan seawalnya Februari tahun depan. Akan tetapi saya sedang mencari jalan bagaimana kita dapat menggerakkan kontraktor untuk menambahkan mesin, menambahkan keupayaan pekerjaan supaya dapat dipercepatkan penyiapan projek ini.

Insyah-Allah saya akan sekali lagi akan turun sendiri untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan, kalau tidak maka kita akan mengambil tindakan tegas ke atas kontraktor. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bakri, sila.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang wibawa kerana memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, jika kontraktor tidak boleh siap dalam masa yang ditetapkan, adakah Kementerian Kerja Raya akan tukar kontraktor lain yang lebih cekap, cepat dan cemerlang. Minta penjelasan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat Bakri. Dalam pengurusan projek banyak perkara yang perlu kita ambil. Pertama, kalau kita menamatkan sesuatu projek ataupun menamatkan khidmat kontraktor maka kita terpaksa membuka tender yang baru. Membuka tender maknanya kita bergantung harap dengan apakah jumlah kerja yang tinggal, berapa sudah dibayar dan kita mungkin terpaksa menambah bayaran dari segi peruntukan kewangan.

Ini semua perlu dipertimbangkan disebabkan projek tender akan mengambil masa yang lama untuk proses menyelesaikan pelantikan kontraktor baru. Ini semua diambil kira tetapi apa pun yang kita laksanakan kita akan mengambil satu, dari segi kedudukan kewangan. Kedua, dari segi teknikal dan bagaimana kita dapat membantu kontraktor yang melaksanakan supaya dapat menyiapkan projek tersebut dengan segala sokongan teknikal di peringkat JKR dan sebagainya.

Apa yang penting kita hendak menyiapkan projek ini dalam tempoh dan kewangan yang ada. Kalau terpaksa lanjutkan masa tetapi kontraktor akan didenda kalau ia tidak dapat menyiapkan mengikut waktu dan masa yang ditetapkan. Penting di sini kita kira untuk menyiapkan projek itu mengikut spesifikasi ataupun standard yang ditetapkan dalam perjanjian tersebut. Terima kasih.

8. Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta Perdana Menteri menyatakan dengan spesifik projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di bawah RMKe-11 untuk negeri Kedah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM1,452.5 juta telah pun disediakan untuk melaksanakan projek pembangunan di negeri Kedah Darul Aman. Peruntukan ini meliputi 216 buah projek iaitu 111 projek baru dan 105 projek lama ataupun projek sambungan.

Projek baru ini diberikan peruntukan sebanyak RM719.4 juta manakala projek sambungan diberikan peruntukan sebanyak RM733.1 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM982 juta atau 64.9% diperuntukkan untuk sektor ekonomi terutamanya bagi membiayai projek-projek perdagangan dan perindustrian serta pengangkutan dan sektor sosial pula diperuntukkan sebanyak RM372 juta ataupun 25.6% bagi membiayai projek-projek pelajaran dan latihan, kesihatan serta perumahan. Antara projek-projek di bawah kedua-dua sektor ini adalah:

- (i) Projek Pembangunan 'Rubber City' di Bukit Ketapang;
- (ii) Projek Pembangunan Pelancongan di Pulau Langkawi;
- (iii) pembinaan jalan menghubungkan Lebuh Raya Utara Selatan ke Jambatan Pulau Pinang;
- (iv) pembinaan Sekolah Kebangsaan Agama Jerlun di Kedah;
- (v) pembinaan sekolah berasrama penuh Pendang;
- (vi) pembinaan Hospital Pendang;
- (vii) naik taraf Hospital Baling; dan
- (viii) Program Perumahan Rakyat Kuala Nerang di Padang Terap, Kedah.

Baki peruntukan sebanyak RM138.5 juta pula diperuntukkan untuk sektor keselamatan iaitu sebanyak RM134.2 juta dan sektor pentadbiran sebanyak RM44.3 juta. Sekian, terima kasih.

■1120

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang agak teliti. Cuma saya ingin menyatakan bahawa pada 22 Oktober lalu, saya telah pun bertanya satu soalan iaitu berapakah projek pembangunan yang telah pun diluluskan untuk Kedah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh yang masih belum diselesaikan dan juga untuk memberi penjelasan atas kelambatan. Jawapan yang diberikan kepada saya pada masa itu adalah lebih daripada spesifik 465 program atau projek yang masih belum diselesaikan.

Jadi, persoalan saya adalah, daripada 465 projek yang belum diselesaikan, adakah projek-projek ini akan disambung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas walaupun tadi saya mendengar Yang Berhormat Menteri ada kata 100 adalah projek sambungan. Akan tetapi saya ingin tahu apakah 465 projek yang belum diselesaikan dan kenapa projek-projek ini tidak boleh disambungkan dalam RMKe-11? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi 105 projek disambung pelaksanaannya dalam tahun 2016 dengan peruntukan yang diberikan. Ada juga projek-projek yang tidak dilaksanakan sebelum ini kerana ada isu-isu yang lain yang tidak melibatkan kewangan yang tidak dapat disambungkan. Saya tidak ada maklumat yang baki projek-projek tersebut. Mungkin boleh diberikan kemudian, terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beritulis, projek-projek bertulis kepada saya. Terima kasih.

9. Ir. Sharudin bin Ismail [Kangar] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah faktor yang mendorong penangguhan syarat lulus Bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia yang telah diumumkan baru-baru ini dan apakah bentuk kajian yang telah dijalankan bagi menyokong keputusan yang telah dibuat oleh kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kangar. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan nombor 12 daripada Yang Berhormat Rantau Panjang, sekalikan kerana isunya berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pemantauan data dan kajian simulasi khas berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bermula tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014. Hasil kajian tersebut menunjukkan guru dan murid masih belum bersedia dengan syarat wajib lulus mata pelajaran tersebut.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan dasar wajib lulus bahasa Inggeris pada peringkat SPM pada tahun 2012.

Kajian ini telah melibatkan sebanyak 400 buah sekolah menengah di seluruh negara. Dapatan kajian menunjukkan hanya 48.6% pentadbir sekolah rendah luar bandar bersetuju terhadap dasar wajib lulus bahasa Inggeris SPM. Ini bermaksud, lebih 51% atau dengan tepat sekali 51.4% tidak bersetuju dengan dasar ini.

Kebimbangan mereka adalah berpunca daripada pencapaian murid mereka yang masih membimbangkan iaitu hanya 60% murid lulus bahasa Inggeris. Kebimbangan mereka juga adalah disebabkan sekiranya dasar ini dilaksanakan, ramai murid sekolah luar bandar akan menjadi mangsa gagal memperoleh sijil SPM. Selain itu, persekitaran yang masih kurang kelengkapan infrastruktur seperti makmal bahasa, guru bukan opsyen dan ibu bapa yang kurang peka terhadap kepentingan bahasa Inggeris juga telah menyumbang kepada persetujuan yang rendah dalam kalangan pentadbir sekolah luar bandar.

Manakala hanya 56% daripada murid berpencapaian lemah yang bersedia dengan pelaksanaan dasar ini. Ketidakpersediaan murid ini adalah berpunca daripada kelemahan mereka sendiri iaitu kurang pengetahuan dalam mata pelajaran tersebut.

Sebahagian besar murid menyatakan mereka masih lemah dalam mata pelajaran tersebut dan tidak mempunyai masa dan peluang yang mencukupi untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam membaca, mendengar dan bertutur dalam bahasa Inggeris. Mereka juga kurang faham apabila guru berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan menganggap mata pelajaran ini sukar untuk lulus. Sehubungan dengan itu, keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menangguhkan pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai syarat wajib lulus SPM mulai tahun 2016 dilakukan untuk memberi ruang dan peluang kepada guru, murid serta pihak berkaitan dalam membuat persediaan yang lebih rapi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bahasa Inggeris...

Tuan Yang di-Pertua: Dia belum lagi. *You are confusing me. Let him first and then you.* Sila, sila, sila teruskan.

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bahasa Inggeris penting dalam pendidikan di negara kita selaras dengan objektif pendidikan yang ingin melahirkan individu yang mampu bersaing di peringkat global. Penggunaan Bahasa Inggeris yang dimulakan dari sekolah mampu melahirkan individu yang dapat berkomunikasi dengan berkesan. Soalan saya, selain daripada penangguhan syarat wajib lulus bahasa Inggeris peringkat SPM, apakah pelan jangka masa panjang kerajaan dalam memperkasakan lagi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar, terutamanya daripada luar bandar.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana atas keprihatinan beliau untuk mendapat tahu cara-cara bagaimana kementerian mengambil langkah-

langkah yang sewajarnya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2016 telah pun menggariskan beberapa perancangan. Di antaranya program DLP yang akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Ini akan membantu kita untuk memastikan pelajar-pelajar dapat berkomunikasi dan penggunaan bahasa Inggeris dapat dimantapkan lagi.

Selain daripada itu, kita juga telah mengenal pasti sekolah-sekolah dalam lokasi *hotspot* yang memerlukan bantuan-bantuan secara individu. Pelantikan guru-guru dalam SISC Plus juga apabila kita mengenal pasti guru-guru yang cemerlang. Guru-guru cemerlang ini dapat dikenal pasti dan ditempatkan di Pejabat Pelajaran Daerah dengan hasrat untuk membantu menambah baik mutu penggunaan bahasa Inggeris.

Masalah kita sekarang ialah pelajar-pelajar memerlukan lebih lagi ruang untuk menggunakan bahasa Inggeris, pertuturan dia dan pertuturan ini dengan secara langsung akan memberi semangat dan kebolehpercayaan kepada anak-anak murid untuk menggunakan bahasa Inggeris. Selain daripada itu juga Yang Berhormat, kita juga telah pun memperkenalkan dalam peperiksaan PT3 yang mana pelajar-pelajar dapat dinilai penggunaan bahasa Inggeris dan mulai tahun depan dalam peperiksaan UPSR juga kita memberi keutamaan dalam penggunaan bahasa Inggeris.

Maka, Kementerian Pendidikan memang telah melakukan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan penggunaan Bahasa Inggeris dalam masa kita memastikan Dasar MBM/MBI memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkasakan Bahasa Inggeris ini akan dilaksanakan dengan cara yang terbaik. Hasrat kita ialah memastikan ataupun supaya anak-anak kita dapat lebih fasih dalam penggunaan bahasa Inggeris dalam masa yang terdekat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan, kami semua mengalu-alukan *young lawyers* dari *Bar Council* yang duduk di atas ini [*Tepuk*] dan ramai di antara mereka adalah bakal Ahli Parlimen, termasuk soalan tambahan. Saya rasa kita perlu satu *mindset* yang baru, di mana kita mesti mengakui bahawa kesilapan yang serius telah dibuat di akar umbi. Di mana kita telah menganaktirikan kegunaan bahasa Inggeris.

Sekarang yang menjadi masalah yang serius adalah ramai di antara guru-guru yang mengajar *English* tak fasih. *They are teaching English* in bahasa Malaysia. Ini mesti diketahui oleh kerajaan. Apa yang dibuat, yang sedang dibuat untuk mengatasi masalah ini? Oleh kerana saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama bertanya kepada Menteri sebelum ini, Menteri Pendidikan, Menteri dari Pagoh.

■1130

Dia mengatakan saya tidak boleh mengarahkan *compulsory SPM* kerana kalau sedemikian ia akan menyusahkan ibu bapa. Ibu bapa akan marah kepada kami. *So, there's no political will. Has the government the political will to address this position.* Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Kementerian tidak sama sekali menganaktirikan bahasa Inggeris, maka dasar begitu jelas. Dasar MBMMBI begitu jelas untuk kita memastikan penggunaan bahasa Inggeris dan bukan sahaja di Kementerian Pendidikan Malaysia malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri juga dalam dua ucapan penting beliau iaitu dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas dan juga pembentangan bajet baru-baru ini telah pun dengan begitu spesifik menyatakan hasrat beliau untuk melihat bagaimana dapat menambah baik mutu penggunaan bahasa Inggeris.

Kita juga dalam proses untuk menghantar guru-guru kita untuk mendapat latihan secara spesifik dalam penggunaan bahasa Inggeris. Lebih kurang 20,000 guru telah menjalani kursus-kursus ini dan pada akhir tahun depan 2016 kita akan selesaikan latihan kepada guru-guru yang kini dalam tahap B1B2 CPT, *Cambridge Proficiency Test* dan guru-guru ini diberi latihan melalui *British Council, Brighton Education Group, SMT Group*. Semua pasukan ini membantu dan PEMANDU juga memberi kita panduan dan kerjasama dengan pihak PEMANDU Kementerian Pendidikan Malaysia, agensi-agensi ini dan juga *stakeholders* yang sentiasa memberi nasihat dan juga panduan kepada kita menambahkan lagi cadangan-cadangan bagaimana kita dapat mengukuhkan.

Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan khususnya di bawah pimpinan Yang Berhormat Datuk Seri Mahdzir Khalid buat masa Yang Berhormat Padang Terap memang fokus kita untuk memastikan penggunaan bahasa. Oleh kerana itulah kita nampak sekarang bukan sahaja dalam peperiksaan SPM, malah di PT3 dan juga di UPSR kita telah pun memperkenalkan penggunaan bahasa Inggeris secara lisan dan juga pertuturan ini juga kita akan semak dari semasa ke semasa. Saya pasti dengan memperkenalkan Program DLP ini kita akan dapat memantapkan lagi penggunaan bahasa Inggeris di semua sekolah di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Usul Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.32 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 23 November 2015.”

Timbalan Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Ketiga]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

**Maksud B.21 [Jadual] –
Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2016] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Limbang.

11.34 pg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa Butiran iaitu pertama sekali ialah Butiran 131100 – Subsidi Baja Padi Bukit Dan Huma. Jadi saya ingin hendak bertanya kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani apakah kaedah yang akan dibuat dalam pengagihan subsidi baja bukit ini.

Keduanya ialah Butiran 140000 - Dasar Baru dan sub butirannya 140100 – Elaun Sara Hidup Nelayan Darat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Jawatankuasa]

Jadi ini adalah dasar baru. Saya juga ingin hendak bertanya bagaimakah cara pengagihan untuk elaun sara hidup nelayan darat ini sebab rakyat sudah mula bertanya-tanya.

Satu lagi ialah Butiran 150200 – Penyelenggaraan dan Pembinaan Bangunan, kerana nelayan di tempat saya memang ada lagi rumah-rumah nelayan yang perlu diperbaiki dan saya difahamkan oleh Persatuan Nelayan di Limbang bahawa ada permohonan 20 lebih buah rumah untuk diperbaiki dan juga ada yang memohon untuk bina yang baru. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bilakah kerja-kerja pembinaan pulih ini dan pembinaan yang bina baru ini dapat dilaksanakan.

Seterusnya ialah Butiran 14800 – Pembinaan dan Pembaikan Jalan Ladang. Saya beberapa tahun ini saya difahamkan di kawasan Parlimen Limbang tiada peruntukan spesifik khusus untuk pembinaan dan pembaikan jalan ladang ini yang di mana sebelum ini selalu kita mendapatkannya dan ianya amat begitu berkesan sekali untuk membaiki jalan-jalan ladang. Jadi, saya mohonlah kepada kementerian dalam peruntukan 2016 ini kalau boleh dapatlah diagihkan juga permohonan untuk jalan-jalan ladang ini di Parlimen Limbang dan khususnya juga mungkin di seluruh negeri Sarawak.

Satu lagi ialah saya ingin hendak bertanya tentang perkara 04000 – Perikanan iaitu sudah hampir beberapa tahun, dua tiga tahun. Rasanya hampir mencelah tiga tahun ada permohonan hampir 100 orang nelayan untuk memohon lesen bot nelayan dan status permohonan itu saya ingin bertanya di sini kerana sampai sekarang belum ada jawapan. Sekian, terima kasih Tan Sri Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum Tan Sri lagi. Ya Yang Berhormat Sungai Siput.

11.37 pg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bawa di bawah Butiran 010200- Perancangan. Saya rasa usaha merancang harus fokus kepada dua aspek, dua isu. Satu ialah pendapatan kaum pesawah dan petani yang merupakan golongan-golongan miskin negara kita.

Satu lagi ialah jaminan makanan. *Food security* untuk negara kita kerana pada masa ini taraf sara diri kita, *our self-sufficiency* tidak memuaskan. Untuk beras hanya 70%, untuk daging, lembu, kambing hanya 20%. Susu kurang daripada 20%. So, dalam ini saya risau kerana peruntukan untuk perbelanjaan mengurus di bawah Kementerian Pertanian telah dikurangkan. Tahun lalu RM3.5 bilion, tahun ini hanya RM2.7 bilion. Satu pengurangan sebanyak 18.6% dari tahun lalu. So, ini peruntukan yang dikurangkan harus dipakai secara yang lebih berkesan tanpa pembaziran jika kita hendak mendapat *effect* dia.

Saya merujuk kepada 130400 – Subsidi harga padi yang diperuntukkan RM400 juta. 130500 – Subsidi baja padi juga RM400 juta. 130707 – Insentif pengurangan padi sebanyak RM500 juta. So, jumlahnya untuk sektor padi ialah RM1.3 bilion dan ini merupakan 30% daripada jumlah peruntukan untuk Kementerian Pertanian. Saya sokong ini, saya sokong peruntukan ini kerana para pesawah padi, 300,000 orang itu merupakan satu kumpulan yang miskin dan juga mereka keluarkan satu bahan yang begitu penting untuk negara kita.

■1140

So, tapi apa yang penting adakah peruntukan ini sebanyak RM1.3 bilion? 30% daripada bajet kementerian. Adakah sampai kepada sasarnya? ataupun adakah dia *di hijack* oleh pihak-pihak tengah? Antara pihak-pihak tengah adalah pegawai-pegawai kerajaan yang menguruskan program semua ini, syarikat-syarikat swasta yang memainkan peranan membekalkan baja, benih, ubat-ubat serangga dan juga pengerusi dan jawatankuasa kumpulan-kumpulan petani di kawasan akar umbi.

So, ini semua adalah orang-orang tengah. So, adakah pernah kementerian kita buat kajian bagaimana *effectiveness* peruntukan yang sebesar ini sampai kepada sasaran kita. Bila kita tengok RM1.3 bilion, jika kita bahagi dengan jumlah pesawah yang ada di negara kita 300,000. Kita dapati RM4,300 setahun untuk seorang pesawah padi. Lebih kurang RM430 sebulan *it's a good amount* tetapi adakah ini sampai sasaran itu?

Saya mahu tanya kementerian, adakah kita laksanakan sistem *ombudsman* di dalam kementerian. Di mana mereka ada *hotline* dan petani tahu *hotline* itu di mana mereka boleh *complaint* boleh bagi aduan, jika mereka dapat baja yang kurang kualitinya ataupun mereka tidak dapat subsidi yang mereka harus dapat. Adakah ini satu sistem di mana mereka boleh buat *complaints* mereka? Sistem *ombudsman* ini jika diwujudkan mestilah ada cukup *manpower*, cukup kakitangan untuk turun ke padang dan kaji. Tidak guna kita minta balik daripada pegawai kementerian untuk bagi yang uruskan kerana dia *one of the suspects*, kan. So, saya harap ini akan dijawab oleh Menteri.

Isu kedua yang saya bawa juga di bawah 101200 – Perancangan. Ini berkaitan dengan pekebun-pekebun kecil yang keluarkan sayur, buah-buahan, ternak lembu, kambing dan ikan. Saya kecewa dengan pendekatan daripada Kementerian Pertanian. Saya telah tanya beberapa kali berapakah bilangan kumpulan ini dan saya tidak dapat jawapan. Ini kerana mungkin tidak ada data. Alasan dia kata sebahagian besar daripada mereka tidak ada geran, mereka haram, mereka *illegal*.

Akan tetapi, mereka ini ramai daripada mereka ini telah buat pertanian itu di kawasan luar bandar sejak masa bapa mereka ataupun kadang-kadang daripada masa dia punya datuk. Memang mereka tidak ada geran, tapi ada mereka yang pohon tidak dapat tetapi ini satu kumpulan yang besar. Dua pertiga daripada sayur-sayur kita, buah-buahan kita yang kita dapat di pasar-pasar kita adalah daripada kumpulan ini.

Pada masa ini pembangunan bangunan-bangunan kita sedang usir mereka, tekan mereka keluar. Pada masa ini, di Perak sahaja 24 kawasan petani macam ini yang sedang pertanian atas tanah-tanah kerajaan sedang diusir. Di Tronoh, 1,500 ekar dengan 40 orang petani sedang diusir pada masa ini. Di Sungai Siput, ada satu kawasan sekarang pada masa ini 12 orang sedang diusir. Jika kita ambil sebagai *overall total* dia di Perak 24 kawasan 10,000 ekar, ini sayur-sayuran dan penternak dengan 600 orang pekebun kecil dan penternak sedang ditekan usiran di Perak.

Bila saya bawa ini ke Dewan, saya dengar saya dapat jawapan yang macam itu janganlah, dia kata elak. Dia kata, “*Ini tanah di bawah negeri, jadi kita tidak boleh urus.*” Akan tetapi, daripada aspek *food security* jaminan makanan saya rasa kementerian mesti main satu peranan kepimpinan. Dia kena ambil serius isu ini dan tengok *what is a situasi?* Jika ini berlaku di Perak dan di lain tempat dalam 10 tahun apa akan berlaku. Macam di Sungai Siput kawasan saya, Padang Tembak 12 orang petani pekebun kecil ada seorang yang ternak ikan, tiga orang – lembu dan lain semua buah-buahan.

Mereka sedang diusir untuk membina satu sekolah di situ, 50 ekar hendak dibina sekolah. Mereka sampai sekarang tidak ditawarkan tanah gantian untuk berpindah. Mereka hanya diberitahu *you ini illegal, you ini tidak ada grant* *you kena keluar jika tidak satu tahun penjara, RM10,000 denda. That is why it goes.*

So now, isu dia ialah macam di kawasan saya hanya 1,000 ekar sahaja sedang dipakai untuk kebun-kebun dan menternak. Ada 20,000 ekar kelapa sawit di bawah Sime Darby, kenapa jika kita hendak buat pembangunan hendak buat sekolah, buatlah sekolah no problem tetapi kenapa tidak ambil tanah Sime Darby. Bayar duit pampasan kita ada Akta Pengambilan Tanah ambil tanah mereka tetapi kenapa pergi mengusir petani-petani kecil ini. Satu mereka miskin, mereka bukan besar-besaran punya orang, tiga ekar ke lima ekar.

Lagi satu mereka keluarkan satu benda yang begitu penting untuk negara kita. Saya rasa kementerian mesti ambil *leadership*. Ada perbincangan, kita ada *National Council* kita mesti bawa ini dan *food security* kena diletak di hadapan. Saya haraplah Menteri tolong *look into this*.

Saya tahu ini pemberian tanah TOL ini semua memang *state* yang buat tetapi kementerian ada *holistic view* .

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Sungai Siput. Ini kawasan Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya terpanggil sahabat saya Yang Berhormat Sungai Siput menyentuh fasal pekebun-pekebun kecil di Sungai Siput. Saya ada pernah melawat dua tiga kali di kawasan Sungai Siput. Di mana kaum Orang Asli yang tinggal di sepanjang sungai, sungai apa itu saya lupa, Sungai Pasiong. Saya nampak Orang Asli ini setakat menanam buah-buahan di tepi-tepi, di keliling rumah mereka. Jadi apakah pihak kementerian mungkin Yang Berhormat Sungai Siput juga minta pihak kementerian untuk menyediakan tanah yang spesifik untuk Orang Asli, untuk program-program yang akan meningkatkan pendapatan-pendapatan, penduduk-penduduk Orang Asli sepanjang sampai di Sungai Pasiong. Lembaga Koko telah pun pergi ke tempat itu dan telah pun mengusaha beberapa ekar tanah di Sungai Siput. Saya mengharap...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan tolong ringkaskan. Ini peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Minta pencelahan daripada Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Apatah lagi malam ini malam Jumaat, hendak balik kawasan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey saya akur, saya akur Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa Yang Berhormat Sungai Siput sudah habis.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya harap tidak payah huriahan panjang-panjang di peringkat Jawatankuasa. Sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong.

11.48 pg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat ya peringkat Jawatankuasa tidak payah panjang-panjang saya simpati dengan Yang Berhormat Sungai Siput hanya dua isu sahaja yang dapat dibawa dalam masa 10 minit. Cuma kalau ringkas

tidak perlu huraian mungkin dalam lima minit pun boleh lima isu yang boleh kita timbulkan. Saya tidak perlu tunjuk ajar macam mana di peringkat Jawatankuasa hendak kita berbahas. Cuma kalau boleh kita berkongsi, contoh saya bangun untuk Kepala B.21 Butiran 130900 – Subsidi Harga Beras. Kenapakah kerajaan membatalkan beras ST15? Apa masalah? Itu sahaja dan Yang Berhormat Menteri akan jawab. Kalau kita panjang ST15 dasar kerajaan 20 tahun, 30 tahun ini pun saya ambil masa satu minit. Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih atas tunjuk ajar yang diberikan oleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita ada tiga kementerian Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya hendak ke Butiran 070000 iaitu di bawah tajuk FAMA. Saya ucapkan tahniah kepada FAMA kerana membantu petani dan usahawan tempatan melalui pelbagai cara. Ada beberapa perkara yang saya terus tanya, pertamanya saya hendak tahu berapakah jumlah usahawan yang dilahirkan oleh FAMA setakat ini? Daripada jumlah tersebut berapa ramaikah adalah daripada kaum dan juga golongan hawa? Kedua, seterusnya ada satu projek yang dinamakan Program PAKAR di bawah FAMA yang diperkenalkan pada tahun 2012.

■1150

Jadinya dimaklumkan ada sembilan buah tempat di mana ia meliputi Perak, Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan seterusnya. Jadi saya cuma hendak bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk memperluaskan projek ini? Kalau sekiranya ada, berapakah jumlah yang akan ditambah? Di manakah lokasi projek PAKAR ini akan diadakan dan adakah projek PAKAR ini ada terdapat di kawasan Parlimen Parit Sulong dan sekiranya ada saya mohonkan perincian mengenai perkara ini.

Seterusnya sehubungan dengan PAKAR itu juga saya hentak tahu juga *performance* dengan izin, mereka yang terlibat dengan projek PAKAR ini. Justeru itu apakah yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam usaha untuk mempromosi PAKAR ini ke pengetahuan lebih ramai lagi masyarakat di luar sana.

Keduanya Butiran 150500 iaitu Projek Agro Bazaar Rakyat (Dubai, Hong Kong dan Singapura). Tahun lepas bulan Oktober Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada umumkan mengenai Agro Bazaar Dubai yang dirancang hendak dibuka pada tahun ini iaitu tahun 2015. Jadinya persoalan saya daripada itu apakah status terkini perkembangan perancangan Agro Bazaar Dubai ini dan daripada selain daripada itu saya hendak tanya apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak kementerian kepada mereka yang ingin untuk menyertai Agro Bazaar tersebut? Adakah kriteria seperti modal diambil kira oleh pihak kementerian?

Seterusnya soalan saya kepada pihak kementerian di bawah Butiran ini adalah apakah cabaran, kita bercakap mengenai cabaran kali ini sebab produk apabila dihantar ke luar negara sudah semestinya ia harus melalui pelbagai prosedur bagi membolehkan ia diterima di luar negara dan apabila kita bercakap mengenai produk-produk pertanian ini kemungkinan ada

cabarannya. Kalau boleh dikongsi sama oleh pihak kementerian apakah cabaran-cabaran yang dialami oleh pengusaha-pengusaha ini dalam usaha untuk mereka memasarkan produk mereka ini untuk dieksport dan dipasarkan ke luar negara?

Seterusnya soalan saya adalah selain daripada apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah kementerian juga bercadang untuk menambahkan lagi Agro Bazaar ini dalam usaha untuk mempromosikan hasil pertanian kita ini ke pentas antarabangsa ini dengan berskala lebih luas lagi. Bermaksud sekiranya ada perancangan tersebut, adakah boleh diidentifykan di manakah negara-negara yang disasarkan oleh pihak kementerian untuk dibuka Agro Bazaar ini.

Bagi Agro Bazaar Singapura yang telah dibuka pada buka pada bulan Ogos 2014, bolehkah pihak kementerian berkongsi dengan kita berapakah jumlah hasil jualan yang telah dijana? Berapa ramaikah pengunjung yang telah mengunjungi Agro Bazaar ini? Apakah usaha yang lebih banyak lagi yang dibuat oleh FAMA dalam usaha mempromosikan bazar ini dan adakah terdapat karnival-karnival yang telah dibuat oleh FAMA sehubungan dengan ini.

Seterusnya bagi Butiran 131300 di bawah tajuk TEKUN. TEKUN sejak ditubuhkan ia banyak memberi sumbangan yang cukup besar terutamanya dalam melahirkan usahawan kecil dan sederhana dan saya hendak bertanya adakah terdapat kajian jumlah perniagaan maksudnya peminjam-peminjam yang meminjam daripada TEKUN ini, adakah terdapat kajian apabila ada kegagalan ini apa yang boleh dibantu, mengapa mereka itu gagal? Apakah yang boleh dibantu oleh pihak TEKUN dalam usaha untuk mereka *revived* balik daripada kegagalan tersebut?

Seterusnya saya juga minta supaya kementerian untuk menyatakan berapakah jumlah kelulusan ataupun peminjam-peminjam TEKUN ini adalah daripada golongan wanita dan boleh juga untuk memaklumkan kepada kita prestasi pulangan pinjaman daripada golongan wanita ini dan jenis perniagaan yang dilakukan oleh peminjam-peminjam wanita ini?

Seterusnya di bawah tajuk TEKUN ini saya ingin bertanya sama ada TEKUN ada bercadang untuk mewujudkan satu platform atas talian bagi membolehkan usahawan-usahawan wanita yang menjadi *client* kepada TEKUN ini dapat memasarkan, mengembangkan pasaran mereka di bawah kapasiti TEKUN itu sendiri.

Seterusnya bagi butiran 131500 iaitu Program *Food and Agro Council for Export*. Saya hendak memohon kementerian menyatakan siapakah yang layak untuk menyertai program ini? Apakah syarat yang ditetapkan oleh kementerian dan selain daripada itu apakah perbezaan antara program ini dengan program-program eksport yang lain? Adakah terdapat apa-apa pertindihan yang akan berlaku dan siapakah yang akan memantau program ini dan juga saya inginkan kementerian untuk menyatakan apakah sasaran yang ditetapkan oleh program ini dan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam usaha untuk membantu memasarkan produk usahawan ini ke peringkat antarabangsa.

Yang terakhir Tuan Pengurus iaitu Butiran 150700 iaitu Tabung Bantuan Bencana Agromakanan. Saya cuma hendak tahu selain daripada bantuan kewangan, apakah jenis

bantuan yang diperuntukkan dan diberikan kepada petani, penternak dan pengusaha aquaculture yang terjejas daripada banjir terutamanya yang akan berlaku ini.

Juga saya tengok di kawasan saya ini Tuan Pengerusi bencana ini kerap berlaku pada setiap tahun. Jadinya saya hendak tahu juga daripada peruntukan yang diperuntukkan di bawah tajuk dan Butiran ini, berapa banyak kah yang diperuntukkan untuk Daerah Batu Pahat terutamanya kepada kawasan Parlimen Parit Sulong. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya ramai yang hendak berucap? Tidak ramai. Saya percaya pukul 2.30 petang Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Ringkaskan, kalau boleh lima minit pun tidak apa. Yang Berhormat Kuala Nerus. Selepas Yang Berhormat Parit Sulong, yang ada tujuh, lapan *list* itu boleh bahas dalam masa enam minit. Yang Berhormat Kuala Nerus sila.

11.56 pagi.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. saya hendak merujuk kepada Butiran 140000 Dasar Baru, Butiran 140100 Elaun Sara Hidup Nelayan dan Nelayan Darat. Saya ingin tahu berapa ramai bilangan nelayan di Parlimen Kuala Nerus yang mendapat elaun ini berdasarkan pecahan empat DUN dan berapa jumlah RM yang diperuntukkan sepanjang tempoh 2014?

Kedua, adakah dibuat pemutihan dari semasa ke semasa bagi senarai penerima tersebut kerana ada sebahagian mereka ini yang tidak lagi menjadi nelayan dan bekerja sebagai buruh lain.

Ketiga, bagaimanakah saya sebagai Ahli Parlimen boleh berperanan untuk pastikan tidak ada nelayan yang tertinggal dan senarai kerana kemungkinan berlaku sentimen politik. Keempat adakah ada kajian dibuat? Sejauh mana kejayaan dasar elaun ini membantu nelayan khususnya di kawasan saya di kawasan Parlimen Kuala Nerus.

Yang kedua, Butiran 27400 Pembangunan Usahawan Nelayan/ Pengusaha. Adakah kerajaan mempunyai perancangan yang besar untuk meningkatkan industri keropok lekor di Seberang Takir di Parlimen Kuala Nerus dan juga Mengabang Telipot kerana ramai usahawan yang terlibat tetapi pembangunannya masih dilihat *slow*. Berapa ramai usahawan keropok yang berdaftar dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan adakah perancangan pemasaran ke peringkat antarabangsa dirancang oleh kerajaan untuk tahun 2015?

Butiran 100100 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Soalan saya berapakah bilangan nelayan Parlimen Kuala Nerus yang telah mengikuti sebarang kursus di KLIM sepanjang tempoh 2014 dan sejauh mana kejayaan peningkatan mereka sebagai nelayan?

Satu lagi 131300 TEKUN. Saya mahu tahu bilangan penerima TEKUN di Parlimen Kuala Nerus? Sejauh mana pemantauan dibuat terhadap *business* yang mereka uruskan daripada sudut pembangunan perniagaan, peningkatan pemasaran kerana yang berlaku ialah contohnya pernah berlaku di tempat saya tinggal Program 1Azam diberikan *stall* untuk buat ABC selepas

sebulan *stall* itu akhirnya terbengkalai dalam tempoh dua tahun tidak ada sebarang pemantauan dan tidak ada lagi modal susulan. Adakah kerajaan mempunyai pegawai yang cukup untuk membantu penerima TEKUN ini supaya berjaya dalam *business* dalam bentuk konsep mentor mentee. Sejauh mana kemampuan membayar balik oleh penerima TEKUN di Parlimen saya, tahap pembayaran yang mereka buat? Adakah ramai yang gagal atau macam mana?

Kemudian yang terakhir Butiran 10710 - Pembangunan Industri Lembu / Kerbau Pedaging. Berapakah bilangan usahawan di Parlimen Kuala Nerus dan sejauh mana kejayaan program ini untuk membangunkan usahawan di tempat saya?

Terakhir sekali Butiran 04700 - Pembangunan Industri Padi. Berapa harga tanah padi di Parlimen Kuala Nerus dan berapa hektar yang terbiar dan tidak diusahakan dan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk memberi rangsangan kepada anak-anak muda untuk terlibat di sektor penanaman padi ini? Terima kasih.

■1200

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pendang.

12.00 tgh.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit dalam perbincangan ini 020200 - Pembangunan Komoditi. Saya lihat satu program ataupun objektif yang sangat baik. Tetapi saya hendak bertanya bagaimakah kementerian hendak melibatkan masyarakat kampung dalam pengeluaran sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan yang termasuk dalam objektif program ini? Saya rasakan bahawa program yang terbaik ialah untuk kita memajukan tanah-tanah terbiar yang begitu lama yang kita rancangkan dahulu tetapi tidak ada kejayaannya.

Kedua dalam 060000 - MARDI. Saya rasakan bahawa MARDI harus diberi penghormatan, harus diberi puji-pujian. Mereka telah menjalankan tugas dengan baik bagi menjana benih-benih padi yang baru. Saya hendak mencadangkan bahawa peruntukan harus dibesarkan bagi MARDI mengeluarkan benih-benih padi yang bermutu yang terbaik seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pada tadi supaya pendapatan petani bertambah apabila benih padi yang baik dikeluarkan hasil bertambah tinggi.

Jadi ini sudah pasti pihak MARDI yang telah menjalankan tugas itu harus diberi peruntukan yang lebih tinggi tidak dipotong seperti ini. Apa yang saya juga harapkan bahawa petani-petani di kampung, di kawasan saya setiap tahun mengalami masalah penyakit padi yang berlarutan. Itu saya harapkan bahawa pihak MARDI dapat mengkaji bagi membasmi penyakit-penyakit padi yang berlarutan yang menyebabkan kawasan yang luas rosak akibat bina perang. Sampai sekarang sudah banyak tahun Tuan Pengerusi tidak dapat diselesaikan. Ia akan merebak dengan cepat, merosakkan sawah dengan begitu cepat sekali.

Kemudian 070000 - FAMA. saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana di Pendang telah mula beroperasi Pejabat FAMA Daerah

Pendang baru beroperasi. Terima kasih. Cuma saya hendak harapkan ialah apabila FAMA telah ada di Pendang buah-buahan yang keluar setiap tahun rambutan, dokong, durian. Apabila berlaku musim buah ini berlaku lambakan dan tidak dapat dijual. Dengan sebab itu petani-petani yang menanam rambutan, yang menanam dokong, yang menanam durian tidak dapat menjual barang-barang mereka, buah-buahan mereka. Jadi saya harapkan FAMA mesti memainkan peranan untuk memasarkan hasil yang dikeluarkan oleh orang-orang kampung bagi menambahkan pendapatan mereka.

Tuan Pengerusi, yang terakhir 080100 - MADA. Sekali lagi saya hendak ucapkan terima kasih kerana MADA juga telah menjalankan program pembangunan pengairan di kawasan saya, di Pendang. Cuma saya hendak membuat teguran bahawa seolah-olah tidak ada penyelarasan dalam menjalankan pembangunan ini. Saya yakin bahawa jurutera tidak sangat turun untuk melihat kerja-kerja yang dijalankan di sawah-sawah padi. Saya bercakap ini Tuan Pengerusi kerana projek itu di belakang rumah saya, *jogging track* saya.

Saya lihat setiap pagi keadaan pembangunan yang amat tidak memuaskan. Beberapa kali saya melaporkan kepada pihak MADA di daerah Pendang dan saya telah masuk dalam Facebook. Tetapi malangnya kontraktor itu marah pada saya. Dia marah pada saya. Dia kata Yang Berhormat patut siasat. Saya kata siasat apa? Ini belakang rumah saya, saya tengok. Antaranya ialah tanduk kecil yang dibuat tidak boleh digunakan. Parit-parit saliran air tidak sempurna, tidak baik. Sampah-sarap ditinggalkan di situ sahaja.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan selama ini apabila sungai yang mengeluarkan air itu dibina satu saluran yang keluar air yang lebih sempit apabila hujan turun dua jam air telah melimpah seluruh sawah dan masyarakat kampung saya terutamanya telah empat kali mengalami banjir yang merosakkan padi-padi yang telah ditabuh. Apabila saya cuba tanya MADA, rupa-rupanya pihak TNB tidak menyambung bekalan elektrik untuk menjana kuasa bagi menyedut air itu keluar setelah tujuh bulan MADA membayar wang cagaran kepada pihak TNB. Jadi saya harap pihak MADA tolonglah, tolonglah ini sekitar kampung saya di Daerah Pendang di mana para petani mengalami masalah yang cukup menyediakan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang belakang sekali, Yang Berhormat Alor Star. ST15 Alor Star. [Ketawa]

12.06 tgh.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas. Saya ingin merujuk kepada Butiran 10000 - Emolumen. Saya melihat bahawa dalam Bajet sekarang ini banyak peruntukan dalam pertanian telah pun dipotong. Di antaranya adalah Butiran 10000 di bawah Emolumen, RM10 juta dipotong, Butiran 40000 di bawah tajuk pemberian dan kenaan bayaran tetap, RM782 juta dipotong. Ibu pejabat kos di bawah Butiran 01000 - RM48.7 milion dipotong, pertanian di bawah Butiran 020000 - RM5 juta dipotong. MARDI seperti yang

disebutkan oleh Yang Berhormat Pendang tadi 060100 sebanyak RM10 juta dipotong daripada MARDI dan sama juga dengan FAMA, MADA, KADA, LPP dan sebagainya banyak peruntukan telah dipotong. Saya harap kementerian boleh memberi penjelasan kenapa ini telah berlaku khususnya sekarang dalam suasana ekonomi yang tidak tentu.

Di bawah program-program khusus sahaja RM831 juta dipotong di bawah Butiran 13000. Kerajaan telah pun mengumumkan bahawa subsidi harga padi akan naik daripada RM248 kepada RM300. Tetapi di bawah Butiran 13400 subsidinya yang diberi di sini telah pun turun sebanyak RM80 juta daripada RM480 juta kepada RM400 juta. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab kenapa ini boleh berlaku?

Berkenaan dengan subsidi harga padi juga. Saya sekarang merujuk kepada subsidi baja padi di bawah Butiran 130500 potong RM65 juta. Insentif peningkatan hasil padi seterusnya potong RM20 juta, insentif pengeluaran padi - RM63 juta potong, subsidi harga beras ST15 kita sudah tahu potong RM582 juta. Dalam perkara ST15 ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk melindungi pengilang-pengilang Melayu yang bergantung kepada subsidi ST15?

Baru-baru ini dalam satu meja bulat yang dianjurkan oleh MTEN laporan isi kandungan program Forum Bantu Petani Pengemas Industri Memperkasa Ekonomi di bawah satu panel dinyatakan di sini melalui Program ST15 pengilang Melayu tidak menafikan bahawa sebenarnya mereka dibantu.

■1210

Kita dapat jaminan harga untuk bersaingan dengan pengilang-pengilang lebih besar. Kalau program ST15 ini tidak dilaksanakan sudah lama pengilang beras Melayu akan ditutup. Ini juga dinyatakan di sini tahun 1996 apabila LPN dibubarkan dengan digantikan dengan BERNAS. Jumlah kilang Melayu merosot, tinggal sehingga hanya 23 buah sahaja daripada 196 buah Tuan Pengerusi.

Jadi ada dua soalan di sini, apakah rancangan kerajaan yang akan diambil selepas pemansuhan ST15 ini untuk terus membantu pengilang-pengilang Melayu. Mengenai BERNAS Tuan Pengerusi, apakah kerajaan akan menyemak semula peranan BERNAS khususnya dari segi monopoli import beras.

Kedua, apakah status *corporate restructuring* yang sedang dilakukan oleh BERNAS sekarang yang dikatakan sebelum ini banyak kali akan disenaraikan semula dalam Bursa Saham. Kita hendak tahu, rakyat hendak tahu sebab BERNAS ini sekarang sudah jadi satu syarikat persendirian bukan lagi satu syarikat awam.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu daripada kerajaan mengenai SSL ataupun yang dipanggil tahap sara diri negara. Adakah ini realistik yang boleh dicapai dalam 2020 bahawa kita dapat 100%. Ini adalah perkara yang saya harap kerajaan ataupun Menteri boleh menjawab. Apakah yang perlu dibuat supaya SSL ini tahapnya, *target* boleh dicapai.

Ini sebab mengikut MTEN dan laporan *round table* yang dikeluarkan. Tuan Pengerusi, kita mengalami satu cabaran yang besar untuk sasaran 2020 kita kena keluar, kena

meningkatkan kadar purata pengeluaran padi kita ditingkatkan daripada 3.9 juta metrik tan kepada 6.3 juta metrik tan sehektar dan juga tambahan pengeluaran padi sekarang sampai 2020 kerana ditingkatkan setiap tahun 8.6% setiap tahun.

Seperti yang kita telah banyak kali sentuh kesusahan petani-petani sekarang di mana *average age of pesawah padi* yang buat di bendang sekarang *is over 60*. Mereka mendapat pendapatan yang rendah dan kos pengeluaran yang semakin tinggi. So, saya ingin tahu apa yang perlu dibuat untuk meningkatkan sara hidup pesawah padi.

Dari segi TPPA, bagaimanakah TPPA ini akan membantu pesawah padi meningkatkan sara hidup mereka dan persaingan mereka dalam masa yang akan datang. Sebab saya difahamkan bahawa TPPA kuota atau tarif beras telah pun dipersetujui bahawa untuk beras import tarif akan diturunkan dalam satu *progression* mengikut peringkat. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut.

12.14 tgh.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk bersama dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang sentiasa berusaha keras untuk membangunkan industri pertanian negara dalam usaha menjamin makanan kita akan tetap terjamin.

Saya hendak menyentuh perbahasan saya kepada Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras. Saya hendak menarik perhatian kementerian agar selain daripada kita memperbesarkan atau memperkuatkukan padi biasa, saya mengharapkan agar pihak kementerian memberi perhatian yang lebih juga kepada industri padi wangi negara.

Ini kerana, pada pandangan saya sambutan padi wangi negara kita ini begitu hebat sambutannya di kalangan rakyat negara kita sendiri. Jadi kalau kita memperbesarkan, memperluaskan kawasan-kawasan padi wangi ini secara khusus *Insya-Allah* ia akan memberikan satu impak baru kepada negara kita.

Selain daripada itu juga, kita boleh memperluaskan padi wangi ini kepada pasaran eksport seperti kawasan-kawasan lain, Jerantut, Lipis dan juga tidak ketinggalan Kuala Krau. Kita ada kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan dengan industri padi wangi ini. Jadi saya berharap agar....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baling tidak masuk dalam perbahasan.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Insya-Allah*, untuk kawasan sebelah utara itu kawasan-kawasan seperti Yang Berhormat Baling pun boleh dimasukkan dalam padi beras ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baling tidak masuk...

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: ...kena masuk juga. Tuan Pengerusi, kita mengharapkan agar kerajaan lebih serius dalam membangunkan industri padi wangi negara ini.

Butiran 030600 – Pembangunan Komoditi Ternakan. Negara kita masih lagi bergantung pada bekalan daging import dari luar sedangkan kita mempunyai potensi untuk membangunkan industri ini dalam berskala besar. Cuma mungkin pengalaman kita sebelum ini, ada dari segi teknikal, dari segi operasinya yang menyebabkan dilihat seolah-olah ada sedikit kegagalan apabila kita melaksanakan dalam skala besar. Misalnya, kalau di Pahang satu ketika dahulu ada maju ternak tapi nampaknya usaha ini gagal. Akan tetapi kerajaan masih lagi boleh memperkasakan industri ini.

Selain daripada industri ternakan biasa, pada saya usaha kerajaan khususnya Kementerian Pertanian untuk membangunkan industri ruminan. Potensi industri ini punya daya saing untuk berkembang dengan lebih pesat lagi terutamanya misalnya dalam menyediakan ternakan rusa kalau kita mengambil contoh.

Permintaan daging rusa dalam negara kita begitu tinggi dan potensi bidang ini kita kembangkan juga besar dan ia memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada petani. Di samping pengurusannya tidaklah begitu remeh ataupun cerewet berbanding ternakan-ternakan lain. Saya mengharapkan agar kementerian memberikan penumpuan kepada industri ternakan rusa selain daripada ternakan mungkin kita luaskan kepada ternakan seperti burung unta misalnya.

Ternakan-ternakan ini kalau seperti di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong. Sekali lagi saya hendak sebutkan Jerantut, Kuala Krau, Lipis yang ada rangkaian kawasan pelancongan. Kita boleh jadikan ia bersepadu di mana menjadi kawasan tarikan pelancong untuk datang bukan sahaja melihat alam semula jadi tapi ia juga boleh menjadikan kawasan ini sebagai agropelancongan.

Butiran yang berikutnya ialah 040700 – Pembangunan Akuakultur. Saya mengucapkan tahniah khususnya kepada Jabatan Perikanan yang sentiasa menjalankan usaha-usaha untuk membangunkan industri akuakultur ini. Kerajaan telah menyasarkan dalam tahun 2020 untuk mencapai target 1.764 juta tan metrik hasil daripada pengeluaran akuakultur ini.

Seperti mana kita yang tahu di kebanyakan kawasan Parlimen yang lain juga, satu ketika dulu Kementerian Pertanian khususnya di bawah perikanan telah pun menjalankan aktiviti besar-besaran dalam menyediakan kolam-kolam ternakan untuk ikan. Akhir-akhirnya kolam ini terbiar begitu sahaja. Jadi saya mengharapkan dalam peruntukan 2016 ini kerajaan khususnya Jabatan Perikanan lihat semula kolam-kolam kita yang satu ketika dahulu sudah tinggal dan kita pulihkan kembali bagi penumpuan untuk pemulihan. Cari petani-petani yang benar-benar ingin membangunkan diri mereka bukan hanya mengharap subsidi kerajaan sepenuhnya. Akan tetapi mereka perlu menunjukkan kemahiran dan kesungguhan untuk membangunkan industri ini, kita bantu mereka dan kita latih mereka supaya jangan bergantung pada kerajaan.

Saya rasa kalau kita boleh bangunkan kolam-kolam ternakan kita terutamanya di kawasan-kawasan yang mempunyai sumber bekalan air yang baik khususnya di negeri Pahang

dan yang ada potensi untuk kita bangunkan kerana negeri Pahang seperti mana kita tahu, Tuan Pengerusi sendiri pun tahu keadaan Sungai Pahang sekarang ini mungkin kurang memberangsang untuk industri ternakan akuakultur. Ini kerana akibat daripada pencemaran.

■1220

Kita bimbang industri akuakultur dalam Sungai Pahang ini akan terancam, mengapa kita tidak beralih kepada kolam-kolam yang ada sistem pengairan yang baik. Saya amat yakin kerana seperti yang saya katakan tadi di Jerantut ini, kita ada beratus-ratus kolam terbiar dan kalau dipulihkan, *insya-Allah*. Terima kasih sekali lagi kepada Jabatan Pertanian telah memulakan usaha untuk membaik pulih kolam terbiar di Kampung Binjai. Saya berharap, “*terima kasih daun keladi*”, tahun depan tambah lagi dan Jerantut bersedia untuk menjadi salah satu hab pengeluaran ikan air tawar.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah saya hendak menarik perhatian agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya kita membangunkan industri tanaman kelapa. Saya difahamkan, kita mempunyai benih kelapa yang mudah mesra petani. Orang selalu sebut Kelapa Matag Tuan Pengerusi, ada lagi kelapa yang sudah ditemui oleh Jabatan Pertanian, Kelapa Sungai Gulang-gulang (SSG) yang mana kelapa ini bagi saya mesra petani. Petani boleh menyebarkan benihnya tanpa sistem benih debunga dikahwinkan seperti Kelapa Matag. Ini bermakna, kelapa SSG ini apabila gugur ia boleh buat benih dah. Berbeza dengan Kelapa Matag.

Kalau benih itu tidak boleh dijadikan benih berikutnya kerana tidak melalui proses pengawinan, pendebungaan. Ini kerana kelapa ini Tuan Pengerusi, bukan sahaja mak orang sahaja boleh kahwin, tapi bunga ini pun kena kahwin juga untuk menghasilkan Kelapa Matag yang original berbanding dengan Kelapa Sungai Gulang-gulang yang saya katakan tadi bahawa benihnya boleh diambil terus.

Oleh itu dengan kaedah ini, kita boleh mempercepatkan lagi penyebaran tanaman kelapa ini kerana industri kelapa pada hari ini begitu berkembang pesat. Bukan sahaja orang mahu menggunakan santan tetapi juga kelapa muda juga telah mendapat sambutan yang hebat. Jadi, saya mengharapkan agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberikan tumpuan yang lebih kepada bidang ini. Saya rasa cukup isu itu Tuan Pengerusi, terima kasih banyak kerana memberikan peluang kepada saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ramai yang hendak berucap, saya sudah beritahu tadi lima minit. Daripada DAP belum lagi. Yang Berhormat Kota Melaka.

12.22 tgh.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, saya hanya ada beberapa tajuk yang ingin saya bahaskan iaitu Butiran 010500 – Majlis Pertanian Kebangsaan. Saya ingin tanya tentang bilangan pusat untuk latihan dan jenis kursus yang akan

disediakan serta program-program yang tertentu. Saya juga ingin tahu tentang bagaimana dengan *intake* pelatih.

Butiran 010600 – Pengairan dan Saliran Pertanian. Tuan Pengerusi, di negeri Melaka masih terdapat sawah terbiar dan tanah-tanah pertanian yang terbiar kerana tidak ada pengairan yang mencukupi dan baik. Terdapat juga air sungai yang berhampiran tetapi telah dicemari oleh kegiatan perlombongan pasir. Sebab itu saya ingin bertanya tentang usaha atau program kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Butiran 030600 – Pembangunan Komoditi Ternakan, Butiran 030700 – Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan dan juga Butiran 030800 – Pembangunan Industri Hiliran. Saya ingin tanya tentang kedudukan NFC di Negeri Sembilan setakat ini dan apakah program kementerian untuk membangunkan penternakan lembu di negara kita. Adakah sudah ada tempat, gantian ataupun program yang dilakukan yang akan mengatasi kekurangan bekalan daging lembu di negara kita. Bagaimanakah dengan bekalan daging babi yang tadi dalam jawapan Menteri pagi ini tidak menyebut boleh kah *self-sufficient* tentang bekalan daging babi.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pernah membangunkan beberapa projek ternakan di negeri-negeri termasuk di negeri Melaka tetapi saya difahamkan tidak begitu berjaya atau gagal, bolehkah kementerian juga memberitahu kepada Dewan yang mulia ini melalui kajian ataupun *finding* mereka, apakah sebab-sebab tertentu yang mengakibatkan kegagalan projek-projek ini.

Satu lagi yang saya ingin tanya iaitu Butiran 040900 – Pejabat Perikanan Negeri. Hasil tangkapan laut semakin merosot akibat daripada projek-projek mega seperti projek tambak laut, salah satunya di negeri Melaka. Saya ingin tanya tentang pejabat perikanan negeri tentang bagaimana mereka dapat membantu nelayan-nelayan kerana kawasan di tempat mereka telah terjejas akibat dari projek tambak laut ini.

Saya juga ingin bertanyakan, adakah terdapat usaha yang telah dijalankan bersama dengan kontraktor-kontraktor atau pemaju-pemaju yang terlibat dalam projek tambak laut ini. Terima kasih, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bintulu, tiga minit. Tidak ada kongkalikung.

12.27 tgh.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Jangan orang lima minit, Tuan Pengerusi bagi tiga minit, ini memang kongkalikung punya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Serdang, *you* mahu minta perang kah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sekarang pun sudah dua minit.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan saya peluang kepada saya berbahas dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya mahu menyentuh Butiran 130500, Butiran 130900 dan Butiran 131000 sekali gus Tuan Pengerusi.

Masalah negara kita mestilah diambil perhatian, contohnya masalah baja. Saya faham mengenai isu ini, dahulu kita sudah pernah bahas. Kita minta negara kita menghasilkan baja sendiri, bolehkah tidak? Untuk petani-petani. Macam negara-negara lain menghasilkan baja sendiri di kawasan pertanian dan tidak mengimportnya. Dia tengok apa jenis buah-buahan ataupun padi dan menggunakan teknologi mereka sendiri. Negara kita sudah ada dan MARDI juga sudah berkali-kali mengatakan mereka sudah buat tetapi sehingga hari ini kenapa kita masih lagi memberikan subsidi baja yang begitu besar sehingga RM400 juta.

Kita sepatutnya pergilah belajar daripada negara lain seperti China dan Taiwan, di Taiwan banyak. Kenapakah kita tidak boleh belajar teknologi dan mengajar petani untuk membuat baja sendiri? Bangkok pun mengambil teknologi dari Taiwan tetapi kenapa kita tidak mahu? Dalam perkara ini kita mesti berani. Kita bukan bercerita tentang politik, 1China Policy tetapi kita bercakap tentang ekonomi kita, bagaimana kita dapat membantu rakyat kita, petani-petani meningkatkan dia punya hasil, *values* atau produk dengan izin.

Sehingga hari ini kita banyak cerita syok sendiri. Begitu banyak subsidi tetapi sehingga hari setelah berpuluh-puluh tahun tetapi masih sama lagi dan tidak ada peningkatan dalam teknologi, *no improvement*, cakap saja besar.

■1230

Memang MARDI dahulu cerita, bila kita bertaklimat. Konon cakap sama bukit, langit apa semua, sampai hari ini sama. So, saya mahu tanya kementerian, apa cadangan untuk menyelesaikan atau cari jalan pergi belajar teknologi ini? Jangan kita biarkan sahaja tiap-tiap tahun kerajaan bagi. Saya rasa kalau subsidi-subsidi ini kalau betul-betul, pantau sama itu petani menjalankan, buat baja ini sendiri, saya ingat petani-petani, *farmer* kita dengan izin, memang dia orang senang hati. Kos untuk dia orang pun rendah.

Saya tanya, macam di Taiwan sana, kos banyak rendah, dia orang buat sendiri. Pergi beli lagi mahal. Kita sekarang beri subsidi, beri sama dia orang, kasi dia pajak. Belum sampai rumah, di tengah jalan sudah hilang sudah jual. So, apa guna dan apa hasil kita dapat?

Seorang Ahli: Biasa.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kamu, janganlah pembangkang Yang Berhormat, kita cerita betul, Jangan cakap biasa, biasa. Kalau biasa kenapa *you* tidak bantu mendidik sama rakyat. Kenapa tidak bantu kasi jelas sama rakyat. Ini bantuan daripada kerajaan, kamu orang mesti mahu ikhlas. Kamu cuma batu api sahaja buat apa? *[Ketawa]* Ini lah hari-hari “*batu api*” lagi satu kali punggung kena terbakar baru kamu tahu.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Masa habis.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, ada satu isu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bintulu, ini kepala P atau kepala B?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kepala B. Ini butiran B. Bukan kepala ini, kepala butiran. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, jangan potong stim, nanti aku lupa lah.

Tuan Pengerusi, mengenai isu ini subsidi beras ST15, memang kerajaan dalam tahun 2015 kita menyediakan peruntukan untuk subsidi ini RM528 juta. Akan tetapi sampai bawah berapa rakyat kita dapat subsidi ini? Subsidi ST15 ini pergi mana?

Saya difahamkan banyak subsidi ini memang kongkalikung, beras ini bukan dijual kepada orang miskin, dia pergi jual di ladang, dia pergi jual kepada kayu balak.

Memang saya setuju Yang Berhormat Hulu Langat, memang jual habis. Itu tauke-tauke besar dia beri semua ini untuk pekerja dia. Apa kita dapat? Orang miskin pergi kedai beli memang tiada. Macam Bintulu, saya pergi ST15 memang tiada jual. Saya memang setuju subsidi ini dibatalkan, tidak perlu. Kita bantu cara lain untuk rakyat miskin.

So, saya mahu tanya kementerian ini macam mana kita hendak mengadakan satu program untuk membantu subsidi ini ataupun kita peruntukkan baucar untuk macam mana cara membantu orang miskin ini yang sepatutnya dia dapat bantuan.

Tadi saya mahu tanya adakah kita ikut eKasih? Kalau kita ikut eKasih, pun pening kepala. eKasih kadang-kadang banyak kongkalikung punya senarai, tidak ikut ikhlas. Fasal masalah kita, eKasih punya turun buat survey, kita buat *engagement* dengan izin, kita ambil itu orang buat survey, survey punya pegawai itu semua baru keluar daripada sekolah. Macam mana dia tahu survey? Dia tanya, orang patut mahu dapat, tidak dapat. Orang tidak patut dapat, semua dia dapat dalam senarai eKasih. Kalau saudara-saudara, semua masuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Siapa? Tidak ada orang. Itu Yang Berhormat Ipoh Barat memang sekali sekala kongkalikung juga.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu biasa.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita mesti mahu memastikan – saya mahu tanya kementerian ini, macam mana kali ini kita membatalkan subsidi beras ST15 ini, macam mana kementerian akan jalankan satu program bantuan kepada orang miskin? Betul-betul orang miskin boleh dapat. Jangan kita kongkalikung syok sendiri bawa rakyat, hari-hari tengok bumbung, apa pun tidak dapat.

Kita bila melawat kawasan, rakyat tanya, mana beras itu? Umum banyak, di kedai tiada. Ini saya memang setuju Yang Berhormat Menteri daripada kementerian ini membatalkan ini. Berilah program-program yang lain.

Saya minta kementerian jawab ini, jawab lah, jangan kongkalikung, dua-dua Timbalan Menteri ada di sini. Saya rasa semua Menteri dan Timbalan Menteri menjumpai perkara ini pun sama dengan dia punya kawasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini giliran AMANAH ini, Yang Berhormat Pokok Sena hendak ambil giliran AMANAH kah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia memang AMANAH.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak dengar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh,boleh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia memang AMANAH.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh ambil giliran AMANAH ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh, *no problem*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia memang AMANAH pun. Itu hari dia tak PAS. Dia memang AMANAH.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak ada apa masalah sebab saya seorang yang beramanah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja dia menafikan Yang Berhormat Pokok Sena AMANAH.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] : Dia kata dia hendak beri giliran.

12.35 tgh.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun tidak banyak, cuma beberapa perkara.

Butiran 020000 - Pertanian. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa peratus daripada pertanian kita adalah daripada pertanian organik? Saya ingin tahu apa dasar kementerian mengenai pertanian organik? Ini kerana produk organik sekarang mempunyai pasaran yang semakin menggalakkan dan harga produk organik adalah tinggi. Jadi sejauh mana dan apakah dasar kementerian untuk menggalakkan pertanian organik ini?

Seterusnya saya ingin ke 030000 - Perkhidmatan Veterinar. Saya ingin bertanya juga mengenai penternakan khinzir. Sejauh mana penternakan khinzir ini telah dimodenkan kerana kita tahu penternakan khinzir cara lama banyak menyebabkan pencemaran alam sekitar. Adakah penternak-penternak khinzir perlu berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan apakah mekanisme pemantauan? Adakah wujud dalam perancangan ataupun sedang dilaksanakan oleh kementerian, makna dia *zoning* kawasan-kawasan penternakan khinzir ini?

Saya juga ingin bertanya adakah menjadi dasar kerajaan bahawa penternakan khinzir ini juga dikomersialkan dan sampai ke tahap untuk mengeksport. Kemudian, saya juga ingin bertanya sama ada jumlah doktor haiwan atau veterinar dalam Kementerian Pertanian mencukupi untuk perkembangan pertanian seterusnya?

Seterusnya saya ingin bertanya mengenai 040000 - Perikanan. Apakah syarat-syarat untuk mendapat lesen sebagai nelayan kerana ada aduan bahawa kuli-kuli yang biasa bekerja

dengan nelayan-nelayan berlesen ini, mereka juga selepas mempunyai pengetahuan dan pengalaman bekerja untuk orang, mereka ingin menjadi nelayan sendiri dan sukar sangat bagi mereka untuk mendapat kerana salah satu syarat kononnya mesti ada bot sendiri.

Jadi ia adalah orang kata masalah *chicken and egg*, mana dahulu? Ini kerana untuk menjadi pertanian, mereka memerlukan bot dan pada masa yang sama mereka tidak ada kemudahan untuk membeli bot ini sedangkan mereka boleh mendapat pendapatan yang lebih tinggi sekiranya mereka ada bot sendiri.

Selepas itu, saya ingin tempuh sedikit lagi mengenai TEKUN. Banyak sudah dibawa oleh sahabat kita tadi. Saya cuma hendak tahu tentang kejayaan, berapa peratus daripada peserta-peserta TEKUN ini berjaya? Juga seperti sahabat saya tadi bertanya, apakah sebab-sebab *dropped out* ataupun mereka gugur dan gagal dalam projek-projek TEKUN ini?

Seterusnya 131400 – Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan. Saya ingin bertanya apakah tanaman-tanaman masa hadapan yang sedang diselidiki oleh pusat ini? Saya ingin bertanya di manakah kedudukan kementerian kita tentang penyelidikan buah tin atau buah *fig* yang saya lihat mendapat sambutan sekarang. Anak buah tin yang kecil pun RM150. Jadi ramai di antara pengusaha-pengusaha sedang menjalankan perniagaan ini. Adakah mereka mendapat bantuan dan juga mendapat galakan daripada kementerian.

■1240

Mengenai Butiran 140000 – Dasar Baru, saya ingin bertanya mengenai elauan sara hidup nelayan dan nelayan darat. Saya melihat bahawa jumlah nelayan yang mendapat saraan ini makin meningkat. Dalam tahun 2014 sebanyak 53,735 orang dan tahun 2016 sudah naik ke 56,000 orang. Jadi, berapa peratus daripada nelayan kita sebenarnya yang terlibat dengan penangkapan laut dalam dan apakah galakan kementerian kepada mereka yang ingin melibatkan diri dari penangkapan ikan laut dalam ini?

Seterusnya saya ingin bertanya tentang pemodenan pertanian. Perdana Menteri telah mengumumkan RM5.3 bilion untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk pelbagai program. Ada pihak-pihak yang berminat untuk bertanya, siapa yang layan dan apakah kriterianya untuk mereka memohon dana ini untuk mereka memodenkan pertanian mereka yang sedia ada?

Seterusnya saya ingin bertanya tentang dasar baru tetapi tidak ada. Saya agak terkilan sedikit sebab tidak ada mana-mana kementerian mempromosi penggalakan tanaman sayuran sendiri dalam kehidupan rakyat yang semakin sempit disebabkan peningkatan kos barang. Penanaman sayur secara sendiri ini bukanlah perkara yang susah tetapi tidak ada peruntukan mungkin untuk menggalakkan rakyat menanam sayur sendiri di dalam pasu, di dalam *polybag* dan sebagainya. Sekiranya ada dan tidak saya ketahui, berapa peruntukan yang diberikan dan apakah program-program yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk menggalakkan rakyat menanam tanaman sayur sendiri?

Saya lihat di sini dalam program ini, saya hendak tanya juga mengenai penternakan lembu. Kalau kaum Cina menternak khinzir, mereka ada peruntukan tertentu untuk meningkatkan

penternakan khinzir ini tetapi untuk kaum India yang banyak juga dengan penternakan lembu, mereka ada masalah untuk mencari tempat penternakan dan mencari bantuan untuk menternak. Sekali lagi, oleh sebab penternakan lembu juga memerlukan tanah, mereka menghadapi masalah pengusiran dari kawasan-kawasan yang agak tradisi dan lama sudah mereka ceburi dan kemudian tidak ada tempat-tempat yang lebih baik untuk mereka menjalankan penternakan lembu ini. Itu sahaja soalan saya Tuan Pengurus. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Semakin ramainya. Saya minta lima minit jadi 10 minit. Yang Berhormat Lipis lima minit.

12.43 tgh.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengurus kerana memberi ruang selama lima minit, cuba yang terbaiklah untuk dapatkan lima minit. Saya ingin bercakap soal Butiran 070000 dan Butiran 070100 iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Pertamanya, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peruntukan yang agak besar kepada sektor pertanian. Ini telah didaulatkan oleh Menteri dalam sektor makanan bagi membantu nelayan, peladang, petani untuk memastikan kita menuju ke arah pertanian moden yang mana kita melihat seperti di Australia, New Zealand dan sebagainya adalah merupakan golongan petani yang moden. Maka daripada segi itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membantu memberi peruntukan yang begitu banyak sekali.

Oleh sebab itu, kita gunakan sebaik mungkin untuk memastikan petani kita menjadi petani yang moden, petani yang menukar sistem kepada sistem yang lebih baik. Oleh sebab itu kajian-kajian seharusnya dibuat. Kalau kita melihat MARDI umpamanya, ada rakan tadi menyebut soal MARDI ada membuat beberapa kajian. Adakah kajian ini menjurus kepada boleh digunakan oleh orang-orang kampung? Kadang-kadang kita hanya *glamour* di peringkat dunia sahaja. Kita bertanding di peringkat dunia, kita dapat tempat pertama tetapi malangnya, apa yang kita pertandingkan itu tidak boleh digunakan oleh petani-petani. Sebenarnya inilah yang harus kita kaji untuk memastikan petani kita untuk memastikan petani kita menjadi petani yang moden.

Oleh sebab itu juga, saya berkata sedemikian rupa kerana kita masih lagi mengimport barang makan sebanyak RM17 bilion. Oleh sebab itu saya hendak supaya pihak Menteri, saya sudah ucapkan tahniah dahulu kerana saya melihat pada pagi tadi di dalam TV, FAMA telah memainkan peranan untuk menyambut 50 tahun merdeka. Mari kita bersama-sama dengan FAMA untuk menyambut 50 tahun merdeka ini demi kepentingan rakyat, demi kebaikan rakyat dalam bidang pertanian itu sendiri. Perdana Menteri tahu denyut nadi rakyat. Oleh sebab itu diberikan peruntukan yang agak besar.

Jadi, ini yang harus kita perhatikan untuk generasi kita yang akan datang. Adakah kita hendak bergantung kepada masyarakat yang kita tahu di kampung-kampung pada hari ini adalah golongan yang tua sahaja yang terlibat dengan pertanian, golongan muda tidak mahu. Ini kerana

mungkin dikatakan pertanian ini tidak *glamour*, tidak boleh pakai suit. Yang Berhormat Pokok Sena boleh pakai *suit*, Yang Berhormat Lipis boleh pakai *suit* duduk dalam Dewan. Jadi ini yang menyebabkan mungkin anak muda tidak mahu terlibat dalam bidang pertanian. Kita hendak supaya anak muda Gen Y ini terlibat dalam bidang pertanian. Oleh sebab itu pertanian seharusnya memberi ruang dan peluang yang terbaik untuk kita melibatkan diri dalam bidang pertanian.

Berbalik kepada FAMA sebentar tadi, sebab saya berkata sedemikian rupa kerana FAMA telah memainkan peranan yang sangat baik pada hari ini. Saya lihat dengan pengeluaran Agromas, dengan pengeluaran Kedai Agrobazaar dan sebagainya. Hari ini telah dilihat sebagai dapat membantu golongan-golongan kampung membeli buah-buahan yang bermusim. Oleh sebab itu kita hendak supaya satu agensi seperti ini memainkan peranan yang penting. Beberapa faktor yang ingin saya cadangkan kepada FAMA iaitu perbanyakkan infrastruktur ataupun kemudahan pemprosesan, penyimpanan dan aktiviti tambahan nilai hasil pertanian di kawasan pengeluaran hasil yang mana terletak di luar-luar bandar yang boleh mengeluarkan hasil buah-buahan bermusim. Sekali gus dapat menambah nilai hasil pengeluaran dan memperluaskan pasaran hasil pertanian itu sendiri.

Kemudian kita memperuntukkan pula sama ada kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat dapat menyediakan tapak kekal untuk bangunan dan kawasan di bandar-bandar besar untuk petani-petani di bandar-bandar besar. Tadi kalau tidak silap saya, ada juga rakan kita menyebut soal pasar...

Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis, ringkaskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Pasar Tani. Maknanya ini yang kita hendak supaya ia diletakkan di bandar-bandar juga supaya pemprosesan ini dapat juga diberikan kepada mereka.

Kemudian, menggerakkan kempen kesedaran penggunaan hasil pertanian tempatan kerana lebih segar dan mempunyai khasiat yang lebih baik. Keperluan memperbanyakkan lori kepada FAMA. FAMA kena banyak lori sebab hendak masuk kampung ambil hasil untuk pasarkan. Membangunkan model-model perniagaan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti di sepanjang rantaian bekalan agromakanan yang boleh diceburi golongan muda yang mampu meningkatkan ekonomi dalam bidang mereka itu sendiri. Memfokuskan kepada satu-satu jenis hasil pertanian tertentu dan membangunkan dengan pelbagai strategi dan program untuk pasaran eksport yang Malaysia ada kelebihan berbanding dengan negara lain. Contoh, Musang King umpamanya, nanas, tembakai, manggis, yang mana telah kita eksport ke luar negara. Masuk pasaran Jepun, masuk pasaran lain-lain negara.

Oleh sebab itu, di bawah peruntukan P.21 Butiran 00100, FAMA telah diperuntukkan sebanyak RM39.95 juta di mana saya difahamkan peruntukan ini dibuat untuk memastikan bahawa petani mendapat manfaat daripada jumlah sebegini besar untuk menampung kos sara hidup mereka masa hadapan. Saya minta supaya ini dimainkan peranan.

Kemudian dimaklumkan kementerian ini mewujudkan 150 Kedai Agrobazaar Rakyat 1Malaysia dan kedai-kedai ini saya berharap supaya tidak menyaingi kedai-kedai di kampung-kampung. Kalau kita tengok banyak kedai di kampung-kampung, kedai buah-buahan. Kalau kawasan saya, dalam perjalanan dari Lipis sehingga ke Merapoh itu, banyak gerai buah-buahan yang ada sepanjang masa. Ini juga kita kena fikirkan. Jadi Tuan Pengerusi, kita berharap supaya semua agensi ini boleh memainkan peranan.

■1250

Akhir kata, sebagaimana yang saya katakan tadi, ini merupakan Perdana Menteri (PM) kita tahu denyut nadi rakyat yang mana golongan petani ini adalah golongan di kampung yang boleh menghasilkan juga produk-produk untuk membantu negara. Jadi, kita bantu bersama. Oleh sebab itu agensi-agensi sedemikian rupa, bantu turun padang. Kita melihat tidak kira Kuala Krau kah, tidak kira Jerantut kah, Lipis kah mungkin lain-lain tempat masih banyak terbiar, pastikan tanah-tanah terbiar ini terisi dengan ruang-ruang kosong itu dengan pertanian-pertanian moden yang saya perkatakan sedemikian rupa.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Masa tidak cukup, banyak benda hendak cakap, lain kali bagilah masa panjang sikit Tuan Pengerusi. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena.

12.50 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi peluang pada saya. B.21 saya sebut satu butiran sahaja yang menyeluruh berkaitan padi. Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras dan juga perkara-perkara yang berkaitan baja dan sebagainyalah. Saya tidak perlu sebut butiran yang lain.

Saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan seperti yang kawan-kawan sudah sebut tadi. Kenapa banyak sangat potongan sedangkan kita hendak meningkatkan hasil pengeluaran padi? Jadi, seolah-olahnya sudah ada satu *mindset* di peringkat kementerian, tahun depan tidak meningkat padi ini. Contohnya ialah apabila subsidi harga. Subsidi harga itu sendiri sudah dikurangkan. Jadi, seolah-olahnya kerajaan ini, pihak kementerian sudah tahu tahun depan ini pengeluaran padi ini tidak banyak. Maknanya, seperti macam kita tidak ada usaha ke arah untuk bagaimana hendak meningkat motivasi ke arah untuk hendak meningkatkan hasil-hasil padi.

Jadi, ini yang saya agak keliru, apatah lagi bila subsidi harga dikurangkan, subsidi baja dikurangkan, kemudian subsidi benih juga dikurangkan. Jadi, menunjukkan bahawa kita tidak bersedia ke arah untuk berusaha hendak meningkatkan hasil padi. Semua ini baja, benih kemudian– ke arah semua ini ialah ke arah untuk meningkatkan hasil padi. Jadi, saya hendak dapatkan penjelasan kenapa ini berlaku.

Keduanya ialah kalau sebelum ini kalau dalam Butiran 130600 – Insentif Peningkatan Hasil Padi yang diberikan kepada peningkatan sebanyak RM650 untuk bagi setiap tan metrik

peningkatan hasil padi. Akan tetapi untuk tahun depan inilah dimansuhkan, sudah dimansuh. Jadi, macam mana ada inisiatif untuk petani-petani ini, dia hendak meningkatkan hasil padi? Umpama contoh, kalau musim baru ini dia dapat lapan tan, jadi sepatutnya kalau tahun depan musim akan datang bulan satu atau bulan dua ini dia dapat 10 tan, jadi dia sudah dapat pertambahan, maknanya dua tan. Jadi, ada insentif. Akan tetapi insentif itu sudah pun dimansuhkan mengikut rekod buku ini. Jadi, saya hendak minta kenapa benda yang boleh memberikan dorongan, galakan yang tinggi ke arah petani-petani meningkatkan hasil padi ini dikurangkan? Jadi, ini suatu yang sangat mengelirukan.

Kemudian Butiran 131000 - Subsidi Benih Padi Sah. Saya hendak minta senarai daripada pihak kementerian berapa syarikat yang telah pun diberikan untuk kuota pengeluaran benih ini. Sejauh mana mereka ini mempunyai bank benih yang mencukupi. Sejauh mana setakat ini mereka ini berjaya mencapai sasaran untuk melahirkan benih yang sangat bermutu. Oleh sebab kalau kita tengok, setiap musim boleh dikatakan ada penyakit. Jadi, ini bermakna bahawa benih yang dikeluarkan itu ada masalah. Maknanya, benih itu benih yang tidak kualiti, yang tidak tahan penyakit dan sebagainya. Jadi, macam mana pemilihan mereka itu yang diberikan kuota untuk mengeluarkan benih.

Kemudian, akhir sekali saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan Butiran 04800 – Pembangunan Industri Kelapa. Sejauh mana usaha kerajaan untuk meningkatkan tanaman kelapa ini, tanaman nyiur ini seperti disebut oleh rakan saya daripada Jerantut tadi, nyiur matang, nyiur sungai gulang-gulang dan sebagainya. Oleh sebab sekarang ini kalau kita dengar Yang Berhormat dari Kuala Kedah menyatakan bahawa nyiur sekarang ini sudah boleh menjadi satu sumber penjagaan kesihatan. Pemakanan penjagaan kesihatan yang sangat baik. Mungkin Yang Berhormat Bagan Serai dia tidak ada kepakaran ini, akan tetapi Yang Berhormat Kuala Kedah ada.

Saya mula-mula agak keliru, saya kata, “*Ini apa ni, doktor ini merapukah, suruh orang makan nyiur banyak*”, tetapi akhirnya bila dia berikan secara yang saintifik, saya memperakui benda-benda itu satu benda yang benar. Dulu kita dok kata bomoh dok kata doktor tidak betul, hari ini doktor pula kata hak yang depa dia dok amal itu sendiri tidak betul. Dia pun doktor bukan takat jual ubat tetapi Yang Berhormat Kuala Kedah jual minyak nyiur.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang dia jual ubat, Yang Berhormat Kuala Kedah sudah jual dekat Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Kuala Kedah ini doktor yang jual minyak nyiur bukan setakat jual ubat, dia jual minyak nyiur. Itu maknanya untuk menunjukkan bahawa bagaimana penemuan ilmu yang berasaskan kepada pertanian kelapa ini sangat-sangat baik. Jadi, sepatutnya Kementerian Pertanian sudah dapat melihat, walaupun kitab yang dipakai di peringkat Kementerian Kesihatan itu lagi masih tidak memperakui nyiur ini. Akan tetapi apa yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah itu boleh membantu Kementerian Pertanian untuk meningkatkan hasil mutu nyiur ini bukan takat penggunaan untuk nyiur muda, *ayaq* nyiur muda tapi untuk penjagaan kesihatan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

12.56 tgh.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus kepada Butiran 131100 – Subsidi Baja Padi Bukit/Huma. Kerajaan Malaysia telah memberi peruntukan sebanyak RM14 juta untuk subsidi padi bukit dan huma. Terima kasih kepada kerajaan. Saya berharaplah kalau pada tahun hadapan subsidi padi bukit ini terus hantar awal lagi untuk para petani kita bersedia untuk melaraskan kebun-kebun mereka.

Kedua Butiran 040700 – Pembangunan Akuakultur.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Yang Berhormat Hulu Rajang, Hulu Rajang sedikit. Ini pula dengan subsidi padi bukit ini. Yang Berhormat Hulu Rajang, masalahnya kita lihat di kawasan saya adalah ramai di antara petani yang diberi subsidi padi bukit ini adalah tidak lagi menanam padi bukit. Jadi, macam mana penjelasan dalam hal ini?

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Saya memintalah Kementerian Pertanian, suruh pegawai terus pergi ke rumah panjang yang terlibat untuk orang-orang yang menanam padi bukit. Jangan ambil di atas meja sahaja untuk menuliskan nama supaya sasaran itu memberi manfaat kepada kerajaan, pada penduduk ataupun pekebun-pekebun padi bukit kita.

Butiran 040700 – Pembangunan Akuakultur. Kerajaan mempunyai peruntukan RM4 juta terhadap pembangunan akuakultur. Saya meminta sedikit peruntukan tersebut untuk memberi dan membangunkan akuakultur di kawasan Tasik Bakun. Tuan Pengerusi, kawasan Tasik Bakun mempunyai tasik yang begitu indah sekali. Kalau kita tidak pakai, maka sia-sia sahaja. Kedua, kita ada kurang lebih dari 300 nelayan kecil. Saya ingat dengankekayaan dan cantiknya ekosistem biodiversiti yang ada di Tasik Bakun ini kalau kita tidak menggunakannya, rugi kerajaan. Penduduk-penduduk di Bakun juga kalau ada akuakultur ini dapat mengeluarkan hasil dari ternakan ikan.

Ketiga, Butiran 14800 – Pembinaan dan Pembakaian Jalan Ladang. Jadi, kawasan Sungai Asap adalah penempatan semula Tuan Pengerusi. Jadi, mereka telah dipindah atas pembinaan *dam*, Bakun Dam. Jadi, sekarang dalam tahun 1998, orang-orang di Sungai Asap ada ladang tetapi jalan ladang tidak begitu baik. Oleh sebab itu mereka mendesak kerajaan atau Kementerian Pertanian supaya dapat membina naik taraf jalan yang sedia ada untuk dibaiki lebih baik. Supaya pengeluar-pengeluar yang ditanam seperti getah dan kelapa sawit dapat memberikan hasil kepada penduduk-penduduk Sungai Asap. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang.

12.59 tgh.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada satu isu yang saya hendak bangkitkan iaitu Kepala 030600 – Pembangunan Komoditi

Ternakan. Saya cuma hendak mengutarakan tentang pendekatan bahawa keadaan kita Malaysia memerlukan antara 200,000 hingga 250,000 metrik tan daging setahun. Akan tetapi apa yang kemampuan negara setakat ini adalah menyediakan kira-kira 50,000 metrik tan sahaja.

Jadi, saya hendak tanya Menteri apakah langkah-langkah? Walaupun saya maklum bahawa Timbalan Menteri ada menyebutkan ada tiga pendekatan yang mereka akan laksanakan iaitu dengan Projek Ladang Satelit dan juga Ladang Integrasi dan juga dengan membuka padang-padang ragut. Cuma saya juga setuju apa Yang Berhormat Jerantut sebut, selama ini ada usaha untuk kita meningkatkan keluaran daging dalam negara kita tetapi oleh sebab pengurusan, *the mismanagement* dalam aspek ini, maka kita tidak mampu dan jauh daripada apa yang kita perlukan.

Jadi, saya amat berharap kali ini Menteri tidak menjadi seperti kes NFC yang mana RM250 juta telah terbazir dan hasilnya tidak nampak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, ramai lagi ya? Ya, saya percaya Yang Berhormat Speaker selepas ini akan menimbangkan semula sama ada hendak memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas. Dua, empat, enam, lapan, sembilan. Akan tetapi akan bertambah jadi 15. Jadi, saya percaya Yang Berhormat Speaker akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Baiklah Yang Berhormat, Majlis bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

2.32 ptg.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Ampang untuk berbahas.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ampang sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah? Yang Berhormat Ampang sudah siap?... Sudah? Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada tiga kementerian untuk petang ini dan kita belum separuh jalan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya bercadang

untuk memanggil dua daripada Ahli Parlimen Kerajaan dan dua daripada Pakatan sebelum menteri menjawab. Yang Berhormat Sabak Bernam.

2.33 ptg.

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: *Bismillahir Rahamanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengurus kerana memberi peluang kepada Sabak Bernam dalam masa yang ringkas. Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 010300, pembangunan yang mempunyai objektif menentukan pembangunan yang mapan bagi sektor pertanian, ternakan dan perikanan. Saya ingin mendapat penjelasan mengapakah peruntukan dikurangkan daripada RM53,157,900 kepada hanya RM25,0200 terutama yang membabitkan pemberian berkenaan bayaran tetap yang berkurangan. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada pengurangan peruntukan ini akan menjelaskan usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi petani, penternak dan nelayan.

Seterusnya saya ingin menyentuh 010400 yang berkaitan dengan industri padi dan beras negara. Saya hendak mendapat tahu bahawa dengan ini saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi terus meningkatkan hasil pengeluaran padi negara. Berhubung dengan padi, saya ingin menyentuh tentang harga padi khususnya tentang pemotongan yang dilakukan sehingga 35% daripada hasil padi yang menyebabkan pendapatan pesawah menjadi lebih rendah sebelum penyelarasian harga dibuat. Saya berharap pemotongan harga padi ini sewajarnya mendapat persetujuan antara pesawah, pertubuhan peladang dan juga BERNAS. Tuan Pengurus, seterusnya saya ingin menyentuh butiran 020200 berhubung dengan pembangunan komuniti dengan objektif antaranya pembangunan industri, komuniti pertanian secara komersial melalui peningkatan pengeluaran produktiviti dan kualiti. Saya dapatti tiada peningkatan daripada segi jumlah hasil keluasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan ataupun TKPM dari tahun 2014 hingga tahun 2015 dan jangkaan 2016 iaitu kepada 9,135 hektar.

Saya ingin mendapat penjelasan lokasi taman kekal pengeluaran makanan TKPM yang sedia ada dan pengeluaran pertanian yang dihasilkan. Saya juga ingin mendapat penjelasan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menambahkan taman kekal pengeluaran makanan sedia ada bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara. Saya juga dapatti bilangan kuantiti pengeluaran benih padi, Kelapa Matag iaitu Kelapa Pandan terus meningkat daripada 99,327 pada tahun 2014 kepada 130,000 tahun 2015 menunjukkan peningkatan daripada segi benih Kelapa Matag/Kelapa Pandan.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2016 tiada peningkatan dijangkakan. Saya ingin mendapat penjelasan kenapa tiada peningkatan pada tahun 2016 sedangkan permintaan Kelapa Matag ataupun Pandan terus meningkat. Adakah kerajaan bercadang untuk membuka ladang Kelapa Matag/Kelapa Pandan bagi menggantikan kebun-kebun kelapa yang sudah tua. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan memberikan bantuan kepada pekebun kelapa yang sedia ada untuk mananam semula dengan Kelapa Matag dan Kelapa Pandan.

Akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Lembaga Pemasaran Pertanian FAMA yang berperanan penting untuk memasarkan hasil pertanian dengan meluaskan akses pasaran kepada pengguna dan rakyat melalui saiz pasaran. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada FAMA yang pada hari ini mengadakan sambutan 50 tahun. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan khususnya kejayaan FAMA yang telah berjaya membangunkan usahawan industri asas tani dan meluaskan akses pasaran domestik terutama melalui pasar tani.

Walau bagaimanapun, saya dapati penjualan di pasar tani tidak semuanya petani, menyebabkan harga barang yang tinggi. Oleh itu, saya berharap FAMA hendaklah mengutamakan barang yang dijual adalah terus ataupun *direct* dengan izin, dari ladang bagi memastikan harga yang lebih murah kepada pengguna. Saya juga ingin mendapat penjelasan bilangan pasar tani yang akan diadakan pada tahun 2016, bagi memastikan pasar tani dapat diakses oleh lebih ramai pengguna terutama ketika harga barang yang terus meningkat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

2.48 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.21 Butiran 010400 berkaitan industri padi dan beras. Kerajaan mensasarkan tahap sara diri beras pada kadar 100% menjelang tahun 2020. Jumlah hasil padi perlu dikeluarkan untuk mencapai sasaran SSL 100%, berapakah tahap sara diri padi pada tahun ini?

Butiran 04000 berkenaan perikanan. Saya ingin mendapatkan jumlah tangkapan hasil ikan mengikut negeri pada tahun lalu dan tahun ini. Apa rancangan-rancangan kerajaan untuk memajukan dan mengembangkan industri perikanan di negeri Perak.

Butiran 040700 berkenaan pembangunan akuakultur. Adakah kerajaan mempunyai apa-apa cadangan untuk membantu penternak-penternak ikan koi di kawasan Kampung Bali, Tronoh, Kawasan Parlimen Batu Gajah. Pengusaha-pengusaha ini menghasilkan produk ikan koi berkualiti tinggi secara turun temurun tetapi tidak mendapat sebarang bantuan daripada kerajaan. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit.

2.39 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara. Yang pertama, 010400 berkenaan industri padi dan beras. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian, dua kali sudah saya timbulkan bila nak masukkan bendang-bendang di Daerah Kuala Tengah yang seluas sekitar 3000 hektar dengan pesawahnya lebih kurang 2000 orang untuk dimasukkan ke dalam Skim Sungai Manik ataupun IADA Seberang Perak. Ini bertujuan bagi meningkatkan pencapaian hasil bagi pesawah-pesawah di kawasan Parlimen Parit yang pada hari ini sekitar tiga hingga enam guni sahaja satu ekar. Jadi kami

masukkan dalam Skim Sungai Manik ataupun AIBA Seberang Perak, *inshaaAllah* peningkatan akan dapat dilakukan.

■1440

Yang kedua tentang sistem pengairan dan saliran pertanian. Buat masa ini untuk maklumat Tuan Pengerusi bahawa ban yang ada adalah ban daripada tanah yang perlu digantikan kepada ban yang lebih baik daripada itu dan pintu-pintu air ini juga tidak sesuai lagi untuk mengairkan air di bendang-bendang. Itu perkara kedua.

Perkara ketiga tentang Butiran 030000 – Veterinar. Bagi saya, inilah jabatan yang sepatutnya boleh membantu kerajaan untuk menambahkan bilangan ternakan, lembu, kerbau dan kambing bagi mengurangkan import daging dari luar negara. Jadi sepatutnya inilah jabatan yang dapat membantu kerajaan.

Yang kedua, saya ingin tahu adakah benar dakwaan “Awang Selamat” baru-baru ini yang mengatakan bahawa adanya laporan kecil dalam Jabatan Veterinar yang dilibatkan memberikan keuntungan besar kepada mereka yang bertaraf kartel dan menjadikan pemain-pemain kecil langsung tidak berpeluang untuk mendapatkan menyertai bidang ternakan.

Terakhir Perikanan, Butiran – 040000. Di kawasan Parlimen saya, banyak ternakan ikan sangkar di sepanjang sungai yang kebanyakannya dikuasai oleh orang-orang pelarian daripada Kemboja. Saya berharap supaya Jabatan Perikanan dapat berikan perhatian kepada perkara ini supaya dapat menjadikan usaha ini sebagai suatu yang boleh mendapatkan pendapatan pada masyarakat tempatan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok.

2.42 ptg.

Tuan Ahmad Marzuki bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa butiran yang hendak disentuh. Di antaranya Butiran 010000 dan Butiran 130000. Begitu juga dengan Butiran 090000. Nampaknya kementerian masih terus tidak menghiraukan keperitan para petani yang miskin di bawah. Pesawah miskin dipotong subsidi padi sehingga RM65 juta. Tidak cukup dengan potongan pula subsidi harga padi sebanyak RM80 juta. Peliknya peruntukan untuk MAHA 2016 dinaikkan sehingga 100% daripada RM5 juta kepada RM10 juta. Mengapa MAHA 2016 tidak cukup dengan peruntukan yang sama iaitu RM5 juta. Apakah kerajaan mahu memeriahkan lagi MAHA 2016? dengan memanggil artis-artis atau *K-Pop* dari Amerika dan dari Korea dan meramaikan, untuk menghiburkan lagi pengunjung sedangkan petani-petani miskin masih juga tidak mendapat apa yang mereka ingin capai.

Padahal nasib dan pendapatan petani ini terus dikenalkan miskin supaya mereka tidak terdidik dan barangkali inilah yang menyebabkan tidak berubah nasib mereka. Apa yang berlaku pada MAHA hanya dipamerkan oleh jentera pertanian yang mahal-mahal, yang canggih-canggih, yang tidak mampu dimiliki oleh petani-petani. Di negara maju, pertanian para petani mereka menyumbang cukai yang besar kepada kerajaan tetapi petani di sini sering dikaitkan dengan soal kemiskinan. Saya hendak tanya berapa jumlah petani, nelayan, penternak dan yang menerima

BR1M, berapa pula yang menerima bantuan bulanan daripada JKM. MAHA 2016 adakah hanya mempamerkan baja-baja kimia dan racun yang mahal, berbahaya dan merosakkan alam.

Apakah kerajaan tidak memikirkan penekanan kerajaan terhadap soal agroekologi pertanian lestari dan juga pertanian organik? Kenapa kerajaan tidak mengikut saranan dan mengendahkan laporan UNHRC yang bahawa Malaysia boleh dikatakan tidak menjalankan program kesedaran dan latihan mengenai agroekologi pertanian lestari dan juga organik. Apakah alasan kerajaan tidak melakukan program sedemikian secara lebih besar?

Saya mendapat aduan daripada petani-petani di Bachok yang mereka juga secara inisiatif sendiri mengambil siput-siput gondang tadi untuk dijadikan bahan-bahan baja dan malangnya mereka ini tidak diberikan bantuan teknikal ataupun inisiatif bantuan daripada pihak kerajaan secara serius. Saya juga mendapat aduan daripada para petani di kawasan saya tentang ketidaksungguhan pegawai pertanian dalam membantu petani-petani organik di kawasan saya. Mengapa hal sebegini boleh berlaku dan minta penjelasan daripada pihak kementerian. Proses nasihat dan rundingan kepada petani dibuat secara sambil lewa dan ini tidak hanya berlaku di kawasan saya barangkali juga di kawasan-kawasan lain.

Mohon kerajaan menjelaskan jumlah program kesedaran agroekologi di setiap jajahan dan jumlah peserta yang terlibat. Jumlah kerugian dijangka oleh kerajaan dalam industri baja dan racun kimia, jika setiap petani di Malaysia mula mengamalkan pertanian organik? Berapakah pula dapat dijimatkan peruntukan kerajaan? Jika petani dapat menghasilkan sendiri baja dan kawalan serangga secara alami. Sejumlah 84 projek pembangunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada Bajet 2016, namun tiada satu pun yang memberi tumpuan khusus kepada pertanian organik. Apakah alasan pihak kementerian? Saya cadangkan kerajaan Malaysia memasukkan projek pembangunan khusus pertanian organik dengan jumlah permulaan barangkali dalam sekitar RM100 juta. Jika kepada kandang khinzir, kerajaan boleh peruntukkan RM6 juta bagi menjamin kesihatan khinzir, penternak dan juga masyarakat, kenapa dalam soal keselamatan petani dan kesihatan mereka dan penjagaan alam sekitar RM100 juta tidak dapat disalurkan.

Yang terakhirnya Tuan Pengurus, KADA melaporkan prestasi peningkatan pelepasan isi padu air sebanyak 700 juta meter padu, kenapa KADA tidak lapor berapa ribu hektar sawah kekeringan. Berapa banyak tali air seliaan KADA hanya tinggal tali sahaja, airnya tidak ada. Berapa ribu pula para petani di bawah KADA yang terpaksa membeli pam air sendiri kerana masalah pengairan dan penyelenggaraan daripada pihak KADA yang tidak memuaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.46 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Nogeh anak Gumbek]:
Selamat tengah hari, salam sejahtera, terima kasih Tuan Pengurus.

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih 10 orang yang telah memberikan perhatian terhadap perkembangan sektor pertanian negara dan mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 peringkat jawatankuasa pada hari ini bagi peruntukan Bekalan B.21 dan Pembangunan P.21, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Pengerusi, izinkan saya memulakan dengan memberi sedikit gambaran keseluruhannya kepada Dewan yang mulia ini. Bersesuaian dengan tema Bajet 2016, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat", kerajaan telah memberi fokus kepada pengukuhan pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat melalui pelbagai program termasuk program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Untuk tujuan ini sejumlah RM5.3 bilion telah diperuntukkan kepada kementerian ini. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan pembangunan sektor pertanian seterusnya memastikan *food security*, dengan izin, *and sovereignty* terjamin. Adalah menjadi dasar kementerian bagi memastikan negara kita mampu untuk mengeluarkan produk-produk pertanian bukan saja cukup untuk rakyat kita akan tetapi berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia dengan mengeksport produk pertanian kerana dengan eksport itu sendiri secara tidak langsung akan dapat membantu memperkuatkan bukan saja mata wang ringgit kita tetapi juga membantu meningkatkan sosioekonomi mereka yang terlibat dalam industri pertanian.

Sebagaimana yang kita tahu, sektor pertanian juga merupakan salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara. 'Sahabat' saya Yang Berhormat Limbang menyentuh sara hidup, menyentuh...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh tidak, tidak guna sahabat dalam Dewan Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat Arau guna perkataan "Bro", "Sis" lagi.

Tuan Nogeh anak Gumbek: *Noted.* Sebentar. Yang Berhormat Limbang menyentuh...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Pasir Salak *ragging* ini [*Ketawa*]

Tuan Nogeh anak Gumbek: ...Menyentuh subsidi bajet padi pada padi bukit. Jadi memang dalam bajet ini...

■1450

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Cari nota dulu Timbalan Menteri.

Tuan Nogeh anak Gumbek: ...Ya, kita mengagihkan secara mengikut Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan diberi baja dan racun mengikut kebesaran sawah yang dibangunkan. Kita menggunakan senarai nama-nama yang diberikan kepada kita dari Pejabat Pertanian Daerah. Saya juga mengambil perhatian yang disebut oleh Yang Berhormat Julau di mana ada yang tidak menanam padi tetapi menerima bantuan.

Jadi di negeri Sabah dan Sarawak, sebenarnya mereka tidak menanam padi setiap tahun. Jadi kita perlu menggunakan *list*, dengan izin, yang terkini. Bagi tahun 2016, kita akan mengarahkan jabatan pertanian untuk memberi *list* terkini. Yang tidak menanam padi lagi, tidak akan dapat menerima dan yang tidak pernah menanam dulu tetapi menanam pada tahun 2016 akan menerima.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Timbalan Menteri, boleh mencelah, Sepanggar di belakang.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa sebabnya peruntukan bala bagi negeri Sabah tahun ini hanya diberi RM10 juta daripada RM70 juta yang didedicated ke Sabah dan Sarawak. Sedangkan jumlah penanam padi bukit di Sabah sudah pun meningkat kepada 10,908 orang petani yang melibatkan 12,908 ekar padi bukit. Minta penjelasan.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Terima kasih. Yang Berhormat, saya tidak ada *figure* yang terkini mengenai berapakah jumlah pesawah padi bukit di Sabah dan Sarawak tetapi saya difahamkan 80% orang pesawah padi yang menanam padi bukit adalah dari Sarawak. Mungkin kerana itulah jumlah yang besar lagi diajukan kepada negeri Sarawak.

Saya beralih kepada elauan sara hidup nelayan darat dan elauan nelayan lautan dalam. Kita memang ada elauan sara hidup nelayan di mana kita memberi RM300 sebulan bagi Zon ‘A’, RM250 bagi Zon ‘B’ dan ‘C’ dan untuk sara hidup nelayan darat RM200 sebulan. Syarat-syaratnya nelayan ini mesti ada lesen menangkap ikan dan juga didaftar dan disahkan oleh persatuan nelayan tempatan. Yang ini untuk isu elauan sara hidup nelayan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Ada banyak soalan yang hendak dijawab. Yang Berhormat, nanti saya akan bagi laluan, sekejap dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Saya cuba baca untuk Yang Berhormat Limbang dulu.

Bagi program untuk membaik pulih rumah, membina rumah baru dan penempatan semula, tahun depan kita ada peruntukan sebanyak RM9,000.9 juta. Jadi untuk permintaan dari Limbang, penambahan mereka sedang diproses mengikut keutamaan. Sekiranya pemetaan mereka itu diluluskan, maka pada tahun depan dapatlah peruntukan ini digunakan untuk kawasan Limbang.

Sama juga dengan permintaan untuk memperbaiki jalan ladang. Kementerian ada peruntukan tetapi tidak begitu banyak. Jadi kita juga melihat daripada segi keutamaan, kita menyegerakan *list-list* nya dahulu dan sekiranya diluluskan, maka kita akan bagi peruntukan untuk kawasan Limbang. Ya Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Tadi fasal nelayan darat ini, elauan nelayan darat. Tempoh hari dari Jabatan Pertanian ada berjumpa dengan saya iaitu officer lah, mohon restu daripada Yang

Berhormat Parlimen. Jadi kita telah pun memberi sain dan sebagainya tetapi saya difahamkan ia bukan melalui PNK di kawasan tetapi nelayan laut ya, melalui inilah. Jadi kalau boleh saya memang bersetuju kalau ia melalui PNK tersebut. Jadi kita mohon pencerahan ataupun mungkin pihak Menteri boleh berhubung dengan negeri tentang kaedah ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Okey kita akan *take note* of permintaan itu dan kita akan berhubung dengan kerajaan negeri. Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nelayan darat ini, jumlah nelayan darat yang sedia menerima bantuan RM200 sebulan di Sarawak dan berapakah mereka yang dari kawasan Parlimen Kanowit? *Thank you.*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit ya Timbalan Menteri.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan nelayan darat ini, terutama saya hendak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana pertama kalinya nelayan darat diberikan insentif juga. Akan tetapi walau bagaimanapun dengan keadaan kehidupan nelayan itu terutamanya di Parlimen Bagan Serai yang susah hidupnya dengan kos kehidupan yang meningkat. Adakah pada masa akan datang insentif untuk nelayan laut dan darat ini akan diberi penambahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, sudah cukup ketatkah syarat-syarat yang dinyatakan untuk seseorang itu mendapat lesen sebagai nelayan. Terima kasih.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tuan Pengerusi, saya tidak ada angka untuk negeri Sarawak bagi nelayan darat tetapi keseluruhannya untuk Malaysia, kita menyasarkan 5,200 orang dan setakat 31 Oktober 2015, penerima elaun sara hidup nelayan darat seramai 3,481 orang dengan pembayaran kurang lebih RM6.95 juta.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Bagan Serai, kita akan melihat keadaan dari semasa ke semasa dan kita tidak dapat berjanjilah sama ada kita akan menaikkan elaun ini. Mengenai syarat-syarat untuk lesen menangkap ikan, memang sudah sedia ada dan memang sudah cukup lengkap.

Saya beralih pula kepada Yang Berhormat Sungai Siput. Yang Berhormat risau kerana ada pengurangan peruntukan untuk kementerian ini keseluruhannya. Saya ingin menerangkan yang tidak ada dalam bajet pada tahun ini ialah subsidi peningkatan hasil padi dan juga subsidi beras ST15. Itu sebenarnya angka yang besar yang menyebabkan peruntukan keseluruhannya dikurangkan. Jadi untuk subsidi meningkatkan hasil padi ini, kita telah melihat dari tahun ke tahun pada tahun yang lepas walaupun kita ada memberikan subsidi tetapi taraf kenaikan produktiviti itu tidak begitu tinggi. Jadi tidak perlulah kita menyambung dengan subsidi ini.

Mengenai ST15, kita juga telah menerangkan pada waktu penggulungan peringkat dasar tetapi saya akan menerangkan sekali lagi, ini ialah kita menghentikan sementara kerana kita sedang mencari mekanisme yang baru. Apalah salahnya kita *review*, dengan izin, program-program yang sedia ada dengan tujuan untuk menambah baik *delivery system* kita. Jadi dengan itu, sebaik sahaja kita dapat mengubah mekanisme yang baru, maka kita akan berundinglah

dengan kerajaan untuk menyambung dengan subsidi ini. Jadi ia tidak akan *remain* kosong seperti dalam bajet sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Alor Star bangun.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Ya Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampak 'ketua darjah' relaks duduk belakang, tengah tengok 'penolong ketua darjah'. Ini *ragging* [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, penjelasan terus Yang Berhormat. Tidak payah ganggu Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saja, hendak bagi dia ceria sikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pokok Sena, dia pengawas itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak dengar suara dia, jadi tidak berapa hendak ceria Parlimen ini.

■1500

Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Mas Gading. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa insentif peningkatan hasil padi itu dimansuhkan kerana didapati pelaksanaannya tidak begitu baik maknanya daripada segi peningkatan hasil padi tidak begitu banyak. Saya fikir alasan ini tidak munasabah. Walaupun tidak berlaku peningkatan yang baik tetapi pemberian itu diberi berdasarkan kepada peningkatan hasil.

Walaupun tidak tercapai kepada apa yang diharapkan tetapi kalau berlaku sedikit peningkatan hasil maka kita beri sedikit duit itu tidak akan habis, duit itu tidak akan habis. Jadi tidak wajar untuk dimansuhkan insentif peningkatan hasil mutu padi ini. Sebab apatah lagi disusuli dengan pengurangan kepada subsidi-subsidi yang lain.

Sebab itu saya kata seolah-olahnya *mindset* yang ada dalam Kementerian Pertanian ini seolah-olahnya tahun depan Pendang punya hasil padi ini tidak meningkat. Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pendang boleh bersetuju dengan saya. Seolah-olah macam sudah tahu kata macam Kementerian Pertanian macam Tok Bomoh...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tok Bomoh sudah tahu hasil padi tidak meningkat. Cuma saya subsidi harga pun dikurangkan. Jadi mana tahu kalau subsidi harga kalau hasil padi itu meningkat subsidi harga mesti diberi, ditambah. Jadi macam mana sudah dikurangkan subsidi harga, insentif peningkatan hasil pun dimansuhkan. Seolah-olah sudah tahu hasil padi kurang. Jadi saya fikir bahawa tidak ada inisiatif ke arah memotivasi untuk menggerakkan usaha kepada peningkatan hasil padi...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Boleh, boleh?

Tuan Nogeh anak Gumbek: ...Sebenarnya subsidi ataupun insentif tidak insentif pun kita menggalakkan pesawah-pesawah kita meningkatkan hasil pengeluaran mereka. Walaupun insentif itu tidak ada kita sudah menaikkan insentif pengeluaran padi daripada 200 lebih 1 tan kepada 300 dan peruntukan yang dirakam seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sewaktu membentangkan bajet RM616 juta bukan yang seperti yang ada di dalam buku.

Jadi di sitolah kita bagi juga insentif untuk menaikkan produktiviti dan kita bayar mengikut jumlah tan yang dinaikkan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Ada banyak lagi, banyak lagi sorry, sorry.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, Yang Berhormat menyebut bahawa kerajaan menaikkan subsidi, subsidi harga daripada RM265 kepada RM300 itu tetapi secara umumnya peruntukan subsidi harga itu dikurangkan, dikurangkan tahun hadapan. Jadi seolah-olahnya sudah tahu dah kata hasil padi tidak meningkat jadi subsidi tidak perlu diberi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tidak payah ulang, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Jadi seolah-olahnya sebut kata, meningkat RM300 itu ini kalau Yang Berhormat Bintulu, dia kata kongkalikung lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena duduk.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Daripada segi skim subsidi harga padi itu dinaikkan kepada RM616 juta. Kita menganggarkan keluaran padi itu akan meningkat. Saya akan beralih kepada...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Dengan izin, dengan izin..

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Star bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tak hendak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk dulu, Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Jadi tadi saya hujah semasa perbahasan ST15, jadi soalan saya tidak dijawab lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Belum sampai lagi Yang Berhormat, ini masih Yang Berhormat Sungai Siput ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Yang Berhormat Sungai Siput juga bertanya mengenai...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Sungai Siput tidak ada dalam Dewan. Oh, baru masuk.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Masalah yang dihadapi petani-petani yang mengusahakan tanaman sayur dan buah-buahan tetapi telah diarah keluar dari tanah-tanah kerajaan di kawasan beliau. Ingin dimaklumkan seperti yang beliau tahu kuasa menggunakan tanah ini adalah di

bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi kita walaupun kita daripada segi peringkat kebangsaan kita ada zon-zon untuk menggunakan tanah-tanah itu, itu cuma adalah *recommendation*, dengan izin, daripada kita terpulanglah kepada kerajaan negeri untuk menentukan kegunaan tanah-tanah tersebut. Ada lagi isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput bilangan penternak kecil. Penternak akuakultur 26,516 dan pengusaha kecil ada 17,235.

Saya akan beralih kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Ini banyak soalan yang di...[Ketawa] Berapakah usahawan yang telah dilahirkan oleh FAMA dan berapakah bilangan usahawan wanita? Dianggarkan seramai 70,000 orang usahawan yang telah berjaya dibimbing oleh FAMA dan 60% daripada angka itu iaitu kurang lebih 40,000 orang dianggap daripada kalangan wanita. Ini daripada Yang Berhormat Parit Sulong.

Mengenai pakar, MOA tidak bercadang untuk mewujudkan lebih banyak pakar walau bagaimanapun kita akan wujudkan lebih banyak Pasar Tani Kekal untuk kekal sedia ada kita jenamakan semula sebagai Pasar Tani Kekal. FAMA merancang untuk mewujudkan sebanyak 26 buah pasar tani kekal baru menjelang 2020...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Hendak tanya.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tunggu dahulu, tunggu dahulu ya.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya hendak tanya fasal pasar tani kekal lah. Boleh ya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa akan diwujudkan 26 buah pasar tani kekal. Jadinya daripada jumlah itu ada tidak satu yang sebelum ini telah dicadangkan untuk diadakan di kawasan Parlimen Parit Sulong ke kementerian sudah tarik balik letak tempat lain? Itu sahaja saya hendak tahu.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Yang di Parit Sulong itu mesti adalah dan yang lain-lain di seluruh negara lah ya. Mengenai agrobazaar di luar negara, cabaran mewujudkan agrobazaar di luar negara adalah daripada segi mendapatkan lokasi strategik dan pengusaha yang sesuai. MoA bercadang untuk membuka agrobazaar di beberapa buah negara termasuklah China. Agrobazaar Malaysia di Singapura pada masa ini jumlah dagangan adalah sebanyak RM2.6 juta bagi tempoh Julai 2014 sehingga September 2015 dan anggaran pengunjung seramai 50,000 sehingga 60,000 orang dan anggaran 200 aktiviti promosi telah diadakan.

Mengenai status terkini Agrobazaar Dubai pada masa ini, Agrobazaar Dubai masih dalam peringkat perancangan iaitu penentuan lokasi strategik dan rakan kongsi, dengan izin, *business partner* yang memerlukan pertimbangan terperinci dan mengambil sedikit masa lagi bagi memastikan kejayaan program ini.

Apakah syarat yang dikenakan kepada usahawan yang ingin menyertai agrobazaar? Satu daripadanya mempunyai produk yang mencukupi dan konsisten pengeluarannya. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi untuk eksport ke luar negara? Di antaranya ialah pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh negara pengimport seperti HACCP, GMP,

GHP dan sebagainya. Persediaan logistik seperti kemudahan sijil beku dan kaedah pengangkutan yang efektif.

Agrobazaar sudah dijawab. TEKUN sebentar ya. Mengenai TEKUN, kajian yang dijalankan pada tahun 2013 mendapati 94.3 orang usahawan yang menerima pinjaman TEKUN menunjukkan peningkatan jualan. Hanya 5.7% menunjukkan rekod jualan yang kekal atau menurun. Kepada mereka yang gagal TEKUN memberi peluang penstrukturkan semula pinjaman supaya tidak membebankan untuk mereka membayar balik pinjaman.

TEKUN juga mewujudkan program mentor mentee dalam bidang tertentu di mana peminjam boleh melihat peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan baru dengan bimbingan mentor. Jumlah kelulusan pinjaman wanita seramai 170,275 orang ataupun 52% yang berjumlah RM1.8 bilion telah menerima pinjaman. Secara keseluruhannya prestasi bayaran balik pinjaman wanita adalah lebih baik berbanding pinjaman lelaki. Jadi kita ambil tahniah kepada usahawan wanita...

■1510

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya nak tanya lagi, boleh tak Tuan Pengerusi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Ada banyak lagi.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Bukan, ada yang mengenai TEKUN, ada yang Yang Berhormat tak jawab sebab saya tanya adakah TEKUN hendak mewujudkan satu lagi platform kepada usahawan-usahawan wanita ini daripada segi platform atas talian, sebab itu yang *very popular*, dengan izin sekarang ini. Itu Yang Berhormat, saya hendak jawab itu sebab saya hendak perlukan *point-point* itu semua.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Boleh saya bagi jawapan bertulis ya? *[Ketawa]*

Saya balik kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang bertanya, adakah kementerian menjalankan Program Latihan Kemahiran Pertanian untuk menggalakkan generasi muda. Mengenai NATC, kita ada 12 buah pusat. Jenis kursus ada sembilan jenis. Saya tak payah baca habis ya, kalau hendak tahu, nanti kita minum kopi. Di antaranya ialah kursus tanaman pengeluaran padi, ternakan ruminan, ternakan *poultry*, akuakultur dan sebagainya. *Intake* pelatih setahun 1,500 orang setahun.

Yang Berhormat Kota Melaka juga bertanya mengenai, tiada pengawalan sawah yang baik. Secara umumnya kementerian memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur, pengaliran dan saliran di kawasan jelapang padi. Walau bagaimanapun, dalam tahun 2015 kementerian telah mengagihkan sebanyak RM650,000 untuk negeri Melaka bagi kerja-kerja pembaikan infrastruktur pengairan dan saliran...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri yang pembetulan itu boleh secara bertulis beri ya, yang *detail* mungkin kerana masa tidak mengizinkan, beri secara bertulislah. Boleh ya? Terima kasih.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Boleh Yang Berhormat. Mengenai projek NFC, yang ini sudah di dalam prosiding mahkamah jadi kita tidak dapat memberi ulasan. Program-program untuk menambahkan lagi penternakan daging diteruskan menerusi ladang satelit dan pada masa ini kita ada 67 buah ladang satelit.

Mengenai penternakan khinzir, penternakan khinzir ini telah mencapai 90% tahap sara diri, pengimportan cuma 10% bagi keperluan khusus *suckling pig* lah dengan izin ya.

Yang Berhormat Pendang, bagaimana tanah-tanah terbiar dibangunkan dengan tanaman sayuran dan buah-buahan. Kementerian Pertanian melalui jabatan telah mengadakan bancian terhadap tanah terbiar yang melibatkan keluasan sebanyak 119,000 hektar. Walaupun kementerian tidak mempunyai peruntukan pembangunan khusus untuk tanah terbiar tetapi akan menggalakkan penglibatan pihak swasta membangunkan tanah terbiar yang mempunyai skala yang berekonomi.

Menyentuh penyakit padi yang berlarutan, bagaimana kita membasmi penyakit ialah untuk menanam *variety* baru yang lebih rintang kepada penyakit telah dibangunkan dan kita juga menggesa petani-petani kita untuk mengikuti amalan pertanian yang baik, *Good Agricultural Practices* (GAP) perlu menjadi budaya, penggunaan baja dan *pesticide* yang betul, penanaman padi berbagai-bagai *variety* tempat mengurangkan berlakunya penyakit secara berlarutan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sikit?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tunggu dahulu ya. Mengenai benih padi, MARDI telah mengeluarkan banyak *variety* yang berpotensi untuk menghasilkan sehingga 10 tan satu hektar. *Variety* tersebut ialah MR219 diikuti oleh MR220, MR253, MR263 dan yang terakhir MR284. Setiap satu *variety* adalah lebih baik daripada segi rintang kepada penyakit. *Variety* yang dapat mengatasi masalah padi angin juga telah berjaya dihasilkan iaitu *variety* MR220 dan MR201- ya, ya soalan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan penemuan yang baru diisyiharkan MR284 oleh MARDI itu, saya difahamkan ini salah satu yang terbaiklah dan sangat rintang dan katanya boleh menyediakan nasi yang lebih sedap, lebih lembut. Jadi ini sangat pentinglah terutamanya kalau saya lihat di kawasan Parlimen saya di Bagan Serai ini kita ada 13,455 hektar, purata pengeluaran hanya 3.8 metrik tan per hektar. Jadi, saya memang hendak tanya kerajaanlah tentang apakah tindakan jangka panjang kerajaan MOA untuk menghasilkan padi yang lebih kepada pengeluaran 10 metrik tan per hektar, sekali gus mencapai pendapatan per kapita RM48,000 setahun. Jadi bilakah MR284 ini dapat digunakan di seluruh negeri Malaysia ini?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Boleh saya bagi jawapan bertulis ya, Yang Berhormat?
[Ketawa]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Boleh, boleh.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Saya sekarang beralih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, fasal tadi sedikit. Hendak..

Tuan Nogeh anak Gumbek: Ada banyak lagi di sini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Ada banyak lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, pasal saya minta penjelasan. Kalau tak boleh bagi secara ini pun boleh bagi bertulis.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tak apa, tak apa, tak apa.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Benih itu tadi ini yang kebanyakannya ditanam sekarang ini benih apa? Benih padi, kebanyakannya. Saya minta. Walaupun disebut tadi banyak *variety-variety* baru bukan? Akan tetapi kebanyakannya yang ditanam itu benih apa? Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Itu soalan spesifik, saya akan bagi jawapan bertulislah. Bagi Yang Berhormat Kuala Nerus.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tuan Pengerusi, di sini persoalan yang dibawakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena adalah cukup penting. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak tahu juga majoriti benih yang digunakan oleh pesawah padi, bagaimanakah hendak membantu pesawah padi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ini padi sudah menjalar atas rumput.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Bagi Yang Berhormat Kuala Nerus, jumlah nelayan Terengganu 10,389 orang dan di Kuala Nerus ada 2,033 orang. Kementerian melalui Jabatan Perikanan sentiasa memastikan nelayan-nelayan turun didaftarkan dengan melaksanakan Program Hari Bertemu Pelanggan. Taklimat-taklimat kepada nelayan secara in-situ dan pemeriksaan vessel secara berkala. Pemutihan dilaksanakan bagi memastikan nelayan sedia ada nelayan tulen.

Bilangan peminjam dan pemantauan peminjam TEKUN Kuala Nerus. Untuk makluman Yang Berhormat, TEKUN telah menyalurkan pinjaman kepada 3,754 orang dengan nilai RM40.6 juta sehingga 31 Oktober 2015. Sebanyak RM25.5 juta atau 79% telah dikutip, sementara bakinya adalah masih dalam tempoh pinjaman dan TEKUN terus mengutip bayaran balik sehingga bayaran diselesaikan.

Untuk usahawan yang gagal, TEKUN boleh membantu melalui penstrukturkan semula pemberian peluang kedua. Daripada segi pemantauan, TEKUN memantau prestasi usahawan melalui lawatan pegawai TEKUN semasa ataupun bayaran balik setiap balik di premis perniagaan usahawan. Penglibatan golongan muda... *[Membelek-belek dokumen]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Handwriting* masalah Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: *[Ketawa]* Memberi subsidi berjumlah RM22 bilion tetap tahun ada merupakan bantuan kerajaan kepada industri padi dan beras untuk membantu petani mengusahakan sawah. Usahawan lembu di Kuala Nerus 212 orang penternak lembu daging.

Yang Berhormat Jerantut.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ada tertinggal soalan saya rasa.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Bertanya tanaman padi yang kini dilaksanakan di bawah NKEA dan EPP 9.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ada soalan tertinggal Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan lagi Yang Berhormat. Dia tak bagi jalan lagilah itu Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Dalam program berlangsung, padi ini merupakan penemuan hasil yang dieksport ke luar negara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, tolong Yang Berhormat Menteri, kasihan dia.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Mengenai padi-padi yang diperluaskan, telah ada program khusus untuk memperluaskan penanaman padi wangi di bawah EPP 9. *Variety* yang ditanam ialah padi MARDI wangi dan telah ditanam 930 hektar di Kedah, Johor dan Kelantan dan pada tahun depan kita akan meningkatkan keluasan ini kepada 1,725 hektar.

■1520

Mengenai isu benih kelapa SGG yang berpotensi perlu diperluaskan, memang benar Kelapa Sungai Gulang-Gulang ini adalah sama dengan jenis kelapa, yang lain seperti kelapa pandan, kelapa *Malayan Yellow Dwarf* dan *Malayan Green Dwarf* yang lebih mudah dihasilkan melalui semai kelapa yang telah matang. Kelapa Matag adalah hibrid yang lebih sukar dihasilkan melalui dikahwinkan dua jenis kelapa iaitu kepada jenis Malayan Tall dan Tagnanan.

Jabatan Pertanian sedang mempromosikan penanaman kelapa pandan untuk tujuan penghasilan kelapa muda untuk minuman dan kelapa matang untuk menghasilkan kelapa tua ya, untuk santan. Walau bagaimanapun, terdapat jenis SGG masih dalam pemerhatian, kesesuaian tempat, *local variety trial*. Kelapa jenis tersebut masih belum dipromosikan secara meluas di peringkat ini pada masa ini. Yang Berhormat Alor Star. Sudah jawab kah tadi? *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: Alor Star. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada kutu gajah susah hendak jawab [Ketawa]

Tuan Nogeh anak Gumbek: Yang Berhormat Bintulu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Alor Star belum dijawab Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu tidak ada dalam Dewan.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Kongkalikung tidak ada? [Ketawa]

Walau bagaimanapun saya ingin ucapan terima kasih atas cadangan-cadangan untuk mengadakan satu mekanisme yang baru bagi subsidi ST15 itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Alor Star bangun, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Yang Berhormat Kota Raja...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya semua tidak dijawab. Tadi *you* kata Alor Star tetapi tidak jawab. Belum?... Semua bertulis?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Adakah dasar kerajaan mengenai pertanian organik? Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai kenyataan dasar yang spesifik mengenai pertanian organik tetapi ia digalakkan diusahakan oleh petani-petani yang mempunyai *niche market*. Sehingga sekarang, seramai 164 orang petani menerima Sijil myOrganic melibatkan keluasan kawasan 2,000 hektar.

Apakah pendirian pertanian terhadap kemasukan pokok tin baru-baru ini? Pokok tin merupakan tanaman *temperate* yang diperkenalkan di negara ini. Kerajaan sedang memantau kemasukan benih pokok ini mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Adakah kerajaan menggalakkan tanaman sayur-sayuran di kawasan rumah untuk penggunaan sendiri? Kerajaan telah melaksanakan pertanian bandar di mana kita menggalakkan penduduk-penduduk dan orang awam bercucuk tanam dan menanam sayur sayuran di kawasan perumahan untuk kegunaan sendiri. Pada tahun 2016, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk Program Pertanian Bandar. Sehingga sekarang seramai 23,200 orang peserta terlibat melaksanakan aktiviti penanaman sayuran di kawasan perumahan.

Penternakan khinzir. Sememangnya penternakan khinzir didaftarkan menerusi pelaksanaan Enakmen Pengawalan Penternakan Babi. Setiap penternakan khinzir dilesenkan. Penternakan babi dijalankan di *pig farming area* seperti di Sarawak. Di lain-lain tempat penternakan ini perlu diadakan di zon penempatan sejauh jarak 200 sampai 500 meter dari tempat kediaman dan penternakan ini hanya untuk permintaan tempatan yang cukup.

Mengenai TEKUN secara keseluruhan punca kegagalan usahawan TEKUN antaranya kelemahan dalam menguruskan kewangan dan perniagaan, lemah dalam strategi pemasaran, premis yang tidak strategik. Untuk mengatasi masalah ini TEKUN mengadakan kursus

keusahawanan dan pengurusan kewangan. Sehingga ini TEKUN telah memberi kursus dan seminar kepada 43,536 orang bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2015.

Apakah syarat-syarat nelayan untuk mendapatkan lesen? Di antaranya mereka mestilah nelayan tulen, beroperasi 120 hari dalam satu tahun untuk menangkap ikan, warganegara Malaysia, mempunyai kad pendaftaran nelayan, memiliki vessel atau bekerja di atas vessel berlesen. Punca pendapatan utama adalah daripada aktiviti penangkapan ikan. Pengeluaran lesen penangkapan ikan laut pantai telah dibekukan sejak tahun 1982. Namun begitu permohonan di kalangan eKasih akan dipertimbangkan kes demi kes khusus kepada lesen sampan khas...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sini Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai pengeluaran lesen kepada pemohon baru. Ada kesukaran di pihak mereka yang tidak mempunyai vessel atau pun mempunyai bot sendiri. Adakah kementerian memberi kemudahan sama ada dalam bentuk bila mereka mendapat lesen mungkin mereka boleh buat pinjaman membeli bot. Jadi, maknanya tidak ada peluang sebab tidak ada lesen tidak boleh dapat bot dan tidak ada potongan daripada pihak kerajaan untuk mereka mendapat pinjaman membeli bot.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Setakat ini memang tidak ada pinjamanlah untuk sesiapa yang meminta lesen untuk membeli bot kerana salah satu syarat lesen itu mereka mesti mempunyai bot.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, lagi sekali. Jadi...

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tunggu dahulu. Ini *Crops For The Future*. Objektif penubuhannya menjalankan penyelidikan secara tersendiri dan kerjasama dengan pelbagai agensi tempatan dan antarabangsa yang berkaitan tanaman yang kurang dimanfaatkan, *unutilized crop*. Untuk menambah baik tanaman makanan dan bukan makanan yang mempunyai potensi nilai global. Akses penyelidik dan institusi tempatan kepada pusat penyelidikan bertaraf antarabangsa. Kita juga menarik minat dan sokongan antarabangsa untuk penyelidikan dan mewujudkan kerjasama antarabangsa di bidang penyelidikan, latihan dan dana.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Jadi, antara *unutilized crop* adalah baccaurea, rambai, sago...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Ada banyak lagi.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tentang nelayan, nelayan.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tentang?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Nelayan. Saya ada bangkitkan tentang nelayan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Layang-layang?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bukan. Jabatan Perikanan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Nelayan lah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Jabatan perikanan negeri, tentang bantuan kepada nelayan yang terlibat dalam projek tambak laut. Saya ada bangkitkan. Adakah jawapan itu? Tolong cari, tengok mungkin ada Kalau tidak ada bagi secara bertulis.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tidak ada. Yang Berhormat Lipis menyentuh mengenai FAMA. Terima kasih lah atas sokongan kepada FAMA yang akan meraikan 50 tahun merdeka. FAMA akan terus membangunkan pusat-pusat pengumpulan sementara di kawasan pengeluaran dan produk-produk ini akan diproses untuk nilai tambah.

Pasar tani juga akan ditambahkan sebanyak 50 buah pada tahun 2016. Pohon semua Ahli Yang Berhormat memberi kerjasama dan menyokong tambahan 50 buah pasar tani ini. Bilangan lori juga akan ditambah. Kita akan menambahkan bilangan lori untuk memastikan hasil pertanian dapat dipasarkan dengan cepat dan senang.

Promosi luar negara. Kerajaan telah memperuntukkan RM5 juta untuk promosi di luar negara. Aktiviti terlibat penerokaan dan pengukuhan pasaran *business matching*, penyebaran maklumat pasaran kepada pengimpor dan pengguna, aktiviti pra eksport dan pembangunan eksport.

Untuk maklumat Yang Berhormat, peruntukan yang diberikan kepada FAMA sebanyak RM39.5 juta untuk 2016 diberi untuk memastikan semua kumpulan sasaran di bawah rantaian pemasaran daripada peringkat ladang, pengumpulan usahawan dan pengguna mendapat manfaat.

■1530

Di peringkat ladang, FAMA akan mengadakan kontrak pemasaran di mana pengeluar beli harga lantai iaitu harga yang lebih tinggi daripada kos pengeluaran dan memberi jaminan pasaran. FAMA juga akan mewujudkan pusat-pusat pengumpulan ladang dan usahawan mengumpul untuk membeli produk-produk dari ladang kepada pengguna-pengguna melalui Program Motosikal Tiga Roda. Selain itu bagi memastikan penyejatan aktiviti-aktiviti tambah nilai pusat-pusat pemprosesan dan pengeluaran yang mempunyai pensijilan akan dibangunkan. Di peringkat peruncitan FAMA akan terus memperkuuhkan dan menambah ruang pemasaran seperti pada tahun 2016 sasaran 50 buah pasar tani yang saya sudah sebut tadi baru, Agrobazaar K-Shoppe dan Agrobazaar Kedai Rakyat sebanyak 30 buah akan diwujudkan.

Mengenai penglibatan anak muda dalam sektor pertanian. Kementerian telah melaksanakan Program Pembangunan Agro Anak Muda untuk membantu dan menggalakkan penglibatan generasi muda dalam bidang keusahawanan berdasarkan aktiviti-aktiviti pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Objektif program adalah untuk

menarik minat golongan belia berusia 18 tahun sehingga 40 tahun untuk menceburi bidang pertanian. Ia juga akan mengubah persepsi belia terhadap sektor pertanian sebagai industri yang berdaya maju dan ia akan menjadikan industri pertanian sebagai bidang yang boleh menjamin pendapatan tinggi iaitu kurang lebih sampai RM5,000 sebulan.

Bantuan yang diberi khidmat teknikal ataupun kursus melalui jabatan dan agensi, bantuan modal yang kurang lebih 70% daripada kos projek melalui pinjaman mudah melalui Agrobank dan TEKUN Nasional manakala 30% diberikan dalam bentuk geran. Jumlah bilangan peserta golongan muda yang telah mendapat kelulusan pinjaman dan geran pada tahun 2015 adalah seramai 905 orang sehingga 18 November 2015. Adalah dijangkakan dengan pewujudan 100 ABR1M baru ini tidak akan memberi persaingan kepada kedai-kedai runcit sedia ada yang akan dinaik taraf.

ABR1M yang berkonsepkan pasar mini dengan menawarkan 40% bekalan barang segar yang diperoleh secara terus daripada pengeluar dan usahawan dan pengimport yang akan menawarkan harga 5% sehingga 3% lebih rendah daripada harga pasaran setempat bagi penduduk-penduduk tertentu. Perkhidmatan ini akan memberi manfaat kepada penduduk luar bandar.

Yang Berhormat Pokok Sena, dia bertanya kenapa banyak sangat potongan peruntukan. Tadi saya sudah menjawab ini oleh sebab potongan daripada subsidi beras ST15 dan juga subsidi peningkatan hasil padi. Yang Berhormat Pokok Sena juga ada bertanya mengenai pengeluar benih padi sah. Setakat ini ada sembilan buah syarikat yang mengeluarkan benih padi sah secara tender, mereka dilantik secara tender dan benih yang dikeluarkan adalah mencukupi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Yang Berhormat Hulu Rajang...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sekejap saya hendak tanya boleh bagi tidak nama-nama syarikat? Nama-nama syarikat yang mendapat...

Tuan Nogeh anak Gumbek: Saya akan bagi secara bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bertulis.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tidak payah bacalah saya bagi secara bertulis ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jawapan bertulis tetapi tadi tidak jawab tadi itu kenapa begitu banyak. Waima subsidi insentif yang dikurangkan. Dia bukan isu subsidi beras ST15 sahaja itu satu hal, subsidi itu beras.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Yang Berhormat sudah dijawab tadi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi bila insentif subsidi padi itu dikurangkan bermakna bahawa hasil padi usaha ke arah untuk meningkatkan hasil padi sukar untuk hendak tercapai. Ini yang harus diberikan penjelasan. Apabila insentif peningkatan hasil padi dimansuhkan, jadi bagaimana ada inisiatif untuk mereka hendak berlumba-lumba untuk

meningkatkan hasil padi. Ini yang saya fikir bahawa ada kekeliruan. Saya pun tidak pasti macam mana duduk Kementerian Pertanian dahulu adakah ini hasil cadangan Menteri Pertanian dahulu yang cadang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya habiskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ataupun Menteri Pertanian yang baru yang buat cadangan. Boleh Menteri jawab?

Tuan Nogeh anak Gumbek: Seperti yang saya sudah sebut Yang Berhormat sama ada insentif itu masih ada ataupun sudah dihentikan kementerian memang menggalaklah pesawah kita untuk meningkatkan hasil padi mereka. Kalau mereka dapat menghasilkan lebih banyak lagi metrik tan ataupun pengeluaran itu maka mereka juga menerima insentif pengeluaran padi. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Hulu Rajang...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Insentif pengeluaran padi sudah dimansuhkan, sudah dimansuhkan tengok dalam buku itu. Insentif pengeluaran padi sudah dimansuhkan.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Ya ada lagi satu insentif di mana kita bayar RM300 satu metrik tan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu pun sudah dikurangkan, itu pun sudah dikurangkan. Yang Berhormat, itu sudah dikurangkan.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tidak.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Subsidi harga padi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Menteri jangan bergaduh Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau dahulu RM480 juta kemudian sekarang ini RM400 juta sahaja jadi sudah dikurangkan. Ini bermakna bahawa kerajaan macam itu saya katakan kerajaan macam seolah-olah jadi bodoh tidak tahu hendak kata hasil padi tahun depan itu kurang jadi subsidi pun kena kurang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena sudah tiga kali ulang perkataan itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Pasir Salak itu memang Tok Bomoh sungguh.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Tuan Pengerusi Yang Berhormat Hulu Rajang meminta supaya kita menghantarkan subsidi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang tidak ada dalam Dewan ya.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Lebih awal, oh tidak ada, ya kita boleh hantar lebih awal mengenai permintaan untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jawapan bertulis sahaja Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Ya saya akan beri jawapan bertulis, okey.

Yang Berhormat Ampang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang tidak ada dalam Dewan.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Okey. Yang Berhormat Parit. Cadangan untuk kajian mempergiatkan aktiviti di sepanjang Sungai Perak. Kementerian melalui- telah menjalankan kajian di sepanjang Sungai Perak untuk menentukan kesesuaian aktiviti atau proses tahun 2012 khususnya penternakan ikan dalam sangkar. Selain projek sedia ada 1,222 petak sangkar dengan 51 orang penternak. Jabatan Perikanan juga mengembangkan aktiviti-aktiviti *agriculture* melalui projek *cluster* di mana seramai lapan orang penternak dengan 32 unit sangkar.

Yang Berhormat Batu Gajah- jumlah pendaratan ikan mengikut negeri bagi tahun 2013 dan tahun 2014. Saya fikir, panjang untuk dibaca, bolehkah saya bagi jawapan bertulis sahaja...
[Dewan riuh] Hendak baca satu demi satu ini akan makan masa sekurang-kurangnya 10 minit...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Bertulislah ya. Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulislah Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Yang Berhormat Bachok bertanya perusahaan TKPM tidak menunjukkan perkembangan pengeluar makanan adalah tidak benar. TKPM pengeluaran sayur tidak menunjukkan perkembangan pengeluaran. Daripada statistik pengeluaran tahun 2006 sehingga tahun 2014 menunjukkan pada tahun 2006 seluas 3,700 hektar dilaksanakan dan menghasilkan pengeluaran berjumlah 25,000 metrik tan bernilai RM23 juta. Akan tetapi pada tahun 2014 seluas 9,780 hektar dibangunkan dan mengeluarkan hasil sebanyak 66,000 metrik tan bernilai RM92 juta. Contohnya TKPM seperti tidak payah bacalah, contohnya TKPM itu ya
[Ketawa] Banyak lagi.

Jadi itulah jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan. Sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang belum ada jawapan kita akan memberi jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,487,900,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM3,487,900,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,865,866,200 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,865,866,200 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

■1540

Maksud B.22 [Jadual] -
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2015] -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

3.41 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Minta maaflah sebab / bangun dulu. Okey, saya terus hendak menyentuh kepada maksud Bekalan 22 butiran 024000 iaitu mengenai KEMAS. Ini mengenai gaji pembantu tadika KEMAS. Jadinya saya hendak bertanya adakah kerajaan akan meneliti semula skim gaji lebih kurang 4000 orang pembantu tadika KEMAS yang hanya menerima elaun sebanyak RM400 sebulan sebab kalau kita tengok jumlah ini macam tidak relevan lagi pada masa ini kerana kos sara hidup pun sudah semakin meningkat. Itu pertama.

Keduanya saya hendak menyambut baik hasrat kerajaan untuk memperkenalkan bantuan bulanan *one-off* kepada bekas kakitangan kontrak sebanyak RM300 sebulan. Namun begitu saya harap kerajaan akan mengkaji semula syarat-syarat utama untuk menerima bantuan ini. Bantuan ini adalah terhad kepada bekas pegawai KEMAS yang masih hidup dan tidak diwarisi oleh keluarga.

Jadinya saya ingin bertanya sama ada kementerian akan memanjangkan bantuan ini supaya bantuan bulanan ini juga turut diberikan kepada waris bekas pegawai KEMAS yang memenuhi syarat tetapi sudah meninggal dunia.

Seterusnya untuk maksud Pembangunan 22, Butiran 02404, iaitu Program Lonjakan Mega Luar Bandar. Saya hendak puji inisiatif kementerian dalam memperkenalkan program *Rural Business Challenge* ataupun RBC yang mana program ini khusus untuk para belia 18 tahun hingga 40 tahun. Kita tengok program ini memang dapat menggalakkan belia di luar bandar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk kampung.

Walaupun saya tengok RBC ini mampu untuk menggalakkan anak-anak muda memilih untuk tinggal di luar bandar tetapi saya tengok masih ramai lagi yang berhijrah ke bandar. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada pihak kementerian ada cadangan untuk

menambah lebih banyak lagi prasarana-prasarana untuk menyokong dan menjadikan ada kelangsungan dalam keberkesanan program RBC ini? Seperti mungkin membuat cadangan ataupun berbincang dengan pihak-pihak tertentu untuk menambah kapasiti dan juga kelajuan internet dan juga mungkin melalui kementerian juga boleh menambah ruang-ruang untuk berniaga dan seterusnya memberi dan meningkatkan lebih banyak infrastruktur di RBC tersebut.

Untuk maksud Pembangunan 22, Butiran 00607 iaitu perkhidmatan pengangkutan. Saya ingin hendak menyentuh tentang perkhidmatan pengangkutan jalan MARA terutamanya di kawasan saya Parit Sulong. Saya ada dua DUN. Satu DUN ini kawasan namanya Sri Medan tetapi perkhidmatan bas awam ia telah diberhentikan. Ini menyebabkan mereka sukar untuk pergi dengan perkhidmatan awam ini sama ada ke bandar Batu Pahat ataupun ke Pekan Parit Sulong kerana kebanyakan urusan rasminya adalah di dua buah pekan yang terdekat di kawasan saya ini. Jadinya saya hendak minta pertimbangan mengenai perkara ini daripada pihak kementerian.

Seterusnya ke Butiran 00606 mengenai Kolej Poly-Tech MARA. Saya cuma hendak bertanya sama ada adakah peruntukan yang diperuntukkan untuk membina Kolej Poly-Tech MARA ini di kawasan Parlimen Parit Sulong sebab dahulu pernah ada ura-ura dalam Rancangan Malaysia yang sudah lama tetapi sampai sekarang saya tengok tidak ada apa-apa pun yang dijalankan.

Seterusnya kepada Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar. Saya cuma hendak bertanya berapakah jumlah yang telah diperuntukkan di bawah tajuk ini untuk menaik taraf jalan-jalan di luar bandar di kawasan Parlimen Parit Sulong. Itu yang pertama. Dalam waktu yang sama saya juga hendak tahu berapakah yang diperuntukkan oleh pihak kementerian untuk membesarkan jalan-jalan kampung ini? Oleh sebab perkara ini sangat penting. Ada sesetengah jalan yang telah dibuat tetapi tidak dinaik taraf dan tidak boleh digunakan oleh penduduk setempat dan dalam waktu yang sama juga ia perlu datang sekali bersama lampu jalan kampung tersebut. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat. Pasal Yang Berhormat Batu Pahat bangun tadi tidak sempat *last* kementerian.

3.46 ptg.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Saya ingin hanya menumpukan kepada dua item. Pertama ialah tentang 01000 Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Tuan Pengerusi, dalam soalan saya yang pernah saya kemukakan pada tahun ini terdapat 13,139 Orang Asli di seluruh negeri Johor. Dalam kadar kemiskinan di kalangan mereka ialah 22.18% dan pengangguran Orang Asli di negeri Johor 7.93%. Di Batu Pahat sendiri terdapat tiga buah perkampungan dan penempatan semula Orang Asli di Kampung Bumiputra Dalam, Rengit; Kampung Bumiputra Pantai, Senggarang dan Kampung Banang Laut.

Ketiga-tiga kawasan penempatan ini kami sering membuat lawatan dan menanyakan apakah program-program yang telah dicadangkan misalnya oleh JAKOA misalnya disebutkan di

sini tentang Projek Ternakan Ikan Sangkar, pemberian bot kecil, enjin sangkut, peralatan menangkap ikan yang disalurkan kepada nelayan-nelayan Orang Asli dan juga ada program-program pembangunan keusahawanan.

Kita melihat dan kita meminta Tuan Pengurus kepada kementerian melihat supaya program-program ini lebih berkesan dan kita mahu melihat masalah kemiskinan misalnya di Banang Laut dan saya melihat dan ziarah dari rumah ke rumah dan kami mendapati tahap kemiskinannya sangat tinggi, sering dapur tidak berasap, berasap sekali sehari dan pendapatan rendah. Jadi kami mengharapkan bantuan yang lebih teratur dan tersusun dan ada akauntabiliti dilihat, ada KPI dalam setiap program pembangunan itu dapat dilaksanakan.

Begitu juga dalam kawasan Kampung Bumiputera Dalam, Rengit. Persekutuarannya sangat tidak bersih, tidak menyenangkan, paritnya yang kotor, rumah-rumah kedai yang terbiar. Walaupun mereka sebenarnya dapat mengusahakan perniagaan yang agak berkekalan atau berterusan hasil daripada membawa masuk *furniture* dari Singapura, dan ini dijual secara sama ada secara pukal ataupun ansuran kepada pembeli-pembeli dan perniagaannya agak baik.

Akan tetapi kita harapkan dengan peruntukan yang ada di kementerian dan jabatan memberikan perhatian khusus supaya ada peningkatan daripada segi kualiti kedainya, susun atur kedainya dan kemahiran-kemahiran pengurusan perniagaan, kemahiran-kemahiran untuk melayan pembeli-pembeli.

■1550

Ini semua kita harapkan dapat dilaksanakan dengan baik. Begitu juga pemulihan Pantai Senggarang. Kalau boleh saya rumuskan Tuan Pengurus, ialah apa rancangan-rancangan terperinci yang melibatkan pembersihan-pembersihan suasana tempat tinggal. Adakah rancangan dalam penempatan daripada segi pembinaan rumah yang masing-masing dapat memiliki rumah, dan adakah bantuan khusus daripada segi *holistic development*, dengan izin, usahawan-usahawan terutama di kalangan anak-anak muda yang berminat terutama bagi kawasan Rengit?

Jadi, kita mencadangkan supaya kementerian dapat memberikan satu ada disebutkan di sini *strategic planning*, pelan yang strategik dengan akhirnya ada akauntabiliti KPI di hujungnya. Itu sahaja Tuan Pengurus tentang Orang Asli. Yang lain-lain saya beri peluang kepada kawan-kawan untuk membincangkan. Terima kasih.

Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Simpang Renggam.

3.51 ptg.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengurus saya ringkas sahaja hendak sampaikan masalah di kawasan. Pertamanya, Butiran 080000 KEJORA bersamaan dengan 02300 Jalan Luar Bandar.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian tentang satu projek di kawasan layang-layang bahawa Kawasan Parlimen Simpang Renggam. Projek tersebut projek mentarkan jalan namanya

Jalan Ladang MCA. Ia merupakan jalan hubung antara Bandar Tenggara dan Pekan Layang-Layang. Projek ini dimulakan pada dua tahun lepas dan pelaksananya KEJORA. Jalan tar 750 meter dan termasuk dua buah jambatan berjumlah RM5 juta. Projek ini dimulakan pada tahun 2013 dan sepatutnya siap pada tengah tahun 2014, tetapi atas kelewatan kontraktor, masa siap itu ditundukan sampai awal tahun ini iaitu 2015, tetapi masih tidak dapat disiapkan lagi.

Masalah ini telah banyak kali saya sendiri membabitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Kluang tetapi tidak ada berita yang baik daripada pihak KEJORA. Jadi, saya berharap kerana jalan ini merupakan satu-satunya jalan utama bagi penanam sawit untuk mengangkut dan juga menghantar hasil mereka dan kelewatan ini amat menyusahkan mereka.

Saya berharap kementerian dapat memberikan satu jawapan yang memuaskan dan dapat menyelesaikan dalam masa terdekat. Ini kerana wakil rakyat sebelum ini telah lama memperjuangkan selama hampir 15 tahun, setiap kali tidak ada peruntukkan itulah jawapan yang diberikan. Jadi, ini kalilah saya harap dapat diselesaikan.

Keduanya, Butiran 02001 – Bekalan Air Luar Bandar Semenanjung. Di kawasan Machap iaitu Kampung Bukit Batu, awal tahun ini telah siap dibina tiga unit rumah SPNB. Bekalan elektrik baru dapat disampaikan pada masa raya, tetapi bekalan air sampai hari ini tidak dapat dibekalkan. Saya juga berharap kementerian dapat mengambil perhatian kerana hampir setahun, sampai hari ini hampir 10 bulan tidak ada bekalan air, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

3.54 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut sama membahas di peringkat jawatankuasa mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini. Pertamanya mengenai MARA bawah Butiran 2209000. Saya ingin bertanyakan kepada kementerian, apa kemajuan siasatan dakwaan pembelian empat hartaan di Australia ataupun tempatnya di Melbourne yang melibatkan jumlah kos terlebih bayar yang dijangkakan melebihi RM100 juta, kerana ini melibatkan integriti dan juga *conflict of interest*, dengan izin, bagi MARA dan juga pegawai-pegawai yang terlibat.

Walaupun ini di peringkat dakwaan, tetapi pihak yang membuat dakwaan mempunyai dokumen-dokumen yang diperoleh daripada sumber-sumber yang sahih. Oleh yang demikian demi menjaga nama baik MARA dan juga MARA ini dikaitkan dengan urusan pentadbiran kemajuan bumiputera khususnya orang Melayu, maka kita harus mempunyai tindakan yang tuntas supaya sebarang bentuk penyelewengan jika ada, salah guna kuasa jika ada ataupun *conflict of interest* jika ada mesti ditangani dan diambil tindakan terhadap mereka yang terlibat supaya kita dapat pulihkan balik imej ini.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada MARA akan melupuskan hartaan-hartaan ini untuk mendapatkan semula wangnya dan kita dimaklumkan bahawa nilai hartaan tersebut kini lebih mahal daripada ketika ia diperoleh. Jadi sama ada MARA akan mengambil langkah ini untuk memulihkan imej dan apakah tindakan pentadbiran

yang telah ataupun sedang diambil terhadap beberapa dakwaan yang melibatkan pegawai-pegawai MARA sendiri yang dikatakan terlibat dalam urusan ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin bertanya MARA juga di bawah P.22 mengenai UNIKL 00616. Saya minta menteri menjelaskan apakah *niche* utama UNIKL ini dan bagaimanakah kedudukan UNIKL ini dengan *niche* yang ada ini mungkin aeroangkasa ke atau supaya kita dapat turut sama mempromosikan universiti di bawah penyelenggaraan MARA ini menjadi sebuah universiti yang betul-betul mempunyai imej dan nama yang hebat dan kita tidak mahu universiti ini cair dengan pelbagai kursus yang juga diberikan oleh banyak lagi universiti-universiti awam dan swasta. Jadi, kita memerlukan satu nama suatu jenama yang baik bagi UNIKL ini. Jadi, saya mohon Menteri untuk memberikan penjelasan...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Lumut Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, ya sila.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan bantuan daripada Yang Berhormat Kuala Krai. Kalau kita lihat peruntukan untuk UNIKL 00616 itu, pada tahun lepas tidak ada peruntukan, tetapi tahun ini RM33 juta. Boleh kita minta pihak kementerian untuk menjelaskan apakah guna peruntukan sebanyak itu. Begitu juga dengan GIATMARA. Kita lihat tahun ini RM4 juta, tetapi tahun hadapan RM30.4 juta. Bolehkah kita dapat penjelasan daripada pihak kementerian dan baru-baru ini kementerian telah melantik seorang muda jadi Pengerusi GIATMARA. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh bagi penjelasan. Tidakkah orang yang lebih matang orang yang berpengalaman untuk mempengerusikan GIATMARA ini. Tolong panjangkan kepada kementerian. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Sememangnya saya bangkitkan isu UNIKL ini kerana melihat semacam ada satu keseriusan oleh kementerian untuk berbuat sesuatu kepada UNIKL. Jadi, kita mohon penjelasan apakah sebenarnya projek di bawah P.22 UNIKL ini yang akan dilaksanakan yang boleh memberikan ia imej yang lebih baik. Soalan-soalan yang lain tadi yang dibawa tadi oleh Yang Berhormat Lumut saya mohon dimasukkan sekali dalam pertanyaan-pertanyaan yang saya kemukakan.

■1600

Seterusnya Tuan Pengerusi B.22 Butiran 050000 – Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang diberikan peruntukan yang kurang sedikit daripada tahun yang lepas RM 33,392,100 lebih sikit berbanding RM 35,434,600 pada tahun sebelumnya. Kalau kita lihat keadaan kawasan KESEDAR Kelantan selatan, Gua Musang, Kuala Krai sebahagian dari Tanah Merah Machang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Ini kawasan-kawasan yang terlibat hebat dalam banjir yang lepas. Jadi saya lihat masih ada lagi pembangunan pemulihan infrastruktur yang memerlukan tumpuan di kawasan KESEDAR ini. Jadi isyarat yang diberikan oleh kementerian dengan menurunkan atau mengurangkan peruntukan pada KESEDAR ini tidak berapa memberangsangkan.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian kenapa jumlah ini dikurangkan malah sepatutnya ia ditambah dalam keadaan kawasan KESEDAR ini berada dalam kawasan banjir yang teruk. Saya juga ingin bertanya sama ada peruntukan kepada KESEDAR ini sama ada B.22 ataupun P.22 ini mendapat RM 71,943,100, hampir RM72 juta termasuk sama seperti yang dijanjikan Menteri, pembinaan sebuah jambatan baru di Kampung Pemberian yang akan dimulakan pembangunannya tahun depan. Jadi kalau di bawah peruntukan KESEDAR ini, saya rasa ia sangat dialu-alukan dan bukannya daripada JKR dan sebagainya.

Seterusnya, Tuan Penggerusi saya ingin menyentuh Butiran 060000 – RISDA yang juga mengalami sedikit penurunan sebanyak RM50,000,000 ataupun 20% daripada peruntukan tahun sebelumnya. Kita telah pun diberikan jawapan tentang bantuan kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di kawasan saya di Kuala Krai.

Akan tetapi, sekali lagi penurunan jumlah ini tidak memberikan sesuatu gambaran seriusnya kita untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini. Jadi saya ingin bertanya adakah ini berpunca daripada kekurangan ataupun jumlah pekebun kecil yang semakin mengecil kerana ada yang meninggalkan kerjaya dalam urusan pekebun kecil getah ini ataupun peruntukan akan dihentikan seperti pemberian *one-off* kepada tuan punya kebun getah, pekebun-pekebun kecil getah.

Di bawah P.22 – RISDA ini pula diperuntukkan sejumlah wang yang agak banyak RM472,803,600. Saya ingin mendapatkan maklumat pecahan daripada kementerian untuk tujuan apa peruntukan ini sama ada untuk tanam semula ataupun menambah bantuan-bantuan *one-off*. Saya ingin mencadangkan kalau boleh bantuan *one-off* ini bukan sekali dibuat untuk tahun depan kerana ini memerlukan bantuan beberapa kali kerana pendapatan daripada hasil getah ini dengan cuaca yang ada pada hari ini tidak mengizinkan mereka mendapat pendapatan yang boleh membantu hasrat kerajaan seperti yang ditulis dalam buku Belanjawan ini. Tuan Penggerusi, antara objektif untuk pekebun kecil objektif RISDA ialah untuk membantu memperoleh pendapatan RM2,500 apabila menjelang akhir 2016 tahun depan. Soalan saya, jumlah pendapatan purata pada masa ini bagi pekebun kecil?

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai, panjang lagi kah?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Habis ini, *last sentence*. Sama ada telah disediakan mekanisme, kalau belum sampai RM2,500 ini, adakah mekanisme khusus untuk

membantu pekebun kecil ini mencapai pendapatan RM2,500 ini menjelang akhir tahun depan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa Butiran iaitu pertama sekali ialah P.22 Butiran 00400 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Ini bangunan-bangunan KEMAS di Limbang iaitu keadaannya agak daif untuk anak-anak kecil kitalah. Jadi kita mohonlah, perkara ini telah dikemukakan oleh pejabat KEMAS Limbang kepada kementerian, mungkin melalui pejabat negeri, iaitu Tadika Kampung Telahap, Kampung Pendam, Kampung Pundut, Kampung Mengatai, Kampung Buangsiol, Kampung Limpaung, Kampung Binuas dan Rumah Rumpang di mana ia memerlukan *generator*.

Keduanya ialah, B.100000 Program Khusus, B.22 100800 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Jadi kita mohonlah kepada kementerian untuk menambahkan lagi lampu jalan. Ini sebab sekarang ini boleh hitung lampu-lampu jalan kampung di Limbang. Jadi kalau boleh hendak minta dengan kementerian supaya menambah lagi jumlah lampu-lampu di jalan-jalan kampung.

Satu lagi ialah P.22 00611 – Program GIATMARA. Sekarang GIATMARA di Limbang menumpang di pejabat residen yang lama di tengah-tengah pekan. Saya melawat sendiri iaitu bahagian *welding* dan juga bahagian *aircond*. Rasanya tempatnya agak-agak daif maklumlah menumpang, saya masuk sendiri tempat bilik asrama, malalah hendak cerita tapi daiflah. Jadi kalau boleh seperti saya mohon dua tahun yang lalu supaya ada kompleks sendiri untuk GIATMARA Limbang ini, tidaklah kompleks *multi* tapi sekurang-kurangnya mereka mempunyai bangunan sendiri. Di Limbang dan bahagian tanah mungkin kita dapat bantu untuk berunding dengan kerajaan negeri.

Seterusnya ialah P.22 Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar Sarawak. Saya yang selalu suarakan itu menyambung paip air dari Simpang Ukong menuju ke pekan kecil *subdistrict* Nanga Medamit di sana ada pejabat daerah, sekolah menengah, sekolah kebangsaan, pejabat-pejabat kerajaan. Jadi ia sepanjang jalan itu *halfway diestimate* oleh JKR pada tiga tahun lalu hanya RM 11,000,000 tapi mungkin sekarang antara RM 11,000,000 ke RM 15,000,000 *this is very important, Sir*. Untuk bil-bil bekalan air luar bandar, Nanga Medamit.

Seterusnya ialah P.22 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Mungkin di sini saya ada bagi komen sedikit iaitu tentang keadaan sekarang ini. kita tidak manafikan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah banyak bagi kita peruntukan untuk jalan-jalan kampung dan rasanya kita hanya mampu menabur batu sahaja, diluaskan parit dan sebagainya.

Akan tetapi, sekiranya menyuarakan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ia mungkin memerlukan kelulusan khas daripada Perolehan iaitu tentang menggunakan kaedah CIPR ialah *Cold in Place Recycling* untuk jalan-jalan kampung ini. Ini sebab, kalau tiap-tiap tahun kita bagi batu, saya khuatir Yang Berhormat Tuan Pengerusi, 2020 pun masih jalan

batu lagi. Jadi dengan CIPR ini mungkin iaitu dengan tanah bercampur dengan simen mungkin *inshaaAllah* jalan ini akan lebih tahan dan boleh beban kenderaan yang lebih berat.

Akan tetapi hanya untuk mereka yang bidang yang eksport yang mengerjakan CIPR ini mesin di Sarawak tidak silap saya ada dua. Satu memang Sarawak *based*, kedua di Semenanjung *based*. Akan tetapi itu pun mereka hendak bergerak ke jalan-jalan kampung mereka memerlukan *volume* lah. Mungkin kaedah perolehan untuk kelulusan khas supaya *company* yang memang ada syarikat yang mempunyai mesin ini untuk membuat CIPR ini diberikan. Ini sebab kalau kita hendak bercerita tentang, ini melanggar, ini yang kita buat tiap-tiap tahun ini pun, terus terang boleh juga saya katakan membazir juga.

■1610

Akan tetapi kalau benda yang sama, peruntukan yang diberikan setiap tahun itu kita gunakan sekali *one-off*, kita menggunakan kaedah ini CIPR ini, *inshaaAllah* jalan kampung ini rasanya banyak yang akan dapat diturap tahun demi tahun. Saya berterus-terang mengucapkan terima kasih kerana memang ada peruntukan itu tetapi dikumpul-kumpul, saya congak-congak, saya kira peruntukan yang diberikan ini kalau setiap tahun kita buat dengan CIPR *in one* dalam beberapa tahun memang semua jalan kampung akan dapat diturap dengan *asphalt*, *inshaaAllah*.

Saya tahu kaedah ini juga dibuat oleh Jiwa Murni tetapi mereka menggunakan enzim dengan tanah tetapi ini simen dengan tanah, salah satu lagi kaedah untuk mencapai matlamat ini, *inshaaAllah*. Rasa-rasanya itu sahaja. Saya mengucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, belakang sekali. Yang Berhormat Sibu.

4.11 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di sini saya ingin menyentuh Butiran 01702, Butiran 02002 dan Butiran 02004. Saya tengok kerajaan mempunyai peruntukan baru untuk bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar untuk Sarawak pada tahun ini.

Jadi saya ingin menegaskan di sini bahawa walaupun Sibu merupakan sebuah kawasan bandar tetapi di Sibu masih banyak kawasan yang masih belum ada bekalan air dan bekalan elektrik. Jadi di sini saya ingin minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya mengutamakan bekalan air dan elektrik kepada kawasan Sibu. Di sini saya ingin memberikan nama beberapa buah kampung yang sudah lama belum mempunyai bekalan air dan elektrik iaitu Kampung Tutus, Kampung Rasau dan juga beberapa buah kampung di Batang Igan. Jadi saya ingin kementerian memberikan perhatian terhadap kampung-kampung ini.

Butiran 02004 – Bekalan Air Alternatif. Saya ingin mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan bekalan air alternatif ini? Saya ada nampak di kawasan saya kerajaan membekalkan penapis air kepada kampung-kampung yang tidak mempunyai bekalan air tetapi apabila saya sampai di sana dan melihat penapis air tersebut, saya mendapati penapis air tersebut sudah tidak berfungsi. Jadi masalahnya di sini ialah kerajaan membekalkan penapis air tetapi

memberikan *maintenance* kepada penapis air ini. Selepas beberapa tahun, penapis air tersebut sudah rosak. Tidak ada wakil daripada kerajaan untuk membaiki penapis air.

Saya berharap kerajaan bukan sahaja membekalkan penapis air atau bekalan air alternatif tetapi juga mesti ada *follow up* atau *maintenance* agar barang-barang yang dibekalkan daripada kerajaan boleh digunakan untuk tempoh masa yang lebih panjang dan jangan beberapa tahun kemudian sudah tidak boleh digunakan lagi.

Akhir sekali, saya ingin tahu adakah kementerian sudah mempunyai peruntukan bagi menyambung bekalan elektrik dan air ke kawasan pedalaman Sarawak? Saya juga ingin tahu jangka masa, bolehkah kementerian memberikan satu jangka masa, bilakah akan ada bekalan air dan elektrik di seluruh kawasan Sibu?

Sila berikan satu jangka masa. Jangan cakap kerajaan akan buat tetapi selepas lima tahun masih tidak ada lagi. Satu penggal sudah habis tetapi belum ada. Penggal kedua habis mungkin masih belum ada lagi. Jadi saya berharap kementerian boleh memberikan satu jangka masa, bilakah di seluruh kawasan Sibu akan ada bekalan air dan elektrik? Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Setiawangsa.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sudah panggil diri sendiri.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini mana satu ini? Setiawangsa.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya bagi Yang Berhormat Setiawangsa dahulu.

4.15 ptg.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, berapa orang lagikah yang berminat?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Ramai lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima, enam, sepuluh, dua belas, empat belas, enam belas, tujuh belas. Okey, pendek-pendek ya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Okey, okey.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Pengerusi, saya pendek sahaja.

Saya tahu bahawa kementerian ini tidak ada kena mengena dengan bandar tetapi walau bagaimanapun saya ingin merujuk kepada Butiran 02503 – Pembangunan Ekonomi Luar Bandar dan Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.

Di mana di bawah Butiran 02503 diperuntukkan RM78 juta manakala Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat diletakkan RM374 juta. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri supaya meletakkan kalau boleh sebahagian daripada peruntukan ini dalam bandar kerana dalam bandar ini juga kita- saya mengakui dan saya daripada awal mengatakan bahawa ia tidak ada kena mengena dengan bandar. Akan tetapi disebutkan ini kesejahteraan rakyat, saya hanya ingin mengambil kesempatan di sini sama ada Yang Berhormat Menteri dapat memperuntukkan sebahagian...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tidak apalah, maknanya di luar bandar dan di bandar, letak bandar sekerat luar itu dikaburkan sedikit, bandar itu dikarang untuk diletakkan sebahagiannya untuk melihat juga rakyat bandar yang mungkin dapat mengambil kesempatan daripada program ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar.

4.17 ptg.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus masuk kepada Butiran 020000 – KEMAS. Secara khususnya Butiran 020500 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Berlaku pengurangan sebanyak RM14 juta iaitu daripada RM41 juta pada tahun 2015 kepada RM27 juta pada tahun 2016. Ini adalah bersamaan dengan 34% pengurangan. Saya ingin menuntut penjelasan daripada kementerian, bagaimana pengurangan ini boleh menampung satu butiran yang amat penting. Pendidikan kanak-kanak di peringkat awal sebuah dasar yang amat penting tetapi saya tidak dapat terima berlakunya pengurangan di bahagian ini dan penambahan di tempat-tempat ataupun butiran-butiran yang lain. So saya menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merekodkan di sini. Tempoh hari apabila saya bertanyakan tentang PERMATA, lapan orang Menteri dan Timbalan Menteri mewakili lapan buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri mengelak daripada menjawab soalan mengenai PERMATA. PERMATA dan pendidikan awal kanak-kanak ini ialah bahagian yang amat penting untuk pembangunan negara. So, saya menuntut Yang Berhormat Menteri kali ini jangan melepaskan peluang untuk menjawab untuk butiran ini.

Saya juga menuntut penerangan tentang berapakah taman bimbingan kanak-kanak (TABIKA) yang telah dibina pada tahun 2015 dan yang akan dirancang pada tahun 2016. Sama juga dengan taman asuhan kanak-kanak, (TASKA) untuk tahun 2015 yang telah diluluskan dan dibina dan juga yang dirancang untuk tahun 2016.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berapakah jumlah Pusat Latihan KEMAS (PLK) yang telah dibina dan diluluskan pada tahun 2015 dan berapakah yang dirancang untuk tahun 2016 termasuk Institut Latihan KEMAS (ILK), berapa banyak yang telah diluluskan dan dibina untuk tahun 2015 dan berapa yang dirancang pada tahun 2016.

Seterusnya Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM), berapa banyak yang telah diluluskan dan dibina pada tahun 2015 dan yang akan dirancang untuk tahun 2016 dan Kompleks Komuniti Desa (KKD), berapa banyak yang telah dibina pada tahun 2015 dan yang dirancang untuk tahun 2016. Akhir sekali, untuk butiran ini. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai pusat sumber dan pusat literasi komputer yang telah dibina di bawah KEMAS pada tahun 2015 dan akan dirancang untuk tahun 2016.

Butiran seterusnya Tuan Pengerasi adalah berkenaan dengan Butiran 020600 – di bawah KEMAS juga, Latihan dan Pembangunan Profesional. Peruntukannya juga berkurang daripada RM26 juta pada tahun 2015 kepada RM17 juta pada tahun 2016.

■1620

Anehnya butiran di atas yang saya terangkan tadi, 020500 pun pengurangan sebanyak 34%, yang butiran 020600 ini pun berkurang sebanyak 34%. Adakah ini memang telah dirancang untuk berlaku pengurangan yang sama besar atau secara kebetulan, saya minta penjelasan.

Saya juga ingin penjelasan yang terbaik daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana latihan dan pembangunan profesional ini boleh dikurangkan, sebab kita menaruh harapan kepada pendidikan awal kanak-kanak iaitu KEMAS secara khususnya. Di sini pula kita dapat elemen-elemen pengurangan dana telah berlaku dan Bahagian KEMAS ini salah sebuah sumber yang amat penting untuk masa depan negara dan mengapa benda ini tidak diselaraskan seperti yang dikehendaki?

Butiran seterusnya Tuan Pengerasi ialah 030000 - Jabatan Kemajuan Orang Asli. Secara khususnya pembangunan modal insan dan kebajikan Orang Asli. Berlaku juga penurunan yang amat drastik iaitu daripada RM10 juta menjadi RM5 juta. Penurunan secara khususnya Tuan Pengerasi, 53%.

Apakah ini bermaksud kerajaan telah berpuas hati dengan pembangunan modal insan dan kebajikan orang Asli? Macam mana rancangan yang telah dilakukan semasa dana diminta dan bagaimana dana ini telah diturunkan 53%?

Setahu saya, di kawasan-kawasan yang Orang Asli menetap bila kita melawat, pembangunan dari sudut kemajuan mereka tidak memberangsangkan. Saya rasa orang Asli perlu diberi peruntukan yang betul dan benar supaya kita betul-betul merealisasikan kemajuan Orang Asli. Di sini pemotongan sebanyak 53% saya khuatir tidak akan memberikan kita satu realisasi ataupun satu jawapan yang tepat untuk pembangunan modal insan dan kebajikan Orang-orang Asli.

So, saya minta kementerian tolong beri perhatian secara khusus sebab perkataan modal insan ini terlalu mendalam, kalau hendak membangunkan sesbuah komuniti, terutamanya Orang Asli yang kita hargai dan sanjung, kebajikan dan modal insan mereka perlu peruntukan yang lebih besar. Penurunan dari RM10 juta kepada RM5 juta mengecewakan saya sama sekali. Tuan Pengerasi, ada pencelahan dan saya benarkan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta pencelahan. Tuan pengerasi, saya hendak tanya Yang Berhormat Kapar juga, apakah populasi Orang Asli di mana mereka berjaya masuk

ke universiti? Jumlah peratus yang berjaya masuk ke universiti daripada sekolah rendah, dan terus menengah dan masuk universiti? Berapa peratus profesional di kalangan *population* Orang Asli? Minta penjelasan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya dengan izin Tuan Pengerusi, masukkan Yang Berhormat Bayan Baru, skrip beliau dalam ucapan saya untuk Yang Berhormat Menteri menjawab sebentar nanti.

Saya hendak sambung juga, seperti yang saya katakan tadi, orang Asli perlu disanjung dan dihormati. Maka kerajaan perlu betul-betul menumpukan perhatian, datang kepada beberapa projek modal insan mahupun kebajikan untuk membangunkan mereka, bukan sahaja dari sudut pembangunan modal insan, tetapi juga dari sudut profesionalisme.

Yang Berhormat Bayan Baru tekankan tadi itu, berapa orang daripada Orang Asli yang betul-betul telah maju dari sudut pendidikan, dari sudut profesionalisme, dari sudut menjadi seorang guru, dari sudut menjadi seorang peguam, doktor dan sebagainya. Bagaimana kita hendak buktikan bahawa kerajaan betul-betul prihatin, kerajaan betul-betul telah datang dengan satu perangkaan dan perancangan yang jitu untuk membangunkan Orang Asli di Malaysia. Okey, itu saya hendak tekankan.

Saya juga ingin tanya daripada kalangan Orang Asli ini, berapa ramaikah yang telah dibuang daripada sekolah? Apakah kerajaan ada perancangan tertentu untuk membangunkan mereka yang telah *drop out* daripada sekolah?

Seterusnya Tuan Pengerusi, butiran terakhir saya adalah kena mengena dengan program khusus, iaitu butiran 100000, saya masuk secara khusus, butiran 104000 - Penajaan Pelajar Cemerlang. Yang ini pun saya terkejut kerana penurunan sebanyak RM6 juta iaitu dari sudut peratus pengurangan sebanyak 27%.

Tuan Pengerusi, penajaan pelajar cemerlang, baru-baru ini, dua hari yang lepas kita dapati banyak sangat pelajar yang dapat *straight A's*. So, kita hargai ada ramai pelajar yang dapat keputusan yang cemerlang. Akan tetapi untuk menaja mereka, kementerian buat potongan sebanyak 27% daripada jumlah RM22 juta, sekarang hanya RM16 juta. Akan tetapi makin lama kita dapati persaingan di kalangan pelajar-pelajar meningkat. Ramai pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang.

So, kerajaan perlu ada komitmen terhadap pelajar-pelajar ini untuk memastikan pendidikan mereka berterusan. Akan tetapi amat mengecewakan sekali, butiran-butiran begini yang diganggu oleh kementerian. So, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi untuk memberikan ruang kepada saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Hendak mencelah sedikit.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Hendak mencalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Lipis.

4.26 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengurus yang memberi ruang kepada saya untuk sama turut serta berbahas Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Saya pergi terus kepada butiran 02000 - Bekalan Air Luar Bandar. Saya melihat daripada bajet yang dibentangkan oleh kementerian kelihatan agak berkurangan. Air ini amat penting sekali kerana pada hari ini banyak kawasan yang mengalami kekurangan air, sekurang-kurangnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dapat membantu sama ada daripada segi pemasangan paip baru ataupun menggunakan kaedah lama.

Kaedah lama ini juga agak penting kerana sesetengah tempat, kawasan-kawasan bekalan air bersih kebanyakannya telah ada. Akan tetapi oleh sebab disebabkan oleh beberapa faktor, mungkin kadang-kadang hujung tahun hujan yang lebat, kadang-kadang disebabkan oleh tangan-tangan yang telah mengacau kedudukan muka bumi yang telah menyebabkan keruntuhan, ada pencerobohan haram, ada emas haram, bauksit haram dan sebagainya, maka menyebabkan air-air ini tercemar.

Salah satu yang boleh dibantu oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah dengan cara lama iaitu membina air takungan menggunakan kaedah kesihatan yang dipantau oleh pihak kesihatan yang boleh membekalkan kepada kawasan kampung-kampung.

Di kawasan saya sendiri pun, mungkin banyak boleh dibantu oleh pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan saya akan senaraikan kepada kementerian untuk membantu dalam hal ini sebagai spare air, kepada apabila musim-musim seperti yang saya katakan ini boleh berlaku.

Saya rasa mungkin banyak kawasan di dalam negeri Pahang juga turut berlaku seperti sedemikian rupa. Mungkin saya akan berbahas dalam Kementerian Tenaga dan Air yang mana perlu dibaiki lebih banyak lagi. Akan tetapi ini sebagai ucapan saya untuk daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bantuan seperti sedemikian rupa.

Oleh sebab itu saya menyebut bekalan air luar bandar ini sangat penting sekali. Seterusnya saya ingin menyebut 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar. Jalan-jalan luar bandar ini kebanyakannya saya percaya di mana-mana kawasan pun di dalam negara kita, di Semenanjung mungkin telah banyak diturap, yang tinggal hanyalah sedikit. Akan tetapi walau bagaimanapun anggaran pada tahun 2016, iaitu bernilai RM1.196 bilion juga merupakan peruntukan yang agak besar yang diperuntukkan oleh kerajaan dari tahun 2015, hampir mencelah lebih daripada separuh peruntukan tersebut.

Saya percaya dengan penambahan seperti ini, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentang bajet yang lalu, sangat prihatin kepada masyarakat luar bandar. Macam sahabat saya Yang Berhormat Setiawangsa, yang dia katakan dia dalam bandar, dia tidak perlu minta perkara-perkara macam ini. Akan tetapi di bandar seperti Parlimen Lipis, Jerantut, Kuala

Krau, Jelebu, dia baru sebut sebentar tadi, sangat penting sebenarnya dalam hal untuk menaikkan lebih baik taraf jalan-jalan ini.

Saya di dalam kawasan saya, saya akui kebanyakan jalan-jalan semua sudah ada, tetapi ia dalam proses sebenarnya untuk membaik pulih kembali atau melebarkan jalan-jalan kampung ini.

■1630

Sesetengah jalan kampung mencecah sehingga hampir 15 kilometer, 11 kilometer tetapi jalannya hanya 10 kaki. Dalam negara kita yang maju yang kita bahaskan menjelang tahun 2020 untuk mencapai tahap yang lebih tinggi, mendapat sasaran gaji RM2,500, sudah pastilah akan menyebabkan ramai lagi yang menggunakan kenderaan. Apabila ramai yang menggunakan kenderaan khususnya dalam musim-musim perayaan, maka jalan-jalan ini kadang-kadang ia mendatangkan jem seperti di bandar-bandar besar pula. Jalan kampung boleh jem.

Jadi saya cadangkan supaya dengan peruntukan yang besar ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk melebarkan jalan. Jalan yang agak panjang, jalan yang persekitaran 2 kilometer atau 3 kilometer ini tidak mengapa, tiada masalah. Dia berhenti sekejap di tepi, boleh masuk kembali. Akan tetapi jalan yang melibatkan belasan kilometer ini, maka ia akan terganggu daripada segi perancangan perjalanan tersebut. Saya mencadangkan supaya kita *upgrade* daripada 10 kaki kepada 14 kaki supaya kereta-kereta ini boleh berselisih menjadi dua hala dan menyebabkan kemudahan sedikit kepada masyarakat kampung. Ini juga mungkin salah satu boleh menjana ekonomi orang kampung itu sendiri, itu yang saya sarankan.

Di dalam kampung saya, dalam kawasan saya, Parlimen saya, hanya satu jalan yang masih belum dibina dan agak panjang iaitu Jalan Kechau Lapan ke Matok sehingga ke Kuala Kenong. Dahulu pernah di tender pada tahun 2014. Pernah di tender tetapi peruntukan tidak mencukupi. Tidak silap saya dengan peruntukan RM6 juta sahaja tetapi peruntukan yang diperlukan hari ini dengan keadaan kenaikan kos, kalau tidak silap saya melebihi daripada RM13 juta hari ini.

Jadi, saya mohon jasa baik supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya menimbulkan kembali fail ini untuk di tender dan dilaksanakan. Ini sahaja satu lagi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tetapi di bawah JKR mungkin banyak lagi.

Saya pergi terus kepada Butiran 02503 – Pembangunan Ekonomi Luar Bandar yang saya melihat peruntukannya juga agak besar, hampir mencecah RM78.9 juta yang mana saya merupakan Parlimen yang saya kira luar bandar. Jadi, saya mohon kepada kementerian supaya memperbanyak pembangunan luar bandar bagi merapatkan jurang ekonomi penduduk luar bandar dan bandar. Bagaimana kita hendak mewujudkan jurang ekonomi itu, kita mestilah memastikan apakah projek ekonomi yang boleh kita beri kepada kampung-kampung ini. Saya percaya yang kita laksanakan seperti industri kecil dan sederhana, ini harus diperbanyakkan.

Dengan bantuan KKLW sekarang ini, saya nampak sebenarnya perubahan yang amat ketara di dalam kawasan saya. KKLW memberi kepada penduduk kampung, umpamanya mesin

ataupun tempat membuat kuih baulu. Ini sudah menjana ekonomi orang kampung di samping pendapatan asal mereka mungkin dengan cara menoreh getah atau dengan cara pekerjaan lain.

Akan tetapi hari ini, ramai yang telah mengusahakan industri kecil dan sederhana melalui bantuan KKLW ini, saya percaya kita boleh teruskan lagi. Mungkin kalau yang sudah ada dibantu RM20,000 nampak agak maju, kita bantu lebih lagi. Mungkin kita beri tambahan RM50,000 supaya diperbesarkan lagi. Sekurang-kurangnya ada lima atau enam orang pekerja yang boleh bekerja di industri kecil dan sederhana di peringkat kampung-kampung ini.

Mungkin dengan cara ini dapat kita membantu menjana ekonomi ini untuk memastikan bahawasanya di peringkat kampung-kampung ini akan menjadi lebih baik daripada segi pendapatan yang kita sering bincangkan bagaimana hendak menuju kepada negara maju menjelang tahun 2020. Salah satu yang perlu ditekankan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini mestilah juga memperkenalkan mereka secara sistem ICT, masukkan iklan-iklan dalam blog-blog mereka umpamanya, mereka memperkenalkan blog mereka sendiri. Ini sebenarnya perlu diberi latihan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memastikan mereka ini dapat meneruskan perusahaan mereka dengan bertambah baik.

Jadi saya berharap supaya kalau kita melihat daripada *National Key Economic Areas* (NKEA) di bawah Butiran 94000 yang mana mencecah anggaran RM216 juta yang melibatkan di bawah 12 bidang ekonomi. Matlamat pertanian memberi sumbangan kepada peningkatan pendapatan negara kasar berjumlah RM24.44 bilion menjelang tahun 2020.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis, gulung.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Okey. Hendak gulung sudah ini. Selain daripada itu, inilah sebenarnya salah satu NKEA yang boleh menambah pendapatan dan peluang kepada peniaga-peniaga ini yang di mana di bawah 11 peluang perniagaan yang dikenal pasti di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini.

Saya rasa saya tidak perlu sebut sebanyak 16 itu kerana ia melibatkan pelbagai bidang seperti produk herba bernilai tinggi, pengeluaran sarang burung walet yang saya ingat masih kekurangan pengusaha-pengusahaannya. Mungkin KKLW boleh beri bantuan untuk membina mini sarang burung walet yang hari ini mencecah harga telah hampir RM3,000 sekilogram.

Telah hampir, maknanya kalau kita boleh keluar lebih kurang dalam dua kilogram sebulan pun sudah kira dahsyat, sebab itu saya katakan sedemikian rupa. Maknanya cari tempat yang baik, kita buat mini sarang burung walet yang saya tahu kosnya RM50,000. Untuk mini, bukan untuk yang besar macam yang kebanyakan ada orang bina. Jadi, saya percaya yang di bawah ini boleh kita lakukan dengan baik. Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Bukit Gantang.

4.37 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya hendak menyentuh berkenaan dengan B.22 Butiran 010700 – Kesejahteraan Rakyat. Jadi di sini dipaparkan berkenaan dengan program bantuan rumah sebanyak 23,217 buah rumah. Saya hendak mendapat penjelasan, berapa ramaikah bantuan untuk rumah di kawasan Parlimen Bukit Gantang pada tahun 2014?

Keduanya ialah berkenaan dengan hendak beri bantuan rumah rakyat ini, kebanyakan yang kita lihat ialah masalah rakyat ini memang tidak ada tanah. Memang tidak ada tanah. Jadi apabila kita pergi jumpa Baitulmal, Baitulmal kata boleh beri tetapi tidak ada tanah. Jadi kita harapkan supaya pihak PLB ini dapat memudahkan dengan hendak pastikan melalui proaktif daripada kerajaan negeri, untuk pastikan supaya menyediakan tanah, tapak rumah bagi diberikan kepada mereka yang memerlukan bantuan rumah. Kadang-kadang pihak kementerian boleh beri, sedangkan hendak bina rumahnya tidak boleh. Itu nombor satu.

Keduanya ialah B.22 Butiran 020500 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Berlakunya kekurangan yang amat mendadak, lebih kurang dekat RM13 juta kurang berbeza dengan tahun 2015. Saya agak terkejut apabila yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong yang mengatakan bahwasanya pembantu elauan guru-guru di kalangan guru KEMAS hanyalah RM400 sahaja. Saya agak simpati kerana tidak sepatutnya berlaku.

Ini bukan di bawah paras miskin, ini... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Ini sudah sampai kepada tahap yang agak daif. Kalau berlaku RM400 itu agak sedih, sepatutnya tidak berlaku begitu. Macam mana mereka hendak menumpukan kepada pendidikan awal, kelas kepada kanak-kanak. Lebih lagi pula tahun ini kurang sebanyak RM13 juta yang melibatkan untuk pendidikan awal kanak-kanak.

Begitu juga saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan soal sejauh manakah kajian yang telah dibuat terhadap pelajar-pelajar yang keluar daripada pendidikan KEMAS ini. Ini kerana di sana ada sedikit kemosyikilan ataupun tahap pencapaian aras di kalangan pencapaian kanak-kanak yang belajar di sini dilaporkan tidak berapa memberangsangkan.

■1640

Jadi, kita minta supaya ada satu kajian yang dibuat sama ada benar ataupun tidak. Akhir sekali ialah berkenaan dengan B.22 Butiran 090000 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Ini juga berlaku sedikit kekurangan bajetnya. Saya hendak tanya ialah, adakah kekurangan bajet ini satunya menjelaskan juga daripada segi soal bantuan untuk mereka yang hendak mengambil pinjaman MARA sama ada dalam bentuk pinjaman kecil.

Keduanya ialah berkenaan dengan pinjaman pelajaran dan yang ketiganya ialah berkenaan dengan kualiti makanan pelajar-pelajar di bawah MRSM. Adakah dengan kekurangan bajet ini yang menyebabkan terjejasnya pelajar-pelajar kita belajar di sana? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tenom.

6.41 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Alhamdulillah* akhirnya dapat juga.

Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas B.22 Butiran 01700 - Bekalan Elektrik Luar Bandar, 02000 - Bekalan Air Luar Bandar, 02300 - Jalan-Jalan Luar Bandar, 00400 - Pendidikan Awal Kanak-kanak, 00611 - Program GIATMARA dan juga 04500 - Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Pertama sekali Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri kerana baru-baru ini telah melawat kawasan saya, Tuan Pengerusi. Juga telah mengumumkan suatu projek yang begitu amat dinanti-nantikan, terutama masyarakat orang-orang kampung di kawasan saya, Tuan Pengerusi.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri dan juga dalam Dewan yang mulia ini, Parlimen Tenom pada masa-masa yang lalu telah juga mendapat limpahan peruntukan daripada pihak kerajaan untuk menaik taraf butiran-butiran yang saya nyatakan tadi. Elektrik, air, jalan raya, pusat GIATMARA dan lain-lain lagi. Apa yang ingin saya kemukakan kepada Tuan Pengerusi dalam Dewan yang mulia ini, daripada projek-projek yang dilaksanakan itu, terdapat beberapa projek yang saya kira perlu diberi perhatian daripada pihak Yang Berhormat Menteri sendiri.

Ini kerana apabila pelaksanaan projek-projek tersebut, ia tidak dapat mencapai, menepati kehendak, keperluan kepada masyarakat yang menerima projek tersebut. Saya bagi satu contoh dan ini perkara ini pun telah saya ulangi pada sidang-sidang yang lepas juga dan menjadi harapan yang tinggi dengan Yang Berhormat Menteri yang baru ini. Saya percaya beliau seorang pemimpin yang sentiasa turun padang, turun ke kampung-kampung, memahami semangat orang-orang luar bandar. Supaya yang saya nyatakan tadi itu dapat dilaksanakan.

Memang kita sedari Tuan Pengerusi, kalau dikira untuk tahun 2016, KKLW telah menerima peruntukan sebanyak RM5.6 bilion, yang mana untuk Sabah sahaja dianggarkan lebih kurang 28% iaitu RM1.5 bilion dan satu jumlah yang besar. Saya harap Yang Berhormat Menteri, apabila melaksanakan projek-projek luar bandar, kalau di kawasan saya, Tuan Pengerusi, ada air, air paip tetapi hingga hari ini tidak ada air, agak malang.

Buat jalan raya, tidak lama sudah rosak, begitu juga dengan projek-projek yang lain. Oleh sebab itu dalam Dewan yang mulia ini ingin saya nyatakan bahawa apabila pelaksanaan projek-projek di luar bandar ini dengan sejumlah peruntukan yang begitu besar. Saya harap pada tahun hadapan dengan bajet yang telah diperuntukkan begitu besar kepada Kementerian Luar Bandar supaya dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kita tidak mahu terjadi seperti mana projek-projek di luar bandar, banyak masalah.

Saya memahami dan saya menyedari bahawa Yang Berhormat Menteri juga telah mengumumkan akan mewujudkan satu Jawatankuasa antara pihak Kementerian Luar Bandar dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri. Saya harap kerjasama ini,

jawatankuasa ini dapat dibentuk dan dapat melihat dan juga dapat mempercepatkan pelaksanaan-pelaksanaan projek yang telah dirancang. Kita tidak mahu nanti seperti mana yang saya nyatakan awal tadi, banyaknya projek-projek ini bukan sahaja tidak sempurna tetapi ada yang tergendala. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri yang ada dalam Dewan hari ini boleh mengambil tindakan secepat mungkin. Supaya hasrat kita untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar ini akan tercapai.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga fasal pendidikan awal kanak-kanak ini Tuan Pengerusi. Apa yang saya lihat hari ini di kawasan saya juga seperti mana dinyatakan oleh Yang Berhormat Limbang, berkenaan dengan Tadika KEMAS ini. Di tempat saya memang banyak Tadika-tadika KEMAS ini yang saya lihat begitu uzur. Saya lihat perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian Luar Bandar.

Cuma ada antara pembangunan pembinaan Tadika KEMAS ini ia tidak mempunyai bangunan sendiri, masih menumpang. Saya bagi satu contoh di Kampung Makaniton, Parlimen Tenom di DUN kawasan Melalang. Di mana bangunan ini balai rayanya telah diubahsuai tanpa menggunakan peruntukan daripada pihak kerajaan. Orang kampung menerusi Pengerusi JKKK, mereka melaksanakan pembinaan pengubahsuai bangunan ini.

Jadi, saya harap kalaupun tidak dapat memberi pembinaan baru kepada Tadika-tadika KEMAS yang saya kira kalau boleh pihak kementerian supaya memberi peruntukan pemberaan. Atas dasar semangat orang kampung sanggup untuk berkorban demi masa depan anak mereka saya harap pihak kementerian dapat setidak-tidaknya dapat memberi bantuan pemberaan. Seperti yang saya nyatakan tadi, balai raya tadi diubahsuai menggunakan wang sendiri penduduk-penduduk kampung tersebut.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Lembaga Industri Getah yang saya lihat dalam bajet ini anggaran projek sebanyak RM33 juta dan pada tahun hadapan secara langsung akan dibelanjakan RM100 juta lebih. Dalam Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya pihak Lembaga Industri Getah, apakah peruntukan ini dilaksanakan untuk apa? Adakah juga untuk penanaman semula getah ataupun dengan program-program lain ataupun untuk apa? Ini sebab saya lihat Tuan Pengerusi, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) ini di tempat saya, saya mempunyai dua buah penempatan Lembaga Industri Getah (LIGS) ini.

Di mana, pertama di Kampung Labuh Seberang dan yang kedua di Kuala Taman. Jadi, saya minta dengan ada peruntukan dari Lembaga Industri Getah melalui KKLW ini saya minta kepada pihak Menteri, kementerian sendiri cuba untuk melihat penaiktarafan jalan raya di penempatan itu sendiri. Saya lihat begitu teruk sekali, kalau boleh peruntukan ini digunakan ataupun peruntukan melalui peruntukan jalan perhubungan desa. Ini kerana saya dapatkan kedua-dua penempatan ini jalan perhubungannya agak teruk.

Saya lihat amat penting untuk mereka seperti mana juga dengan penempatan-penempatan yang lain, skim penempatan yang lain. Bukan sahaja dapat peningkatan ekonomi, dapat pendapatan hasil daripada toreh getah tetapi kita juga ingin melihat juga mereka

mempunyai jaringan jalan raya. Ini yang mana saya kira amat penting supaya mereka mudah untuk mengangkut hasil-hasil pertanian mereka. Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lepas Yang Berhormat Kuala Neris siapa? Yang Berhormat Sandakan.

■1650

4.50 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.

Saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 22 di bawah Butiran 01703 - Bekalan Elektrik Luar Bandar (Sabah), 02003 - Bekalan Air Luar Bandar (Sabah) dan 02300 - Jalan-Jalan Luar Bandar. Sebagaimana kita tahu masalah infrastruktur yang asas di pedalaman Sabah adalah amat menyedihkan. Oleh sebab sudah 50 tahun Malaysia terbentuk tetapi Sabah, khususnya orang kampung yang tinggal di pedalaman masih jauh ketinggalan. Saya di sini ingin menyentuh beberapa contoh yang orang-orang kampung ini yang tinggal di pedalaman menghadapi masalah-masalah tidak ada air bersih, tidak ada bekalan elektrik, tidak ada jalan akses.

Contohnya, pada sesi Parlimen yang lalu, saya pun ada sentuh di sini di bawah Pitas, kampung di Pitas ada tujuh buah kampung. Di sana ada penduduk seramai 2,000 orang. Kampung di sini tidak ada jalan akses, tidak ada bekalan air dan juga *of course* tidak ada bekalan elektrik. Kampung-kampung ini disebut kampung dalam *lost world*. Jadi, di sini, kampung-kampung tersebut tidak mempunyai sebahagian infrastruktur yang asas. Sejak tahun 1999, kerajaan ada janji mahu membentuk atau membina jalan untuk penduduk-penduduk di sini tetapi sampai sekarang, janji itu pun tidak ditunaikan. Jadi, sampai orang-orang kampung ini pergi mencari derma untuk membina jalan akses. Jadi, di sini kita, DAP ada melancar satu kempen "Impian Sabah" telah menolong dan membantu penduduk-penduduk di sini membina sebuah jalan 7.2 kilometer untuk kampung-kampung ini.

Jadi selain itu, Impian Sabah also mengunjungi beberapa buah kampung yang menghadapi masalah yang sama seperti Kampung Banggi di Tenom, Kampung Samparita Laut di Kota Marudu, Kampung Tolongkon di Pitas, Uru Patak Bepa di Penampang dan sebagainya. Semua kampung ini tidak ada air bersih. Saya terkejut apabila melihat kampung-kampung tersebut tidak ada air bersih dan *electricity*. Ini saya harap Menteri-menteri mengambil perhatian dalam perkara ini dan boleh membantu semua penduduk yang saya telah sebutkan tadi. Di sini juga ada kampung-kampung yang kita ada bantu mereka. Mereka memasang paip air graviti dengan hasil derma masyarakat. Lagi teruk kita ada sebuah kampung di dalam kawasan Keningau iaitu Kampung Mimsoso.

Baru-baru ini kita ada tolong mereka membina paip untuk graviti air. Ada 95 keluarga yang duduk di sana. Dekat sahaja dengan Pekan Keningau dan juga ada paip sudah dipasang dua tahun lebih tetapi paip ada tetapi air tidak ada. Paip yang sudah dipasang itu pun sudah

berkarat. Jadi, saya fikir jika mahu pakai sekarang pun tidak boleh berfungsi lagi. Kita juga ada mengunjungi sebuah kampung lagi, sama juga di bawah kawasan Keningau, namanya Mukin Bunga. Di dalamnya ada lima buah kampung dan ada penduduk seramai lebih kurang 2,000 orang. Di kelima-lima kampung ini semuanya tidak ada air bersih. Di samping itu, ada juga kampung di Matonggong yang mana kementerian telah memasang paip air tetapi sampai...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Sandakan ini mahu bercakap bagi pihak semua Ahli Parlimen kah ini?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tidak.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ... You sebut pasal semua Parlimen lain, semua you cover ini.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Kita satu pasukan Impian Sabah ada membantu kampung-kampung yang berkenaan. Di samping itu kita ada kampung di Matonggong yang mana kementerian telah memasang paip air tetapi semuanya juga tidak ada bekalan air. Begitu juga di Pincangan dan juga Sok. Kementerian juga merancang membina lampu solar untuk kampung-kampung. Kabel memang sudah ada dipasang selama beberapa tahun tetapi masih tidak ada bekalan elektrik. Jadi Tuan Pengerusi, di sini...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Pengerusi, boleh saya minta penjelasan oleh sebab dia sebut mengenai Pensiangan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri ingin bertanya, mencelah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Boleh?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Nanti saya kasi ya. Tuan Pengerusi, jelas sekali saya telah memberi begitu banyak contoh menunjukkan kampung-kampung di Sabah, jadi sekarang saya ingin menyentuh kembali bajet ini. Mengikut Rancangan Malaysia Ke-11, kerajaan mensasarkan di mana liputan bekalan elektrik di Sabah akan mencapai 99%. Manakala liputan bekalan air di Sabah akan mencapai 88% di dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Saya khuatir ini satu sasaran yang boleh dicapai atau tidak. Selain daripada itu, dalam bajet ini juga ada diberi peruntukan bagi bekalan elektrik luar bandar di Sabah sebanyak RM478 juta. Saya ingin tahu secara terperinci bagaimana kerajaan mengurangkan peruntukan tersebut. Kampung mana akan dapat dibekalkan dengan elektrik, berapa jumlah penduduk dianggap boleh menikmati bekalan ini? Ini adalah penting kerana saya berpendapat bahawa oleh sebab kekurangan ketulusan kegunaan peruntukan tersebut walaupun tiap-tiap tahun kerajaan ada memberi peruntukan disediakan tetapi nampaknya hasil atau *result* itu tidak memuaskan. Jadi, saya ingin tahu juga dalam bajet tahun ini, berapakah peruntukan telah diberi untuk membekal elektrik dan air luar bandar dan berapa yang telah dibelanjakan? Saya juga ingin tahu maklumat ini dengan terperinci.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, menurut jumlah anggaran harga projek bagi perkara 02003 - Bekalan Air Luar Bandar (Sabah), jumlah anggarannya RM2.8 bilion untuk lima tahun ini. Akan tetapi hanya ada RM200 juta disediakan atau diperuntukkan pada tahun depan, ia tidak sampai 10%. Saya harap peruntukan ini boleh ditambah lagi supaya lebih banyak orang kampung di pedalaman Sabah yang boleh menikmati bekalan air yang paling asas.

Selain itu, bagi Butiran 02300 - Jalan-Jalan Luar Bandar, RM1.1 bilion telah disediakan bagi tahun depan. Jadi, kita harap boleh dapat tahu berapa daripada peruntukan yang akan dibahagikan pada Sabah. Tuan Pengerusi, ini sahaja yang ingin saya sentuh. Harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, saya ada ingin mencerahkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia sudah habis, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Sedikit sahaja.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Manakah satu?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: You sentuh pasal Pensiangan tadi berkaitan dengan bekalan lampu. Saya tidak tahu di mana sebuah kampung maksud Yang Berhormat yang ada tiang tetapi belum ada lampunya. Yang saya tahu DAP masuk Pensiangan sekarang ini ialah hanya menanam batu palsu dan menghina adat istiadat orang KTM di sana. Oleh sebab kau potong ayam bagi batu sumpah. Saya hendak tahu di mana ini? Kenyataan Yang Berhormat tadi tuduhan yang melulu.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ini bukan tiang, ada kabel untuk solar, bukan tiang untuk lampu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Apakah nama kampung itu?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Nanti saya kasik nama kampung itu okey?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tak adalah.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Boleh?... Sudah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Sudahlah.

■1700

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ramai lagi ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ramai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Sik saya tidak dengar lagi. Sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sik, jangan cakap banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pendek-pendek ya Yang Berhormat Sik, sesuai dengan ketinggian.

5.00 ptg.

Dr. Mansor bin Haji Ahmad [Sik]: *[Ketawa]* Tidak patutlah Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.

Saya ingin menyentuh beberapa butiran saja, sikit saja Tuan Pengerusi. Butiran 02300, ada dua tiga perkara. Pertama, Jambatan Lubok Besar yang menghubungkan Kampung Hujung Bandar dan kampung-kampung sekitarnya telah hampir runtuh disebabkan berlakunya hakisan sungai baru-baru ini. Terdapat sekitar 500 orang penduduk yang menggunakan jambatan tersebut setiap hari untuk urusan harian. Keadaan ini terlalu merbahaya terhadap pengguna yang tidak mempunyai jalan alternatif lain untuk digunakan. Saya harap jambatan ini dibina dengan kadar segera dalam tahun 2016. Saya bimbang takut kemalangan berlaku.

Kedua dalam butiran ini, jambatan di jalan luar bandar, Jambatan Cemara perlu dibina secepat mungkin dan perlu diberi keutamaan. Pada masa sekarang, majoriti penduduk yang berulang alik untuk menoreh dan menjalankan aktiviti harian mereka terpaksa menggunakan jambatan gantung yang telah uzur dan ada dawai ikatannya pun yang sudah putus.

Ketiga dalam Butiran 02300, jalan luar bandar- Jambatan Dusun Pengapit yang menghubungkan Kampung Padang Cicak dan Kampung Dusun Pengapit merupakan satu-satunya jambatan yang digunakan oleh anak-anak yang berulang alik ke sekolah di kawasan itu.

Jalan luar bandar lagi, saya minta jalan luar bandar ditambah menaik taraf dan penurapan jalan-jalan kampung yang menjadi jalan utama yang digunakan oleh penduduk setempat. Terdapat juga di sesetengah tempat jalan berbatu kerikil dan tanpa kasaran.

Tuan Pengerusi, butiran lain ialah Butiran 01707 – Bekalan Elektrik Luar Bandar, pemasangan lampu jalan kampung. Lampu-lampu jalan kampung terutamanya di simpang-simpang jalan dan antara jalan kampung dan jalan utama saya minta peruntukan untuk pemasangan lampu jalan kampung ditambah daripada yang diberi sebelum ini.

Seterusnya Butiran 02001 – Bekalan Air Luar Bandar Semenanjung. Negeri Kedah baru-baru ini telah mendapat peruntukan sebanyak lebih daripada RM20 juta untuk kerja-kerja membaik pulih bekalan air di Padang Terap, sebahagian daripada Padang Terap dan sebahagian daripada Parlimen Sik. Saya mohon supaya kerja-kerja dapat dipercepatkan. Ini diumumkan pada tahun lepas memandangkan sehingga kini masih belum dilaksanakan dan saya menerima banyak aduan rakyat berkenaan masalah air di kedua-dua DUN dalam Parlimen saya termasuk juga banyak diviral kan di dalam media sosial.

Seterusnya Butiran 00607 – Perkhidmatan Pengangkutan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Parlimen saya tidak mempunyai sistem perkhidmatan awam yang baik dan efisien kecuali perkhidmatan beberapa buah teksi bagi kegunaan masyarakat tempatan untuk berulang ke bandar. Sehingga kini tidak ada perkhidmatan bas-bas tempatan yang memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat. Saya pohon pihak kementerian menyediakan perkhidmatan bas MARA kembali di mana dulunya ada perkhidmatan ini, sekarang telah dihentikan untuk kegunaan Parlimen Sik walaupun saya sedar bahawa ini tidak memberi keuntungan yang begitu besar.

Butiran seterusnya ialah 00607 juga perkhidmatan bas MARA. Mohon pihak kementerian, pihak kerajaan menyediakan perkhidmatan bas ekspres dari Pekan Sik ke Pantai Timur sebab banyak penduduk Sik pergi ke Pantai Timur melalui Keroh-Baling dan juga Gerik. Ini disebabkan sehingga kini dari Sik masih belum mempunyai perkhidmatan terus ke Pantai Timur. Penduduk terpaksa menaiki kenderaan sendiri turun ke Selatan, ke Sungai Petani sebelum menaiki bas ke Pantai Timur. Tuan Pengerusi, sekian saja butiran yang ingin saya sentuh. Terima kasih, Yang Berhormat Sik mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

5.05 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya hanya ingin membangkitkan beberapa item saja. Pertamanya, berkaitan dengan KEMAS iaitu Butiran 02000 secara khususnya berkaitan dengan 020500 iaitu pendidikan awal kanak-kanak. Di mana peruntukan telah dikurangkan daripada RM41 juta kepada RM27 juta saja sedangkan ia masih lagi kecil dibandingkan dengan peruntukan untuk PERMATA yang mendapat RM36 juta. Kalau dulu RM48 juta.

Jadi saya ingin bertanya ini sebab kebetulan pendidikan prasekolah KEMAS ini betul-betul depan rumah saya dan guru-guru dia ada juga membuat aduanlah yang menyatakan pertamanya oleh sebab KEMAS ini menawarkan pendidikan untuk pelajar 5 tahun dan juga pelajar 6 tahun. Sedangkan hanya seorang guru saja yang diamanahkan untuk menjaga pelajar-pelajar 5 tahun dan 6 tahun itu.

Apabila kita ziarah ke KEMAS itu kita lihat guru itu juga yang hendak menyediakan makanan, dia juga yang hendak mengajar, dia juga layan budak-budak dan baru-baru ini untuk makluman, *not* baru inilah tapi dalam tidak silap awal ataupun hujung tahun lepas, berlakunya satu rompakan ke atas KEMAS itu di mana ada dengan parang, ada dua orang yang masuk ke sekolah itu dengan parang – waktu tengah hari, waktu masih sekolah lagi dan telah mengakibatkan trauma kepada guru itu dan juga anak-anak murid.

Jadi keselamatan juga satu isu besar. Saya agak kasihan guru KEMAS ini, sudahlah seorang, bila makanan tidak cukup dia kena pergi kedai sekejap, tinggalkan budak-budak seorang, sebab tidak ada kakitangan, tidak cukup. Ini dia telah adu pada isteri saya sendiri. Oleh sebab rumah saya betul berdekatan dengan KEMAS itu, kadang-kadang kita ziarah. Pelajar-pelajar itu yang ditanya kepada guru itu apakah yang mereka buat ke atas pelajar 5 tahun, dia kata memang tidak ajar langsung. Dia mengajar, bagi benda kah, main kah, nyanyi kah. Dia ajar budak untuk yang 6 tahun sahaja.

Jadi ini, bagi saya satu yang serius. Kalau kita hendak betul-betul buat pendidikan pra sekolah ini, seriuslah, carilah guru yang cukup, bayarlah gaji yang cukup. Jadi ini, bagi saya walaupun KEMAS kita tahu menjadi agen atau telinga dan untuk kebaikan rakyat kepada UMNO lah tapi bagi saya ini *beyond politics*, walaupun di KEMAS, memang tahu untuk UMNO, tapi bagi

saya keselamatan mereka, patutnya UMNO cakap ini tapi tidak apalah saya cakap. Tapi saya harap mereka mestilah diberikan perhatian. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak dapatkan butirannya, saya boleh bagilah alamat dia, itu yang pertama.

Keduanya berkaitan dengan isu 03000 iaitu isu pembayaran modal insan dan kebajikan Orang Asli. Untuk makluman, Tuan Pengurus dan juga Yang Berhormat Menteri di Sepang juga ada beberapa buah kampung Orang Asli. Jadi, saya telah berjumpa dengan antaranya Tok Batin di kawasan Orang Asli di Bukit, di Parlimen Sepang itu, di bawah DUN Tanjung Sepat. Di mana beliau menyatakan bahawa antara isu yang mereka risaukan adalah tentang pemilikan tanah, di mana mereka mengatakan apakah jaminan-jaminan generasi akan datang ini.

Kalau generasi yang awal ini telah tiada lagi untuk mereka dapat mewariskan tanah-tanah kepada generasi akan datang. Jadi, saya harap pihak kementerian dapat melihat perkara ini dan dapat menawarkan satu holistik punya *solution* ke atas isu-isu tanah di kawasan orang Asli ini. Sebab mereka ini, kita tahu memang mintalah supaya kita menolong mereka. Jadi mereka telah jumpa dengan Ahli Parlimen dan minta supaya suarakan. Saya harap kementerian dapat mengambil berat isu ini.

■1710

Saya harap juga Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan, kalau tidak ada jawapan lisan, jawapan bertulis. Apa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan tentang pembangunan modal insan dan juga tentang pemilikan tanah di kawasan-kawasan Orang Asli di Sepang itu. Saya ingin dapatkan maklumat, contohnya di Kampung Bangkung. Kampung Bangkung ini Orang Asli di situ agak lama di situ, mereka...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepang, sedikit boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh, boleh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cuma hendak minta tolong Yang Berhormat Sepang, saya ingat tanah ini kawasan negeri, boleh Yang Berhormat Sepang rujuk dan minta Kerajaan Negeri Selangor selesaikan masalah tanah Orang Asli di Selangor, bolehkah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mungkin Yang Berhormat Lenggong tidak berapa faham daripada segi orang Asli ini ada *special* akta. Jadi kita kena lihat akta ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Jadi saya bincangkan ini supaya Menteri dapat melihat perkara ini. Saya harap tentang tanah memang di bawah negeri tetapi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya, minta negeri Selangor lah tolong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, memang pihak...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya, masyarakat Orang Asli di, tanya Yang Berhormat Gerik, hal ehwal Orang Asli, tanah, bagi tanah semua kerajaan negeri, kerajaan negeri tolong. So minta Kerajaan Negeri Selangor tolonglah. Yang Berhormat baik

dengan Menteri Besar Selangor pun. Janganlah menjerit sini, lagipun Yang Berhormat bukan sokong bajet ini pun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak sokong bajet sebab bajet ini banyak lagi perkara, kita tegur daripada segi dasar. Oleh sebab telah dipersetujui oleh Ahli Parlimen macam Lenggong ini yang tidak faham apa yang kita bantah, maka kami tentulah kena bercakap dalam konteks yang telah diluluskan. Kalau boleh memang kami tidak mahu bajet ini sebab bajet ini dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memang ada masalah dengan pentadbiran kewangan dalam negara kita ini. Itu Yang Berhormat Lenggong kena fahamlah... *[Dewan riuh]*

Jangan buka, nanti saya respons marah pula. Seterusnya saya harap juga tentang isu MARA. Saya tidak marah dengan MARA ini, cuma hendak tanya kepada menteri, adakah perancangan-perancangan untuk membina MRSM di Sepang ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Inilah hipokrit, cakap belit-belit. Sat ke depan, sat ke belakang, sat sokong, sat tidak sokong, minta, minta juga. Malulah dengan pentadbiran kerajaan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apalah. Saya minta ini, saya hendak beritahu sikitlah pada Yang Berhormat Lenggong. Saya minta bukan duit Yang Berhormat Lenggong, saya bukan minta...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Orang jenis putar belit macam inilah, sat kata itu, macam-macamlah. Hai, peninglah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak bagi dah, saya tidak bagi dah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Buang masa saja, lambat dah ni, cukuplah tu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hai, dah tak tahan lagi kah? Kita minta semua peruntukan ini, pertamanya kerajaan minta duit pada kita. Ambil cukai GST ini daripada siapa, daripada kita semualah... *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sama saja ini pun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apalah, bendanya tinggi sangat, mungkin susah hendak difahami oleh Yang Berhormat Lenggong. Nanti kita bincang di luar ya. Nanti saya bagi kursus pada Yang Berhormat Lenggong di luarlah. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong, boleh minum di luar ya.

Okey, tentang MARA ini sebab saya rasa terutamanya saya mengucapkan tahniah jugalah kepada yang menyediakan Ulul Albab. Saya tanya adakah MARA mempunyai perancangan untuk menambah lagi. Setakat ini yang saya tahu yang ada di Negeri Sembilan dan juga di Pulau Pinang dan juga di Terengganu, di Besut. Jadi saya harap pihak menteri dapat menjawab adakah ada perancangan untuk menubuhkan MRSM ini di peringkat daerah Sepang.

Juga kalau boleh saya ingin juga tanya adakah MARA ingin mengkaji semula tentang katanya ada keputusan daripada pihak MARA untuk tidak akan menghantar pelajar-pelajar

perubatan di luar negara yang pelajar-pelajar cemerlang yang memang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.

Mereka tidak dibenarkan ataupun tidak akan mendapat bantuan kalau mereka hendak meneruskan jurusan perubatan. Jadi kadang-kadang saya pun jadi keliru, satu segi kata dah ramai sangat doktor tetapi bila kita pergi pula ke hospital-hospital kerajaan, masih lagi kata kurang doktor. Jadi sebenarnya apa yang berlaku, saya pun tidak pasti. Jadi saya harap walaupun mungkin secara spesifiknya bukan di bawah kementerian ini tetapi isu jurusan perubatan ini saya harap mungkin pihak Menteri dapat boleh beri jawapan.

Tentang ada satu item 101200 – Tugasan Untuk Luar Negara. Kalau kita lihat kepada item ini, tahun lepas tidak ada langsung peruntukan. Tiba-tiba tahun ini ada RM900 ribu, berkaitan dengan 101200...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sepang, ringkaskan sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, tugasan luar negara ini tugasan apa. Daripada kosong terus ada jumlah yang banyak. Jadi bolehkah terangkan apakah tugas-tugas yang Menteri boleh terangkan apa tugasan luar negara itu.

Akhirnya Butiran 100200 berkaitan dengan Elaun JKJKK dan JKJKKP hendak tanya mungkin pihak...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, masa dah cukup Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lepas Yang Berhormat Bayan Baru buat pencelahan, Yang Berhormat Sepang tidak payah jawab, masa Yang Berhormat Sepang dah habis. Sila Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang dan terlebih dahulu saya hendak ucapkan tahniah kepada menteri kerana sudi duduk di sini, dengar semua suara daripada rakyat. Saya hendak tanya tentang JKJKK, ia ada peruntukan lebih daripada RM300 juta. Jumlah total JKJKK di seluruh negara, dan apakah program-program transformasi yang berlaku di JKJKK sekarang, adakah mempunyai kejayaan-kejayaan?

Akhir saya hendak tanya tentang satu program yang berlaku di Sabah di mana *without prejudice*, Menteri ada di Sabah dan ada gambar bahawa Menteri ada makan telur penyu. Telur penyu itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Mula-mula *denied* tetapi nampaknya- JKJKK. Jadi Menteri kalau *I mean...*

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ini bersangka jahat... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Mersing.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Setuju dengan Yang Berhormat Bayan Baru, minta masuk.

5.17 ptg.

Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada Butiran 010000 - Ibu Pejabat mengenai khususnya Butiran 010200 - Perancangan Strategik. Sedikit sahaja peruntukan yang dikhurasukan kepada Perancangan Strategik. Isu yang saya hendak angkat kepada Yang Berhormat Menteri mengenai pembuangan sampah di kampung. Sejak adanya KKLW ini, kita dah tidak ada masalah jalan kampung, tidak ada masalah api, elektrik, air, majoriti dah selesai tetapi saya lihat pembuangan sampah di kampung ini perlu diurus.

Kalau boleh Yang Berhormat Menteri masukkan kajian. Saya pasti dulu dah ada kajian dibuat tetapi buat masa ini pembuangan sampah di kampung ini amat tidak tersusun, ia banyak kepada belas ihsan kawasan yang berdekatan kerajaan tempatan, dia kutiplah. Akan tetapi yang dalam-dalam itu dibakar atau dibuang merata tempat. Mungkin sudah sampai waktu sebelum kita menjadi negara maju, pelupusan sampah juga diberi pendekatan yang strategik di bawah kementerian KKLW di bawah Menteri yang amat berwibawa.

Perkara kedua dan terakhir, 020000 – KEMAS. Saya buat sedikit kajian bahawa terdapat lebih kurang 100 ribu orang penuntut yang *enroll* dengan izin di bawah tabika dan juga tadika, taska KEMAS. Ini merupakan 20% daripada mereka yang berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke pra sekolah selain daripada Kementerian Pendidikan dan sektor swasta. Empat orang anak saya produk KEMAS, dua orang graduan daripada Monash dan RMIT, seorang daripada UCF dan seorang lagi di *Kingston University London*.

■1720

Maknanya KEMAS ini sudah ada nama tetapi saya hendak tahu, saya difahamkan oleh pegawai bahawa pelaburan untuk tiap-tiap kepala hanyalah RM100 setahun. Ini amat sedikit walaupun dia tidak bayar yuran sebab kajian telah dibuat oleh beberapa buah universiti tempatan dan juga universiti luar negara, pendidikan prasekolah yang berdasarkan kepada main-main banyak berinteraksi, banyak *approach* kepada *character building* didapati bahawa mereka yang berjaya dalam hidup mereka yang mendapat pendidikan asas prasekolah yang berdasarkan kepada tidak sangat kepada akademik.

Saya hendak tahu sama ada dalam hal kurikulum ini ada tidak KEMAS menilai kembali kurikulum supaya ia sejajar kerana anak-anak ini amat awal penghidupan mereka dan yang paling penting antara umur 3 hingga 6 tahun *character building* itu amat penting dan kalau kita lihat dalam konvolesyen KEMAS ini kita dapati bahawa majoriti daripada anak-anak kita ini masih takut-takut lagi. Dia tidak berapa hendak berani. Jadi ini amat berkaitan dengan *character building*.

Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, berapa banyak peruntukan yang dikhurasukan untuk membuat kajian dan juga menilai kembali kurikulum tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Dungun. Yang Berhormat Menteri, jam 6 petang boleh menjawab.

5.22 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahamanir Rahim... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang.

Terima kasih, Tuan Pengerusi mengizinkan saya membahaskan bajet kementerian dalam B.22 yang melibatkan bekalan di bawah Butiran 020500 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Dengan jumlah peruntukan yang telah dikurangkan sebanyak anggaran RM27 juta sahaja yang akan diberikan sedangkan ini melibatkan pembangunan insan. Sepatutnya ia juga diberikan perhatian kerana pembangunan insan adalah penting apabila kita meletakkan asas kepada pendidikan awal kanak-kanak kerana untuk peningkatan kemajuan pendidikan, ia bermula daripada tadika, tabika, taska, PASTI dan lain-lain. Maka tentulah ia memerlukan kepada pembangunan pendidikan di peringkat awal ini diberikan perhatian dan peruntukan yang lebih besar.

Oleh sebab itu juga kita melihat dalam pembangunan infrastruktur di bawah Butiran 00400 – Pendidikan Awal Kanak-kanak yang diberikan jumlah peruntukan tetapi jika kita lihat dalam pembangunan butiran 30000 di bawah Jabatan Perdana Menteri juga dengan butiran yang sama, asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

Saya pohon penjelasan daripada Menteri apakah *terms* yang digunakan ini berbeza atau dengan maksud yang sama kerana dalam peruntukan pembangunan Butiran 30000 di Jabatan Perdana Menteri juga asuhan dan didikan awal kanak-kanak dan di bawah Pembangunan 00400 juga ialah pendidikan awal kanak-kanak dengan peruntukan yang disediakan.

Oleh itu apabila kita melihat kepada kepentingan pendidikan ini saya pohon supaya dilihat kepada kualiti pendidikan kanak-kanak dengan walaupun berlaku pengurangan peruntukan tetapi dia mestilah membawa kepada maksud tidak berlakunya kekurangan kualiti pendidikan dalam kekurangan peruntukan ini.

Kedua, ialah berkaitan dengan pembangunan Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Jalan persimpangan di kawasan Ulu Dungun dalam Parlimen Dungun di antara Simpang Empat Kampung Jongok Batu ke Kampung Belimbing dan Kampung Syukur dan Kampung Pasir Raja telah berlaku banyak jalan-jalan yang mendap dan sebahagiannya apabila berlakunya banjir pada tahun 2014 dalam bulan November dan Disember secara khusus satu jalan telah bukan sahaja mendap tetapi runtuh mengakibatkan terputus hubungan di antara Kampung Syukur dan Kampung Pasir Raja lalu dibina laluan lencongan sementara yang boleh dilalui oleh hanya satu kereta sahaja atau kenderaan lain.

Sehingga hari ini masih lagi dengan laluan lencongan tersebut tidak diperbaiki. Dibimbangi dengan keadaan cuaca yang ada pada hari ini mujurlah tidak berlaku banjir dalam bulan ini, saya pohon supaya jalan ini diperbaiki segera supaya memudahkan perhubungan jika berlaku sesuatu dan bantuan-bantuan boleh dihulurkan dengan segera.

Tidak sepetimana yang berlaku dalam banjir 2014 bulan November dan Disember mengakibatkan terputus hubungan sehingga bantuan terpaksa dilakukan melalui air sungai, sungai yang pada waktu itu sangat deras dan sangat laju dengan air banjir. Peningkatan air yang berlaku dengan mendadak. Oleh itu perlu diberi perhatian kepada jalan yang ada ini supaya diperbaiki dan dibaik pulih kerana ini telah mengambil masa lebih kurang setahun tidak diperbaiki.

Ketiga, berkaitan dengan pembangunan 03800 – Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah yang kalau kita lihat kepada program 4 di bawah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) ini banyak program yang disusun dan dengan saban tahun peruntukan-peruntukan yang diberikan, saya pohon walaupun banyak perkara yang ingin disoalkan tetapi yang pertamanya nyatakan pusat ekonomi yang diusahakan di kawasan desa dalam wilayah KETENGAH yang memacu peluang pekerjaan dan kegiatan sumber ekonomi desa yang lebih cekap.

Kedua, berlaku penghijrahan daripada penduduk yang ada dalam kawasan wilayah KETENGAH ini maka dipohon apakah daripada perancangan yang telah disusun ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Dungun ringkaskan.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Ya, hendak habis sudah ini, Tuan Pengerusi- iaitu bilangan penduduk yang ada yang telah meningkat hasil pendapatan mereka dalam bidang keusahawanan.

Ketiga, jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar secara khusus dalam wilayah KETENGAH. Apakah program-program yang telah dilaksanakan dan yang dirancang untuk dilaksanakan? Keempat, secara khusus status pulau bebas cukai dalam pembangunan di Tasik Kenyir dalam wilayah KETENGAH apakah status kedudukannya hari ini? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

■1730

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada masa setengah jam lagi. Ringkas, ringkas ya, jangan tak sempat. Ini 10 minit, 12 minit. Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan ringkas seringkas-ringkasnya. Butiran 090000 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Luar Bandar dan Wilayah yang ternyata tegas dalam menangani isu melibatkan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah.

Saya pasti, saya rasa kita masih ingat lagi Yang Berhormat Menteri, walaupun dia diserang kiri dan kanan, dalam dan luar Parlimen pun, hari ini pun sudah kena serang tetapi beliau tetap komited. So, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa]

Seorang Ahli: Tahniah, tahniah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin sentuh, saya terutamanya isu mewujudkan ala Lowyat di Bangunan MARA yang khususnya untuk peniaga bumiputera. Bagaimanapun bagi saya, perjuangan suci Yang Berhormat Menteri ini baru bermula. Saya harap dia terus istiqamah melaksanakan usaha-usaha untuk memperkasakan rakyat khususnya di luar bandar khususnya berkaitan dengan biasiswa pelajaran MARA.

Dalam menyentuh soal biasiswa, dalam bajet, saya tengok dalam ini bajet 2016, MARA telah diperuntukkan sebanyak RM3.7 bilion termasuk menaja pengajian sebanyak 72,000 orang pelajar bumiputera di peringkat pendidikan tinggi bagi memastikan tiada mana-mana pelajar bumiputera tercicir, saya ingin mencadangkan agar MARA membuat satu kajian terperinci bagi memastikan semua pelajar yang layak dapat menikmati biasiswa berkenaan.

Saya menekan isu ini kerana sehingga ke hari ini kita masih dengar keluhan daripada pelajar-pelajar berhubung kegagalan mereka mendapat biasiswa MARA walaupun telah mencatat keputusan cemerlang dalam pelajaran. Oleh itu saya berpendapatlah wajar jika MARA mewujudkan unit khas yang bertanggungjawab mengkaji masalah itu hingga ke akar umbi. Kita tidak boleh lagi bergantung kepada borang permohonan dan temu duga yang dijalankan sebaliknya latar belakang seseorang pelajar perlu diketahui secara terperinci kerana kita tidak mahu masalah kegagalan mendapat biasiswa MARA ada di kalangan orang Melayu dan bumiputera tercicir peluang untuk melanjutkan pelajaran.

Saya juga mohon pihak MARA mempertimbangkan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang cemerlang yang mengambil bidang-bidang perubatan di negara Mesir khususnya kerana pelajar-pelajar ini saya faham, mereka pergi secara sukarela. Akan tetapi kalau mereka cemerlang khususnya pada tahun-tahun yang terakhir, saya rasa wajar mereka dipertimbangkan untuk diberi pinjaman biasiswa.

Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin dua hari lepas, keputusan UPSR keluar. Saya mohon juga, saya ingin mengetahui apakah pihak MARA boleh memberi pertimbangan khususnya pelajar-pelajar luar bandar, pelajar-pelajar miskin, daif, jika mereka tidak memperoleh 5A, bolehkah mereka dipertimbangkan untuk kemasukan ke MRSM?

Saya juga hendak mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana menghasilkan idea yang berasas apabila mewujudkan ala Lowyat yang

bertujuan membuka peluang kepada peniaga-peniaga bumiputera dalam rantaian pembekal produk dan alat ganti gajet elektronik di negara ini.

Saya ingin mencadangkan supaya pusat seumpama itu bukan sahaja dibuka di Kuala Lumpur tetapi ia juga di negeri-negeri lain. Ini bagi memberi peluang kepada lebih ramai peniaga bumiputera terlibat. Selain itu saya juga ingin mencadangkan kementerian memantau harga jualan di premis tersebut bagi ia memastikan ia mampu bersaing pada harga kompetitif. Perkara tersebut penting bagi mengawal penglibatan orang tengah yang boleh menyebabkan harga produk tersebut meningkat.

Tuan Pengerusi, masyarakat luar bandar kelompok yang sama sekali tidak dipinggirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dari semasa ke semasa, pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Berkaitan dengan perkara itu, saya amat bersetuju dengan iltizam Yang Berhormat Menteri semenjak beliau melaporkan diri pada hari pertama lagi telah menegaskan bahawa beliau akan memberi fokus kepada program pembangunan fizikal dan meningkatkan peluang ekonomi di kawasan luar bandar.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kementerian mempertingkatkan peranan MARA dalam membantu masyarakat luar bandar khususnya dalam melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Seperkara lagi Tuan Pengerusi, saya juga ingin meminta kementerian untuk memastikan segala projek pembangunan yang dirancang dalam Bajet 2016 dilaksanakan dengan lancar dan telus.

Menyentuh Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar, di kawasan saya, saya berterima kasih Kementerian Luar Bandar telah memasang pemasangan paip iaitu di kawasan Kampung Perala dan juga Kampung Pecah Laut. Akan tetapi malangnya, air paip sudah selesai tetapi air sampai sekarang masih belum dapat berjalan.

Saya tahu air ini masalah di Kelantan ialah AIR Kelantan. Oleh itu saya harap Kementerian Luar Bandar dapat berbincang kerana kita telah menyediakan segala infrastruktur yang cantik tetapi malangnya *finishing* tidak ada. Jadi bagi kita, kerajaan memanglah berniat baik bagi membangunkan kawasan luar bandar tetapi ia sering terbantut apabila tiba di peringkat pelaksanaan.

Akhir sekali, justeru itulah wajar agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bukan sahaja meluluskan sesuatu projek tetapi juga memastikan ia dilaksanakan seperti mana dirancang. Kita tidak mahu sikap sambil lewa agensi-agensi terlibat, ia akan memberikan imej kepada kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Nerus. Selepas itu kita panggil dua orang di sini, selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

5.35 ptg.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada 060000 – RISDA iaitu saya hendak tahu bilangan peneroka RISDA di Kuala Nerus dan berapakah purata pendapatan mereka? Dan sejauh mana kesinambungan

tanah-tanah yang diterokai itu disambung oleh generasi kedua dan generasi ketiga dan bagaimana kita menangani *income* generasi kedua, ketiga ini?

Ketika mana kita berhadapan dengan kejatuhan getah dan juga musim tengkujuh sekarang, adakah kerajaan mencadangkan untuk diberikan elaun khas kepada mereka musim tengkujuh selain daripada elaun yang dicadangkan oleh kerajaan untuk diberi secara tetap bulanan?

Saya merujuk kepada Butiran 090000 – MARA. Saya melihat MARA begitu komited dalam menjalankan projek-projek pelaburan melibatkan MARA. Adakah setelah puluhan tahun MARA ditubuhkan, tidakkah MARA sudah mampu untuk berdiri sendiri tanpa mengharapkan lagi bantuan daripada kerajaan dengan maksud dan dana kejayaan pelaburan oleh MARA itu disatukan dan dijadikan sebagai sumber asas dan utama kepada MARA untuk penerusan gerak kerja MARA seterusnya.

Saya hendak merujuk kepada 090100 tentang berapakah jumlah pelajar yang mendapat biasiswa MARA ini untuk kawasan Kuala Nerus dan berapakah amaun yang telah dikeluarkan untuk tempoh tahun 2013 hingga tahun 2015?

Juga saya hendak merujuk butiran 100400 – Penajaan Pelajar Cemerlang. Saya hendak tahu status pelajar cemerlang ini selepas mana mereka dihantar belajar luar negeri khususnya, adakah mereka ini kembali semula ke Malaysia kerana kita melihat ramai kalangan pelajar cemerlang ini selepas berakhir pengajian mereka, mereka lebih mengambil sikap untuk bekerja di luar negara dan dengan pendapatan itu mereka mampu membayar pinjaman MARA ataupun bagi pelajar cemerlang ini, mereka mungkin mendapat biasiswa, mereka tak membayar apa-apa lagi. Jadi bagaimanakah tindakan MARA terhadap mereka ini? Dan juga 00608 – Bimbingan usahawan.

Saya hendak tahu berapakah bilangan usahawan MARA di kawasan Kuala Nerus dan berapa amaun yang telah dikeluarkan setakat 2015, antara tempoh lima tahun terakhir? Isu yang paling besar bagaimana MARA memantau tahap kejayaan mereka kerana yang selalu berlaku ialah mereka menerima bantuan, kemudian tak ada penerusan. Ada yang gagal, sejauh mana kita memantau kejayaan mereka?

Kemudian satu lagi, 02300 – Jalan Luar Bandar. Saya mahu tahu peruntukan untuk jalan-jalan luar bandar ini untuk Parlimen Kuala Nerus pada tahun 2016.

Kemudian, 00606 – Kolej Polytech. MARA. Saya tengok dalam senarai web yang ada, telah ada sembilan buah kampus tetapi tak ada satu pun lagi di negeri Terengganu. Adakah Kementerian ada hasrat untuk membuat kampus di Terengganu khususnya saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Jerantut yang baru dilantik sebagai Pengurus baru Polytech. MARA.

Juga 00611 – Program GIATMARA. Di Kuala Nerus ada GIATMARA yang menawarkan tiga program tetapi saya hendak timbulkan persoalan adakah GIATMARA ini cuba untuk memfokuskan khusus kursus-kursus di mana orang sekitar itu ada lebih pengalaman ataupun contohnya kalau Kuala Nerus ini terkenal kawasan *homestay*, kawasan pantai, industri keropok,

pemakanan dan sebagainya, maka kalaualah GIATMARA boleh fokus pada bidang yang lebih masyhur di kawasan tertentu, tentulah impaknya lebih besar kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu.

5.39 ptg.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa butiran yang ingin diketengahkan untuk perhatian Kementerian Luar Bandar.

■1740

Pertama sekali B.22, Butiran 020000 – KEMAS yang mendapat peruntukan sebanyak RM141 juta pada tahun hadapan, khususnya Butiran 020100 – Sumber Manusia dan Pentadbiran yang mendapat RM46 juta. Saya cuma hendak tahu bagaimana kedudukan perjawatan pekerja atau pun kakitangan kontrak ini. Kalau dahulu saya difahamkan bahawa mereka akan diserapkan ke jawatan tetap dan tahniahlah kepada KEMAS dan kementerian kerana sudah *upgrade* kelulusan guru-guru KEMAS ini. Jadi, jangan katakan kelas KEMAS atau pun tadika ini *low class*. Gurunya semua berkelayakan dan sesetengahnya ada ijazah dan juga diploma, itu biasa.

Seterusnya, Butiran 030000 – Jabatan Kemajuan Orang Asli yang diperuntukkan RM57 juta. Butiran 030300 - Pembangunan Sosioekonomi yang diperuntukkan RM9 juta pada tahun hadapan. Ingin saya tahu kampung Orang Asli ini dia memerlukan rumah-rumah baru bagi keluarga-keluarga baru mereka sangat banyak. Jadi, Orang Asli ini dia kahwin awal. Jadi, keperluan dan permintaan kepada rumah baru yang diusahakan atau pun yang di program kan oleh Kementerian KKLW merupakan suatu yang sangat penting pada mereka. Jadi, saya ingin tahu pada tahun hadapan berapa banyak rumah yang mungkin akan dapat dibina oleh KKLW dalam peruntukan yang sedemikian rupa. Khususnya saya hendak tahu di kawasan saya, di Jelebu khususnya berapa banyak boleh dapat kerana tiap-tiap kali kita berjumpa Orang Asli inilah yang selalu dibangkitkan oleh mereka.

Seterusnya, Butiran 030500 – Negeri-negeri yang diperuntukkan RM27 juta. Jadi, saya ingin tahu, berapakah peruntukan kepada negeri-negeri mengikut negeri masing-masing khususnya di Negeri Sembilan, dan bagaimana kaedah menentukan pengagihan mengikut negeri-negeri bagi peruntukan-peruntukan yang sedemikian?

Seterusnya B.22 juga – Program Khusus iaitu Butiran 100000, khususnya Butiran 100300 – Peningkatan Taraf Hidup Orang Asli sebanyak RM45 juta. Jadi saya ingin penjelasan daripada kementerian khususnya daripada Menteri. Apakah bentuk-bentuk program bagi peningkatan hidup ini? Bagaimanakah Orang Asli boleh menyertainya dan bagaimana program ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun hadapan?

Seterusnya Butiran 100500 – Program Pendidikan Tinggi Malaysia-Jepun. Jadi, saya ingin tahu apakah bentuk program ini? Siapakah agensi pelaksananya dan siapa sasaran kepada program pendidikan tinggi ini?

Seterusnya P.22, Butiran 01000 - Jabatan Kemajuan Orang Asli juga RM191 juta. Jadi, saya fikir mungkin juga soal rumah tadi itu termasuk dalam bajet ini. Cuma saya hendak tahu bilakah program rizab atau pewartaan tanah-tanah rayau, kawasan-kawasan rayau Orang Asli ini dapat disempurnakan di seluruh negara khususnya saya mahu tahu di Negeri Sembilan dan di Jelebu peringkatnya sampai tahap mana dah. Berapa banyakkah telah dirizabkan dan berapa luas yang telah dirizabkan kepada kawasan Orang Asli sebagaimana yang telah diwartakan sebelum ini? Apakah masalahnya yang dihadapi oleh kementerian dalam kes untuk membuat rizab kawasan-kawasan rayau dan kampung Orang Asli ini?

Akhir sekali saya mohon jabatan ataupun kementerian dan Jabatan Kemajuan Orang Asli khususnya supaya dapat mempertingkatkan kebolehupayaan pejabat-pejabat daerah masing-masing khususnya daripada segi *staffing* iaitu kepegawaian yang cekap, yang cukup untuk dapat mengendalikan dan memberi khidmat sebaik mungkin kepada masyarakat Orang Asli. Jadi, itu sahaja yang ingin saya ketengahkan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat Kanowit. Selepas Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Kanowit dahululah, nanti bincang lepas ini.

5.44 ptg.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya, sedikit sahaja, pendek sahaja.

Untuk menambahbaikkan pelaksanaan projek-projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di kawasan luar bandar terutamanya ialah berkenaan dengan 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar, RES. Terima kasih lah sebab banyak RES yang sudah dilaksanakan tetapi masalah adalah dalam projek RES ini kos untuk menyambung atau pun *wiring* dalam rumah-rumah panjang atau rumah individu tidak termasuk dalam kos atau projek RES. Jadi, saya menyeru kepada kementerian untuk memberi peruntukan kepada *rewiring* atau pun *wiring* dalam rumah sebab ini menjadi masalah kalau *wiring* dalam rumah tidak ada standard SESCO tidak mahu masuk. Jadi, sekarang ini kosnya dibiayai oleh SESCO dan penghuni atau pun mereka yang mendapat bantuan ini akan membayar tiap-tiap bulan. Jadi, masalah kepada orang di rumah panjang.

Kedua, Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar yang jalan kecil-kecil. Dahulu kalau kita membuat jalan luar bandar tanah-tanah yang dilalui oleh jalan-jalan kecil luar bandar ini tidak ada pampasan. Jadi, itu menyebabkan banyak projek luar bandar jalan-jalan kecil ini tidak dapat dilaksanakan oleh sebab tuan punya tanah tidak setuju. Jadi, untuk melicinkan projek ini saya menyeru kepada kementerian juga untuk memberi kos untuk pampasan tanah-tanah mereka ini supaya mereka dibayar dengan pampasan yang mencukupi mengikut kadar *market price*.

Okey, ketiga ialah Butiran 00611 – Program GIATMARA. GIATMARA juga terlibat dengan membina rumah kos rendah untuk orang miskin di luar bandar dengan kos berjumlah RM50,000. Ini juga ada masalah sebab dalam projek ini *wiring* dalam rumah-rumah itu pun tidak termasuk, bekalan air tidak termasuk. Jadi, apabila rumah itu di *hand over to the owner*, orang

yang miskin itu dia masuk tiada api, tiada air. Ini menjadi masalah. Jadi, saya harap kementerian untuk masukkan kos-kos ini supaya apa yang diperlukan sedia ada sebelum mereka masuk. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepanggar.

5.47 ptg.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Akhirnya dapat juga walaupun dalam *injury time*.

Butiran 020000 – KEMAS. Saya tidak sentuh apa yang sudah disentuh oleh Ahli-ahli Parlimen lain tetapi saya menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Parit Sulong mengenai gaji PPM ini yang RM400 itu perlulah diikut gaji minimum RM800 mulai 1 Januari tahun depan kerana tugas mereka ini banyak membantu masyarakat di kawasan.

Seterusnya, Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Saya ingin tahu pertamanya, jumlah peruntukan untuk negeri Sabah, dan jumlah peruntukan air luar bandar ini ke kawasan Parlimen Sepanggar kerana majoriti DUN Inanam orang-orang kampung hanyalah mendapat bekalan air graviti. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh tersenarai bekalan air luar bandar Jalan Kampung Kiansam, Kobuni tetapi difahamkan peruntukan tidak mencukupi. Pertanyaan saya, apakah ini dibawa ke RMKe-11 atau pun untuk tahun depan?

Seterusnya Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar dan Butiran 02401 – Ameniti Sosial. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian bahawa dalam RMKe-10 ada dua batang jalan tersenarai iaitu Jalan Natai Tombongan, yang kedua Jalan Kiambalang Babagon Toki tetapi oleh sebab kekurangan peruntukan juga tidak dapat dilaksanakan. Mohon untuk dibawa ke depan tahun depan dan saya mohon untuk tambahan Jalan Natai Tampulan, Jalan Tikui Ruminding ke Poring-poring.

Untuk makluman Tuan Pengerusi dua minggu lepas saya ke Ruminding. Tempat ini cantik, masih *natural beauty*, dengan izin, tetapi jalan tidak ada. Saya kena masuk kawasan Parlimen Tuaran dahulu dan patah balik ke Sepanggar untuk ke kampung ini. Yang sedihnya sekolah dahulu muridnya 30 orang, sekarang murid tinggal enam orang, guru tujuh orang kerana jalan masuk tidak ada ke kampung ini.

■1750

Jadi, marilah kita sama-sama membantu warga miskin kampung ini dan mohon jalan ini diberikan keutamaan. Daripada segi pembangunan autoriti, *amenity social*, pemberian dewan-dewan dan juga jambatan gantung. Saya mohon diperbanyakkan di Parlimen Sepanggar kerana untuk perhubungan di antara penduduk kampung, terutama murid-murid sekolah untuk menuju ke sekolah.

Terakhirnya, berkenaan dengan rumah PPRT ini. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, selama ini banyak rumah PPRT sudah diluluskan di Parlimen Sepanggar. Saya mohon sekurang-kurangnya 50 buah lagi kerana Sepanggar ini terlalu kerap berlaku kebakaran dan sebahagiannya daripada peruntukan PPRT untuk kita

bangunkan semula. Sekali lagi saya ucapan terima kasih kepada Menteri yang begitu prihatin dan mudah-mudahan Sepanggar mendapat pembelaan untuk 2016. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

5.51 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada P.22, Butiran 00602 – Maktab Rendah/Kolej Sains MARA. Saya hendak tanya kementerian, adakah bercadang untuk membuka satu lagi MRSM di Parlimen Bagan Serai? Oleh sebab kita lihat di keliling Bagan Serai di negeri Perak ini kebanyakannya sudah ada MRSM. Untuk pengetahuan semua, rakyat di Parlimen Bagan Serai ini kebanyakannya petani dan banyak yang golongan miskin. Kita ada pelajar-pelajar yang cemerlang. PMR dua tahun berturut-turut dapat tahap ketiga dalam negeri Perak dan juga SPM dua tahun lepas, peringkat satu dan tahun lepas, tahap kedua dalam negeri Perak. Jadi, orang Bagan Serai ini dia terasalah kenapa MRSM tidak dapat diwujudkan di negeri Perak, di Parlimen Bagan Serai ataupun di Daerah Kerian. Kasihan dekat Bagan Serai... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi, Butiran kedua 00616 – UniKL. Saya ingin bertanya tentang cabang UniKL iaitu perubatan, iaitu di RCMP. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu lagi *teaching hospital* untuk RCMP ini yang telah berusia hampir 10 tahun, yang ada tiga bidang perubatan, *allied appliances* dengan izin, dan juga *community clinics*, 2,000 orang telah *graduate* dari sini.

Saya melihat latihan sangatlah penting. Hendak jadi doktor ini kalau baca buku sahaja dia tidak jadi. Apa yang berlaku sekarang ini di RCMP, mereka telah pergi ke semua hospital daerah yang penting di negeri Perak. Saya pernah pergi melawat hospital-hospital ini dan hospital ini penuh macam *market*. Jadi, kadang-kadang memang suasana pembelajaran itu tidak kemas. Jadi, untuk hospital yang telah berusia 10 tahun ini dan dengan kita sekarang ini menuju kepada negara maju, memerlukan ramai lagi doktor-doktor yang berkemampuan, terutama *specialist*. Pada tahap sekarang ini kita punya *ratio* 1/700 lebih doktor dengan masyarakat *population* dan pada tahun 2020 kita menganggarkan mendapat 1/400, dengan izin.

Jadi, perlunya negara maju ini mempunyai *competent doctors* yang ada *proficiency English* yang bagus, yang ada jiwa seorang doktor yang berkorban untuk menyelamatkan nyawa orang. Jadi, saya lihat satu lagilah kolej perubatan yang boleh mewarnai negara ini. Mudah-mudahan kewujudan *teaching hospital* ini untuk mengajar ini menjadi satu kenyataan. Ini kerana saya difahamkan Kerajaan Negeri Perak pun sudah bersedia. Contohnya, tanah di Seri Iskandar sudah bersedia untuk mewujudkan satu ini. Semoga kementerian dapat memberikan pembiayaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit kemudian Yang Berhormat Sekijang. Selepas itu Menteri menjawab.

5.54 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 100200 – Elaun JKKA dan JKKA, iaitu tentang ketua-ketua kampung. Ketua kampung ini tamat perkhidmatan bila sampai umur 65 tahun. Jadi, saya hendak mencadangkan supaya walaupun umur mereka sampai 65 tahun tetapi ikut service. Maksudnya, kalau perkhidmatan mereka 1-1-2015 hingga 31-12-2016. Jadi, walaupun ikut umurnya pada bulan Mac, bulan April tetapi diteruskan perkhidmatan ketua kampung itu bagi kepentingan pentadbiran di kampung-kampung. Harap kementerian dapat timbangkan.

Kedua, tajuk 100300 – Peningkatan Taraf Hidup Orang Asli. Saya di kawasan saya ada tiga empat buah kampung Orang Asli. Akan tetapi yang teruk sekali ialah Sungai Perah. Jadi, saya minta supaya pegawai-pegawai JAKOA yang bertugas di kawasan Parlimen Parit dapat memikirkan apakah yang patut diberikan. Pertama, bantuan rumah dan kedua, bantuan projek untuk peningkatan taraf hidup Orang Asli di tempat saya.

Ketiga, saya minta khusus kepada kementerian iaitu 100900 - Program Mini RTC, yang sekarang ini di kawasan ada di kawasan Kampung Changkat Banjar yang jauh ke dalam. Saya minta supaya dapat dipindahkan ke kawasan tepi jalan yang di tempat orang ramai supaya RTC ini benar-benar berkesan kepada rakyat.

Akhir sekali ialah tentang penularan lampu jalan kampung. Saya minta supaya dapat diteruskan pada tahun hadapan kerana sejak ada program ini kampung-kampung telah cerah dan orang kampung seronok berada di kampung masing-masing. Terima kasih, Parit menyokong.

5.56 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 100900 - Program Mini RTC. Saya mohon cadangan daripada pihak kementerian agar dapat mempertimbangkan diwujudkan Mini RTC untuk daerah Segamat, terutamanya dalam kawasan Sekijang. Oleh sebab kita tahu daerah Segamat ini merangkumi beberapa buah kawasan yang berdekatan dengan sempadan daerah-daerah yang ada di sekitar Negeri Sembilan, Pahang dan juga Johor.

Seterusnya, Butiran 090000 - Majlis Amanah Rakyat (MARA), iaitu berkaitan dengan Arked MARA. Saya ingin minta pandangan daripada pihak kementerian, adakah kementerian bercadang untuk membaik pulih ataupun menaik taraf mana-mana bangunan milik Arked MARA ini. Ini kerana kita tahu di daerah Segamat itu sendiri Arked MARA yang ada berumur lebih daripada 30 tahun. Jadi, mungkin ada kaedah terbaik untuk pihak...

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Sekijang sikit, MARA. Tuan Pengerusi, sikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Adakah- saya bawah MARA. Yang Berhormat Sekijang, adakah Yang Berhormat Sekijang bersetuju saya hendak kaitkan sedikit

dengan peruntukan pendidikan. Adakah Yang Berhormat Sekijang bersetuju bahawa MARA, khususnya KKLW, kita tidak boleh bertolak ansur dengan peruntukan pembiayaan pelajar-pelajar bumiputera. Khususnya dalam pembiayaan pelajaran mereka sama ada di luar negara ataupun dalam negara.

Kalau sekiranya peruntukan tidak mencukupi, kita mengharapkan Menteri agar memohon pada kerajaan. Kerajaan perlu memberikan pertimbangan serius bahawa ini kepentingan pendidikan anak bangsa, khususnya bumiputera yang berada di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Saya setuju, masukkan ucapan Yang Berhormat Jerantut dalam ucapan saya.

Seterusnya, bagi Butiran 00606 - Kolej Poly-Tech MARA. Saya ingin memberikan cadangan kepada pihak kementerian oleh sebab MRSM yang sepatutnya dibina pada tahun 2016 tidak dapat hendak dibina. Justeru, saya ingin mencadangkan supaya pihak MARA mungkin dapat mewujudkan Kolej Poly-Tech MARA di kawasan tanah yang seluas 70 ekar yang ada di dalam Parlimen Sekijang yang saya dengar memang asal saranannya untuk dibina MRSM. Akan tetapi kalau tidak ada peruntukan untuk MRSM itu, saya cadangkan supaya dapat dibina Kolej Poly-Tech MARA. Saya sudah bisik dengan Tuan Pengerusi, jadi dia sudah dapat celahkan, jadi dia macam setuju sahaja.

Seterusnya, Butiran 060000 – Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Mohon saya jasa baik daripada pihak pengurusan RISDA supaya dapat melihat RISDA Semaian di dalam kawasan Sekijang itu. Oleh sebab mereka, pekerja-pekerja yang ada di tapak semaihan itu mengeluh, pendapatan mereka dikatakan di bawah daripada paras gaji minimum iaitu RM700, RM800 macam itu gaji sebulan. Jadi, minta tolong dipantau dan kalau boleh biarlah terus kepada gaji minimum yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan iaitu RM1,000 sekurang-kurangnya untuk gaji minimum mereka. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya,sila Yang Berhormat Menteri.

■1800

6.00 ptg.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pembahas yang saya kira rata-ratanya memberikan cadangan supaya peruntukan untuk KKLW ini ditambah lebih banyak lagi misalnya KEMAS, JAKOA, MARA dan sebagainya perlu diberikan peruntukan yang banyak.

Oleh sebab kita di peringkat Jawatankuasa, saya tidak menjawab berdasarkan kepada tajuk-tajuk tetapi saya akan menjawab berdasarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan masing-masing. Kemungkinan besar apabila saya telah pun menjawab di

peringkat awal, saya tidak akan ulang lagi jawapan itu walaupun Yang Berhormat membangkitkan isu tersebut.

Sebelum saya meneruskan jawapan saya, saya ingin menyentuh sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan kerana *direct* kepada saya iaitu tentang isu telur penyu di atas meja saya dan andaianya saya makan. Saya tidak hendak jawab, saya cuma hendak beri andaian ini kepada Ahli-ahli Parlimen sekalian.

Di Malaysia setiap kenduri orang Melayu Islam akan ada daging lembu dan orang Hindu juga datang ke kenduri orang Melayu dan di atas meja tersebut terhidang daging-daging lembu tersebut sama ada rendang ataupun gulai kawah. Jadi dengan adanya daging lembu di atas meja, jangan kita buat andaian bahawa orang Hindu makan daging tersebut sebab orang Hindu di Malaysia tidak akan makan daging lembu walau macam mana pun kerana salah bagi agama mereka. Jadi andaian makanan di atas meja dianggap kita makan tidak boleh kita gunakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, menteri sedikit sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak mengapalah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya tanya soalan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya tidak *argue*, itu soalan bukan kementerianlah. Saya cuma hendak beri andaian dan saya jawab kementerianlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kalau gambar tunjuk Menteri kita Cuma- sahajalah Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Itu kita bincang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat Bayan Baru. Duduklah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kalau tidak makan tidak mengapa.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan baru duduk.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Admit*, selesai.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Itu tidak ada kena-mengena dengan kementerian.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Silakan duduk. Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan isu bahawa pendapatan pemaju masyarakat KEMAS adalah begitu rendah iaitu sebanyak RM400 sebulan sahaja. Memang kita akui dan memang pihak kementerian bersimpati dengan perkara ini walaupun pada peringkat awal dahulu sebenarnya ramai di antaranya adalah pekerja yang datangnya daripada kampung yang rumahnya di kawasan sekitar tersebut yang dahulunya dianggap bahawa mereka hanya bekerja seperti *part time* dan sebagainya boleh balik ke rumah makan dan sebagainya.

Oleh sebab itu peringkat awal dahulu mereka bayar gaji RM400 dan sebagainya. Akan tetapi kali ini kita menganggap bahawa pendapatan itu terlalu rendah, jauh lebih rendah daripada gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan. Oleh itu, pihak KEMAS telah pun memulakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan

Kementerian Sumber Manusia supaya kita dapat meningkatkan pendapatan pemaju-pemaju masyarakat KEMAS ini.

Yang Berhormat Parit Sulong juga membangkitkan tentang pegawai-pegawai kontrak yang bekerja lebih daripada 15 tahun yang bersara yang telah pun diberikan oleh kerajaan sara hidup bulanan sebanyak RM300 sebulan sama ada ia akan diperluaskan kepada anak-anak dan sebagainya apabila mereka meninggal. Daripada segi prinsipnya mereka pekerja kontrak. Berbeza dengan pekerja tetap dan berpencen yang mana apabila mereka pencen, anak-anak ataupun waris akan menerima pencen dan sebagainya.

Oleh sebab mereka kontrak jadi setakat ini tidak ada lagi peruntukan ataupun dasar yang akan memperluaskan pendapatan ataupun sara hidup bulanan RM300 itu kepada waris mereka apabila mereka meninggal dunia. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh kita lihat daripada semasa ke semasa.

Yang Berhormat Parit Sulong juga membangkitkan mengenai jumlah peruntukan untuk jalan luar bandar di kawasan Parlimen Parit Sulong pada tahun 2016.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM13 juta telah diperuntukkan untuk Parit Sulong bagi tahun 2016 iaitu bagi pembinaan jalan laluan alternatif yang menghubungkan Jalan Parit Sulong dan laluan Bakau Condong, Batu Pahat Johor di dalam Program Jalan Luar Bandar (PLB). Sejumlah ...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah Tuan Pengerusi? Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, Jalan Bakau Condong itu bukan kawasan saya, itu kawasan Parlimen Batu Pahat. Parit Sulong itu kena bagi tambahan lain, jalan-jalan kampung yang banyak.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Insya-Allah Yang Berhormat saya akan lihat berapakah jumlah sebenar yang akan diperolehi oleh Parit Sulong dan saya akan berikan secara *detail* kerana perkara-perkara ini merupakan perkara spesifik. Jadi kita tidak dapat menyediakan jawapan segera seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat.

Untuk penglibatan bas awam, MARA sedang menjalankan kajian atas cadangan laluan Batu Pahat Parit Sulong tersebut. *InshaaAllah* baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan tambahan sebanyak kalau tidak silap sebanyak RM50 juta untuk MARA Liner. Jadi saya harap selepas kajian ini Parit Sulong dapat dimasukkan.

Mengenai peluang ekonomi kepada usahawan generasi kedua. Sebenarnya selain daripada RBC beberapa program telah pun kita tekankan untuk generasi kedua di luar bandar. Misalnya projek-projek keusahawanan akan kita perkasakan dengan memberikan tumpuan bukan sahaja kepada usahawan daripada segi mengeluarkan produk-produk yang diproses tetapi juga penglibatan mereka dalam industri pertanian yang boleh dianggap sebagai *marketable* ataupun kebolehpasaran.

Jadi kita hendak apabila mereka terlibat dalam program-program pertanian dan sebagainya produk yang dikeluarkan adalah kebolehpasaran. Untuk supaya mereka tidak berhijrah ke bandar-bandar dan sebagainya, salah satu perkara yang kita lakukan adalah untuk

menambahkan perumahan bagi generasi-generasi kedua luar bandar. Kalau selama ini kita hanya mendengar generasi kedua FELDA tetapi kali ini kita akan membina perumahan generasi kedua kampung-kampung tradisional yang kita telah pun menetapkan sasaran sehingga 4000 buah rumah generasi kedua sehingga tahun 2020.

Untuk Yang Berhormat Simpang Renggam menjawab soalan Yang Berhormat Simpang Renggam mengenai kelewatan menyiapkan Jalan Layang-Layang-Simpang Renggam oleh Kejora. Pembinaan jalan ini melibatkan dua buah jambatan baru rentang 25 meter di atas Sungai Sayong dan Sungai Belitong termasuk kerja-kerja membina jalan baru sepanjang 1 kilometer dari jambatan Sungai Belitong ke simpang Jalan Layang-Layang-Kluang.

■1810

Kos asal projek ini RM5.2 juta. Tarikh masuk tapak adalah pada 18 November 2013. Ia dijangka siap pada 24 Ogos 2014. Walau bagaimanapun dan lanjutan masa sehingga 18 Oktober 2015 telah pun diberikan untuk kontraktor bagi menyiapkan kerja tersebut tetapi masih gagal. Pihak tentera telah pun memohon *Deed of Assignment* pada 28 Oktober 2015 untuk kerja-kerja tambahan tanah dan telah diluluskan pada 28 November 2015. Prestasi sekarang 69%. Jadi bermakna projek-projek itu masih lagi diteruskan.

Bagi Yang Berhormat Batu Pahat, ini untuk bekalan air perumahan SPNB ini saya akan bagi jawapan pada Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat Batu Pahat, ada beberapa isu yang dibangkitkan iaitu mengenai Orang Asli iaitu program untuk apakah program-program untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. Beberapa program misalnya telah pun kita sediakan iaitu untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka daripada segi seperti yang telah pun disebutkan tadi dalam ucapan Yang Berhormat Batu Pahat, pemberian bot-bot sangkut misalnya telah diberi kepada nelayan-nelayan. Program-program keusahawanan juga, kita mempertingkatkan di kalangan masyarakat Orang Asli. Antara yang kita lakukan untuk membantu meningkatkan kefahaman di kalangan masyarakat Orang Asli tentang keusahawanan. Misalnya, kita mengadakan Seminar Keusahawanan kepada anak-anak masyarakat Orang Asli yang melibatkan 150 orang usahawan masyarakat Orang Asli di Institut Teknologi MARA Shah Alam.

Kedua, kita juga membantu mereka untuk memasarkan produk mereka dengan mengadakan Karnival Usahawan Orang Asli. Dengan itu, produk-produk mereka dapat lebih dikenali dan dalam masa yang sama kita boleh membantu untuk memasarkan produk-produk yang dikeluarkan.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah dan mencadangkan Tuan Pengerusi? Saya ada pengalaman dalam melatih keusahawanan atau melatih usahawan di MARA barangkali belasan tahun menjadi konsultan di situ. Kalau boleh saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menganjurkan satu program latihan yang saya panggil sebagai *complete cycle*. Maknanya pertama daripada segi pembangunan dilihat pembangunan orangnya, pembangunan *businessnya*, pembangunan pengurusan *business* itu sendiri, ataupun pembangunan perniagaannya dan pengurusan *businessnya* dan sampai kepada pemasaran.

Kemudian selain daripada itu, kita maksudkan juga daripada segi bermula daripada segi pembinaan produk dengan menjamin ada *supply* produk itu kemudian memastikan pengurusan pemprosesan produk itu. Jadi, maksud saya di sini Yang Berhormat Menteri ialah latihan yang memberikan bukan sahaja melatih soal kemahiran sebab apabila dilatih sebagai kemahiran, bila balik mahir tidak tahu buat apa, ataupun motivasi yang ada semangat hendak bermula, tetapi semangat sahaja tidak cukup, jadi ada modal, ada kepakaran, ada *network*, ada rangkaian, ada pasaran dan ada bantuan daripada segi bahan-bahan asasnya. Kalau ini kita boleh lakukan, saya fikir kita walaupun barangkali kita boleh mulakan dengan kumpulan yang kecil, tetapi kumpulan kecil ini boleh menjadi model kita dan kemudian kita *networkkan* mereka. Jadi saya fikir pendekatan ini akan menunjukkan komitmen dan kesungguhan kita untuk membangun usahawan dari ‘A’ to ‘Z’. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih atas saranan Yang Berhormat Batu Pahat tersebut. Sebahagian daripada saranan tersebut telah pun ada dalam modul kursus keusahawanan yang kita lakukan. Cuma mungkin selepas ini kita akan turun ke peringkat daerah-daerah ataupun negeri-negeri untuk mengumpulkan usahawan-usahawan yang berkaitan dan modul-modul seperti yang disebutkan tadi akan kita terapkan dan bukan itu sahaja kita ingin menggalakkan oleh sebab masyarakat Orang Asli ini berada di sekitar produk-produk yang boleh mereka ketengahkan.

Jadi kita hendak galakkan supaya mereka bukan sahaja terlibat daripada segi bidang pertanian dan ternakan kerana mereka mempunyai tanah yang luas dan sebagainya, tetapi juga mereka dapat mengeluarkan produk-produk yang berhampiran dengan mereka di bawah industri hiliran dan sebagainya. Jadi *inshaaAllah* kita akan bantu masyarakat Orang Asli ini daripada segi pendapatan mereka.

Daripada segi perumahan, memang kita pada tahun ini amat bertuah kerana diluluskan jumlah bajet yang besar untuk perumahan masyarakat Orang Asli. Kalau dahulunya hanya RM20 juta, tetapi pada tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan sebanyak RM60 juta untuk membangunkan rumah masyarakat Orang Asli sama ada perumahan yang baru ataupun daripada segi pembaik pulih rumah masyarakat Orang Asli.

Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya puji langkah kerajaan menyediakan perumahan untuk masyarakat Orang Asli. Di kawasan saya pun begitu banyak rumah-rumah yang disediakan. Cuma, ada tidak kementerian buat kajian sedikit kebanyakan juga daripada mereka dia tidak mahu tinggal lama di rumah berkenaan kemudian berpindah. Barangkali kerana cara kehidupan mereka begitu. Jadi, kalau keadaan begitu berlaku, umpamanya kawasan saya di Lenggong banyak akan wujud kampung-kampung serpihan dari kampung asal. Apabila kita buat penempatan perumahan, dia duduk sekejap dia pindah pergi ke tempat lain. Dia tidak sesuai juga duduk di rumah berkenaan. Jadi, adakah kementerian ada kaedah dan kajian macam mana hendak buat supaya mereka tetap terus tinggal di rumah yang disediakan oleh kerajaan?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sebenarnya kita ada dua konsep iaitu *relocation* ataupun perpindahan ke kawasan baru secara berkumpulan dan kedua, mendirikan rumah di tanah mereka sendiri. Ini yang kita galakan supaya kita dirikan rumah di kawasan kampung mereka sendiri. Apabila berpindah di kawasan luar iaitu kawasan baru dan sebagainya, maka ada beberapa isu yang akan timbul kerana punca pencarian mereka mungkin berhampiran dengan kampung mereka. Apabila pindah ke kawasan jauh maka mereka terpaksa mencari punca pencarian yang baik. Mereka juga lebih selesa kerana budaya, cara hidup mereka dan sebagainya mereka lebih senang untuk tinggal di kawasan kampung lama.

Walau bagaimanapun, dalam transformasi masyarakat Orang Asli yang akan diperkenalkan oleh pihak kementerian. Salah satu yang akan kita berikan keutamaan menukar sikap ataupun *mind set* iaitu transformasi minda di kalangan masyarakat Orang Asli ini. Ini *inshaaAllah* saya akan umumkan besok di kementerian saya tentang transformasi KKLW secara keseluruhan termasuklah transformasi di kalangan masyarakat Orang Asli.

Mengenai pelajar-pelajar cemerlang Orang Asli, setakat ini kita menghantar pelajar-pelajar masyarakat Orang Asli ke luar negara melalui MARA untuk mengikuti Ijazah Sarjana Muda. Setakat ini seramai 52 orang pelajar Orang Asli telah pun dihantar ke luar negara untuk mengikuti Ijazah Sarjana Muda. Yang Berhormat Kuala Krai, ada? Ada. Yang Berhormat Kuala Krai ini rajin, dia tidak keluar. Saya ingat kalau keluar hendak *skip* sahaja.

Yang Berhormat Kuala Krai bertanya mengenai tindakan terhadap isu yang berkaitan dengan pembelian bangunan MARA di luar negara iaitu di Melbourne.

■1820

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita telah melakukan tindakan. Dua perkara iaitu yang pertama ialah tindakan dalaman kita sendiri. Dalam tindakan dalaman kita telah melantik juruaudit dalam untuk membuat audit. Daripada segi *finding* dia ataupun daripada segi penemuannya maka kita telah pun membuat cadangan yang pertamanya untuk menamatkan kontrak ataupun tidak menyambung kontrak CEO atau Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat MARA Inc yang terlibat dalam pembelian bangunan tersebut, itu yang pertama.

Kedua, kita juga tidak menyambung kontrak atau menamatkan dengan lebih awal pengerusi Syarikat MARA Inc tersebut. Itu tindakan dalaman dan tindakan luaran kita menyerahkan kes ini kepada pihak SPRM. Sekejap ya, saya habiskan dahulu. *No problem, don't worry.* Selagi Tuan Pengurus tidak stop saya akan benarkan.

Keduanya, memberikan kes ini kepada SPRM kerana takut ada salah laku dan sebagainya kita serahkan kepada SPRM. Setakat ini SPRM sedang menyiasat dan SPRM telah pun memanggil pegawai-pegawai di MARA Inc untuk di temu duga dalam siasatan dan sebagainya. Jadi untuk siasatan SPRM kita serahkan kepada SPRM untuk membuat keputusan. Itu sebab saya kata di luar kawalan dan dalam kawalan. Dalam kawalan kita sudah lakukan yang terbaik, di luar kawalan kita serahkan kepada SPRM.

Pertanyaan tadi adakah kita akan menjual bangunan tersebut. Pihak MARA akan meneliti perkara ini dan kita akan bincang. Mereka akan bincang di dalam, yang pertamanya

mereka akan bincang di dalam ahli lembaga MARA Inc akan buat perbincangan. Kita pun sudah ada pengurus yang baru, biarlah dia mempengaruhi mesyuarat ini untuk berbincang dan selepas itu mereka boleh serahkan kepada pihak MARA untuk membuat cadangan kepada pihak kementerian untuk kita putuskan selepas itu. *InshaaAllah*, kita akan cuba selesaikan dengan cara yang terbaik. Kita tidak mahu MARA juga rugi akibat daripada apa yang berlaku.

Seterusnya, tentang RISDA. Soalannya kenapa ia ada kekurangan daripada segi jumlah peruntukan tahun ini sebanyak RM 50,000,000. Peruntukan berkurangan itu adalah untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan mengurus, iaitu menguruskan hal-hal pentadbiran dan perjalanan RISDA dalam melaksanakan program-program pembangunan bagi tahun 2016. Jadi, soal mengurus sahaja.

Yang Berhormat Kuala Krai juga menanyakan mengenai pendapatan. Jumlah pendapatan purata peserta-peserta RISDA? Untuk pengetahuan yang Yang Berhormat purata pendapatan pekebun kecil dibawah RISDA ini adalah sebanyak RM 1500 berdasarkan keluasan tanah 2.2 hektar. Yang Berhormat Kuala Krai juga bertanya bagaimana cara kita hendak meningkatkan pendapatan mereka. Yang manakah itu?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengurus, sebab di dalam buku ini dikatakan pendapatan pada tahun 2016 ini. sasaran RISDA ialah RM 2500, sekarang ini RM 1500. Agak-agak dalam setahun ini boleh tambah RM 1000 sahajakah? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Itu tugas besar saya ini, untuk meningkatkan pendapatan sehingga RM 2500. Oleh sebab itulah, salah satu yang kita tekankan hari ini adalah untuk memperkasakan peserta RISDA ini supaya mereka dapat dilibatkan dengan program-program untuk menambahkan pendapatan mereka.

Salah satu caranya adalah dengan menambahkan program-program penanaman pokok di dalam kebun-kebun getah yang selama ini lama terbiar. Kita akan memperkenalkan produk-produk yang bernilai tinggi daripada segi pendapatanya dan juga seperti biasa *marketable*, dengan izin, produk-produk tersebut. Kalau boleh kita hendak penuhkan kebun-kebun getah mereka dengan produk-produk pertanian supaya pendapatan sampingan itu dapat dijana bagi kita tingkatkan pendapatan mereka.

Di samping itu, juga kita memberikan galakkan daripada segi mereka terlibat dengan usahawan dengan aktiviti-aktiviti keusahawanan yang mana pihak RISDA akan memberikan bantuan dan sebagainya. Kita harap melalui aktiviti pertanian di dalam kebun getah dan juga aktiviti usahawan ini kita dapat tingkatkan lagi pendapatan mereka untuk mencapai sasaran kita menjelang tahun 2016.

Yang Berhormat Kuala Krai juga, banyak Yang Berhormat Kuala Krai ini. Mengenai peruntukan KESEDAR termasuk pelaksanaan projek jalan dan jambatan di Kampung Pemberian. Saya rasa saya sudah jawab waktu perbahasan Dasar. Projek itu telah pun diluluskan. Saya percaya ini Yang Berhormat Kuala Krai ini risau takut tidak lulus, lulus! Dua kali sudah jawab ini. Lulus ya Yang Berhormat Kuala Krai. Saya sudah jawab Yang Berhormat Kuala Krai.

Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Limbang ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang tidak ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Limbang sudah keluar. So, macam mana nasihat daripada Tuan Pengerusi. Boleh saya jawab atau saya tulis sahaja?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh jawab secara bertulis.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya menjawab secara bertulis. Okey. Yang Berhormat Limbang ini panjang ini. Kesian kepada Yang Berhormat Limbang. Akan tetapi saya bagi secara bertulis.

Seterusnya, Yang Berhormat Sibu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Sibu ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibu ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Oh, Yang Berhormat Sibu ada. Yang Berhormat Sibu membangkitkan mengenai penyelenggaraan sistem penapis air. Saya sebenarnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu jangka hayat penapis air ini telah pun sampai, telah pun tamat. Bermakna penapis air baru mesti ditukar, mesti kita tukar. Pihak kementerian telah pun memohon kepada pihak Kementerian Kewangan untuk mendapatkan kelulusan supaya semua penapis air di seluruh negeri Sarawak dapat diperbaharui. dengan jumlah yang kita pohon sebanyak RM 85,000,000.

Walau bagaimanapun, oleh sebab jawapan dia tidak memberangsangkan kerana masih tidak dapat kelulusan saya sendiri akan membuat rayuan kepada Menteri Kewangan yang pertama supaya sekurang-kurangnya kalau tidak diluluskan dalam jangka hayat yang lama. Sekurang-kurangnya dapat diluluskan dalam masa dua tahun dan sebagainya supaya air-air yang diberikan penduduk luar bandar di Sarawak ini dapat diperoleh oleh mereka dengan mendapat air bersih dan sebagainya. Ada yang tidak boleh digunakan, ada yang digunakan air tidak bersih dan sebagainya. Jadi saya akan berbincang sendiri dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan Pertama, Perdana Menteri untuk kita dapatkan penapis-penapis air yang disebut oleh Yang Berhormat Sibu tadi.

Yang Berhormat Sibu juga bertanya tentang peruntukan, memberikan tumpuan kepada elektrik dan sebagainya. Untuk makluman bekalan elektrik Tuan Pengerusi, bekalan elektrik bagi negeri Sarawak kita jangka mencapai tahap 99% menjelang tahun 2019. Jadi, untuk di Sibu juga kita percaya menjelang tahun tersebut, Sibu juga akan mendapat bekalan secara keseluruhan di kawasan Sibu, sama dengan pihak negeri Sarawak. Itu daripada segi perancangan kita. Saya harap perancangan ini berjaya.

■1830

Yang Berhormat Setiawangsa mungkin apabila dia tengok Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dia ingat wilayah termasuk Wilayah Persekutuan kot. Tuan Pengerusi, kementerian ini memberikan tumpuan kepada kemajuan luar bandar. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna mereka yang berada di bandar dan luar bandar ditinggalkan terus daripada

kementerian ini. Ini kerana kita mempunyai dua program, satu di bawah MARA, misalnya di bawah program Keusahawanan MARA yang boleh meliputi bandar dan luar bandar.

Di bawah KEMAS, program KEMAS daripada segi kemasyarakatan untuk membantu meningkatkan pendapatan di bawah KEMAS. Kita juga membawa program-program ini ke kawasan-kawasan bandar, di kawasan-kawasan rumah pangsa dan sebagainya untuk program-program menjahit, membuat kuih, kek dan sebagainya. Jadi, bandar kita tidak akan tinggalkan walaupun di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bukan Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Lipis meminta diperbanyakkan program ekonomi di luar bandar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bermula pada tahun 2013 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah misalnya telah pun memperkenalkan program Desa Lestari bagi membangunkan ekonomi di peringkat kampung. Setakat ini terdapat 57 buah kampung telah pun dibangunkan di bawah program Desa Lestari yang memberi fokus kepada koperasi-koperasi kampung untuk terlibat dalam projek-projek luar bandar dan sebagainya. Begitu juga saya sudah sebut sewaktu menjawab soalan Yang Berhormat Parit Sulong. Ada RBC dan ada program-program peningkatan pendapatan lain yang telah pun saya jelaskan.

Mengenai peruntukan di bawah bantuan air luar bandar di Semenanjung Malaysia pada RMKe-11. Untuk makluman Yang Berhormat daripada segi pembangunan, saya hendak maklumkan bahawa pembangunan untuk tahun 2016 melebihi daripada peruntukan pembangunan bagi tahun 2015. Pada tahun 2016 peningkatannya sebanyak 17%. Jadi, beberapa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentu sahaja kita akan berikan tumpuan melalui program pembangunan selepas ini.

Mengenai pertukaran jalan kampung daripada 10 kaki ke-14 kaki. Memang benar, jalan kampung pada hari ini adalah kecil, 10 kaki, nipis, tidak tebal dan sebagainya. Jadi ini memberikan impak yang besar kerana jalan kampung ini sebenarnya dibuat pada waktu dahulu di mana orang kampung hanya mempunyai basikal dan motosikal, sekarang ini semuanya sudah mempunyai motokar dan sebagainya. Saya nampak dasar ini perlu diubah.

Cuma satu masalah yang besar setakat ini kalau kita hendak ubah, maknanya kita kena ubah semua sekali dan saya juga sudah membuat cadangan kepada kerajaan. Salah satu masalah yang dihadapi oleh jalan perhubungan desa ini ataupun dahulunya dipanggil Projek Jalan Kampung (PJK) ialah apabila pihak kementerian mengambil tanah, kita tidak membayar pampasan. Jadi ini menyebabkan kita sukar untuk mendapatkan laluan-laluan di kawasan kampung. Zaman dahulu, kampung mungkin tanahnya tidak ada harga tetapi sekarang tanah di kampung mungkin sudah berharga RM40,000, RM50,000 satu ekar dan sebagainya, mungkin lebih.

Lebih-lebih lagi, saya berpandangan sama seperti Yang Berhormat bahawa pampasan perlu diberikan. Jadi pihak kementerian telah pun membuat cadangan supaya untuk projek-projek jalan kampung kita perlu melebarkan dan dalam masa yang sama pampasan perlu diberikan kepada tuan-tuan tanah. Bayangkan sesetengah orang-orang kampung itu sahajalah tanah yang

mereka ada, dapat pusaka dari zaman dahulu tiba-tiba hendak diberikan percuma untuk dibuat jalan, tentu sahaja akan menimbulkan banyak masalah dan sebagainya. Jadi saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Kuala Lipis. Walau bagaimanapun ia melibatkan dasar dan dasar ini perlu mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat Kapar...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada? Yang Berhormat Kapar, saya ingat ditanya...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Di sini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: ...Semalam. Okey-okey, ada. Dia tanya PERMATA semalam sebab itu susah hendak jawab sebab bukan di bawah bidang saya. Maknanya tunggu tahun depanlah ya Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada, saya jawab dahululah.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sebelum itu saya hendak perbetulkan sedikit. Boleh ya? Saya mengucapkan ribuan terima kasih...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya terus jawab boleh...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sabar dahulu. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang yang telah memberikan saya jawapan bertulis mengenai PERMATA. Ada jawapan bertulis, terima kasih. Boleh sambung.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Oh, maknanya kalau Yang Berhormat Kapar suka jawapan bertulis, saya beri jawapan bertulis.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri tidak boleh, kena jawab *direct*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat bertanyakan mengenai bilangan bangunan yang dibina dalam tahun 2015 dan dirancang untuk dibina tahun 2016 untuk tabika, taska, Institut Pusat Latihan (ILK), Pusat Kegiatan Masyarakat dan Kompleks Komuniti Desa.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bagi tabika sebanyak 33 buah telah dibina pada tahun 2015 dan pada tahun 2016, tidak ada. Ini mungkin Yang Berhormat tanya tadi kenapa kurang ya. Sebenarnya Yang Berhormat, tumpuan tabika di bawah transformasi kerajaan dahulu pada peringkat awalnya adalah untuk memastikan setiap kawasan mempunyai tabika. Jadi daripada segi infrastruktur dahulu, kita menambahkan *hardware* dahulu, bina tabika walaupun tidak ada peruntukan yang banyak tetapi kalau kita hendak semua tempat ada tabika walaupun pembinaan asas semata-mata.

Akan tetapi untuk fasa kedua ini ialah menaiktarafkan daripada segi tabika tersebut dan yang lebih penting sekali meningkatkan kualiti daripada segi pembelajaran anak-anak di tabika. Jadi sebab itulah terdapat pengurangan. Jadi sebab itu kita tidak menambahkan yang baru tetapi

akan *upgrade* yang lama dan sebagainya. Tiada ILK dan PLK akan dibina pada tahun 2015 walaupun kita mempunyai perancangan untuk tahun 2016. Akan tetapi seperti tabika juga, kita akan menaiktarafkan satu PLK. Manakala terdapat dua lagi ILK dan tiga PLK yang kita rancang untuk pembinaan.

Yang Berhormat Kapar juga, berapa ramai...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, KKD.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: KK...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: KKD, dengan pusat sumber dan pusat literasi komputer.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Mata saya tidak berapa terang. Tiada KKD dibina pada tahun 2015 dan 2016. Setakat ini sudah ada tiga KKD sedia ada dan tidak ada yang baru lagi.

■1840

Yang Berhormat juga bertanya mengenai bilangan Orang Asli yang tercicir, dan apakah langkah yang diambil? Pada tahun 2014, kadar keciciran pelajar Orang Asli 22% dan kadar keciciran ini telah pun menurun pada tahun 2015 kepada 19.8%. Bagi tahun 2015, Kementerian melalui JAKOA telah merancang kadar keciciran pelajar Orang Asli akan diturunkan lagi kepada 18%. Pelbagai usaha yang kita lakukan antaranya pemberian- bagi mengatasi keciciran pelajar Orang Asli ini, supaya kita dapat tingkatkan pembelajaran mereka dan sebagainya, kerajaan menyediakan berbagai-bagai- kemudahan supaya mereka tidak tercicir untuk ke sekolah misalnya.

Salah satu contohnya, misalnya kita menyediakan kemudahan pengangkutan untuk ke sekolah. Kerajaan juga menyediakan wang saku dengan kadar RM2 setiap hari untuk pelajar-pelajar tersebut. Kita juga mengadakan kursus kesedaran, pembayaran yuran persekolahan, malah pelajar-pelajar yang jauh kita sediakan asrama dan sebagainya.

Untuk pelajar Orang asli ini sebenarnya kita memberikan keistimewaan kerana kalau pelajar-pelajar lain mendapat pinjaman, tetapi bagi pelajar masyarakat Orang Asli, mereka mendapat biasiswa. Itu beza dia. Begitu juga untuk kita hantar ke luar negara, mereka lebih istimewa daripada sesiapa sahaja.

Saya sudah jawab tadi kenapa berkurangan, Yang Berhormat Kapar dan juga Yang Berhormat Bukit Gantang tanya poin yang sama, saya sudah jawab.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, boleh ya? Boleh. Okey, terima kasih. Saya terima baik jawapan tadi. Semangat Yang Berhormat Menteri untuk menaikkan taraf Orang-orang Asli, terima kasih. Akan tetapi persoalan saya, macam yang untuk KEMAS tadi, potongan bajet Yang Berhormat Menteri telah terangkan bahawa tiada tabika yang akan dibina untuk tahun 2016, so dari sana kita jimatkan duit. Saya terima.

Akan tetapi untuk Orang Asli ini, 53% daripada RM10 juta jadi RM5 juta, dikurangkan. Berbanding dengan wang saku, biasiswa dan sebagainya kita hendak beri juga. Tidak ada apa-apa pelan yang telah diturunkan. Macam mana hendak memadai, 53% penurunan dari RM10 juta

ke RM5 juta untuk modal insan dan kebajikan Orang Asli. Penerangan, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita lihat secara keseluruhan peruntukan untuk Orang Asli sebenarnya bertambah berbanding dengan tahun 2016, kalau saya tidak silap daripada segi jumlahnya. Ini kerana pada tahun ini, seperti saya sebut tadi, perumahan telah pun kita tambah daripada RM20 juta kepada RM60 juta. Jadi bermakna *additional*, tambahan sebanyak RM40 juta lagi untuk perumahan.

Perumahan merupakan satu perkara yang amat meruncing di kawasan masyarakat Orang Asli. Setakat ini, untuk pengetahuan Dewan, terutamanya Yang Berhormat Kapar, di dalam *pipeline* kita, dengan izin, terdapat 10,000 orang pemohon Orang asli yang masih menanti untuk memperoleh rumah. Jadi kalau dengan RM20 juta, kalau rumah RM50,000 hanya 500 buah setahun. Hendak habiskan 10,000, tidak campur dengan anak-anak masyarakat Orang Asli yang baru berkahwin yang perlukan rumah yang tentu sahaja akan bertambah lebih daripada 10,000, jadi jangka masanya amat sukar untuk kita selesaikan.

Jadi kita beri tumpuan kepada perumahan kerana dengan adanya perumahan yang lebih elok, dengan adanya kemudahan asas seperti elektrik, air dan juga api, air, rumah yang cantik dan sebagainya, tentu sahaja pembelajaran anak-anak mereka dapat kita tingkatkan. Walaupun kita tidak nampak secara *direct*, tetapi secara *indirect* anak-anak mereka boleh menggunakan komputer dan sebagainya. Kita rasa perumahan yang lebih cantik dengan perumahan yang lebih baik dengan prasarana yang lengkap, boleh dapat membantu tingkatkan pelajaran. Jadi ada kaitan dengan pendidikan anak-anak mereka.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin dapat penjelasan juga tentang perumahan ini. Adakah lokasi-lokasi telah dikenal pasti dan berapa banyak rumah yang akan dipertingkatkan atau dibina khas untuk Orang Asli? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kita seperti saya sebut tadi, mungkin Yang Berhormat ada di luar, kita akan fokus di *In-Situ*, di rumah tempat kawasan mereka tinggal tersebut. Ini kerana walaupun kita ada program memindah ke tempat lain tetapi kita akan tempatkan mereka, keutamaan di kawasan tempat tinggal mereka dan yang keduanya untuk membaik pulih. Jadi berdasarkan kepada RM60 juta, kalau rumah yang baru RM50 juta, rumah yang dibaik pulih RM10 juta, saya kira banyak yang akan kita bina. Kawasan itu saya percaya JAKOA telah pun mengenal pasti tapak-tapak yang diperlukan oleh mereka.

Saya hendak terus kepada Yang Berhormat Bukit Gantang. Ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada dalam Dewan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Tenom?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom tidak ada, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak ada. Yang Berhormat Sik?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik ada. Yang Berhormat Sik di belakang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Dia sihat. Yang Berhormat Sik, supaya peruntukan pemasangan lampu jalan kampung khususnya di kawasan Parlimen Sik ditingkatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan membina lebih banyak lampu-lampu jalan ke seluruh negara sebenarnya walau bagaimanapun peruntukan tahun ini tidaklah sebesar seperti yang telah pun dipohon. Kita tahun ini untuk lampu jalan, kita hanya memperoleh RM10 juta sahaja. Oleh itu, di negeri Kedah, kerajaan meluluskan pemasangan sebanyak 4,600 unit. Daripada jumlah tersebut, 196 unit lampu jalan telah pun diluluskan untuk kawasan Parlimen Sik. Ya, ada.

Untuk pelaksanaan projek PLB di kawasan Padang Terap, ia akan bermula pada tahun 2016 mengikut bajet yang telah pun kita sediakan. Untuk menaik taraf tiga buah jambatan di kawasan Yang Berhormat yang hampir runtuh, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan membuat siasatan tapak dan anggaran kos bagi menaik tarafkan tiga buah jambatan yang hampir runtuh tersebut yang akan dimasukkan ke dalam Bajet 2016.

Untuk menaik taraf jalan Yang Berhormat, untuk negeri Kedah kita meluluskan sebanyak RM8.5 juta untuk projek jalan kampung di seluruh negeri Kedah. Oleh itu saya harap Yang Berhormat mengemukakan cadangan jalan di kawasan Yang Berhormat. Untuk perkhidmatan bas, seperti yang saya sebut dengan Yang Berhormat Ipoh Timur tadi, kita akan buat kajian dan kita akan sediakan bas kepada Yang Berhormat apabila siasatan dan kajian telah pun kita selesaikan.

Yang Berhormat Sandakan ada? Banyak lagi kawasan-kawasan kampung di seluruh negeri Sabah yang masih belum mendapat elektrik, adakah sasaran elektrik 99% di negeri Sabah seperti yang disasarkan oleh kerajaan akan tercapai? Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memang sedar, kita tidak menafikan masih terdapat banyak kampung di negeri Sabah yang belum mendapat bekalan elektrik. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan projek bekalan elektrik di luar bandar akan diteruskan dalam tempoh RMKe-11 sehingga semua kampung yang terlibat akan memperoleh sambungan bekalan elektrik 24 jam.

Liputan bekalan elektrik semasa di seluruh negeri Sabah telah pun mencapai 95.05%. Dalam tempoh RMKe-11, KKLW merancang untuk menyambung bekalan elektrik 24 jam kepada 18,300 buah rumah tambahan di seluruh negeri Sabah. Apabila semua projek ini siap pada akhir tahun 2019, KKLW yakin bahawa sasaran 99% akan dapat kita capai.

■1850

Saya baca habis dahulu, mungkin lepas ini ada jawapannya. Pelaksanaan projek bekalan air luar bandar seperti di kawasan Pitas. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan pembinaan Loji Air Pitas dengan anggaran kos berjumlah RM40 juta di bawah RMKe-11 *rolling plan* pertama iaitu 2016-2017. Pelaksanaan loji ini saya tahu amat penting di mana ia merupakan loji utama kepada pembekalan air keseluruhan kawasan di Pitas. Jadi, kita sudah lulus ya Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian bagi Sabah dan Sarawak, kita akan mewujudkan jawatankuasa bersama yang mana saya bersama dengan Ketua Menteri Sabah akan *co-chair*, menjadi pengurus bersama untuk jawatankuasa bersama tersebut bukan sahaja daripada segi merancang projek. Kali ini kita akan serahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak daripada segi penentuan kawasan-kawasan keutamaan mereka. Jawatankuasa itu bukan sahaja daripada segi merancang tetapi juga memantau pelaksanaannya. Jadi kepada Yang Berhormat, nanti saya sudah sebutkan kelulusan loji air tersebut, boleh maklumkan kepada saya kalau ada apa masalah daripada segi pelaksanaan dan sebagainya.

Untuk program jalan kampung yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat untuk Sabah. Untuk makluman, peruntukan di bawah program jalan kampung bagi negeri Sabah, jalan luar bandar adalah sebanyak RM385 juta atau bersamaan dengan 32.5% daripada peruntukan keseluruhan projek yang berjumlah 45 projek bagi KKLW bagi seluruh negeri Sabah.

Yang Berhormat, saya ada sedikit pandangan. Saya harap mendapat sokongan daripada Dewan. Saya ingin membuat sedikit perubahan daripada segi projek jalan luar bandar. Bagi saya, yang lebih penting ialah *connectivity* atau penyambungan. Akses kepada kampung. Kita tidak mahu menumpukan hanya semata-mata jalan bertar, 'berpremix' dan sebagainya. Apa yang lebih penting adalah setiap kampung mestilah mempunyai akses jalan dan sebagainya, walaupun jalan itu adalah jalan yang asas seperti jalan tanah liat, jalan balak, *whatever*. Kita mulakan dengan jalan asas dan kita akan *upgrade* dari semasa ke semasa. Akan tetapi yang penting, setiap penduduk kampung mestilah mempunyai akses untuk keluar.

Pertamanya, daripada segi ekonomi mereka kita boleh tingkatkan apabila mereka boleh membawa produk-produk mereka ke bandar dan sebagainya walaupun saya sebutkan tadi jalan-jalan ini mungkin melibatkan jalan tar dan sebagainya. Mungkin selepas ini kita akan lihat daripada segi keperluan-keperluan kerana saya tidak mahu di Sabah dan Sarawak ada lagi kampung-kampung yang langsung tidak ada akses kecuali melalui sungai, jalan kaki dan sebagainya. *Insya-Allah* kita akan cuba.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Boleh komen sedikit?

Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit bangun Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Saya amat setuju dengan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, tiap-tiap tahun kita melihat di bandar-bandar, jalan itu masih tidak ada lubang apa tetapi di tar semula. Duit betul-betul dipakai oleh kontraktor-kontraktor untuk membuat *tar sealing* yang baru, *again and again*. Jadi, bolehkah menteri-menteri berbincang dalam hal ini untuk mengurangkan perbelanjaan untuk penggunaan ini dan diberi tumpuan kepada *connectivity* rumah-rumah panjang di hulu-hulu sungai yang masih belum ada jalan. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih atas sokongan Yang Berhormat tersebut. *Insya-Allah* saya akan memberi tumpuan kepada *connectivity* ini. Keutamaan kita adalah *connectivity*. Kali ini kita yang akan menentukan jalan, bukan daripada segi *proposal* dan

sebagainya. *It is not contractor driven* tetapi kita yang akan menentukan mana jalan yang akan kita buat.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya lihat cadangan Yang Berhormat Menteri yang ada akses itu saya setuju benar. Ini kerana di kawasan luar bandar, yang penting ada jalan. Mereka tidak berhajat, kalau boleh memanglah hendak semuanya tar tetapi kalau ada jalan batu pun sudah mencukupi. Jadi saya bersetuju sangat kalau boleh ia dilaksanakan kerana bukan sahaja Sabah dan Sarawak, sebenarnya di Kelantan pun masih banyak kawasan-kawasan pedalaman yang tidak boleh jalan. Dengan adanya akses, bolehlah bawa barang-barang, buah atau apa hasil pertanian dibawa keluar. Terima kasih. Cadangan yang cukup baik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Untuk Yang Berhormat Sepang...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Belum lagi. Saya punya ada sedikit saya mahu tambah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Cadangan ya? Kalau cadangan...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya. Ada tambahan sedikit. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bincangkan yang saya sebut ada beberapa kampung tidak ada bekalan elektrik. KKLW sudah janji *propose install* kabel untuk *solar lamp*. Akan tetapi kabel sudah *install* beberapa lama, sudah bertahun tetapi *lamp* itu belum ada. Ini ialah di Kampung Masia Sook, Kampung Tubon Sook, Kampung Pelapun Sook, Kampung Tulid Sook dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, pegawai saya ada di belakang, mereka akan catatkan. Oleh sebab Yang Berhormat sebut dan lain-lain tadi, tolong berikan secara *detail* apa lagi yang elektrik yang sudah pun masuk...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Seperti yang dijanjikan. Kabel sudah pasang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, okey. Terima kasih. Yang Berhormat Sepang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang tidak ada Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya hendak sangat jawab Yang Berhormat Sepang ini sebenarnya tetapi saya kena *fair* sebab dengan orang lain saya tidak jawab. Saya jawab satu sahaja fasal ada dua yang membangkitkan termasuk Yang Berhormat apa tadi, membangkitkan isu tanah rizab Orang Asli. *[Disampuk]* Yang Berhormat Jelebu bangkitkan juga, jadi saya jawab teruslah bersekali dengan Yang Berhormat Sepang.

Dari segi prosedurnya, pihak KKLW akan membuat pengukuran tanah-tanah masyarakat Orang Asli. Saya tahu ini merupakan satu perkara yang amat penting kepada masyarakat Orang Asli kerana saya tahu di kawasan saya di Bera, ramai masyarakat Orang Asli. Pengundi saya ramai Orang Asli dan mereka memang penyokong kuat Barisan Nasional pun. Mula-mula kita

akan ukur dahulu tanah. Tahun ini kita mendapat bajet yang agak besar untuk pengukuran tanah. Selepas pengukuran tanah, *then* kita akan serahkan kepada kerajaan negeri kerana proses pewartaan adalah di bawah kerajaan negeri. Kita akan lakukan di bawah bidang kuasa KKLW iaitu untuk membuat pengukuran dan selepas itu kerajaan negerilah yang akan menentukan. Ini kerana banyak timbul isu sebenarnya.

Jumlah yang dipohon oleh masyarakat Orang Asli misalnya terlalu besar yang dianggap oleh kerajaan negeri. Jadi, mereka akan menentukan berapakah jumlah. Ada kerajaan negeri yang akan buat *reserve* tanah tersebut secara besar dan ada kerajaan negeri yang ingin memberikan hak milik individu ataupun *individual title* kepada masyarakat Orang Asli itu sama ada daripada segi tapak rumah, kebun dan sebagainya. Jadi, kita akan berbincang dengan pihak kerajaan negeri. Ini kerana walaupun tanah di bawah kerajaan negeri tetapi penjagaan masyarakat Orang Asli masih di bawah kementerian.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Bayan Baru Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh tidak saya jawab dahulu Yang Berhormat Bagan?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak. Tadi yang tentang JKJKK. Saya tumpang Yang Berhormat Sepang tadi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: JKJKK?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya. Yang Berhormat Menteri, saya tumpang Yang Berhormat Sepang. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada. Mesti. Celahan pun saya jawab. Ini daripada Yang Berhormat Bagan. Berapa ramai profesional di kalangan masyarakat Orang Asli? Setakat ini, seramai 153 profesional di kalangan masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada mereka yang terlibat di sektor awam seperti jurutera, doktor, pensyarah dan lain-lain. Ada 153 orang.

■1900

Yang keluar negara saya sudah jawab tadi ya, saya sudah jawab tadi untuk keluar negara, masyarakat Orang Asli saya sudah jawab tadi.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: JKJKK. Berapakah jumlah JKJKK di seluruh negara dan program transformasi. Setakat hari ini kita mempunyai seramai 15,895 JKJKK di seluruh negara. Bukan jumlah JKJKK dari segi jawatankuasa ya, itu JKJKK dari segi unit, kampung. Dari segi unit JKJKK. Program Transformasi JKJKK memang kita laksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Program Transformasi Minda dengan memberikan mereka latihan dan kursus induksi kepada semua Penggerusi JKJKK, Setiausaha dan sebagainya;
- (ii) Latihan-latihan kepimpinan dan tadbir urus kampung dan masyarakat;

- (iii) Pengemaskinian profil kampung secara menyeluruh melalui JKKK dan akan dikemaskinikan di dalam sistem profil kampung peringkat nasional; dan
- (iv) Memperkuatkan mekanisme pemantauan JKKK.

Oleh kerana arahan saya kepada JKKK kali ini adalah pemantauan projek di kawasan JKKK mereka. Jadi, mereka mesti membuat laporan. Di dalam setiap kali mesyuarat JKKK mereka mesti laporkan. Kalau ada projek, misalnya projek membina bangunan tadika sebagai contoh, mereka yang mesti buat laporan. Apakah *progress* projek tersebut dan sebagainya supaya kalau ada kelewatan kita dapat tahu lebih awal supaya dapat kita perbaiki dan sebagainya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Menteri...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, boleh tanya sikit ya?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri adakah– saya terbaca bahawa transformasi JKKK juga termasuk tidak membiarkan orang-orang memegang selama-lamanya. Jadi, lebih daripada umur 60 kena serah kepada orang yang lebih mudakah atau dia dua penggal? Ada *term limit* kah, macam itu? Okey, itu soalan saya nombor satu.

Kedua adalah tentang Orang Asli ya tadi yang profesional. Di 153 nampaknya kuranglah. Jadi, daripada berapa? 153 daripada berapa jumlah yang *form 5 graduate* kah? Kita hendak tahu peratusnya. Tadi juga Yang Berhormat Kapar ada tanya tentang *drop-out rate* Orang Asli di sekolah menengah. Berapa peratus *drop-out rates*. Minta penjelasan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Untuk *detail* dari segi berapa peratus daripada *drop-out*, berapa peratus sekolah menengah dan sebagainya, saya akan beri secara bertulislah, because ini terlalu spesifik. Untuk JKKK, pihak Kabinet telah pun memutuskan untuk Pengerusi JKKK *limit* had umur mereka adalah 65 tahun. Secara automatik mereka terhenti apabila sampai ke 65 tahun. Cuma seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gerik, membangkitkan tadi memang banyak rayuan-rayuan daripada Pengerusi JKKK supaya kalau boleh disambung. Oleh kerana ada di kalangan mereka yang masih layak, ada kalangan mereka yang masih popular di kalangan penduduk setempat dan sebagainya.

Perkara ini masih lagi belum diputuskan oleh pihak Kabinet untuk sambungan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [Menyampuk]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, sorry.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Menteri, Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik bangun di belakang Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya hendak merujuk balik masa saya ADUN dulu. Yang Berhormat Menteri yang dulu pernah memanggil EXCO Kerajaan Negeri bersama-sama dengan ADUN dan Ahli Parlimen yang mempunyai kawasan Orang Asli. Bila mana Yang Berhormat Menteri mengumumkan sudah ada upah sukat untuk kawasan Orang Asli, saya rasa

ini boleh selesai banyak masalah untuk kita taggingkan kawasan tanah-tanah Orang Asli. Apa salah untuk masa ini, Yang Berhormat Menteri yang baru boleh memulakan balik perjumpaan tersebut supaya ada perbincangan dan boleh menyelesaikan supaya tidak isu dibuat di luar, kita seolah-olahnya tidak beri tanah kepada Orang Asli. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Gerik sebab kami sebenarnya satu daerah sahaja. Kalau ada itu memang memudahkan. Kita memang hendak bagi peluang kepada pemilikan tanah pada Orang Asli. Cuma saya hendak sebut tadi fasal umur Pengerusi JKKK tadi. Saya harap ini bukan sebenarnya permintaan tetapi kalau kita teliti dan lihat, ada di kalangan pimpinan kampung ini, dia umur walaupun 70 tahun tapi masih kuat daya ingatan dan mempunyai daya kepimpinan yang tinggi, macam kita juga sesetengah umur lebih pada 60 tahun masih hebat lagi.

Jadi, minta perkara ini pun dikaji... *[Ketawa] [Disampuk]* Betul tidak? Betul, ini realitikan? Yang muda pun tentulah hebatkan?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Hebat apa Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Ketawa]* Pandai kamu ya. Jadi, saya minta perkara ini diteliti semula. Supaya sebenarnya kalau kita teliti, ada kampung tertentu yang sebenarnya juga menghadapi masalah hendak pilih ketua kampung ini. Realiti Tuan Pengerusi. Jadi, saya harap perkara ini dilihat semula dan bagi peluang kepada mereka yang berkebolehan menjadi ketua kampung.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Menteri, Jelebu, Jelebu, belakang. Sikit sahaja, kaitan yang tanah perizaban dan ada tadi Menteri cakap cadangan untuk mungkin memberi individual *title*. Jadi, saya minta supaya pemberian individual *title* ini kalau mahu dilakukan, harus ada moratoriumnya dan juga kawalan. Saya bimbang kalau tidak ada kawalan, kemungkinan pindah milik jual tanah ini akan berlaku dan ini tidak membawa satu matlamat kita yang untuk menjadikan mereka mempunyai aset dan sebagainya.

Ini kebimbangan saya kalau pemberian tanah milik secara individual *title*. Ini pandangan saya Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Seperti saya sebutkan tadi, keputusan sama ada hendak memberikan individual *title*, berapa luas *title* yang hendak diberi dan sebagainya adalah keputusan kerajaan negeri masing-masing ya. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Gerik tadi supaya diadakan perjumpaan dengan Ketua-ketua Masyarakat Kaum Asli. Sebenarnya, minggu lepas saya sudah adakan perjumpaan, perhimpunan bersama dengan Tok-tok Batin dan Pengerusi-pengerusi JKKK Masyarakat Orang Asli seluruh negara.

Antara yang saya lontarkan kepada mereka dan mendapat sambutan mereka adalah mengenai penyelesaian masalah tanah rizab Orang Asli ini. *Insya-Allah* kita akan panggil

kepimpinan JKKK dan kalau boleh dengan kepimpinan negeri sekali, terutamanya Exco-exco tanah negeri kerana ini melibatkan Exco-exco tanah untuk kita bincangkan.

Tentang umur 65 tahun itu memang benar, banyak. Sesetengah negeri ini yang sudah lebih 65 tahun ini tidak berhenti lagi. Masih tidak berhenti dan masih lagi tunggu supaya kalau boleh kita sambung. Jadi, itu yang timbul masalah ini. Akan tetapi kalau Parlimen hari ini menyokong lebih 65 tahun, Menteri ada kuasa untuk kes-kes tertentu di sambung...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: ...saya boleh sebut sekali lagi dalam Kabinet bahawa ini cadangan daripada Parlimen dan kalau boleh wakil-wakil daripada Ahli-ahli Parlimen boleh beritahu Menteri-menteri Besar masing-masing. Kalau setuju dengan cadangan ini lebih mudah untuk saya bawa supaya umur 65 tahun ini kita sambung dalam keadaan tertentu, bukan automatik sambung dua penggal dan sebagainya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Special case.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *Special case.* Yang Berhormat Kuala Nerus tentang KESEDAR. Ada Yang Berhormat Kuala Nerus? Ha, ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada, Yang Berhormat Kuala Nerus ada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey. Banyak isu yang berkaitan dengan isu tanah, isu pendapatan generasi kedua, ketiga dan sebagainya. Seperti sama juga dengan RISDA, sama dengan yang saya sebut tadi bagaimana hendak tingkatkan ekonomi penduduk luar bandar, termasuk generasi kedua. KESEDAR pun mempunyai program yang sama iaitu keusahawanan, pertanian dan sebagainya. Cuma ada beberapa perkara tertentu Yang Berhormat masukkan tadi adalah isu yang khusus untuk Kuala Nerus. *Insya-Allah* saya akan beri jawapan secara bertulis dengan segera. Okey.

Yang Berhormat Dungun, Dungun? Ada. Yang Berhormat Dungun membangkitkan tentang jurang digital antara bandar dan luar bandar di Wilayah KETENGAH, Tasik Kenyir dan bilangan usahawan yang telah dilahirkan.

■ 1910

Untuk bilangan usahawan dan sebagainya, saya akan beri secara bertulis. Cuma untuk Tasik Kenyir, saya tidak dapat mengesahkan secara rasmi lagi tetapi saya difahamkan Perbadanan Tasik Kenyir memang telah pun dicadangkan. Peringkat awalnya ingin diletakkan di bawah KKLW tetapi saya difahamkan kemungkinan selepas ini akan diletakkan di bawah Kementerian Kewangan seperti juga LADA, Langkawi dan sebagainya. Jadi, saya percaya Kerajaan Negeri Terengganu akan berunding dengan pihak Kementerian Kewangan.

Tentang KEMAS, saya sudah jawab tadi. Kerosakan jalan juga saya akan jawab secara bertulis, Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Kuala Nerus pun saya sudah jawab tadi. Jalan luar bandar dan sebagainya saya akan beri secara bertulislah Yang Berhormat ya. Beri *detail* kepada saya ya, minta kalau boleh berikan saya *detail* apa keperluan jalan tersebut. Jalan apa yang diperlukan dan sebagainya, lebih mudah.

Yang Berhormat Tanah Merah, pemasangan telah siap namun air tak ada. Isu ini disebabkan oleh tekanan air yang rendah. Oleh itu, pihak AKSB perlu menaiktarafkan sistem untuk meningkatkan tekanan air bagi membolehkan air dibekalkan melalui paip yang telah dipasang. Isu bekalan air rendah, kita akan bekerjasama daripada segi meningkatkan tekanan air dan sebagainya.

Yang Berhormat Sepanggar, pemberian dewan-dewan dan jambatan gantung diperbanyakkan di ..

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Menteri, saya ada tanya pasal KEMAS tadi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Oh, Yang Berhormat Mersing. Sorry, pasal Yang Berhormat Mersing tadi ..

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Ingat sebab masuk dengan Yang Berhormat Sepang. Dia terus Yang Berhormat Sepang, dia *cancel* Mersing. Kasihan Mersing.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sorry. Yang Berhormat Mersing tak boleh tinggal ini, dia ini anak angkat saya ini. Yang Berhormat Mersing mencadangkan supaya kurikulum KEMAS itu dikaji semula. Untuk makluman Yang Berhormat, kurikulum standard prasekolah kebangsaan telah digubal untuk mengembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh melalui persekitaran pelajaran selamat dan sebagainya. Ini dia ada standard. Daripada segi ini, dia standard sama ada daripada segi prasekolah, KEMAS dan sebagainya tetapi untuk transformasi KEMAS ini, memang kita akan mencadangkan sedikit perubahan daripada segi silibusnya dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Walaupun banyak pandangan yang berbeza di luar sana tetapi saya lebih bersetuju supaya penekanan kepada pendidikan awal ini adalah untuk melahirkan insan yang *confident*, berkeyakinan diri. Kita orang kampung, saya tahu sebab saya orang kampung. Bila belajar di bandar, masalah kita adalah terlalu sukar atau kita rasa agak sukar untuk bersaing dengan orang lain. Ada *inferiority complex* yang tebal di kalangan masyarakat kampung dan sebagainya.

Jadi, pendidikan awal inilah yang kita mesti berikan tumpuan supaya mereka dapat mempunyai keyakinan diri yang tebal lebih daripada pelajaran akademik yang lain dan sebagainya. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, memang perkara ini sedang kita rancang. Yang Berhormat Sepanggar tadi saya sudah sebut mengenai peruntukan dewan. Kementerian kita mengambil maklum terhadap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepanggar. Ada Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Dan juga beberapa masalah yang disebutkan tadi, kalau boleh berikan kepada saya daripada segi senarai. Yang Berhormat pun sudah sebut tentang sekolah yang begitu jauh. Kalau boleh kita pendekkan untuk membantu pelajar-pelajar di sekolah kerana disebabkan tempat yang jauh, sudah tinggal enam orang sahaja pelajar. Kita simpati dengan perkara tersebut dan saya harap Yang Berhormat maklumkan segera kepada saya supaya kita masukkan dalam Bajet 2016 nanti. Yang Berhormat Jelebu, taraf perjawatan kontrak pekerja KEMAS. Yang Berhormat Jelebu. Ada? Okey, saya hendak jawab ini. Nasib baik

Yang Berhormat ada. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam pembentangan Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa seramai 10,000 orang pekerja kontrak yang bekerja lebih daripada 15 tahun akan diserapkan ke jawatan tetap.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 10,000 tersebut seramai 8,700 adalah kakitangan KEMAS yang jawatan tetap mereka akan bermula pada 1 Julai 2016 ini. Okey.

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tak ada, sudah hendak habis sudah ini. Kalau Tuan Penggerusi kata boleh berhenti, saya akan jawab secara bertulis mana-mana yang tak ada. Sesetengahnya begitu spesifik tentang jalan di kawasan masing-masing seperti Yang Berhormat Kanowit menyebutkan tentang beberapa buah jalan yang perlu diberikan masalah bekalan api, air dan sebagainya. Begitu juga yang lain-lain. Yang Berhormat Sepanggar saya sudah sebut, Yang Berhormat Kuala Nerus saya sudah sebut. Yang Berhormat Bagan Serai, Bagan Serai pun ada sebut. Yang Berhormat Sekijang ada sebut tentang semaihan dan sebagainya. Jadi mana-mana yang tak dapat saya sebutkan lagi terutamanya yang melibatkan isu-isu spesifik di kawasan masing-masing, Insya-Allah saya akan jawab secara bertulis. Sekarang ini ada lagi menteri yang akan menjawab bagi kementerian beliau.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, setengah minit sahaja. Saya hendak masuk rekod sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ha, rekod. Kalau Yang Berhormat Kapar hendak rekod, rekodkan ya. Saya sudah habis sudah ini, saya tak jawab sudah. Boleh rekodkan dan saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Rekodkan? Boleh.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Silakan Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh? Saya minta Yang Berhormat, saya hendak cakap tadi tak dapat peluang. Saya minta Yang Berhormat Menteri turun padang dan tengok projek Agropolitan Gandar yang mana projek ini RISDA menjadi agensi pelaksana. Projek ini akan memberi masalah kepada saya dan juga masalah kepada Yang Berhormat Gerik jika ia tidak diselesaikan sebelum pilihan raya. Janji rakyat, kita sudah ada senarai panjang untuk beri rumah. Projek ini memang kalau saya sebut, gagal. Saya minta tolong. Menteri ini saya tahu dia mampu buat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Insya-Allah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya minta tolong dan minta selesaikan. Kalau tak percaya, tanya Yang Berhormat Gerik. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Insya-Allah, terima kasih. Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak rekodkan tentang penaja pelajar cemerlang tadi. Belum jawab, bagi jawapan bertulis pun boleh juga Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. So sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat sama ada yang berbahas, mencelah dan sebagainya yang telah pun memberikan kerjasama yang sebaik-baiknya kepada saya di waktu menjawab soalan tadi. Seperti saya sebutkan mana-mana yang tertinggal dalam jawapan yang belum dijawab dan sebagainya, saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih, assalamualaikum.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,379,900,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM5,379,900,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,451,257,300 untuk Maksud P. 22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM5,451,257,300 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.23 [Jadual] –

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2016]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

[Ramai Ahli bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingatkan tadi tak ada bahas, lulus sahaja. Boleh lima minit ya? Boleh ya? Sebelah kiri saya ada dua empat, lima. Dua empat, eh ramainya. Dua empat, enam, tujuh, sepuluh. Okey. Saya hadkan masa lima minit, kalau dua minit pun lagi bagus. Saya hendak bagi kepada sini, Yang Berhormat Kota Raja dahulu. Selepas Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Parit Sulong. Okey.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Timbalan Speaker memang arif, beri kepada wanita dahulu. Buat baik.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terkejut pula saya kena yang mula-mula sekali. Maafkan saya, sudah *prepare* sudah cuma hendak membuka muka surat sahaja. Okey, maaf ya. Terkejut tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak jumpa boleh bagi orang lain dulu.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Boleh bagi orang lain dulu?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh, boleh. Sila Yang Berhormat Parit Sulong. *[Ketawa]*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terkejut.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong, sila. Selepas Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kota Raja.

■1920

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke P.23 Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri. Saya cuma hendak tanya tahu berapakah peruntukan yang diberikan kepada kawasan Parlimen Parit Sulong sebab saya tengok parit-parit semua tidak dibersihkan, lepas itu hujan sekarang lebat dan kawasan saya yang memang paling banyak parit sekali. Mungkin bukan saja di Malaysia tapi di dunia. Jadi, saya hendak tengok dan minta kementerian untuk tengok sebab bila kita tanya dengan JPS Daerah selalu jawapannya adalah tiada peruntukan. Jadi, sebenarnya berapa peruntukan yang diperuntukkan oleh kementerian kepada kawasan Parlimen saya untuk pembersihan parit-parit ini.

Kedua, Butiran 15100...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ledang, ini Yang Berhormat Parit Sulong parit-parit dia kotor. Bagi peruntukan lah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Ketawa]* Okey Butiran 15100...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Banyak yang kotor, tidak dibersihkan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Mengganggu ini, mencegah hakisan pantai. Jadi, saya cuma hendak tahu apakah tindakan pihak kementerian untuk tahun depan ini di dalam Bajet 2016 ini dalam usaha untuk menangani masalah hakisan benteng pantai dan juga telah banyak pokok-pokok bakau yang mati di pinggir-pinggir ataupun di benteng-benteng pantai ini sepanjang pantai daripada Parit Semerah kepada Parit Bisu, Timur Parit Besar ke Teluk Kong dan juga apakah kategori sebab kategorinya adalah dalam kategori dua dan tiga.

Jadi, ini antara yang tahap bahaya yang perlu diambil tindakan. Tapi saya tengok belum ada tindakan yang diambil oleh pihak kementerian. Jadi, apakah mungkin Yang Berhormat boleh menjawab apakah langkah-langkah kawalan yang dibuat oleh JPS mengenai perkara ini dan untuk makluman juga kemasukan air masin ini yang menyebabkan benteng yang sedia ini pecah dan ini secara langsungnya akan mengakibatkan kawasan pertanian semua musnah. Jadi, saya harap mendapat jawapan daripada pihak kementerian.

Yang terakhirnya adalah Butiran 16700 iaitu Rancangan Tebatan Banjir. Satu kajian sudah dibuat yang dipanggil *Flood Mitigation Master Plan 2009* yang dibuat untuk cara-cara mengatasi masalah banjir yang terutamanya yang melibatkan kawasan-kawasan saya. Jadi,

kawasan saya memang terlibat ini adalah di Sungai Simpang Kiri. Jadi, apa tindakan pihak kementerian untuk menaik taraf sistem saliran ini. Kemungkinan kalau kita buat sekali harung, memang ia akan memakan belanja yang besar. Akan tetapi, saya harap pihak kementerian mungkin boleh ada cadangan di dalam tahun 2016 ini untuk membuat ia secara berperingkat. Kalau tidak diambil apa-apa tindakan, kita hendak perlu pastikan bahawa pengaliran air ini ke laut ini tidak tersekat disebabkan mendapan di muara sungai itu sendiri supaya tidak setiap kali banjir itu tidak hujan.

Sebagai contohnya minggu lepas, apabila ada hujan yang lebat dalam masa 2 jam saja semua air telah penuh, semua parit telah penuh dan ia telah melimpah ke jalan raya dan menyebabkan kesukaran untuk kami melepassi berapa jalan terutamanya di kawasan yang berhampiran di Jalan Muar, daripada Jalan Muar sehingga ke Yong Peng. Terutamanya di kawasan Kampung Parit Tegak, Kampung Parit Gantung dan juga Kampung Parit Pulai yang setiap kali hujan lebat saja akan timbulah masalah ini dan kita tengok masalah utamanya adalah kawasan yang melibatkan JPS itu sendiri yang mana terjadinya banjir-banjir kilat ini disebabkan oleh parit-parit itu yang tidak di naik taraf dan konkritnya hanya sampai di sempadan Bakri sahaja. Walaupun Bakri ini Parlimen dia bukannya Barisan Nasional tapi dia sampai dekat situ saja. Bila masuk kawasan Barisan Nasional, tidak ada parit itu.

Jadi, saya hendak minta supaya pihak kementerian mempertimbangkan mungkin teruskan supaya dia tidak naik ke atas. Bila dia tidak selari itu yang menyebabkan air itu tertumpah di kawasan Parlimen saya dan menyebabkan banjir melimpah ke kawasan rumah orang dan juga kawasan-kawasan pertanian di kawasan tersebut. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sudah ready Yang Berhormat Kota Raja? Ya sila.

7.25 mlm.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Pengurusan dan Perundungan Tanah. Saya ingin mendapat penjelasan prosedur pengambilan tanah daripada rakyat, apakah prosedur sebenarnya kerana saya baru dapat aduanlah kerana kawasan saya bahagian pakej ketiga untuk pengambilan tanah bagi projek lebuh raya pesisiran pantai barat. Jadi saya pernah menulis surat kepada LLM, yang ini bukan bawah kementerian ini namun pada ketika itu mereka mengatakan bahawa tidak ada lagi *definitive plan*. Tapi dua hari yang lepas mereka telah menampal satu notis di rumah kedai di kawasan yang dikatakan akan dicadangkan untuk diambil alih oleh kerajaan.

Jadi apakah prosedur sebenar dan saya juga mempersoalkan tentang pengalaman yang lepas tentang ganti rugi kepada tanah-tanah yang diambil oleh kerajaan untuk projek-projek kepentingan ramai. Rungutan daripada rakyat adalah cara pembahagian ataupun cara penilaian tanah tersebut. Misalnya sekarang ini, tanah itu adalah tanah perumahan, lot dan sebagainya. Mungkin jatuh bawah kategori tanah pertanian. Apabila diambil alih esok, dia punya penilaian itu adalah tanah pertanian. Tetapi di dalam kawasan perbandaran sekarang, kalau mereka

mendapat pampasan untuk mungkin sekeping tanah tidak sampai setengah ekar, dia mungkin hanya boleh dapat tidak sampai RM100 ribu. Tapi apa yang boleh mereka buat dengan RM100 ribu. Mereka tidak boleh beli rumah. Mereka tidak boleh buat apa-apa pun dengan pampasan tersebut.

Jadi apakah mekanismenya saya rasa perlu lebih adil kepada rakyat dan pengalaman yang lepas juga, aduan yang lepas juga adalah apabila tanah yang diambil itu telah memecahkan lot ataupun tanah milik itu kepada beberapa bahagian dan biasalah tanah pertanian ini beberapa buah rumah letak di situ. Jadi, bila pampasan itu diberi mengikut *portion* ataupun bahagian pemilik itu di atas satu tanah yang satu geran itu. Akhirnya, orang yang tanahnya tidak terlibat dapat pampasan tetapi orang yang rumah mereka, kediaman mereka terpaksa dirobohkan itu untuk pembangunan ini mendapat pampasan yang tidak pun boleh dapat sebuah, sebiji rumah. Jadi, saya ingat pengurusan perundangan tanah, Kanun Tanah Negara dan sebagainya perlu kita *review* dan kaji kerana ia sudah tidak sesuai lagi untuk zaman sekarang, masa sekarang terutamanya di kawasan-kawasan bandar.

Seterusnya, saya hendak menyebut tentang kos pecah geran. Banyak yang diperkatakan tentang tanah pertanian yang hanya boleh bina satu buah rumah tetapi pada hakikatnya kita tahu bila dipusatkan maka banyak rumah di atas itu dan tidak mudah untuk mereka pecah geran atau pecah lot kerana upahnya terlalu dan akhirnya yang menjadi mangsa adalah rakyat yang tidak berkemampuan dan akhirnya mereka tidak dapat selesaikan masalah tanah mereka dalam jangka masa panjang. Saya ingat, saya minta kementerian melihat semula tentang undang-undang ini.

Kedua, seterusnya saya hendak pergi ke Butiran 080000 – Pengairan dan Saliran. Saya banyak kali membawa masalah di kawasan saya. Saya duduk di kawasan saya di Klang. Klang memang adalah tanah yang satu kawasan yang rendah, *sea level* daripada paras laut. Jadi, apabila hujan lebat berlaku semasa air pasang, maka air tidak dapat mengalir ke laut dan akhirnya ada *back flow* dan kemudiannya banjir. Setiap kali, setiap musim 7 tahun saya menjadi wakil rakyat ini, setiap kali tidak dapat menyelesaikan masalah ini sebab ia adalah satu masalah yang kronik dan dengan pembangunan yang begitu pesat, tanah, air sudah tidak boleh lari masuk ke dalam tanah dan perparitan yang entah zaman bila, 1980-an mungkin apabila kawasan itu dibangunkan dan sebagainya.

Jadi saya perlu meminta kementerian untuk duduk dengan PBT dan mungkin perlu melihat semula. Kalau kita buat tebatan banjir macam mana pun, tidak akan menyelesaikan masalah selagi ia tidak, dia adalah satu masalah yang merentas kementerian-kementerian. Lagi satu, akhir sekali Tuan Pengerusi Butiran 120000 – Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia.

■ 1930

Saya pegang tajuk ini sebab saya ada hendak tanya mengenai dengan pam air di kunci-kunci air yang saya rasa tidak berkesan dalam menangani masalah banjir. Saya sebut hari itu dan saya sebut lagi sekali bahawa pam-pam ini hanya diaktifkan apabila air sampai kepada

tahap tertentu dan tidak mengosongkan parit dan saliran. Apabila hujan lebat datang dan air tidak dapat mengalir ke laut, maka berlakulah *back flow* kepada kawasan-kawasan tanah rendah tadi. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya ambil dari sini dahulu, Yang Berhormat Sik. Bergilir ya, Yang Berhormat Sik terus kepada yang sana.

7.30 mlm.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tiga minit saja Tuan Pengerusi.

Saya sentuh yang pertama Butiran 13900 – Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir, butiran ini saya sentuh berkenaan dengan kawasan dan juga peringkat nasional. Saya mencadangkan untuk mengadakan satu sistem kawalan banjir bagi kawasan yang selalu di kawasan saya dinaiki air seperti di kampung di area Caruk Pelanduk, Kampung Kemelong dan Kampung Belimbing. Setiap kali ada hujan, akan berlaku banjir dan mewujudkan satu sistem kawalan hakisan tebing sungai. Kawasan-kawasan ini merupakan kawasan tanah rendah, aliran sungai yang perlahan dan keadaan sungai yang berliku-liku menyebabkan banjir selalu berlaku. Pada masa yang sama, saya juga mencadangkan pada peringkat nasional supaya kerajaan mengadakan satu sistem amaran dan isyarat bahaya banjir di seluruh negara.

Kedua, Butiran 050300 – Pembangunan Hutan. Daerah Sik adalah satu daerah yang mempunyai kawasan hutan tebal yang luas. Daripada segi alam sekitar, aset yang berharga ini boleh kita pelbagaikan untuk tujuan pelancongan dengan cara mewujudkan konsep pelancongan hutan dan rancangan safari. Kawasan hutan tebal terutamanya kawasan Gulau dan Belantik hingga ke sempadan Malaysia – Thailand yang mana berdekatan dengan tasik yang sedang dibangunkan sebagai kawasan pelancongan. Kita boleh bangunkan sebagai kawasan hutan pelancongan mesra alam sekitar.

Saya ingin bertanya secara umumnya kepada kerajaan ataupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, adakah mempunyai rancangan untuk mengadakan satu projek seumpama ini. Jika ada, saya tawarkan atau cadangkan di kawasan Parlimen saya kerana kawasan saya mempunyai pakej yang lengkap termasuk juga kesan-kesan sejarah dan sebagainya sesuai dengan alam sekitar. Itu sahaja Tuan Pengerusi daripada saya, sekian terima kasih.

7.33 mlm.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya satu sahaja iaitu 060300 – Pengawasan dan Penguatkuasaan. Saya hendak tahu apa tindakan kerajaan khususnya kementerian melibatkan isu pencemaran alam sekitar kerana bauksit di Kuantan, Bukit Goh yang berpanjangan isunya hingga yang terakhir kita lihat orang-orang kampung mula bertindak agak ganas, ada yang membakar, dikatakan membakar sebuah lori jika betul maklumat tersebut. Ertinya ia melibatkan persekitaran kita. Bila kita sendiri tidak dapat hidup selesa dengan sebab orang lain yang mengaut keuntungan, tentulah ia akan

menimbulkan provokasi yang tidak elok. Saya bimbang juga nanti kalau di negeri Terengganu dikatakan sudah ada permohonan untuk juga perlombongan bauksit ini dibenarkan dalam pertimbangan Kerajaan Negeri Terengganu. Saya bimbang pengawasan dan penguatkuasaan yang ada sekarang pun gagal untuk menangani isu bauksit di Kuantan bagaimanapun nanti akan berlaku di Terengganu. Itu sahaja, terima kasih.

7.34 mlm.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sikit juga tentang tiga butiran sahaja. Pertama ialah Butiran 060200 iaitu Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar. Saya hendak minta pihak kementerian kita jangan bertolak ansur dengan laporan kualiti *Environment Impact Assessment* ataupun EIA dalam setiap projek kerana kemungkinan ada projek-projek yang bukan kita terlepas pandang tetapi saya tidak tahu di mana-mana rakyat merungut bahawa tidak sepatutnya EIA itu dilepaskan.

Seperkara lagi dalam pemantauan aspek alam sekitar ini, saya mengharapkan agar pihak kementerian, kalau tidak cukup duit, mungkin kita kena minta duit lebih lagi dalam memastikan alam sekitar kita dipantau iaitu dengan menggunakan *Geographical Information System* ataupun GIS. Diharapkan agar alat ini dapat membantu kita supaya suasana alam sekitar ini kita dapat pantau supaya tidak berlaku lagi perkara-perkara seperti keruntuhan tanah dalam perjalanan di lebuh raya Kuala Lumpur – Karak baru-baru ini. Apabila berlaku perkara-perkara begini, yang menjadi permasalahannya ialah rakyat kebanyakannya dan menjadi sasaran kemarahan rakyat adalah kerajaan. Jadi kita tidak boleh bertolak ansur pada saya tentang perkara-perkara begini.

Perkara yang kedua ialah di bawah Butiran 080000 iaitu Pengaliran dan Saliran. Saya ingin menjuruskan perhatian pihak kementerian kepada perkara 080200 iaitu Perkhidmatan Teknikal. Di Jerantut ada sebatang anak sungai yang merentasi bandar Jerantut, sungainya kecil sahaja tetapi sungai ini juga menjadi seolah-olah longkang utama kepada bandar Jerantut dan sekitarnya dan ia mengalir terus ke Sungai Pahang. Apa yang menjadi permasalahannya ialah saya bimbang bandar Jerantut akan dilanda banjir sekiranya sistem aliran sungai ini kita tidak dapat peruntukan. Oleh itu, saya merayu kepada pihak kementerian agar memberikan tumpuan kepada peruntukan untuk membaiki jajaran sungai ini. Tidak banyak, saya difahamkan JPS Jerantut telah pun mengemukakan peruntukan sebanyak RM12 juta. Jadi saya harap agar pihak kementerian dapat memberikan perhatian.

Perkara yang terakhir ialah Butiran 090100 di bawah Taman Laut. Saya difahamkan bahawa ada sejenis hidupan yang dipanggil Kima Gergasi atau bahasa Inggerisnya *Giant Clam* iaitu sejenis hidupan marin yang terancam yang boleh dijumpai di perairan negara kita ini. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah usaha-usaha pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memelihara spesies yang jarang kita temui yang semakin terancam ini terutamanya di kawasan taman laut kita.

Jadi saya rasa itu saja Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

7.37 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 060000 – Alam Sekitar khususnya Butiran 060300 – Pengawasan dan Penguatkuasaan Alam Sekitar. Saya pun ingin membawa isu perlombongan bauksit yang telah saya bincangkan dalam peringkat dasar tempoh hari. Di sini saya hendak khususkan antara peruntukan yang telah diperuntukkan di bawah butiran ini, berapa banyakkah dana yang akan diperuntukkan untuk mengawasi pencemaran yang dikatakan sedang berlaku di Kuantan hasil daripada perlombongan bauksit.

Seterusnya saya ingin masuk ke Butiran P.14500 – Menaik taraf Infrastruktur dan Saliran Bandar Tebatan Banjir dibaca sekali dengan 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri dan juga dibaca sekali dengan 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai dan 16700 – Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar.

Tuan Pengerusi, isu banjir di Parlimen Kapar memang sentiasa sedang berlaku terutamanya di DUN Sementa dan Meru. Saya telah membawa isu ini, bincang bersama di antara Majlis Perbandaran Klang (MPK), JPS dan JKR. MPK telah mengemukakan beberapa cadangan dan saya telah mendapat kata putus daripada Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Menteri Besar Selangor untuk memperbaiki beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh MPK. Sekarang saya minta jasa baik daripada JPS untuk membaiki beberapa isu yang terletak di bawah kerangka mereka. Ini adalah kerana di kawasan DUN Sementa dan Meru, kita mendapati kunci-kunci air tidak cukup untuk menampung sesekali bila hujan yang luar biasa berlaku ataupun pada musim tengkujuh. Ini juga diakibatkan oleh perkembangan pembangunan yang pesat di kawasan sekitar.

■1940

JPS perlu menyediakan dan memasang satu buah atau dua buah pam-pam air kekal di beberapa kawasan tertentu supaya mengelakkan limpahan air yang tidak dapat diduga dan dibendung.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini beberapa hari yang lepas terutamanya di Taman Klang Utama dan Jalan Hamzah Alang, Meru adalah kawasan yang nampak sangat kerap kali banjir berlaku. Saya telah berjumpa dengan pegawai JPS tempoh hari dan beliau telah cadangkan kepada saya bahawa untuk Taman Klang Utama secara khususnya saya turun padang dan saya dapati ada beberapa benda yang boleh dilakukan adalah:-

- (i) satu pembesaran parit di Jalan Haji Sirat; dan
- (ii) memasang motor pam air di dua buah lokasi kunci air iaitu di Sungai Daun dan Sungai Keramat dan kedua-dua lokasi ini pun perlu dinaikkan taraf.

Ini adalah jawapan yang telah diberikan kepada saya oleh pegawai JPS dan anggaran yang telah dinyatakan adalah RM15 juta. Daripada dana yang telah disalurkan dalam butiran P ini saya rasa RM15 juta ini boleh disalurkan dan saya minta jasa baik kementerian untuk buat bahagian JPS manakala yang MPK, MPK akan buat di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

Soalan terakhir Tuan Pengerusi adalah berapakah peruntukan untuk Parlimen Kapar daripada pihak JPS Klang untuk kerja-kerja kecil JPS dan untuk mengorek kuala-kuala sungai untuk memperbaiki dan menaik taraf di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi saya juga minta izin, saya terpaksa meninggalkan Dewan sebab ada program di lokasi so, saya minta jasa baik kementerian untuk bagi saya jawapan bertulis esok. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

7.42 mlm.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap butiran 7000, 7100, 0800, 1500, 16700 secara ringkas sahaja.

Saya hendak maklumkan kepada kementerian dalam tempoh dua minggu ini sudah sembilan kali banjir di beberapa buah kampung dalam kawasan Parlimen saya yang puncanya adalah aliran sungai yang tidak begitu sempurna akibat daripada jumlah taburan hujan yang begitu tinggi iaitu di Kampung Sumpitan kawasan Kenayat, Padang Jeri, Kuala Kenderong.

Kawasan-kawasan ini memang kawasan yang begitu kerap menghadapi masalah dan banjir. Memang rakyat di kawasan berkenaan terkesan sangat dengan kawasan ini, sebab itu saya pohon pihak kementerian di bawah JPS untuk mengambil perhatian dan kalau boleh mengambil tindakan segera. Walaupun pada ketika ini memang ada kerja-kerja kecil tetapi saya cukup faham bahawa bajet tidak cukup.

Jadi saya harap pihak kementerian mengambil serius tentang ini. Saya sudah bercakap dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dia kata dia hendak pergilah, *Insya-Allah*. Saya harap perkara ini dapat kita selesaikan.

Selain daripada itu, satu daripada punca banjir di kawasan saya ini adalah kerana empangan. Sebab itu saya harap Rancangan Tebatan Banjir ini yang ini diberikan tumpuan iaitu mendalamkan semula dan mencuci kawasan di Empangan Chenderoh itu walaupun ia di kawasan Padang Rengas, tetapi ia menyebabkan kawasan di Lenggong itu memang menghadapi masalah banjir. Ini kerana mendakan sudah begitu banyak kerana ada empat empangan besar di Temengor, Bersia, Kendering dan yang keempat adalah Empangan Chenderoh yang telah begitu tinggi mendakannya menyebabkan air sungai telah menjadi cetek. Air sungai cetek menyebabkan air sungai daripada - tidak boleh mengalir ke Sungai Perak. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah pergi ke kawasan ini. Terima kasih. Jadi hendak jemput sekali lagi kerana banjir sekali lagi sungai. Kalau tahun depan banjir lagi kena pergi lagi kalian.

Jadi saya minta perkara ini diberikan tumpuan, ini sangat-sangat ini. Ini orang kampung tengok *live* ini. Dia tengok saya bercakap tentang perkara ini. Jadi isu ini amat penting jadi saya harap ia diberikan tumpuan. Saya tahu Yang Berhormat, kawasan Kuala Krau pun banjir juga. Saya kata Kuala Krau pun pergi juga Yang Berhormat.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi kemudian, Yang Berhormat Parit Sulung tentulah sebab parit dia banyak. Tak elok perlu dicuci.

Satu lagi walaupun kalau kita bincang ini agak remeh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi isu ini memang besar. Ini bab gajah ini. Gajah kalau dia musnahkan tanah orang kampung, hilang pendapatan macam orang makan gaji hilang duit dalam bank. Dia tidak boleh menoreh getah dan sebagainya.

Jadi saya minta projek untuk pagar gajah ini ditambah. Sekarang ini telah pun dibuat di kawasan Lenggong dari Bukit Sapi ke tebing itu lebih kurang dalam 37 kilometer tetapi saya minta kementerian tolonglah bagi syarikat *maintenance* itu kepada orang tempatan. Jangan bagi kepada orang Johor ataupun orang Ipoh. Tidak, kebetulan itu, jangan terkejut tetapi memang sungguh. Jadi bayangkan projek kecil yang buat *maintenance* ini orang daripada jauh, macam mana ini boleh selesai. Bagi orang tempatan sahaja buat kerja macam ini.

Jadi ini penting bukan sahaja di Lenggong tetapi di kawasan Tawal termasuk di kawasan Ganda itu juga perlu ada projek ini. Ini kerana ia musnahkan tanaman dan menyebabkan hilang pendapatan kepada penduduk dan memang memberi masalah besar kepada mereka. Itu sahaja, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sibu.

7.46 mlm.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Okey, terima kasih, Tuan Pengerusi. Hanya tiga masalah sahaja mengenai butiran 060300, 13500 sama dengan 16700.

Masalah pertama ialah pencemaran udara dari kilang Jaguh di kawasan Bukit Lan Sibu dan juga kawasan Lebaan Sibu. Saya diberitahu bahawa DOE sudah pergi sana untuk memaksa usahawan kilang itu untuk meninggikan cerobong kilang itu, tetapi walaupun cerobong kilang sudah ditinggikan tetapi masalah masih wujud. Kilang itu masih mengeluarkan bau dan asap yang mungkin menjadikan kesihatan orang di sekitaran.

Masalah kedua ialah mengenai Empangan Lebaan yang sudah kehilangan fungsinya. Jadi saya ingin kementerian mungkin boleh menghantar satu pasukan untuk pergi ke kawasan Lebaan sana untuk mengkaji sama ada Empangan Lebaan itu masih boleh dipakai atau ada cara lain untuk membaiki atau mengatasi masalah banjir yang berlaku di kawasan Lebaan sana.

Masalah ketiga ialah masalah banjir di kawasan Sungai Betut. Saya sudah bangkitkan beberapa kali masalah banjir di Sungai Betut tetapi belum ada apa-apa rancangan daripada Kementerian.

Sekarang di Sibu, rancangan tebatan banjir hanya dijalankan di kawasan bandar Sibu sahaja, kawasan Sungai Betut adalah di sebelah Sungai Rajang, Sibu. Jadi, tidak ada sebarang rancangan tebatan banjir di kawasan sana.

Jadi saya menyeru kerajaan supaya memberikan satu peruntukan lebih kurang RM5 juta sudah cukup saya rasa untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Sungai Betut, Sibu. Sekian, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut. Maaf, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sayang ke Yang Berhormat Jerantut kah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Teringat ke Yang Berhormat Jerantut sahaja.

7.49 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya sedikit sahaja saya hendak bercakap soal 060300 - Pengurusan Alam Sekitar.

Kalau kita melihat hari ini salah satu punca kebanjiran, salah satu punca tidak dapat memproses air adalah disebabkan oleh kerana alam sekitar di mana seperti rakan-rakan yang dikatakan tadi, mungkin kerana penglibatan daripada penerokaan haram contohnya dari Cameron Highlands dan juga mungkin penerokaan haram daripada segi lombong, bijih emas dan sebagainya yang menyebabkan air menjadi sangat kotor dan menyebabkan keruntuhan tanah-tanah.

Maka saya melihat dari segi pengurusan alam ini ia menentukan dasar, strategi dan program berkaitan perlindungan dan peliharaan alam sekitar di peringkat serantau dan antarabangsa.

■1950

Akan tetapi apa yang saya lihat ia termasuk juga memastikan pengurusan biodiversiti dan sumber hutan sentiasa terpelihara serta dibangunkan ke arah mengarusperdanakan pengurusan biodiversiti.

Kalau melihat dari segi apa yang dinyatakan aktiviti ini, saya melihat tidak ada menampakkan aktiviti tersebut dengan semakin rosak alam sekitar.

Persoalannya sekarang ini dengan peruntukan sebanyak RM100 juta lebih ini, apakah peralatan-peralatan yang dapat kita tentukan untuk memastikan bahwasanya kita boleh menjalankan tugas dengan baik.

Dahulu saya pernah bercakap kalau perlu menggunakan helikopter, beli helikopter. Kalau perlu menggunakan MEASAT, pakai MEASAT. Kalau perlu menggunakan alat-alat canggih, kita gunakan alat-alat canggih. Kita sudah berbagai-bagai cara supaya kita dapat kesan.

Dahulu kita pernah digemparkan dengan banjir lumpur di Cameron Highland, adakah ia sudah selesai? Saya dapati saya dengar masih lagi penerokaan arang di Cameron Highland masih lagi menguasai dalam bidang ini. Maka sudah pastilah kita tak dapat kawal.

Saya sebagai contoh di Lipis, kerana tidak ada kawalan daripada segi alam sekitar ini, maka apabila musim hujan ini kami tidak boleh memproses air bersih dan menyebabkan seluruh

rakyat Lipis tidak boleh ada air. Tak ada air, tak boleh hendak proses, pHnya sangat tinggi, tak boleh hendak proses. Letak klorin terlalu lebih, tak selamat untuk masyarakat.

Akan tetapi ini, apakah maknanya pengawasan dan penguasaan ini kalau perkara ini tidak dapat diselesaikan. Kita kena melihat penerokaan haram dan sebagainya.

Kalau harapkan biodiversiti, saya di Lipis, tanah yang luas, saya rasa biodiversiti pun sudah tidak ada kecuali dalam Taman Negara sahaja. Taman Negara pun saya dengar pun sudah hendak diteroka. Boleh rujuk kepada Yang Berhormat Jerantut, pun sudah hendak diteroka.

Kalau ini kita tidak dapat kawal, saya percaya perkara-perkara ini tidak dapat kita selesaikan. Masalah banjir, masalah sungai semakin cetek, masalah semua sungai kecil-kecil ini makin kecil.

Maka saya setuju dengan rakan saya tadi ada menyebut saya tak perasan, wakil dari mana, kalau perlukan peruntukan tambahan, kita kena merayu kepada Kementerian Kewangan untuk memastikan keselamatan. Kita berbelanja lebih banyak kalau berlaku banjir. Banjir lumpur lagi parah.

Jadi peralatan apakah yang kita pakai untuk memastikan perkara-perkara seperti ini tidak berlaku. Kita hendakkan negara maju. Kita hendak bertambah maju negara ini tetapi sedangkan kita tidak melihatkan ciri-ciri kemajuan itu.

Dari segi - sebab saya rasa saya nampak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini sangat penting sebenarnya dari segi pengurusan seperti ini. Begitu juga dengan rakan saya ada menyebut pengaliran dan saliran untuk meningkatkan kualiti hidup dan sebagainya, untuk menjamin sekuriti air, menuju arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan serta strategik.

Saya percaya, ia tidak berlaku sebab saya tengok sungai tempat saya pun makin cetek, makin kecil. Saya ingat Yang Berhormat Kuala Krau pun sama, kita menghadapi banjir kilat ini kalau hujan lebat dua jam, tiga jam, habis. Maknanya pengaliran air tidak cukup untuk mengalir ke sungai-sungai besar.

Apakah peranannya? Bagilah peruntukan peranannya, untuk pastikan supaya air ini tidak sentiasa berlaku banjir kilat dan salah satu pertumbuhan pun mungkin menjadi sebab. Kalau kita hendak meluluskan pelan-pelan ini, rakan-rakan, pegawai-pegawai JPS peringkat daerah ini mesti siasat dengan cukup teliti. Di kawasan saya memang sangat kerap banjir kerana sebab pembangunan. Saya tak halang pembangunan tetapi kalau menyebabkan kita menjadi susah, tak ada kawalan, tiada kajian, sebab saya terbaca juga di dalam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis ringkaskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Melengkapkan dan menyediakan kepakaran jurutera dan pengurusan sumber air merangkumi pengurusan limbungan sungai. Akan tetapi kalau kita meluluskan pelan tanpa kita membuat kajian untuk projek-projek baru, sudah pastilah kawasan-kawasan kampung akan terlibat dengan kebanjiran yang kekerapan.

Saya percaya Yang Berhormat Kuala Krau pun sama. Kalau Yang Berhormat Kuala Krau bagi saya bagi peluang untuk bercakap panjang sikit, saya rasa memang perkara ini berlaku di mana-mana. Saya ingat Kuala Lumpur kekerapan banjir pun kerana sistem pengaliran, sistem perparitan, sama sahaja. Saya ingat mana-mana kawasanlah Tuan Pengerusi.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon supaya menyokong dengan kalau tak cukup jadikan tambahan. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput.

7.55 mlm.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi, tiga perkara sahaja, 1010300 - Pengurusan Alam Sekitar. Ini ada berkaitan dengan jerebu. Kita sudah baca dalam surat khabar bahawa Presiden Indonesia hendak buat satu sistem perparitan, satu jaringan perparitan untuk mengecas balik paras air di bawah tanah.

Oleh kerana ini akan meliputi satu kawasan yang begitu luas dan dia ada satu bajet yang begitu besar, saya hendak tanyalah kepada kementerian, adakah Malaysia hendak bantu dalam dana untuk buat kerja ini?

Kerana ini satu kerja yang luas dan jika ia lambat buat kerja ini, jerebu akan ulang tahun depan juga. So, jika Malaysia dan Singapura dan Brunei boleh bantu, mungkin kerja itu boleh dilaksanakan dengan cepat.

Perkara kedua ialah 060000 – Alam Sekitar adalah dengan pemanasan dunia. Adakah kerajaan Malaysia menerima laporan daripada *UN Environment Program* bahawa pengeluaran *carbon dioxide* harus dikurangkan ke 42 bilion tan pada tahun 2030, Jika pemanasan dunia dapat dihadkan ke 2 *degree Celsius* dalam abad ini. Ini dikeluarkan oleh *UN Environment Program*.

Pada takat ini 2014, pengeluaran *carbon dioxide* adalah 53 bilion tan setahun. Mengikut UN, kena kurangkan ke 42 bilion tan dalam 2030.

So, apakah komitmen Malaysia untuk kurangkan *carbon dioxide emission* di Malaysia, dan apakah *Intended Nationally Determined Contribution* (INDC) kita yang dipohon daripada semua negara? Apakah posisi kita terhadap ini? Adakah kita putuskan untuk *phase out* semua *reactor* dengan batu arang umpamanya? *What is the plan, what is the roadmap?*

Juga kita akan adakan satu *conference* di Paris bulan depan. Apakah strategi yang akan dimainkan oleh Malaysia di situ? Adakah kita sokong *The Like Minded Group of Developing Countries* (LMDC) dan apakah pendirian kerajaan berkenaan istilah ini, “*common but differentiated responsibilities*”?

So, saya rasa ini penting tetapi juga tidak boleh dijadikan alasan untuk negara-negara tak ambil langkah-langkah yang berkesan.

Okey, *last point* ialah 070000 - Perlindungan Hidupan Liar. Ini juga berkenaan dengan gajah. Kawasan saya pun ada gajah masuk beberapa kali. Setiap tahun, tiga kali empat kali dia masuk.

Akan tetapi saya rasa isu ia ialah ini bukan masalah gajah, ini masalah kita yang masuk kawasan gajah dan membalaik hutan gajah. *[Ketawa]* Sampai sekarang kita pun ada semua daripada Terengganu, dari Kelantan, dari Perak, kita masuk kawasan gajah tetapi gajah hendak pergi ke mana. So, saya mahu tanya, *what is the plan, you know*, bolehkah kita *phase out*, bolehkah kita hentikan *logging*?

Pada satu masa kita kena hentikan, kita kenakekalkan hutan di beberapa kawasan di Malaysia. Jika kita teruskan macam ini dan - tetapi masalah ia di banyak negeri-negeri kita, pembalakan adalah punca *income* mereka, pendapatan mereka.

So, adakah kementerian fikirkan satu kaedah di mana kita bagi geran pada negeri untuk hutan. Setiap hektar hutan yang dia kekalkan, dia dapat geran setiap tahun. Dia tidak perlu potong pokok untuk dia dapat satu geran. Bolehkah kita buat ini untuk kekalkan hutan-hutan kita? Terima kasih. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

7.59 mlm.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 010300 - Pengurusan Alam Sekitar, Butiran 060000 – Alam Sekitar, Butiran 050000 – Perhutanan dan Butiran 050300 – Pembangunan Hutan.

Kita sebagai rakyat Malaysia patut berbanggallah kita duduk di negara yang sangat kaya dengan biodiversiti dan tergolong dalam 12 buah negara yang mega kepelbagaiannya biologi di dunia ini. Yang mana sekarang ini kita mempunyai biodiversiti dianggarkan 60% hingga 70% daripada jumlah biodiversiti dunia.

■2000

Saya ingin tanya kepada kementerian berapakah spesies tumbuhan yang telah pupus di Malaysia? Apakah tindakan FRIM untuk memelihara spesies tumbuhan yang terancam dan berapa spesies yang telah dapat dilaksanakan dan dipelihara? Tuan Pengerusi, setakat ini negara mempunyai 6 tapak Ramsar. Dalam penggulungan Yang Berhormat Menteri telah bercerita banyak tentang NBC dan juga tapak Ramsar di Kuala Gula. Saya ingin bertanya pada kerajaan bilakah kerajaan akan memulakan langkah pertama untuk pembangunan, untuk membangunkan tapak Ramsar di Kuala Gula di Parlimen Bagan Serai kerana kawasan ini merupakan kawasan tanah lembap yang merupakan kawasan yang termaktub dalam peta dunia, pelancongan biodiversiti dan juga pendidikan biodiversiti.

Seterusnya saya ingin berkata tentang permasalahan jerebu yang ada sejak sekian lama ini, sudah beberapa dekad. Fenomena ini sudah tentu akan menumpukan sektor perkhidmatan dalam negara. Sekolah tutup, sukan tidak boleh buat, ekonomi terjejas, aktiviti-aktiviti lain dan permasalahan kesihatan. Oleh itu, apakah hasil perbincangan terkini dengan negara jiran Indonesia tentang masalah jerebu yang berpunca dari masyarakat mereka di sana. Melalui

Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan, adakah Kerajaan Indonesia akhirnya terpaksa akur dan mengikut peraturan dalam perjanjian ini? Apakah tindakan sekiranya mereka ingkar dengan inti pati perjanjian ini?

Tuan Pengerusi, Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Rancangan Tebatan Banjir telah berjalan di Bagan Serai agak begitu lama dan dijangka siap 2015. Boleh kah siap? Jadi, tiga masalah besar yang saya lihat yang menyebabkan masalah ialah *auto floodgate* yang tidak berfungsi 100% kerana masalah sampah dan juga ranting, pelepah sawit dan sebagainya. Keduanya pam yang tidak cukup, tidak cukup *power* dan tidak cukup pam dan pam yang *mobile* sahaja dan yang ketiganya tanah ban yang mendap mungkin disebabkan dasar yang lemah. Jadi oleh itu apabila hujan lebat masalah banjir akan jadilah. Kita lihat masalah ini berterusan.

Tuan Pengerusi, Bagan Serai ini tidak alami banjir besar macam yang berlaku di Pantai Timur dan sebagainya. Parlimen Bagan Serai ini mengalami banjir berulang-ulang dan banjir berulang-ulang ini menyebabkan lumpuhnya aktiviti-aktiviti ekonomi, sekolah, penyakit, pendapatan jatuh dan sebagainya yang menyebabkan *stress* kepada rakyat di kawasan yang terlibat.

Sekarang ini 18 November, malam tadi saya *check* ada 11 keluarga dan 44 orang di penempatan banjir di Bagan Serai, Sekolah Kebangsaan Changkat Lobak dan banyak agensi-agensi terlibatlah, yang macam biasa. Tidak tidur, *stress*, sakit kepala dan macam-macam. Jadi, ini berulang-ulang kali. Saya ambil kesempatan ini ucapan terima kasih lah kepada semua yang terlibat dalam pengurusan banjir di Parlimen saya sekarang ini dan juga pada *emergency response team* Parlimen yang kerap pergi dan melihat keadaan di sana. Jadi, bagaimana kementerian dapat membantu ini? Tentunya tentang RTB ini memerlukan penambahan bajet.

RTB yang dilakukan sekarang ini diberikan RM490 juta tetapi dikongsi oleh tiga negeri iaitu Perak, Penang dan juga Kedah. Jadi kita lihat dan kalau saya tanyalah apa yang dibuat oleh JPS di Bagan Serai, mengatakan yang boleh buat ini pada tahap *medium range*, bukan *long term range*. Jadi, pada tahap yang tidak maksimum sebenarnya. Jadi, ini mungkin menyebabkan banyak orang tanyalah mengapa RTB tetapi banjir masih ada lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Serdang. Ya, sila.

8.04 mlm.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada dua butir sahaja. Pertama ialah P. 22.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dua butiran. Ya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Dua butiran. Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, ya saya teruskan. P.23 Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya hendak tanya beberapa soalan. Soalan pertama ialah berapa daripada perbelanjaan ini akan disalurkan untuk *Project River of Life* dengan izin. Dari jumlah bajet yang disalurkan kepada *River of Life*, berapa akan dibelanjakan di sungai-sungai di negeri Selangor dan berapa akan dibelanjakan di sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?

Daripada perbelanjaan ini berapa yang akan dibelanjakan untuk mengatasi masalah banjir di Lebuhraya Besraya di depan KTM Serdang. Saya juga hendak tanya kementerian untuk menyelesaikan masalah banjir di lebuh raya. Adakah ia tanggungjawab JPS atau pun konsesi lebuh raya yang patut membiayai kos mengatasi masalah dari segi perparitan di lebuh raya yang mengalami masalah banjir.

Saya terus kepada P.23 Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar. Adakah perbelanjaan ini termasuk perbelanjaan untuk *upgrade* semua *air quality monitoring system* dengan izin, supaya kesemua 52 stesen *monitoring* ini boleh mengukur PM2.5? Saya rasa adalah penting untuk mendapatkan pengukuran yang lebih halus lagi untuk tahu keadaan yang sebenarnya dari segi pencemaran akibat daripada jerebu yang melanda Malaysia setiap tahun. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti.

8.08 mlm.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri dan Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam dan Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Tuan Pengerusi, saya tidak perlu bercakap pasal global atau pun *national*. Saya terus ke kawasan saya sendiri sebab orang kawasan hendak mendengar apa yang kita bercakap di Parlimen ini.

Terutama sekali kawasan saya mempunyai lebih kurang 50 buah kampung dan rumah panjang yang selalu mengalami banjir. Jadi, penyebab banjir ini adalah sungai-sungai yang tidak dapat menyalurkan airnya dengan baik kerana disebabkan tersumbat dengan pelepah sawit, pelepah kelapa dan kebanyakan air ini kotor disebabkan petani-petani yang memelihara ayam mengalirkan air yang kotor ini ke dalam sungai. Begitu juga pekebun-pekebun sawit melimpahkan sisa-sisa dia ke dalam sungai. Begitu juga penternak-penternak binatang membuang benda yang kotor ke dalam sungai, sebab itu sungai ini tersumbat dan perlu dibersihkan. Lebih kurang tiga, empat tahun dahulu jabatan ini telah memberi kita peruntukan tiap-tiap sebatang sungai lebih kurang RM20,000 ke RM30,000. Jadi, kita ada 50 buah kampung dan rumah-rumah panjang.

Seterusnya Tuan Pengerusi, hakisan-hakisan tebing Pantai Bungai ini dan kita perlu sebab Pantai Bungai ini telah dinaik taraf di mana pelancong-pelancong datang dari luar melawat kawasan ini sebagai kawasan riadah. Pantainya cantik, kawasannya cantik. Jadi, kita

hendakkan supaya hakisan ini tidak berlaku, mohonlah peruntukan untuk kawasan ini. Katakan kalau boleh dikeluarkan RM100,000, RM200,000. Terima kasih.

Terakhir sekali ialah di Pantai Kuala Sibuti dan di muara sungai itu ada nelayan-nelayan kita memelihara ikan sangkar dan juga di tepi pantai itu lah rumah-rumah nelayan yang selalunya dihakis gelombang-gelombang besar. Sebahagian pantai itu sudah kita buat batu-batu besar dan untuk membuat sangkar batu ini kita memerlukan lebih kurang RM100,000 ke RM150,000 untuk menjaga hakisan pantai di kawasan Sibuti. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pergi ke kawasan saya, tahu sangat kawasan saya. Sekian, terima kasih.

■2010

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong. Lepas Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Setiu ada? Lepas Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Pasir Putih, Yang Berhormat Setiu, lepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

8.10 mlm

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Pahat minat? Sila Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya ingin menyentuh Butiran 020400 – Pasukan Petugas Khas. Berkenaan dengan Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2013 yang telah bermula kuasa pada 1 Jun 2015, mengikut seksyen 8(2)(d) yang baru, jika bangunan telah siap dan penjualan atau perjanjian yang menjual mana-mana petak atau penjualan atau perjanjian kali pertama dibuat sebelum permulaan kuat kuasa akta tersebut, tempoh adalah tiga bulan dari 1 Jun 2015. Walaupun tempoh itu boleh dilanjutkan sekali oleh Pengarah Ukur bagi tempoh maksimum sebulan atas permohonan yang dibuat sebelum tamatnya tempoh tiga bulan ini. Semua pemaju atau pelikuidasi perlu mengemukakan permohonan tidak lewat daripada 30 September 2015. Masalahnya adakah peruntukan tersebut diikuti sepenuhnya oleh pemaju-pemaju yang telah menjual petak-petak mereka sebelum 1 Jun 2015? Berapakah di kalangan mereka telah mengemukakan permohonan hak milik strata bagi tujuan tersebut?

Bagi pemaju yang telah digulungkan oleh mahkamah adakah dan berapakah pelikuidasi telah menuaikan tanggungjawab mereka bagi tujuan permohonan hak milik strata? Ini kerana mengikut seksyen 3, Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan (Pindaan) 2012 yang juga berkuat kuasa 1 Jun 2015. Definisi pemaju kini merangkumi soal pelikuidasi yang dilantik oleh mahkamah. Jadi, disebabkan pelikuidasi yang kebanyakannya mereka adalah dilantik dari kalangan akauntan, saya kluatir golongan ini mungkin belum atau sedar terhadap peruntukan yang baru tersebut. Sehingga tiadanya apa-apa usaha yang diambil oleh pelikuidasi ke arah tersebut. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, apakah usaha dan rancangan yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut? Ada kalanya terdapat masalah-masalah yang lebih rumit yang dihadapi oleh pemaju ataupun pelikuidasi.

Bagi projek-projek yang telah lama siap sehingga hari ini, belum ada dikeluarkan hak milik strata. Pertama adalah gadaian jaminan wang pokok yang belum dapat dilepaskan oleh bank peminjam. Kedua, proses pecah bagi tanah yang belum disempurnakan. Ketiga, projek yang terbina di luar petak atau di atas tanah kerajaan di atas dua atau lebih petak yang belum dapat dicantum. Keempat, terdapat projek yang sehingga kini tiada Sijil Penghunian dikeluarkan. Kelima, terdapat petak yang diceraikan kepada dua atau lebih pembeli dan melibatkan peminjam lebih daripada sebuah bank. Terdapat satu pasukan petugas khas yang ditubuhkan bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia menyelesaikan tunggakan urusan tanah. Adakah *task force* sebegini boleh ditubuhkan di peringkat negeri? Supaya usaha-usaha yang lebih gigih dapat dilakukan bagi menangani masalah tunggakan urusan hak milik strata yang kebanyakannya sudah melebihi lima atau 10 tahun.

Saya ingin menyentuh Butiran 020200 – Kemajuan Pengurusan dan Perundangan. Seksyen 17(A) yang baru di bawah Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2012, mengizinkan kewujudan perbadanan pengurusan subsidiari. Ini adalah satu pendekatan yang baik untuk menangani masalah-masalah yang melibatkan pemajuan bercampur, khususnya mana-mana projek yang melibatkan dua atau tiga komponen projek yang berbeza sifatnya. Seperti kondominium dengan perumahan kos rendah atau sederhana rendah, kediaman dengan komersial dan sebagainya. Akan tetapi sehingga hari ini belum ada satu mekanisme yang telah diperincikan bagi menangani permohonan sedemikian. Seperti macam mana pelan khas disediakan, berapakah fi yang dikenakan? Apakah yang dikehendaki di bawah satu *check list* dan sebagainya? Apa yang paling menggerunkan adalah fi profesional yang akan dicajkan oleh juruukur tanah berlesen.

Saya ada satu kes di negeri Pulau Pinang yang dirujuk kepada seorang juruukur tanah berlesen untuk mendapatkan sebut harga bagi khidmatnya menujuhkan tiga subsidiari MC di bawah satu MC dan sebut harga yang diberi adalah mencecah RM90,000. Di mana ini merangkumi 54,000 bagi kerja-kerja survey ke atas semua harta tanah umum dan semua bangunan dan RM28,000 bagi kerja-kerja survey ke atas semua harta tanah umum di luar bangunan yang dihitung mengikut RM2 setiap meter persegi. Mengapa perlunya fi-fi tersebut, survey bagi harta tanah umum dalam dan di luar bangunan tersebut dikenakan kali kedua atas sebab caj-caj tersebut pernah dikenakan semasa permohonan hak milik strata dilakukan. Jikalau tiadanya pindaan dilakukan ke atas Jadual 13 yang terkandung di bawah Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 bagi mengurangkan atau mengehadkan caj-caj yang akan dikenakan. Banyak projek yang bermasalah akan terus bermasalah dan akan terus berlarutan jikalau tiadanya perbadanan pengurusan subsidiari yang dapat ditubuhkan dengan segeranya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik.

8.15 mlm

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh 10800 - Tebatan Banjir. Kalau di Lenggong kerana empangan, saya empangan tidak menyebabkan banjir dalam Parlimen Gerik tetapi Lenggong yang kena banjir. Masalah saya ialah dua, di dua tempat iaitu Pengkalan Hulu dan Gerik tanah tempat tinggi tetapi banjir mulai sekarang. Saya mencadangkan ke pihak kementerian menyahut kepada cadangan Menteri iaitu satu kajian yang menyeluruh di seluruh negara, termasuk di tempat saya. Pembangunan tidak seimbang dengan parit yang ada, akhirnya menyebabkan banjir kilat dan memberi kesan yang tinggi, kerugiannya kepada penduduk-penduduk sekitar.

Perkara yang kedua yang saya hendak melihat ialah dalam perkara 050000 – Hutan, iaitu kena ada penyelarasan di antara kementerian dan kerajaan negeri. Supaya kawasan tadahan air ini jangan diberi hutan, jangan bagi pembalakan. Bila berlaku pembalakan, ini antara punca banjir dan juga pencemaran air. Saya percaya kementerian boleh berunding kerana Jabatan Hutan Negeri walaupun di bawah kerajaan negeri tetapi masih di bawah urusan kementerian. Ini kerana saya melihat selagi- macam sekarang ini saya melihat di Perak, beberapa penentangan penduduk terhadap pembalakan di kawasan tadahan air ini antaranya di Lenggong, di Gerik semua ini, ia memberi imej yang tidak baik kepada kerajaan. Tidak akan semata-mata hendak keluarkan balak...

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelebu. Masa singkat ini.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Satu sahaja, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Gerik, soal air ini merupakan sesuatu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jelebu tidak balik malam ini?

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Ketawa]* Fasal jerebu sudah habis. Soal air ini perkara yang agak penting sebab ia merupakan sumber yang semakin terhad, semakin menyusut dan keperluan dan permintaan semakin meningkat. Jadi, oleh kerana pembangunan yang terbuka yang semakin meluas, jadi apakah Yang Berhormat Gerik bersetuju kalau dicadangkan kepada kementerian ini supaya mengadakan perancangan dan perundingan dengan negeri. Supaya kawasan-kawasan tadahan hujan air, *catchment area* ini diwartakan dan ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan tetapi Kerajaan Persekutuan perlu membayar pampasan tertentu kehilangan hasil negeri. Saya fikir ini boleh dibuat dan dapat dikawal dengan baik daripada untuk kepentingan masa depan generasi akan datang. Macam mana pandangan Yang Berhormat Gerik dalam hal ini?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Sebenarnya itulah cadangan saya tahun sudah lagi. Kita warta, Kerajaan Persekutuan ambil daripada negeri, bayar premium, bayar ses,

sekurang-kurangnya negeri ada hasil yang disumbangkan oleh Persekutuan. Itu tentang hutan, kalau tidak ini yang berlaku. Kedua, bagaimana penguatkuasaan kecurian ataupun pembalakan yang- saya pun tidak tahu siapa yang patut bersalah. Tidak mungkin kita dengan ada renjer, dengan ada Pegawai Hutan Daerah, berlaku juga macam contoh dibuat cerita jalan daripada Bentong ke Kuala Lumpur. Bila tanah runtuh, antara puncanya ialah pembalakan haram. Kalau kita sama-sama- itu saya kata negeri dengan Kerajaan Persekutuan kena duduk bersama.

Perkara yang ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah dalam Kepala 07000 - PERHILITAN. Macam mana kata Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Gerik dengan Yang Berhormat Lenggong, Sungai Siput sama sahaja.

■ 2020

Kami ada masalah ancaman orang besar iaitu gajah. Saya telah mencadangkan beberapa kali jangka pendek kita kena buat pagar elektrik dan jangka panjang kena buat satu *sanctuary*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik saya hendak jangka pendek.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya itu *point* ketiga. Saya hendakkan jangka panjangnya kita buat *sanctuary* gajah, dah ada kawasannya pun di kawasan Gerik. Cumanya saya tengok tidak ada kesepakatan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan harus tahu hendak 100 ekar.

Saya sudah bising dengan kerajaan, bagilah kepada Kerajaan Persekutuan 100 ekar. Kemudian kawasan hutan simpan yang luas tadi bagilah kawasan gajah makan di mana gajah-gajah yang dibuang di kawasan *sanctuary* gajah tadi dia boleh menyelesaikan masalah Sungai Siput, Gerik, Tanjung Malim dan sebagainya.

Saya percaya kita sayang kepada hidupan liar. Ini antara yang boleh memberi masa hadapan kepada hidupan liar seperti gajah. Tempat saya juga ada harimau belang yang banyak. Saya juga amat bimbang sebab pemburu-pemburu haram ini tidak ada hati perut. Pada mereka ada dapat wang, boleh tangkap harimau jual. Serupa juga gajah, dapat gading depa tembak gajah. Ini yang kita tidak mahu tetapi ini di antara yang kita harap kementerian duduklah bersama kerajaan negeri supaya binatang-binatang yang berada dalam hutan ini dapat kita jaga bersama, bersama masyarakat sedar akan benda tersebut dan saya percaya Kementerian Alam Sekitar adalah satu-satunya kementerian yang boleh menyedarkan masyarakat soal air, balak tadi dan pelbagai. Sekian saya sokong bajet ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

8.22 mlm.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang ingin disebut. Pertama di bawah B23 pengurusan tanah, 020000. Walaupun urusan tanah ini adalah urusan negeri tetapi di peringkat kementerian ada juga

kawalan atau sekurang-kurangnya data tentang pelaksanaan atau pengurusan tanah di peringkat semua negeri di Malaysia.

Saya hanya ingin tahu kedudukan tanah rizab Melayu di seluruh negara di setiap negeri mengikut negeri-negeri. Bagaimana kedudukan tanah rizab Melayu ini? Akhir-akhir ini berapa banyak untuk setiap negeri jika hendak dibandingkan daripada masa merdeka dahulu atau 10 tahun dahulu, adakah ia semakin berkurangan dan apakah perancangan kita? Adakah kita ingin untuk mengekalkan tanah rizab Melayu ini atau apakah perancangan seterusnya? Saya ingin mendapatkan sedikit pendirian daripada pihak kerajaan tentang tanah-tanah rizab Melayu ini. Itu yang pertama.

Perkara yang kedua ialah di bawah 050000 - Perhutanan. Saya bersama dengan Yang Berhormat Gerik juga di Kelantan ini kita ada kawasan yang agak luas lebih daripada 40% negeri Kelantan adalah hutan dan kita merasakan bahawa pengurusan hutan ini ada masalah di semua tempat termasuklah di negeri saya.

Di sini saya rasa mungkin penguatkuasaan. Saya rasa itulah masalah yang paling besar dalam pengurusan hutan ini dan juga kita tahu bahawa mereka yang menceroboh hutan ini sama ada daripada syarikat atau daripada persendirian, mereka sanggup membayar rasuah dan sebagainya.

Di sinilah tempat yang paling subur kalau negeri saya tempat yang paling subur untuk berlakunya penyelewengan, penipuan, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan sebagainya. Jadi apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan kawasan hutan kita ini dijaga baik, diurus dengan baik di peringkat Pusatlah. Di peringkat negeri alhamdulillah Kelantan kita cuba sedaya upaya tetapi kalau tidak mendapat kerjasama dan juga sokongan yang lebih daripada Pusat saya rasa usaha itu tidak mungkin akan berjaya juga.

Jadi saya ingin tahu berapa luas kah kawasan hutan kekal yang ada di negeri Kelantan sekarang ini mengikut data yang kita ada pada pihak Kerajaan Pusat dan adakah perbincangan itu diteruskan dengan kerajaan negeri supaya memastikan supaya kawasan-kawasan ini tidak dikurangkan sedikit pun. Jadi kerjasama itu saya rasa di antara sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Gerik dan rakan-rakan yang lain itu saya amat menyokong sekali.

Baik, seterusnya perkara yang ketiga ialah sedikit tentang alam sekitar. Paling masyhur di Kelantan kawasan yang banyak perlu kawalan oleh Jabatan Alam Sekitar ialah di kawasan Lojing. Inilah kawasan tanah tinggi tetapi pembangunan cukup cepat kerana di sanalah banyak pembangunan tanah tinggi berlaku untuk tanaman sayur-sayuran dan bunga-bunga serta macam-macam lagilah yang mana pengawasan ini kita tahu perlu dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Saya ingin tahu berapa ramai penguat kuasa alam sekitar yang ada di kawasan itu untuk memastikan bahawa pembangunan di situ berlaku dengan cara lestari kerana kita tahu masalahnya nanti ialah akan dirasai di bawah sana sampai di Kota Baharu banjir besar dan sebagainya mungkin sumbangan daripada pembangunan yang tidak terkawal yang berlaku di tanah tinggi seperti di kawasan Lojing ini.

Jadi berapa ramaikah penguat kuasa yang ada di sana? Saya dengar tidak cukup bilangan dan seterusnya apakah tindakan-tindakan setakat ini dalam masa katakan 5 atau 10 tahun ini, 5 tahun sampai ke sekarang berapa banyakkah kompaun yang diberikan atau *warning* yang diberikan atau berapa banyakkah denda yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar? Tindakan-tindakan yang dilakukan di kawasan ini berapa banyak dalam masa lima tahun ini? Kalau ada *figures* itu atau kalau tidak ada langsung itu menunjukkan bahawa tidak ada sesuatu kawalan yang berlaku di kawasan ini dan yang kasihannya ialah kita semua.

Seterusnya tentang di bawah B.23, 08000 atau di bawah P.23, 15300 - Mengorek Sungai. Di kawasan saya di Laguna Semerak ini banyak penternak ikan air payau yang mana mereka bergantung mata pencarian mereka daripada Sungai Semerak ini tetapi apa yang berlaku kepada Sungai Semerak muaranya telah tertutup dan bayangan air yang mengalir di situ terpaksa keluar masuk melalui terusan Tok Bali.

Jadi ini menyebabkan perjalanan air yang tidak bagus di sana yang perlu kepada suatu usaha dilakukan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar atau sesiapa sahaja untuk mengorek semula kuala Sungai Semerak supaya air daripada laut itu akan masuk dan air-air yang tidak berapa sihat daripada sungai ini dapat keluar ke laut dan ini boleh membantu penternak ikan atau usaha-usaha penternakan ikan akuakultur di situ.

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Jadi apakah ada perancangan di pihak kementerian untuk membantu mengorek Sungai Semerak itu. Saya rasa itulah sahaja, terima kasih Tuan Penggerusi.

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas Yang Berhormat Setiu Yang Berhormat Batu Pahat, menteri jawab.

8.28 mlm.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey terima kasih Tuan Penggerusi. Saya hanya merujuk kepada tiga perkara iaitu butiran yang pertama 15100 iaitu mencegah hakisan pantai. Di kawasan saya Kampung Gong Batu namanya. Pantai itu sudah memang terhakis teruk. Jadi saya sudah minta supaya diadakan projek untuk dipanggil pemecah ombak dan sebagainya tetapi sampai sekarang saya tidak dengar berita lagi.

Jadi perkara ini sangat perlu dilakukan segera kerana kawasan tersebut selepas dari pantai itu ada laguna. Jadi laguna itu tempat pameran ikan, ikan kakap dan ikan kerapu. Jadi setiap musim banjir akan mengalami kerugian penternak-penternak tersebut dan juga air masin akan melimpah sehingga ke jalan raya. Jadi dipanggil air masin. Jadi saya minta perkara ini disegerakan.

Kedua 15300 - mengorek kuala sungai. Kuala sungai yang saya maksudkan adalah kuala sungai Kampung Baru, Kampung Setiu Lama dan juga Kampung Setiu Baru. Jadi perkara ini sebenarnya telah sudah ada peruntukan, lama sudah ada peruntukan sebanyak RM10 juta tetapi

masalah yang timbul sekarang masih dirujuk kepada kajian dibuat oleh pihak NAHRIM katanya benda ini masih dalam penyelidikan.

■2030

Jadi saya hendak tahu sudah enam bulan perkara ini berlalu, apakah keputusannya sekarang? Adakah ia boleh dibuat kerana ini telah mendatangkan kesukaran kepada penduduk-penduduk tempatan yang mencari makan yang pendapatan mereka hanya bergantung pada sungai dan juga hakisan tanah-tanah semakin mengecil.

Kemudian, yang terakhirnya Butiran 16700 juga pada tepatan banjir. Jadi tepatan banjir ini, saya sudah minta lama sebenarnya sudah 10 tahun. Walaupun saya baru, tetapi sebelum ini sudah minta. Masalah banjir ini berlaku di kawasan bandar. Masalahnya ia berlaku bukan sekali, berulang-ulang. Jadi selagi tidak ada tepatan banjir dibuat, akan datang ini saya tidak tahu apa akan berlaku. Jadi, saya mintalah perkara ini dipercepatkan. Itu sahaja terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

8.31 mlm.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak. Ada beberapa butiran yang saya hendak bangkitkan. Pertamanya ialah Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Sepanjang saya berada di dalam Dewan ini, saya telah membangkitkan masalah hakisan pantai ini dan *alhamdulillah* saya ucapan terima kasih ada tindakan positif daripada kementerian dan jabatan. Sekarang ini telah ada pembinaan di Tanjung Labuh, jadi kawasan itu telah nampak terserlah untuk menjadi satu kawasan pelancongan. Cuma kita hendak menanyakan kepada pihak kementerian, bila barangkali boleh disambung projek itu terutama dari Pantai Rekreasi Punggur ke Sungai Tongkang, ke Rengit, dan sehingga ini merosakkan pandangan dan juga kawasan pantai rekreasi itu sendiri. Kalau boleh disegerakan untuk melanjutkan pembangunan yang telah disiapkan sekitar Tanjung Labuh. Itu bagi pihak rakyat setempat saya mengucapkan banyak terima kasih.

Kedua, ada kaitan dengan kawalan hakisan pantai ini ialah tentang mengorek kuala sungai. Ini Butiran 15300, khususnya Kuala Sungai Perpat yang sudah sumbat terus sebenarnya dan beberapa kuala sungai yang berhampiran. Jadi, kalau apabila hujan lebat air dari darat tidak boleh keluar ke laut dan menyebabkan banjir di kebun-kebun kawasan pedalaman atau kawasan sebelah darat dan menyebabkan kerosakan terutama sekali kelapa sawit dan juga tanaman-tanaman kontan yang lain. Jadi, kita meminta satu barangkali kalau boleh kita tanyakan mudah-mudahan daripada RM63 juta itu dapat sebahagiannya dilimpahkan ke kawasan yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, butiran yang berikutnya ialah 07100 - PERHILITAN. Ini kita tidak ada orang besar, kita ada orang kecil-kecil sahaja yang sederhana. Beruk, kera, babi

hutan yang merosak tanaman. Jadi pisang, bahkan pokok kelapa pun mereka rosakkan. Ini khususnya di kawasan sekali lagi di kawasan Perepat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Ampang ada mencelah.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Ya. Sila, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Hendak tumpang sedikit *since* Yang Berhormat Batu Pahat *is the last speaker* dengan izin. Okey, mengenai Butiran 07100 yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat PERHILITAN tadi. Saya juga hendak membawakan bangkit macam isu orang kecil dan sebagainya. Ini juga terjadi di kawasan saya, di kawasan bandar hutan bandar yang mana apabila pemaju-pemaju menceroboh kawasan-kawasan hutan ini dan orang kecil seperti monyet dan *wild boar*, babi hutan menceroboh ke rumah-rumah penduduk di kawasan itu. Jadi, saya rasa sudah tiba masanya untuk PERHILITAN untuk membuat satu dasar atau polisi untuk memindahkan binatang-binatang ini untuk menyelamatkan mereka sebelum mereka menceroboh ke rumah-rumah dan mendatangkan cedera kepada penduduk-penduduk di kawasan perumahan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Masukkan persoalan yang sama dalam ucapan Yang Berhormat Batu Pahat. Mudah-mudahan, masalahnya satu Tuan Pengerusi di Batu Pahat tidak ada Jabatan PERHILITAN. Dia tidak ada jabatannya. Dia ada di Kluang. Jadi kita kalau baiknya ada Jabatan di Batu Pahat. Jadi sementara hendak tubuh yang baru itu, kita harapkan servis perkhidmatan daripada Kluang.

Yang lain-lain Tuan Pengerusi butiran tentang 08601 ini yang dibangkitkan oleh teman-teman, saya hanya hendak mengumumkan tentang pre-pentingnya penanaman semula pokok-pokok kayu bakau di tepi-tepi sungai khususnya di muara-muara sungai, bukan sahaja untuk pertahanan supaya tidak terhakis sungai itu, tetapi juga ialah untuk dari segi sumber-sumber makanan kepada sungai ini seperti lokan, siput dan seumpamanya.

Jadi itu Tuan Pengerusi, saya fikir itu sahaja. Kalau yang terakhir saya boleh sentuh sepantas lalu ialah tentang kawasan kawalan ataupun penguatkuasaan dari segi alam sekitar. Saya ucapkan terima kasih pihak kami, saya dan rakan-rakan membawa masalah tentang pembukaan kuari. Jadi nampaknya bantahan daripada penduduk iaitu diberi perhatian sehingga sekarang kuari itu belum lagi dibuka dan saya harap perkara itu berterusan dan kedua, ialah soal pembotakkan bukit-bukit sehingga mudah berlaku banjir kilat. Jadi, hal-hal ini juga kalau saya harapkan dalam Bajet 2016 ini dapat diberikan perhatian oleh pihak kementerian. Terima kasih banyak, Assalamualaikum.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya sudah buat *ruling* tadi Yang Berhormat Menteri jawab. Boleh mencelah ya. Berapa minit? Satu minit?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya seminit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu minit. Sila, sila.

8.37 mlm.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih banyak. Minta maaf, saya kejar masa. Saya hendak sentuh satu sahaja. Butiran 16700 Rancangan Tepatan Banjir dan Saliran. Saya dapat penjelasan daripada pihak kementerian bahawa dalam negeri Selangor terutamanya sekarang ini musim banjir. Kita tahu punca banjir ini mungkin dari sungai, parit ataupun longkang. Jadi kita tahu juga kerajaan negeri dia juga ada peruntukan untuk mengatasi masalah banjir. Boleh tidak kementerian menjelaskan punca sebenar banjir di negeri Selangor terutamanya di Shah Alam ini kerana kealpaan Kerajaan Persekutuan ataupun kealpaan kerajaan negeri kerana kedua-dua pihak ini ada memberikan sumbangan. Terima kasih kepada kementerian kerana memberikan sumbangan, tidak silap saya RM46 juta untuk mengatasi banjir di Port Klang yang itu tanggungjawab Kerajaan *Federal* telah kita laksanakan. Jadi, sudah dapat pencerahan mengenai isu banjir yang hari ini tengok, petang hujan lebat banjir di negeri Selangor, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Menteri. Berapa lama Menteri, setengah jam?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: *Insya-Allah* setengah jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau pembangunan di kawasan boleh jawapan bertulis.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hendak sebut satu-satu lulus tidak lulus ini panjang dua jam pun tidak habis. Boleh?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Setuju sangat terutamanya Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

8.39 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:

Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Banyak juga yang membangkitkan perkara-perkara. Oleh sebab kita ada “*tekong*” hari ini, saya jawab dahulu secara umum tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang. Konsepnya begini iaitu projek dan *maintenance* atau projek penyelenggaraan untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat supaya apabila saya menjawab nanti dapat memahami situasi sebenar tentang tanggungjawab *Federal*, tanggungjawab Persekutuan dan

tanggungjawab negeri. Dari segi projek RTB pembinaan projek dan yang berkaitan cadangan daripada negeri apabila ada aduan tentang banjir, memang menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah banjir dengan membina seberapa banyak projek tebatan banjir atau RTB.

■2040

Itu daripada segi pelaksanaan projek. Ini sama ada sungai naik taraf atau membina terusan dan sebagainya. Kemudian daripada segi penyelenggarannya. Penyelenggaraan dibahagi kepada dua bagi sungai-sungai yang merentasi lebih dari sebuah negeri. Itu adalah tanggungjawab Persekutuan.

[Tuan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

Akan tetapi bagi sungai ataupun sistem saliran parit dan sebagainya yang tidak merentasi lebih dari satu negeri kerana sekiranya sungai itu berada dalam satu negeri itu adalah tanggungjawab negeri. Saya harap bertenang dulu, dan bagi parit-parit, pembinaan parit dalam projek tebatan banjir dan sebagainya. Ini adalah tanggungjawab negeri. Walau bagaimanapun, JPS di bawah NRE iaitu di bawah JPS pusat boleh membantu dalam dua perkara. Pertamanya, nasihat teknikal. Keduanya, sekiranya ada peruntukan kita juga boleh salurkan tetapi daripada segi tanggungjawab adalah kerajaan negeri.

Apabila Yang Berhormat Tanjong Karang menyebut tentang isu banjir kilat dan sebagainya. Kita kena semak punca sebenar banjir kilat. Adakah kerana sistem saliran terutamanya parit ataupun sungai yang tidak merentasi lebih daripada sebuah negeri, sama ada diselenggarakan atau tidak. Maknanya jatuh kepada kerajaan negeri. Akan tetapi sekiranya sungai penyebab utama dan sungai itu adalah merentasi melebihi sebuah negeri, dua negeri dan sebagainya itu adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Inilah konsepnya supaya dapat kita memahami dan saya cakap terus terang di peringkat NRE, perkara ini selalu dibangkitkan dalam Majlis Sumber Air Negara. Kita ada Majlis Sumber Air Negara. Maknanya masing-masing memahami tanggungjawab masing-masing. Sebab itu perlunya kerjasama yang kuat antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Terutamanya perkara ini dapat dibincangkan secara terperinci dan tanggungjawab itu ditunaikan ataupun diberi keutamaan di peringkat negeri dan juga di peringkat persekutuan seperti yang saya sebut tadi.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri penjelasan sikit. Saya ambil satu contoh dua sungai, Sungai Kelantan dan Sungai Golok. Di bawah tanggungan siapa itu? Ini sebab Sungai Kelantan sepenuhnya dalam negeri Kelantan, sungai Golok adalah sempadan di antara negeri Kelantan dengan Thailand. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Oleh sebab Sungai Kelantan, tadi Yang Berhormat Pasir Puteh sebut Sungai Kelantan itu adalah sungai dalam negeri sahaja - belakang bagi saya *signal*. Maknanya daripada segi *maintenance*, penyelenggaraan adalah di bawah kerajaan negeri. Yang kita salurkan peruntukan beberapa kali itu adalah bantuan daripada kerajaan negeri.

Oleh sebab itu, untuk makluman Yang Berhormat peringkat Majlis Sumber Air Negara ada cadangan di mana kerajaan masih mempertimbangkan dan *Insya-Allah* akan dilaksanakan iaitu Kerajaan Persekutuan boleh menyalurkan peruntukan yang sewajarnya bergantung pada keupayaan Kerajaan Persekutuan untuk membantu kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, tanggungjawab masih lagi terletak di bawah kerajaan negeri.

Bagi Sungai Golok ada sungai sempadan boleh dikatakan semuanya berkaitan dengan sempadan maka di bawah kerajaan negeri. Selepas itu kita ada projek pemberian tebing sungai yang terhakis dan sebagainya untuk menyelamatkan *alignment* sempadan ataupun jajaran sempadan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh sebab perkara ini dibangkit di peringkat Jawatankuasa maka akan saya pergi pada setiap perkara dibangkitkan mengikut Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen daripada kawasan-kawasan yang ambil bahagian tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri. Jadi bermakna kalau tanggungjawab kerajaan negeri dan juga tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Jadi saya hendak pendapat Yang Berhormat Menteri setujukah kalau saya katakan kalau itu adalah tafsirannya bahawa banjir yang berlaku di Selangor khususnya di Shah Alam ini. Ini ialah tanggungjawab kerajaan negeri yang saya tengok Yang Berhormat Kota Raja pun sekarang “*dok bantai*” Kerajaan *Federal* ini sebab apa. Jadi setuju atau tidak jadi senangkah hendak bagi terang orang Selangor ini. Kalau tidak asyik hendak salahkan Kerajaan Persekutuan sahaja. Banjir semua, Kerajaan Persekutuan. Ini sebab adakah di Shah Alam ini tengok bukan sebab punca sungai, longkangkah, parit. Jadi adakah memang tanggungjawab kerajaan negeri untuk mengatasi banjir di negeri Selangor khususnya di Shah Alam.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Seperti yang saya sebut tadi jawapannya betullah. Oleh sebab tanggungjawab itu terletak di bawah kerajaan negeri kecuali sekiranya melibatkan sungai yang merentasi beberapa buah negeri. Sekian, terima kasih. Banyak ini.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Terima kasih, Menteri. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya bukan “bantai” itu makna dia menyalahkan. JPS bertanggungjawab, kita ada JPS pusat, kita ada JPS negeri. Tadi Menteri menyebut bahawa antara tanggungjawab JPS ialah memberi nasihat teknikal.

Jadi persoalan saya, saya hendak tahu sama ada nasihat teknikal ini diberi atau tidak. Di mana kita hendak tahu. Kalau betul ia adalah nasihat teknikal sudah diberi tapi negeri tidak buat apa-apa biar kami “bantai” sendiri. Jadi kita tidak tahu, itu saya sebut tiap-tiap kali sebab JPS pegawainya daripada *Federal*. Jadi inilah yang saya musykilan. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Bertenang, bertenang Yang Berhormat Kota Raja, kita boleh selesaikan. Perkara boleh diselesaikan. Sebenarnya begini, JPS berpecah kepada

dua, maknanya JPS negeri, walaupun pegawai JPS negeri dipinjamkan daripada JPS Persekutuan, maknanya kerajaan negeri yang bayar gaji. Nasihat itu mestilah datangnya daripada JPS negeri kerana JPS negeri yang membayar gaji mereka. Kerajaan negeri sewajarnya mendapatkan nasihat daripada JPS negeri kerana JPS negeri dibayar gaji oleh kerajaan. Semua kerajaan negeri, termasuk Selangor.

Saya terus kepada perkara-perkara yang dibangkitkan, saya cuma mengambil masa yang singkat kerana banyak juga perkara-perkara berulang.

Pertama, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, saya memahami dan seerti dengan Yang Berhormat Parit Sulong. Sebagaimana yang sedia maklum, Parit Sulong adalah dalam kawasan, pertama Parit Sulong banyak parit. Terlalu banyak parit. Parit itu pun sebenarnya dibina untuk menurunkan paras air di muka bumi. Sekiranya tidak ada parit-parit di Parit Sulong, kerana Yang Berhormat Parit Sulong menyebut banyak kali parit, maka sudah tentu Parit Sulong sekarang tidak berpenghuni kerana digenangi dengan air. Itu adalah antara jasa JPS yang sangat besar di seluruh Malaysia. Jadi Yang Berhormat Parit Sulong jangan bimbang, semenjak ada dalam rancangan JPS cuma kita seberapa yang boleh kita cuba mengambil pendekatan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Untuk jangka masa panjang, kita sedia untuk menunggu peruntukan sama ada dalam rolling plan Rancangan Malaysia Ke-11 atau pun berikutnya sebab sebagaimana yang kita sedia maklum, peruntukan untuk kita melaksanakan projek tebatan banjir di seluruh negara ini terlalu besar. Jadi, ada keutamaan-keutamaan yang terpaksa kita dahulukan. Walau bagaimanapun seperti yang saya sebutkan tadi, untuk jangka masa pendek, sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan masalah yang tertentu seperti di Parit Sulong.

Tentang hakisan dan sebagainya, itu adalah di bawah program hakisan pantai untuk pesisiran pantai barat Johor, sama seperti Batu Pahat tadi, telah dilaksanakan kajian ISMP, *Integrated Shoreline Management Plan* iaitu pesisiran pantai adalah dalam kategori tiga tadi di Parit Sulong. Keutamaan tempatan hakisan pantai Rancangan Malaysia ke-10 dan 11 difokuskan kepada kawasan melibatkan bandar dan pelancongan seperti Tanjung Labuh tadi di atas sebab-sebab peruntukan yang terhad seperti yang saya sebutkan tadi.

■2050

Yang Berhormat Parit Sulong yang lain-lain saya akan jawab secara bertulis. Bagi Yang Berhormat Kota Raja, saya fikir saya sudah jawab sekali gus tadi. Sebenarnya berkaitan dengan kos pecah tanah dan sebagainya tadi adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Bagi Yang Berhormat Sik, saya mengucapkan terima kasih. Perlu dibuat siasatan. Saya sudah mengarahkan kakitangan JPS Pusat berhubung dengan JPS Negeri untuk membuat siasatan mengenai punca-punca banjir. Cuma, saya sempat dengar Yang Berhormat Sik menyebut tentang sistem amaran banjir. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Yang Berhormat Sik yang telah membangkitkannya, *Alhamdulillah* peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas telah pun diluluskan untuk membina sistem ramalan amaran banjir.

Kalau sekarang sistem amaran banjir ada dalam lindungan enam jam tetapi reka bentuk yang akan kita buat nanti adalah amaran dalam tempoh dua hari. Maknanya dua hari, kita sudah boleh mengeluarkan amaran bagi kawasan-kawasan yang berisiko tinggi di Malaysia terutamanya di Kelantan, Pahang dan Terengganu untuk orang ramai dapat menyelamatkan nyawa dan harta benda masing-masing. Ini satu projek yang besar yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan sekarang dalam proses pelantikan syarikat yang bertanggungjawab.

Bagi soalan Yang Berhormat Kuala Nerus, saya tidak berhajat untuk menjawabnya kerana telah pun dijawab secara panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri tentang perlombongan bauksit sama ada di Pahang dan juga lebih kurang sama seperti di Terengganu. Apa yang penting ialah pihak pusat ataupun pihak kami di kementerian perlu berunding dengan kerajaan negeri yang terlibat.

Yang Berhormat Jerantut, saya bersetuju dengan – Yang Berhormat Jerantut tidak ada? Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Jerantut tentang kita tidak boleh berkompromi tentang alam sekitar. Sebab itulah untuk makluman Yang Berhormat Jerantut, apabila Yang Berhormat Menteri masuk ke pejabatnya sebagai Menteri baru, perkara pertama yang ditandatanganinya adalah peraturan baru ataupun undang-undang baru iaitu bagi pembangunan melebihi 20 hektar, bagi pembangunan ataupun apa-apa projek alam sekitar melebihi 20 hektar mesti ada *Environmental Impact Assessment* (EIA).

Bagi penambakan laut tidak kira lima ekar ataupun satu ekar atau sejemput mesti ada EIA. Ini undang-undang baru berbanding dengan dahulu. Berbanding undang-undang baru, peraturan baru yang telah pun dikuatkuasakan.

Tuan Pengerasi, Yang Berhormat Jerantut ini berminat sangat dengan kerang gergasi. Oleh sebab perkara ini Yang Berhormat Jerantut sangat minat, jadi saya hendak menyebutkan di sini iaitu Jabatan Taman Laut telah menjalankan aktiviti *survey* dan *translokasi* kima. Kima ini adalah sebutan lain kepada kerang gergasi ataupun *giant clam*, di perairan Taman Laut Pulau Tinggi dan taman yang berhampiran, saya sebut begitu.

Maknanya ada usaha dari taman laut untuk menyelamatkan *giant clam* tersebut supaya tidak pupus. Ini jawapan ringkas. Jawapan terperinci, saya akan jawab secara bertulis. Soalan yang lain pun saya akan beri jawapan bertulis.

Yang Berhormat Kapar tidak ada, jawapan bertulis. Yang Berhormat Lenggong, jawapan bertulis.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya telah – dia menyebut sahaja ke Lenggong, saya telah sampai ke Lenggong semasa saya di MITI dahulu kerana *sympathy* dengan Yang Berhormat Lenggong.

Yang Berhormat Sibu, perlu dibuat kajian. Kita perlu membuat siasatan punca sebenar banjir berlaku seperti yang saya sebutkan tadi.

Kemudian Yang Berhormat Lipis, terima kasih kerana perhatian tentang pengurusan alam sekitar. Maknanya kita tidak boleh berkompromi, saya sudah sebut tadi undang-undang baru lebih 20 hektar dan memerlukan EIA. Mengenai pembalakan haram, sepatutnya memang tidak berlaku dan ia di bawah kuasa kerajaan negeri. JPSM memang tidak mempunyai apa-apa kuasa, saya cakap terus terang tidak ada.

Cuma yang kita ada adalah Majlis Sumber Air Negara yang disekalikan dengan Majlis Perhutanan Negeri. Kita berharap majlis ini akan betul-betul berkesan kerana walaupun saya rasa dalam setahun lebih kurang empat kali bermesyuarat tetapi banyak juga perkara-perkara yang dapat diputuskan. Selama ini kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat sentiasa bekerjasama daripada segi kefahaman tentang pengurusan alam sekitar dan juga pengurusan hutan untuk mengelakkan daripada berlakunya pembalakan haram.

Yang Berhormat Sungai Siput, terlalu panjang Yang Berhormat Sungai Siput. Saya sebut beginilah ya, satu perkara yang saya hendak sebut di sini ialah sebenarnya Malaysia amat prihatin dengan kualiti udara terutamanya yang berkaitan dengan pemanasan global.

Kalau Yang Berhormat ingin tahu tentang pencapaian kita, sebenarnya kita telah pun mencapai tahap pengurangan pelepasan CO₂ kalau tidak silap saya 33% ataupun 30% ke atas komitmen 40% menjelang tahun 2020 seperti yang ada dalam laporan akhbar.

Saya rasa Yang Berhormat Sungai Siput sedia maklum. Soalan-soalan lain, saya mengambil perhatian dan kita mengambil maklum tentang cadangan dan juga teguran seperti yang disebutkan tadi.

Satu perkara yang saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Bagan Serai, yang lain-lain mungkin...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Bagan Serai tidak ada? Soalan lain saya akan jawab secara bertulis kerana ada yang berulang-ulang tetapi mungkin Yang Berhormat Bagan Serai suka untuk mendengar jawapan tentang spesies yang telah pun hilang ataupun terancam di dalam hutan kita.

FRIM sebagai institusi penyelidikan perhutanan pertama negara telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan jabatan hutan negeri dalam penubuhan kawasan-kawasan *High Conservation Value Forest* (HCVF). Antaranya adalah Hutan Simpan Kanching, Selangor, Hutan Simpan Jerangau, Terengganu dan Hutan Simpan Setul, Negeri Sembilan. Senarai ada pada saya, saya akan jawab secara bertulis.

Saya juga hendak sebut di sini berkenaan projek *Central Forest Spine* (CFS) di mana kita hendak menghubungkan hutan-hutan yg telah pun fundamental ataupun berpecah-pecah di antara satu sama lain, hendak mewujudkan sebuah koridor hutan yang bersambungan di semua negeri.

Ini adalah usaha untuk menyelamatkan bukan sahaja flora dan fauna kerana ini berkaitan antara satu sama lain termasuklah haiwan liar seperti yang disebutkan tadi. Gajah perlu diselamatkan. Selepas itu Yang Berhormat Sungai Siput menegur tentang pembalakan,

pembangunan, sebab itu kita kena pulihkan semula hutan-hutan ini supaya bersambungan ataupun menjadi sebuah koridor yang lengkap dan ini dapat menyelamatkan spesies, sama ada spesies haiwan, flora ataupun fauna ataupun di tengah-tengah yang bukan dalam kategori fauna ataupun flora, apa-apa pun yang kita sebut sebagai biodiversiti.

■2100

Ini semuanya ada kaitan antara satu sama lain. Ini saya jawab secara umum ya. Saya akan jawab secara terperinci dengan bertulis.

Beberapa ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Relaks sedikit. Yang Berhormat Sibuti, saya akan jawab secara bertulis, tetapi Yang Berhormat Sibuti perlu - saya sudah sampai Sibuti, minta maaf, saya sudah sampai Sibuti, saya faham suasana di sana. Akan tetapi saya lihat kebanyakan masalah di sana adalah masalah tempatan.

Walau bagaimanapun, ada satu kajian pesisiran pantai Sarawak yang akan dilaksanakan secara menyeluruh dalam kajian yang tadi sama, *Integrated Shoreline Management Plan (ISMP)*, dan ini adalah untuk menyelamatkan pantai termasuk kuala seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Sibuti. Selainnya saya akan jawab secara bertulis.

Bagi Yang Berhormat Gerik sama tadi saya sudah jawab secara umum tadi.

Kemudian, Yang Berhormat Tanjung saya jawab secara bertulis. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung, kita dalam proses transformasi hak milik strata yang baru termasuk berbeza ciri-ciri bangunan, ada bangunan bertingkat, ada bangunan tidak bertingkat. Ada bangunan dalam satu lot tanah yang sama, dan sebagainya. Rang Undang-undang yang baru akan dibentangkan tidak lama lagi, sekarang dalam proses semakan.

Yang Berhormat Pasir Puteh, saya sudah jawab secara umum tadi, saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Setiu pun sama, jawab secara bertulis.

Saya fikir yang lain-lain termasuk Yang Berhormat Batu Pahat, saya sudah jawab dan saya fikir saya sudah cover semua sekali secara umumnya, dan secara terperinci saya akan jawab secara bertulis. Jadi, sekian terima kasih Tuan Pengerusi. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,008,078,000 untuk Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,008,078,000 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,662,834,200 untuk maksud P.23 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,662,834,200 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Majlis bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 23 November 2015.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 9.03 malam]